

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 32

Rabu

30 Oktober 2013

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 26)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2014	(Halaman 27)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Usul Anggaran Pembangunan 2014	(Halaman 27)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 30 Oktober 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa banyak syarikat yang memohon penangguhan pelaksanaan gaji minimum. Apakah kekangan yang dihadapi mereka dan sehingga bila pihak kerajaan perlu menangguhkan perkara tersebut.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit. Terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit bersekali dengan Yang Berhormat Batu bertarikh 25 November 2013 yang bertanyakan isu berkaitan gaji minimum.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berkenaan status semasa pelaksanaan gaji minimum daripada 5,160 majikan yang telah memohon penangguhan, sebanyak 1,044 majikan telah mendapat penundaan pelaksanaan gaji minimum sehingga 31 Disember 2013. Kerajaan menetapkan tiada lagi penundaan lagi diberikan kepada majikan selepas tarikh tersebut. Perlu diambil maklum bahawa penundaan yang diberikan oleh kerajaan adalah berbentuk interim atau *one-off* sahaja.

Perkara ini bertujuan untuk memberi sedikit ruang atau *breathing space* kepada beberapa majikan individu atau majikan PKS terutama yang berintensifkan buruh atau *labor intensive* untuk meneliti semula modal perniagaan dan struktur upah di syarikat masing-masing. Harus diperhatikan di sini bahawa keputusan untuk memberi penundaan adalah dibuat oleh suatu jawatankuasa *tripartite* dan pandangan wakil majikan dan pekerja diambil kira. Oleh itu kerajaan telah menetapkan mulai 1 Januari 2014, penguatkuasaan gaji minimum akan dijalankan sepenuhnya terhadap majikan.

Berkenaan dengan kekangan majikan sehingga perlu diberikan penundaan dan parameter penilaian bagi menimbangkan permohonan penundaan adalah seperti berikut:

- (i) kedudukan kewangan syarikat sama ada mengalami kerugian atau peratusan keuntungan yang kecil atau dijangka terpaksa menutup perniagaan;
- (ii) majikan menjangkakan terpaksa memberhentikan pekerja khususnya pekerja tempatan yang ramai dengan memberi data kedudukan bilangan pekerja secara terperinci;
- (iii) kos pengeluaran akan menjadi terlalu tinggi khususnya firma yang mempunyai kontrak perniagaan; dan
- (iv) alasan-alasan lain *peculiar cases* yang wajar seperti malapetaka, bencana alam, baru beroperasi, terikat dengan kontrak dan lain-lain.

Mengenai peratusan majikan yang telah melaksanakan gaji minimum, untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara amnya kebanyakan majikan telah melaksanakan gaji minimum. Akan tetapi, adalah terlalu awal untuk mengetahui peratusan majikan yang telah melaksanakan gaji minimum. Ini adalah kerana kajian terhadap impak pelaksanaan gaji minimum belum lagi selesai. Ini juga perlu mengambil kira sebilangan majikan yang telah mendapat penangguhan pelaksanaan gaji minimum sehingga hujung tahun ini, tahun 2013.

Justeru kementerian berpandangan jika kajian dijalankan pada tahun hadapan, kita berupaya mendapat maklumat peratusan majikan yang telah melaksanakan gaji minimum termasuk pelaksanaannya mengikut negeri. Sekian terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan saya sebentar tadi. Jadi daripada jawapan Yang Berhormat Menteri itu kita melihat bahawa ada yang dilaksanakan dan ada yang diminta tangguh. Cuma soalan tambahan saya ialah setelah dasar gaji minimum ini dilaksanakan, apakah kesannya terhadap pelaburan asing FDI ke Malaysia? Adakah dengan pelaksanaan gaji minimum ini akan menyebabkan pelabur asing merasa tidak tertarik untuk melabur di Malaysia kerana akan meningkatkan kos pengeluaran syarikat mereka.

Yang kedua, bagaimana syarikat yang pekerjanya dua tiga orang? Apakah syarikat ini juga perlu melaksanakan skim gaji minimum ini? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Untuk menjawab soalan yang pertama mengenai FDI, jawapan kita ialah terlalu awal untuk kita menjawab.

■1010

Ini kerana seperti mana dalam jawapan saya sebentar tadi, oleh kerana ia baru sahaja dilaksanakan, maka terlalu awal untuk kita menjawab iaitu berkaitan dengan soalan yang ada sangka paut dengan FDI. Mengenai majikan yang mempunyai pekerja yang bilangannya kecil itu, perlu diingatkan di sini bahawa dalam kita menjalankan pelaksanaan gaji minimum ini, di bawah perintah gaji minimum ini, kita dibahagikan kepada dua bahagian iaitu satu yang dipanggil sebagai makro, yang mempunyai enam pekerja ke atas. Satu lagi yang dipanggil sebagai mikro yang mempunyai enam pekerja yang ke bawah. Dalam perkara ini, untuk majikan yang mempunyai

pekerja yang lima orang ke bawah itu, pelaksanaan gaji minimum adalah sebenarnya pada 1 Julai tahun ini. Untuk majikan makro iaitu yang mempunyai para pekerja yang lebih dari enam orang, pelaksanaannya adalah 1 Julai tahun ini.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah saya jawab sebentar tadi, maka ramai majikan telah memohon untuk penundaan. Oleh yang demikian, majikan-majikan yang telah membuat agar pelaksanaannya ditunda, telah kita kaji dan kajian itu sebenarnya dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan menerima alasan-alasan supaya gaji minimum ditangguhkan, majikan-majikan memberi beberapa alasan yang tertentu dan semestinya Menteri atau jabatan akan meneliti semua alasan tersebut. Akan tetapi saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa selepas satu keputusan dibuat untuk menangguhkan, mengimplementasikan gaji minimum, alasan-alasan tersebut tidak disampaikan kepada Kesatuan Sekerja atau kepada pekerja-pekerja. Satu, adalah syarikat yang terlibat secara spesifik adalah **Syarikat Chiva Corporation Berhad**, di mana gaji minimum yang diarahkan oleh mahkamah- satu keputusan telah dibuat oleh mahkamah untuk memberikan gaji minimum lebih dari RM900. Oleh kerana pengecualian telah diberi oleh kerajaan, maka mengimplementasikan gaji minimum itu tidak dilangsungkan.

Sehingga hari ini, Kesatuan Sekerja atau pekerja-pekerja di syarikat tersebut bukan ini sahaja, ada banyak lagi syarikat di mana tidak dimaklumkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bolehkah faktor ini diberitahu kenapa ia tidak dimaklumkan, walhal mereka adalah *stakeholders* dalam perkara ini? Berkaitan dengan hal ini adalah kita semua satu di antara minimum fakta adalah untuk meningkatkan produktiviti pekerja supaya ia akan seimbang dengan gaji minimum. Jadi apakah sasaran yang dibuat oleh kementerian supaya apabila gaji minimum dikenakan, maka produktiviti pun dapat dinaikkan dan akhir sekali kita punya pekerja akan mendapat manfaat-manfaat yang tertentu? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, pada saya apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi merupakan bukan soalan tetapi merupakan ucapan. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan mengapa penundaan itu dan mengikut beliau tadi, sebab-sebab mengapa penundaan telah diberikan? Sebelum saya menjawab, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kita mempunyai untuk melaksanakan gaji minimum ini, kerajaan membentuk di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 iaitu [Akta 732]. Kita mempunyai apa yang kita panggil sebagai *National Wage Conservative Council* atau Majlis Perundingan Gaji Negara.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sebelum melaksanakan atau menetapkan tarikh bila sepatutnya pelaksanaan gaji minimum ini dilaksanakan, satu untuk majikan yang berbentuk mikro dan satu untuk majikan yang berbentuk makro ialah sebenarnya tujuh mesyuarat. Tujuh

mesyuarat. Bukan hanya satu mesyuarat. Jadi tujuh mesyuarat telah diadakan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara.

Selain daripada itu, kementerian kita juga telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak-pihak tertentu termasuk Kesatuan Sekerja yang mana pihak pegawai kita sendiri iaitu pegawai Kementerian Sumber Manusia berbincang dengan pihak pekerja, pihak Kesatuan Sekerja untuk mendapat *buy in* terhadap gaji minimum dan kadar pelaksanaannya secara yang terperinci.

Maka, selain daripada keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara, kementerian pegawai-pegawai kita di peringkat kementerian juga melibatkan diri secara langsung dengan memanggil pekerja-pekerja dan juga Kesatuan Sekerja untuk membincangkan perkara ini. Dengan harapan agar perintah gaji minimum ini yang berkuat kuasa seperti mana yang saya telah sebutkan awal-awal lagi pada 1 Januari 2014.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, alasan tidak diberi kepada Kesatuan Sekerja.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Saya tahu. Mengenai alasan, saya belum sampai ke situ. Keputusan penundaan atau seperti mana yang diberi. *Now I am looking at him*. Sepatutnya kita menjawab memandang kepada Tuan Yang di-Pertua. Mengenai alasan, penundaan diwartakan iaitu keputusan dibuat dengan wakil kerajaan dengan jawatankuasa *tripartite* dan kita tidak perlu memberi alasan. Waktu kita menjawab memberi keputusan kita kepada pihak majikan, kita tidak perlu memberi alasan. Itu adalah keputusan *National Wage Conservative Council* di bawah akta yang ada. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Satu lagi Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Satu lagi yang mana?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Produktiviti.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Kalau produktiviti saya tidak berhajat untuk menjawab di sini sebab produktiviti adalah satu soalan yang lain.

2. Tuang Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan pekerja asing yang berada di negara ini, pecahan bilangan pekerja dengan izin dan tanpa izin pelbagai negara sehingga 30.9.2013 serta bilangan pemutihan dan apakah langkah untuk mengurangkan penggantungan negara kepada pekerja asing.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Bukit Bintang yang bertanyakan soalan yang agak penting bagi kegunaan untuk seluruh rakyat Malaysia.

Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Pas Lawatan Kerja Sementara atau PLKS yang masih sah dan aktif sehingga tarikh yang ditanya oleh Yang Berhormat adalah seramai 2.116 juta orang. Jumlah ini termasuk PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah program 6P yang lalu.

Mengikut pecahan saya ingin sebutkan secara ringkas bahawa:

Sektor pekerjaan	Jumlah (orang)
Perkilangan	733,000
Pembinaan	425,000
Perladangan	347,000
Perkhidmatan	251,000
Pembantu rumah	180,000
Pertanian	179,000

Dari segi negeri yang tertinggi. Terdapat lima buah negeri yang tertinggi yang membekalkan pekerja antaranya ialah:

Negara	Jumlah (orang)
Indonesia	935,000
Nepal	359,000
Bangladesh	319,000
Myanmar	174,000
India	117,000

■1020

Untuk statistik pendatang Tanpa Izin. Kementerian tidak mempunyai rekod yang rasmi tetapi kita boleh menjangkakan jumlah keseluruhannya kerana mengikut Program 6P yang dilakukan sebelum ini terdapat 1.3 juta PATI yang telah didaftarkan dan daripada jumlah berkenaan seramai 503,000 telah pun diputihkan.

Apabila tempoh 6P itu tamat, kementerian Dalam Negeri dengan penyelarasan bersama kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Sumber Manusia dan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai PATI yang telah mengadakan beberapa keputusan yang telah melancarkan operasi baru iaitu Ops Bersepadu yang telah dimulakan pada 1 September yang lalu. Jelas daripada apa yang telah dilakukan, beberapa tindakan telah dilakukan termasuk kita tidak lagi mengizinkan agensi-agensi pengambilan pekerja asing bermaharajalela.

Kita meminta mana-mana majikan yang tertipu supaya mengemukakan permohonan terus kepada Jabatan Imigresen dan mengemukakan bukti penipuan yang dilakukan termasuklah kononnya mereka telah membayar levi dan membayar lain-lain caj perkhidmatan kepada agensi pengambilan pekerja asing berkenaan untuk kita ambil tindakan. Dengan langkah itu kita harap kebergantungan kita terhadap pekerja asing dapat dikurangkan.

Saya harap Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini untuk rakyat Malaysia keseluruhannya, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tetapi saya yakin ramai di kalangan rakyat Malaysia di luar sana yang menonton siaran langsung ini. Saya ingin memberitahu ubahlah sikap. Sikap kebergantungan kepada pekerja asing. Yang kedua, kita minta tenaga kerja di Malaysia ubah sikap supaya mengambil peluang pekerja yang sedia ada. Bayangkanlah kita tidak mahu menjadi sebuah negara yang penduduknya cuma 900,000 ribu tetapi mempunyai pekerja asing seramai 3.5 juta orang.

Ertinya kebergantungan kepada pekerja asing ini telah menyebabkan ekonomi ini adalah ekonomi yang *bubble*. Dalam keadaan itu, beberapa langkah yang lain yang kita ambil antaranya kita mengadakan *job clearing system* bersama-sama dengan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian sumber Manusia. Dengan semua kementerian-kementerian berkaitan yang memberikan pengesahan untuk pengambilan pekerja-pekerja asing terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan sektor perkilangan agar tenaga kerja tempatan dapat diberikan keutamaan. Manakala agensi kawal selia mengikut sektor masing-masing juga dirundingkan agar syarat tertentu pengambilan pekerja asing ini dapat dipatuhi sepenuhnya.

Kita juga menetapkan had umur pekerja asing hendaklah sekitar hanya daripada 18 hingga 45 tahun sahaja umur mereka. Kita juga tentunya bekerjasama dengan pihak MITI dan lain-lain juga melakukan kerja-kerja secara automasi bagi mengelakkan tenaga kerja asing dielakkan. Di samping itu saya harap semua pihak mengambil langkah positif untuk tidak mengangap *blue-collar job*, dengan izin sebagai pekerjaan yang tidak memberikan pulangan yang baik. Sebaliknya semua peluang pekerjaan sama ada berkolar putih atau berkolar biru harus dianggap sebagai kerja yang *halalan toyyiban* supaya kita dapat memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita ini.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lambakan pekerja asing sudah menjadi satu ancaman dan beban bagi negara dari segi keselamatan, jenayah, sosial, kebersihan, ekonomi dan sebagainya tetapi kerajaan gagal bertindak mengatasinya. Rakyat bimbang ia menjadi barah yang sukar dibendung bila dasar kerajaan tidak konsisten untuk menyekat kemasukan baru pekerja asing seperti dari Bangladesh mahupun Kemboja. Satu pihak kata sekat dan satu pihak kata dibenarkan masuk. Soalan saya, apakah agenda sebenarnya kerajaan terhadap pekerja asing atau mengubah dasar dan syarat menjadi lebih tegas? Sejauh mana amalan rasuah dikesan berlaku dalam isu pekerja asing ini? Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, saya ingin menyebutkan bahawa kadar jenayah yang dilakukan oleh pekerja asing hanya sekitar antara 10% hingga 15% sahaja, ertinya jangan salahkan 100% kepada pekerja asing. Pelaku-pelaku jenayah adalah rakyat tempatan. Yang Berhormat harus bekerjasama dengan saya untuk pembanterasan itu. Begitu juga agenda yang lebih tegas, saya fikir bagi menyelesaikan masalah ini bukan agenda pihak kerajaan sahaja. Bila ada permintaan tentu ada penawaran.

Di dalam keadaan ini saya fikir apa yang harus kita lakukan, kita mesti mempunyai satu pelan jangka panjang yang perlu dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini dengan semua agensi-agensi dan pihak swasta supaya mereka juga mengakui hakikat bahawa keutamaan hendaklah diberikan kepada rakyat tempatan. Soal rasuah yang berlaku di dalam soal pengambilan pekerja asing ini, kalau Yang Berhormat mempunyai maklumat beritahu saya. Saya tidak akan pernah berkompromi dengan rasuah-rasuah, sama ada dilakukan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Dalam Negeri atau oleh Jabatan Imigresen, jika ada atau mana-mana

agensi serta individu yang mengaku mewakili KDN. Sila beri maklumat. Bukan sahaja kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang sahaja, kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, saya tidak akan kompromi. Tindakan akan saya lakukan dengan kadar segera, terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua, lama sudah tunggu hendak tanya soalan tambahan pada bos lama. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tarik perhatian Ahli-ahli Dewan, ada satu manifesto yang diwujudkan oleh Pakatan Rakyat jika mereka memerintah. Nasib baik mereka tidak memerintah iaitu manifesto Pakatan Rakyat berbunyi mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan baru oleh rakyat Malaysia dengan cara mengurangkan 1 juta pekerja asing dalam sektor yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Jadi, dalam kata mudah buang semua pekerja asing 1 juta bawa pekerja baru rakyat Malaysia ganti di sektor perladangan, pembinaan dan sektor perkhidmatan. Adakah cadangan Pakatan Rakyat yang amat cerdik ini boleh dilaksanakan kerana Mersing lama juga duduk dalam Jawatankuasa Pekerja Asing yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak? [*Dewan riuh*] Oleh sebab itu tidak bagi peluang.

Kedua, antara *halalan toyyiban* ini, yang halal dengan yang jadi tanpa izin ini amat mudah. Mereka tukar sektor sahaja ia sudah jadi haram. Saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri mengenai teknikal sedikit fasal levi kerana pungutan levi kepada pekerja asing agak banyak.

■1030

Bila mereka sudah menjadi tidak tanpa izin, adakah mereka ini berhak mengeluarkan levi dan apakah proses untuk mengeluarkan levi ini mengambil kira setelah mereka betul-betul keluar daripada negara kerana ini adalah melibatkan pengaliran dana negara? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan ucapan kalau bukan soalan daripada Yang Berhormat Mersing, mantan Timbalan Menteri Pertahanan ketika saya menjadi Menteri Pertahanan. Jadi *insya-Allah* akan naik semula sebagai Menteri. [*Dewan riuh*]

Mengenai manifesto Pakatan Rakyat untuk mengurangkan pekerja asing, saya ingin menyebutkan bahawa manifesto itu baik. Akan tetapi seolah-olah seperti mengecat langit dan tidak berpijak di bumi yang nyata kerana tidak dapat dilaksanakan. [*Tepuk*] Hanya kira-kira 15% sahaja manifesto yang telah dilontarkan dalam Pilihan Raya 2008 telah dapat dilaksanakan sehingga Pilihan Raya 2013. Ertinya dengan izin, *manifesto rubbish*. [*Tepuk*] Jadi dalam perkara ini saya fikir janganlah buat janji baru dan saya fikir...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Manifesto konkrit itu.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Apa yang penting Yang Berhormat Ipoh Barat, kita hendaklah melakukan manifesto berdasarkan kepada realiti. Kita harap apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan akan memuaskan hati semua pihak dan saya rasional dalam perkara ini sama

ada bagi memenuhi kehendak pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang. Apa yang penting ialah rakyat keseluruhannya supaya mendapat faedah.

Soalan yang kedua mengenai penukaran sektor. Ramai di kalangan pekerja asing ini menukar sektor. Saya ambil contoh, daripada sektor perladangan tukar kepada sektor perkhidmatan kerana sektor perkhidmatan menjanjikan gaji yang lebih. Apa yang sedang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan juga Kementerian Sumber Manusia ialah memberikan kad biometrik. Kad pengenalan yang bercirikan biometrik dan juga ada *bar code* yang menandakan perbezaan warna kad berkenaan. Ambil contoh umpamanya dalam sektor perladangan, hijau umpamanya. Sektor perkhidmatan, biru muda umpamanya. Sektor perhotelan, merah umpamanya tetapi sektor lain warna biru.

Dalam keadaan itu, levi yang dikenakan adalah berdasarkan kepada sektor-sektor berkenaan. Namun, jika mereka bertukar sektor contoh MoU yang telah ditandatangani dengan kerajaan Bangladesh jika pekerja mereka bertukar sektor, dendanya ialah sebanyak USD10,000. Ini adalah bagi menentukan bahawa hanya sektor-sektor tertentu sahaja yang dipenuhi. Kita mahu supaya siling-siling tertentu dapat dipatuhi oleh majikan-majikan dan saya harap negara-negara sumber dapat mematuhi garis-garis panduan yang telah ditentukan.

Itulah sebabnya kita tidak mahu melayani semula peranan yang dimainkan oleh agensi pengambilan pekerja asing, sebaliknya pihak majikan diizinkan terus memohon, tidak melalui orang ketiga. Ini kerana orang ketiga ini lazimnya mengaut keuntungan lebih banyak. Kita tidak mahu seolah-olah ada perniagaan hamba abdi berlaku di negara kita.

3. Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan faktor-faktor penyebab Forum Ekonomi Dunia (WEF) menyenaraikan Malaysia sebagai negara ke-24 paling berdaya saing daripada 148 negara dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) 2012-2014.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Pertama, saya ucapkan tahniah kerana ini soalan yang agak terkini dan berkaitan dengan kejayaan kita semalam dalam laporan dengan izin, *doing business in Malaysia*, kita tahap yang ke-6.

Akan tetapi kalau kita merujuk kepada Daya Saing Global ataupun GCR 2013-2014, kita telah menempatkan Malaysia di kedudukan yang ke-24 daripada 148 negara berbanding sebelumnya 25. Malaysia masih kekal berada di kalangan 20% negara teratas mengatasi Republik Korea ke-25, Brunei Darussalam ke-26, Israel ke-27, Ireland ke-28 dan negara China ke-29.

Jadi antara faktor-faktor yang pengaruhi Forum Ekonomi Dunia yang menyenaraikan Malaysia sebagai negara ke-24 paling berdaya saing daripada 148 negara dalam Laporan Daya Saing Global tersebut adalah kerana Malaysia berjaya memperbaiki ataupun mengekalkan prestasi

dalam faktor-faktor teras seperti pasaran kewangan yang maju dan kukuh pada kedudukan ke-6, beban peraturan kerajaan iaitu pada kedudukan ke-8, pasaran barangan dan perkhidmatan yang cekap dan berdaya saing pada kedudukan ke-10. Malaysia turut berada di kedudukan ke-15 bagi kualiti infrastruktur pengangkutan mencatatkan satu pencapaian yang membanggakan bagi negara-negara di rantau ini di mana kekurangan infrastruktur dan kesan perhubungan yang lemah merupakan halangan yang besar dalam proses pembangunan di kebanyakan negara.

WEF ataupun Badan Forum Ekonomi Dunia turut memberi penilaian yang membanggakan kepada Malaysia iaitu kedudukan yang ke-29 bagi kerangka institusi yang mesra perniagaan dan kedudukan yang ke-33 bagi indeks etika dan rasuah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, WEF menyenaraikan faktor-faktor berikut sebagai amalan terbaik di Malaysia:

- (i) kadar inflasi Malaysia sebanyak 1.7% telah menempatkan Malaysia ke kedudukan pertama berkongsi dengan 43 ekonomi yang mencatatkan kadar inflasi yang rendah antara 0.5% hingga 2.9%;
- (ii) indeks hak perundangan yang baik dalam memberikan perlindungan terhadap peminjam dan pemberi pinjaman; dan
- (iii) kekuatan perlindungan ke atas pelabur dan perolehan kerajaan bagi barangan berteknologi baru dan seterusnya persepsi mengenai kedudukan mendapat pinjaman, persepsi mengenai kebolehdapatan pinjaman modal teroka, persepsi mengenai bebanan peraturan kerajaan, persepsi mengenai pembiayaan melalui pasaran tempatan dan persepsi berkenaan kesan cukai terhadap intensif untuk pekerja.

Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada ranking daya saing kita pada tahap negara yang ke-24 daripada 148, dari segi modal insan Malaysia diletakkan di nombor 5 di Asia Pasifik selepas Singapura, New Zealand, Jepun, Australia dan nombor ke-22 daripada 122 negara dalam modal insan, yang terbaru dua-tiga hari lepas ialah kita diletakkan ke tahap nombor 6 daripada 189 negara bagi negara yang mudah melakukan perniagaan. Ini berlaku pada 2009 semasa Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak memegang jawatan kita nombor 23, tahun lepas nombor 12, tahun ini nombor 6.

Saya rasa ini hanya berjaya dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah mentadbir urus negara dengan rapi, tertib dan tersusun dan terancang sejak 55 tahun yang lalu. *[Tepuk]* Soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sekarang dan yang akan datang bagi memastikan bahawa taraf pentakrifan ini terus kekal atau lebih baik dan sekali gus dapat menyangkal dakwaan sesetengah pihak dengan niat jahat menyatakan bahawa tadbir urus ekonomi negara ini pincang dan ekonomi negara berada di dalam keadaan yang membimbangkan. Minta pencerahan. Terima kasih.

■1040

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak sebut tentang kejayaan kita pada ranking keenam, dengan izin, *Doing Business 2004* laporan daripada *World Bank*, dan *International Financial Corporation* daripada tahun yang telah pun dibuat daripada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, ia ada tiga rujukan. Tadi disebut *Doing Business 2014*. Sebelum tadi saya jawab tentang *Global Competitiveness Report (GCR)* oleh *World Economic Forum* dan satu lagi ialah *World Competitiveness Year Book* oleh *Institute For Management Development* bermula daripada tahun 1999. Ketiga-tiga ini ia merujuk kepada *environment* ekonomi dalam negara Malaysia yang telah pun dinaiktarafkan oleh Kerajaan Malaysia seperti saya sebutkan tadi.

Jadi, kalau merujuk soalan tersebut tadi, sudah tentu kerajaan bermula daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang tampuk pemerintahan, kerajaan menubuhkan pasukan petugas khas pemudah perniagaan ataupun PEMUDAH. Ini adalah usaha untuk merapatkan kerjasama antara dua sektor, awam dan juga sektor swasta yang menyumbang kepada aspirasi Malaysia untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi dalam tempoh yang lebih singkat. Kalau kita semak dengan penubuhan PEMUDAH tersebut yang bermula daripada 2007, Laporan Bank Dunia – *Doing Business* tadi meningkat daripada kedudukan ke-25 pada tahun 2007, kemudian 2012 ke-18, 2013 ke-12 dan laporan semalam adalah ke-6.

Makna langkah-langkah yang penting ialah untuk memastikan bahawa PEMUDAH itu yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri benar-benar berfungsi menjadi satu realiti yang membanggakan pada masa akan datang. Ini adalah langkah-langkah umum yang boleh saya sampaikan di sini. Maknanya, PEMUDAH itu menjadi kunci kepada kejayaan kedudukan kita dalam *overall ranking of doing business*, dengan izin dalam negara Malaysia. Itu langkah-langkah umum yang boleh saya sebutkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan-jawapan yang mengandungi fakta-fakta daripada soalan sahabat saya Yang Berhormat Setiawangsa. Saya tidak berhajat untuk mempolitikkan isu ini walaupun bajet yang dibentangkan dengan cukai-cukai tambahan dan potongan subsidi juga memberi makna-makna yang jelas kepada pakar-pakar ekonomi yang mengikutinya termasuklah bekas CEO Maybank kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, fakta yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa ialah daripada *World Economic Forum (WEF)* dengan izin. Kita ada juga sebagai mana yang Malaysia amat terlibat *World Islamic Economic Forum (WIEF)* yang hari ini sedang mengadakan perhimpunan agaknya tahunan mereka di Kota London, *United Kingdom* yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Saya hendak bertanya kaitan dengan WIEF ini. Adakah Malaysia berhajat untuk menjadi tuan rumah tetap kepada WIEF? Sebagaimana WEF ini, ia ada tuan rumah tetapnya di Davos. Ia mungkin ada persidangan serantaunya di Hong Kong, Singapura

malah di Malaysia, tetapi tiap-tiap tahun di musim sejuk, salji banyak, sidang di Davos akan berlangsung.

Adakah Malaysia bercadang untuk meningkatkan lagi ranking kita ini menjadi tuan rumah tetap kepada WIEF, sidang tahunannya tetap di Kuala Lumpur ataupun ikut kaedah *World Bank* dan IMF yang mana tiap-tiap kali- sekali di Washington DC, sekali di luar *Washington DC*. Akan tetapi, balik pula tahun depannya ke Washington DC. Ya, itulah pilihan untuk Malaysia untuk menjadi tuan rumah kepada WIEF dan menjadi tuan rumah sidang tahunan WIEF. Adakah ini dalam perancangan kebijaksanaan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat, rakan saya lama dalam PAC. Saya mungkin tidak mampu hendak jawab soalan ini sebab saya bukan pada kedudukan untuk memberikan jawapan bagi pihak kerajaan secara menyeluruh. Sudah tentulah jawapan daripada kepimpinan tertinggi kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Akan tetapi, pada saya ialah apa-apa yang memberi manfaat yang baik, lebih-lebih lagi membuka mata dunia tentang kesiapsiagaan Malaysia dalam mendepani suasana ekonomi negara dan dunia ini, sudah tentulah negara bersedia ke arah itu. Ini pada pendirian saya. Akan tetapi, apa pun kita tunggulah mungkin jawapan yang lebih tepat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

4. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, bilangan aduan yang diterima oleh MCMC sejak 1 Januari 2013. Nyatakan bilangan aduan dan jenis aduan yang telah diambil tindakan oleh MCMC.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Assalamualaikum* dan selamat datang juga saya ucapkan kepada para pelajar sekolah menengah ke Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Seputeh yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Klang pada tarikh 18, 25 dan 26 November kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan media sosial dan penyalahgunaan *internet*.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Jalilani bin Johari: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, bagi tempoh 1 Januari 2013 sehingga 30 September 2013, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah menerima sejumlah 8,101 aduan di mana 63% daripadanya adalah mengenai prestasi perkhidmatan pemberi perkhidmatan seperti ketidakpuasan hati pengguna dengan perkhidmatan yang kurang memuaskan, sambungan jalur lebar yang perlahan dan liputan perkhidmatan 3G yang masih belum meluas. Selebihnya iaitu 37% daripada jumlah aduan adalah berkaitan mengenai kandungan melalui media baru, SMS, TV dan radio. Ini

termasuk juga struktur telekomunikasi dan radiasi, jenayah siber seperti *phishing* dan lain-lain serta terdapat juga aduan yang di lapor adalah di luar bidang kuasa SKMM. Aduan tersebut sama ada diambil tindakan di bawah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau akan dirujuk terus ke agensi berkaitan seperti PDRM, JAKIM dan sebagainya untuk tindakan selanjutnya.

Sepanjang tempoh 2008 hingga 2013, pihak SKMM telah menyekat 6,640 laman web yang melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia serta undang-undang bertulis negara yang lain yang melibatkan kesalahan seperti laman web bank palsu, pelanggaran hak cipta, kandungan lucah dan lain-lain. Sehingga kini, sebanyak 29 kes sedang dalam siasatan SKMM bagi kesalahan di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia termasuklah kes-kes di mana media sosial dan *blog* digunakan untuk menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan institusi Sultan dan Raja. Terkini, seorang individu yang berumur 28 tahun telah disabit di bawah seksyen 233 akta yang sama dengan kesalahan menghina Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menerusi laman *Facebook* dan telah didenda sebanyak RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, pengguna *internet* di negara ini telah melebihi 17.7 juta orang dan pengguna aplikasi media sosial terutamanya *Facebook* adalah yang paling ramai di negara ini mengikut nisbah pengguna dan bilangan penduduknya. Semua pengguna media sosial di negara ini masih lagi diberikan kebebasan untuk mengutarakan pendapat masing-masing selagi ia termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan tidak melanggar undang-undang yang sedia ada.

Ini semua mencerminkan tahap kebebasan bersuara dan maklumat di negara ini adalah di kedudukan yang lebih baik daripada apa yang digambarkan. Pihak kementerian melalui SKMM sentiasa melakukan pemantauan terhadap kandungan *internet* secara rambang dan pemantauan berdasarkan aduan. Menyedari bahawa kandungan laman web dan *blog* ini tidak dapat dikawal sepenuhnya, pihak suruhanjaya mengambil tindakan proaktif untuk mendidik pengguna-pengguna *internet* melalui penggunaan internet secara positif serta mengamalkan pengawalseliaan sendiri, dengan izin, *self-regulation*.

■1050

Di samping itu Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah didaftarkan sebagai satu forum industri untuk mempromosikan kawal selia sendiri di antara penyedia kandungan ataupun penggiat industri dan juga pengguna. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya dari 8,100 lebih aduan yang diterima oleh MCMC itu termasuk aduan saya yang dibuat menjelang hari raya. Tuan Yang di-Pertua bagi saya, saya rasa yang tindakan yang dilakukan oleh MCMC ini selalunya diarahkan oleh pemimpin politik Barisan Nasional. Misalnya dalam kes Alvin, *blogger* seks itu dia diarahkan oleh pemimpin Barisan Nasional baru tindakan diambil dengan secepat.

Dua minggu selepas itu barulah ada aduan di mana terdapatnya satu artikel yang berjudul, "*Cina pun mahu duit zakat-Teresa Kok*", yang dikeluarkan dalam bnbesut.blogspot.com dan juga *blog* "boikot barangan Cina DAP." Di mana saya dikatakan mendesak JAIS Selangor untuk

memberi wang zakat kepada masyarakat Cina. Satu tuduhan yang memang tidak pernah dikeluarkan oleh saya langsung. Apabila saya buat laporan polis, polis kata, pergi buat laporan kepada MCMC...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya ini soalan. Bila saya *email follow up* dengan MCMC, mereka tidak ada jawapan. Lepas itu saya terima jawapan Parlimen dari Menteri daripada bulan September yang kata yang '*case sex blogger*' itu adalah melibatkan masyarakat secara umum. Akan tetapi dalam aduan saya itu, itu adalah serangan peribadi di antara dua pihak. Saya dinasihatkan untuk mengambil tindakan sivil. Akan tetapi isunya ialah apabila artikel seperti ini keluar, saya terima banyak kritikan daripada orang ramai termasuk rakan-rakan Melayu daripada Pakatan Rakyat. Soalan saya ialah - senang, *why double standard?* Ini kerana tuduhan yang dilemparkan kepada saya, tidak penting, "Teresa Kok", "DAP", "Cina"! Lepas itu tidak ambil tindakan. Akan tetapi bila ada isu yang berpihak pada yang merosakkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... Menteri kata ini ada modal politik tindakan diambil. Ini soalan yang saya tanya apakah kriteria, *what is standard* SOP, bila MCMC ambil tindakan? Ini soalan saya. Kerana yang dituduh pada saya itu juga melibatkan masyarakat umum. Saya ditahan di bawah ISA kerana ada orang menyebarkan fitnah dalam *internet* lepas itu polis ambil tindakan secara langsung. So soalan saya ialah, apakah SOP bagi MCMC untuk ambil tindakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya cukup. Sila Menteri.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Menteri boleh tanya satu soalan sahaja?

Dato' Jailani bin Johari: Saya jawab saya jawab. Yang Berhormat Seputeh sebenarnya pihak kerajaan tidak pernah mengamalkan sikap diskriminasi. Seperti jawapan saya sebelum ini kita bagi sama rata. Dalam hal Yang Berhormat, sebenarnya kes yang seperti yang saya maklumkan jawapan sebelum ini adalah lebih menjurus kepada tindakan sivil. Kita telah maklumkan kepada Yang Berhormat supaya mengambil tindakan sewajarnya. Sebenarnya kalau Yang Berhormat lihat jika dibandingkan kes-kes Alvin dan kes-kes yang lain sebenarnya kita tidak ada *double standard*. Untuk kes di mana wanita, kaum Melayu, yang mengambil tindakan dengan membela anjing dan sebagainya, tindakan kita ambil dan bersama juga dengan tindakan untuk Yang Berhormat. Jadi untuk kes Yang Berhormat saya cadangkan supaya Yang Berhormat buat tindakan sivil di mahkamah. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya rasa kes peribadi tidak perlu bawa dalam Dewanlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini bukan kes peribadilah. Ini melibatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup, cukup!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya untuk bertanyakan soalan. Perkembangan aplikasi media baru di telefon termasuklah *whatsApp*, *Facebook*, *WeChat* dan sebagainya banyak mencipta kesan positif atau negatif. Seperti yang dikatakan Yang Berhormat Seputeh, saya juga sebenarnya ada membuat laporan polis pun tidak ada ambil tindakan. Maknanya di manakah *double standard* sedemikian rupa? Saya ingat rakan-rakan lain pun banyak yang buat report tidak ada pun. Jadi tidak ada langsung dalam hal ini kita *double standard*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya soalan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Akan tetapi soalan saya [*Disampuk*] Sabar, sabar. Soalan saya pendek daripada Yang Berhormat Seputeh lagi, saya pendek daripada Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh tadi macam berucap. Saya tidak berucap pun, saya cuma hendak bagi tahu, saya sendiri ada juga...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini ucapanlah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sendiri pernah buat report tapi tidak diambil pun tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya soalan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya tidak lapor pun pada Menteri. Maknanya kita rasa mungkin disiasat tetapi tidak ada perkara, maklumat atau perkara berbangkit yang boleh dikaitkan. Jadi soalan saya adakah pihak kementerian akan menubuhkan satu jawatankuasa khas - betul yang khusus dalam menyiasat kes-kes yang berkaitan seperti yang kita selalu bincangkan. Kepala babilah, hantar babilah dan sebagainya, hari raya buat sup dan sebagainya. Ini yang saya hendak tanya. Adakah pihak kementerian akan menubuhkan satu jawatankuasa khas- betul yang mana Menteri jawab tadi tidak mampu hendak pantau semua. Jadi kita tubuhkan jawatankuasa khas. Kalau ada pandangan daripada pihak yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini sebenarnya kes-kes segi yang berkaitan dengan media sosial adalah tidak banyak. Akan tetapi setakat ini sekiranya terdapat isu-isu berkaitan yang memerlukan dari segi teknikal oleh pihak kementerian biasanya pihak kementerian akan membantu. Kebanyakan kes-kes yang kita buat seperti yang saya maklumkan seperti ini peranan pihak kementerian melalui SKMM adalah lebih kepada membantu dalam segi siasatan. Selepas siasatan diambil kita akan memaklumkan kepada pihak pendakwa.

Jadi bergantung kepada maklumat dan hasil siasatan yang telah kita majukan kepada pihak pendakwa. Sama ada pendakwaan perlu diteruskan ataupun dakwaan perlu dilakukan adalah bergantung kepada hasil keputusan yang akan ditetapkan Timbalan Pendakwa Raya. Jadi untuk soalan yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Lipis, setakat ini saya rasa tidak perlulah

kita mengadakan satu badan yang khusus hanya untuk mengkaji dari segi isu media sosial. Terima kasih.

5. Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang] minta Perdana Menteri menyatakan, dapatkah kerajaan melaksanakan kelas-kelas PERMATA di luar-luar bandar di negeri Sarawak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, anak-anak yang dikasihi. Program PERMATA Negara dilaksanakan bertujuan untuk menawarkan satu alternatif dalam asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Ianya disasarkan kepada kanak-kanak di bawah umur empat tahun daripada keluarga yang berpendapatan rendah di kawasan pinggir dan juga luar bandar. Pada masa ini pelaksanaan Program PERMATA Negara di negeri Sarawak turut diperluaskan ke semua taska kelolaan agensi kerajaan iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui Taska PERMATA KEMAS dan Taska PERMATA Perpaduan.

Kesemua taska-taska ini telah mengguna pakai kurikulum asuhan dan didikan awal kanak-kanak kebangsaan iaitu kurikulum PERMATA Negara sebagai kurikulum pengajaran dan pembelajaran sejak tahun 2009. Pelaksanaan PERMATA Negara juga disasarkan satu pusat anak PERMATA Negara di satu kawasan Parlimen dan dibuat secara peringkat-peringkat. Pecahan Pusat Anak PERMATA Negara dan taska PERMATA yang telah beroperasi di negeri Sarawak mengikut agensi pelaksana adalah seperti berikut:

- (i) Pusat Anak PERMATA Negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri sebanyak tiga;
- (ii) Taska PERMATA KEMAS, Jabatan Kemas sebanyak 16; dan
- (iii) taska perpaduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebanyak tiga.

Kita berharap pelaksanaan Program PERMATA Negara ini dapat melahirkan generasi yang mampu menjadi pemimpin yang rasional yang mempunyai keterampilan *wasatiyyah* sebagaimana contoh yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat semalam. Malaysia mampu untuk meningkatkan diri ke tangga ke enam dalam *Ease of Doing Business Report, World Bank* daripada tangga ke-23 kepada tangga ke-6 semalam.

■1100

Kita jangka, ia akan meningkat dan pemimpin-pemimpin kecil di masa akan datang, kita berharap mampu untuk meningkatkan tangga Malaysia di peringkat yang ulung di masa yang akan datang melalui didikan yang telah kita buat. Semua ini adalah usaha yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada masa ini, ada beberapa tempat di Limbang dan juga

saya rasa di tempat-tempat lain juga di Sarawak iaitu yang mana Tadika KEMAS, Taman Asuhan Kanan-kanak (KEMAS) ini hanya menumpang di bilik-bilik rumah panjang, di balai-balai raya di kampung dan juga kadang-kadang di bawah bangunan surau pun ada.

Jadi soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri ialah, dapatkah sekiranya kerajaan iaitu sebagai *to compliment* - mereka ini adalah Tadika KEMAS tetapi mereka tidak mempunyai infrastruktur yang sepatutnya, mungkin disebabkan oleh kekangan kewangan dan sebagainya? Jadi supaya sekiranya PERMATA ini dapat mengambil alih, *to compliment*, bukan hendak bertindihlah dengan KEMAS di bawah KKLW untuk mengambil alih Tadika-tadika KEMAS yang boleh dikatakan menumpang ini. Ada yang sesetengahnya sudah menumpang sudah pun menumpang begitu sahaja. Kita telah pun meminta, memohon dan sebagainya. Sebab kita tahu ini tujuan, objektifnya adalah sama, sama ada KEMAS ataupun PERMATA. Itu soalan saya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, oleh sebab program PERMATA ini adalah di antara program yang terbaik di negara ini, jadi, PERMATA bagi ruang dan juga laluan kepada semua taska, KEMAS, Perpaduan ataupun di Jabatan Perdana Menteri sendiri supaya mereka menghantar kakitangan mereka, pegawai mereka untuk kita latih. Setelah mereka mengikuti latihan yang dibuat oleh pihak PERMATA dan mereka boleh namakan tadika tersebut sebagai tadika yang diunjurkan oleh PERMATA dengan membuat sedikit perubahan supaya nama PERMATA itu tidak dikurangkan kepada yang lain. Jadi maksudnya, cuba uruskan untuk mendapatkan prasarana itu daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ataupun kerajaan negeri ataupun daripada jabatan-jabatan, kami bagi latihan. Sudah pasti setelah mereka mendapat latihan, mereka kena ubah suai, perbaiki sedikit untuk membolehkan ia sama seperti standard PERMATA.

Apa yang kita penting bagi taska ini ialah guru yang mengajar itu mesti mempunyai pengetahuan dan juga melaksanakan kurikulum yang dianjurkan oleh PERMATA. Saya percaya kalau seluruh negara pun dijadikan PERMATA, sudah pasti di satu hari nanti, Malaysia akan ditadbirkan oleh orang yang bersifat 'Permata' tadi, yang mana jiwa mereka lebih positif, tidak memberi kritikan yang berbentuk fitnah, tidak membuat perkara-perkara yang boleh merosakkan negara. Akan tetapi, lebih terus menjurus menjaga negara bersama untuk kepentingan bersama.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Kuala Kedah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Program PERMATA ini satu program yang menggunakan wang rakyat yang banyak. Jadi, bagaimana diukur kejayaan program ini, jangka pendek dan jangka panjang? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sering kali tertanya-tanya dan saya minta kita buat perbincangan terbuka, perkataan "duit rakyat", dan juga "duit kerajaan" itu. Jangan pi sebut duit rakyat, sesuatu yang rakyat telah langsaikan. Contohnya macam, duit zakat. Duit zakat ialah duit yang kita kena keluarkan daripada harta kita kerana itu hak zakat. Apabila ia sudah jadi zakat, kita kata itu duit saya. Bukan duit saya lagi, duit yang mesti ditadbir oleh para pentadbir yang

mengambil zakat tadi. Bila kita bayar cukai, sesetengah tidak bayar cukai pun. Bayar cukai, duit itu duit siapa? Jadi perkataan, 'rakyatlah yang ini, yang itu', kita kena tengok bagi betul. Ini saya - kita buat polemik, kita buat perbincangan terbuka supaya kita menjadi manusia yang lebih berhemah bila berbicara. Perkataan rakyat, perkataan ini semua duit rakyat, ini duit rakyat, jadi kena cakap bagi betul [*Disampuk*] Kamu orang sunah, cakap elok-elok. Nak bercakap, bangun ya. Okey [*Ketawa*]

Berhubung dengan program PERMATA ini yang kita baru laksanakan tetapi kita lihat dalam jangka pendek, anak-anak yang dilatih melalui PERMATA itu, mereka mempunyai tahap pencapaian lebih daripada anak-anak yang di bawah taska biasa sebab mereka ini telah diberi latihan untuk pemikiran dan juga pembelajaran terkini. Jangka pendek, mereka sudah mendapat ilmu yang sewajarnya, makanan rohani yang sewajarnya. Jangka panjang, kalau anak-anak ini dijaga, sudah pasti mereka menjadi orang yang berguna.

Akan tetapi kita harus ingat, ada satu kes yang berlaku dahulu yang mana anak pintar bernama Hanafi yang boleh membaca novel semasa dia tadika lagi. Akan tetapi oleh sebab dia terlampau *advance*, dia masuk sekolah rendah, dia sudah boleh membaca, boleh baca novel, boleh buat matematik, tetapi sebab tidak ada tempat untuk dia semasa di sekolah rendah pada zaman tersebut dan di sekolah menengah tidak ada tempat, akhirnya dia jadi *boring*. Sekarang dia hanya sampai ke peringkat *Form 5* dan menjual roti canai di satu tempat.

Kita lihat benda ini kita kena jaga. Bila kita latih orang ini supaya jadi manusia yang hebat, kena ada tempat yang hebat untuk mereka. Kalau macam kita latih mereka untuk menjadi pemimpin yang hebat, satu hari nanti mereka akan jadi Ahli Parlimen, Perdana Menteri yang juga hebat yang mampu untuk memberi hujah, yang mana baik itu baik, yang mana tidak baik, itu tidak baik. Sekarang ini kalau pembangkang, yang mana yang kita buat baik pun, jadi tidak baik [*Dewan riu*] Yang pembangkang buat tidak baik, dia kata baik. Itu sebab kita lihat akhbar dan juga portal pembangkang, yang tidak baik, kalau pembangkang cakap jadi baik. Yang baik, apa yang kami buat baik, mereka tidak cakap baik. Itu bukan cara Islam. Islam melihat yang baik itu baik, yang tidak baik itu tidak baik.

6. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan akan mengurangkan subsidi bagi petrol dalam tahun ini lagi dan juga pada tahun 2014; dan
- (b) apakah rancangan kerajaan untuk meringankan beban rakyat memandangkan subsidi turun mengakibatkan lagi barang/caj pengangkutan naik secara mendadak.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullah*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ahli Parlimen Lanang bersama-sama pertanyaan Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam yang dijadualkan pada 6 November, Yang Berhormat Ahli Parlimen Kinabatangan pada 11 November, Yang Berhormat Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Lenggong pada 12 November memandangkan kelima-lima soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang hampir sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kaedah pemberian subsidi di Malaysia perlu di struktur semula agar pemberian subsidi lebih fokus dan menepati kumpulan sasar. Langkah rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan kepada subsidi yang bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi akan tetap diteruskan tetapi akan disasarkan hanya kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan bebanan golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah berikutan rasionalisasi subsidi bahan api, kerajaan akan meningkatkan pemberian BR1M dalam Bajet 2014. Pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah ditingkatkan sebanyak RM150 kepada RM650. Bagi individu bujang berumur 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM2,000, nilai BR1M dinaikkan daripada RM250 kepada RM300. Buat pertama kalinya, BR1M diperluaskan kepada isi rumah berpendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000 dengan pemberian sebanyak RM450.

Sebagai tambahan, semua penerima BR1M akan diberi caruman Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M) bernilai RM50. Skim insurans ini dapat memberi perlindungan maksimum sehingga RM30,000 kepada penerima BR1M sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Peruntukan sejumlah RM4.6 bilion akan disediakan untuk pemberian BR1M tersebut yang dijangka memanfaatkan 7.9 juta penerima.

■1110

Selain itu bantuan persekolahan RM100 seorang anak berjumlah RM540 juta dan baucar buku RM250 berjumlah RM325 juta adalah diteruskan. Subsidi pesawah, nelayan, kesihatan, pendidikan, PTPTN, minyak masak, gas masak, beras, tepung, RON95, diesel masih diteruskan.

Bagi golongan berpendapatan sederhana pula, kerajaan akan memberi pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 ke atas pendapatan, untuk mereka yang berpendapatan sehingga RM8,000 sebulan. Langkah ini akan memberi penjimatan bayaran cukai sehingga RM480. Selain itu kerajaan juga telah mengumumkan pengurangan kadar cukai kepada kumpulan tersebut semasa Bajet 2013 yang turut memberi penjimatan cukai sehingga RM475 ke atas pendapatan tahun 2013.

Bagi membendung kegiatan penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi, salah satu punca ketirisan subsidi, kerajaan telah mengambil langkah-langkah penguatkuasaan, antaranya adalah:

- (i) mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak jualan diesel hanya untuk tangki kenderaan sahaja tanpa melalui bekas atau tong kecuali atas kebenaran pengawal iaitu melalui permit barang kawalan;
- (ii) stesen minyak dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan hanya dibenarkan menjual 20 liter minyak kepada kenderaan asing selaras dengan larangan eksport di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan Larangan Eksport 2011 yang berkuat kuasa mulai tahun 2011;
- (iii) mengadakan kerjasama tindakan bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Kastam, Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia;
- (iv) menempatkan RELA di 45 buah stesen minyak di empat buah negeri yang bersempadan untuk membendung pengaliran diesel dan juga minyak bersubsidi ke Thailand; dan
- (v) mengarahkan semua syarikat pengeluar minyak menghantar maklumat belian oleh stesen-stesen minyak secara harian sebagai langkah pemantauan ke atas mana-mana stesen minyak yang membuat pembelian diesel dan petrol dalam kuantiti yang meragukan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyerahan kuasa pemberian subsidi petrol yang dituntut apabila memeterai perjanjian perdagangan pelbagai hala. Kerajaan tidak bersetuju untuk menyerahkan kuasa tersebut kepada mana-mana perjanjian perdagangan pelbagai hala. Pemberian subsidi petrol dan diesel adalah hal ehwal domestik dan di luar bidang perjanjian perdagangan. Terima kasih.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, semasa kerajaan mengurangkan subsidi, Yang Berhormat Kinabatangan kata harga minyak naik tidak menjejaskan golongan miskin.

Adakah kerajaan sedar bahawa banyak lagi orang Iban dan penduduk di luar bandar masih terpaksa menggunakan *genset* kerana mereka belum mempunyai bekalan elektrik. *Genset* guna apa? Guna diesel lah! Jadi apakah yang telah dirancang oleh kerajaan untuk membantu golongan tersebut, memandangkan mereka berpendapatan rendah dan tanggungan keluarga yang amat berat. Tambahan pula subsidi gula telah dimansuhkan dan GST akan dilaksanakan. Walaupun BR1M telah dinaikkan dari RM500 kepada RM650, tetapi duit sebanyak RM1.78 sehari adalah tidak mencukupi untuk membeli satu liter diesel. Saya minta jawapan. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lanang. Dalam Bajet 2014, kita mengutamakan, mempergiat pembangunan luar bandar. Pada ketika yang sama kita juga akan menambah bilangan usahawan dan juga pendapatan penduduk di luar bandar khususnya. Segala perkara ini akan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar termasuklah di

Sarawak, termasuklah kaum Iban yang disebut oleh Yang Berhormat Lanang. Segala-galanya itu dalam satu pakej keseluruhan yang kita bantu kepada rakyat.

Sebagaimana Yang Berhormat Lanang sebut tadi kita amat prihatin sebenarnya terhadap apa yang disebut. Bekalan elektrik akan kita tambah supaya *genset* akan berkurangan. Apabila Yang Berhormat Lanang menyebut GST satu bebanan, kita akan memberikan penjelasan kepada umum tentang GST ini. Bahawa GST tidak semestinya menyebabkan barangan naik kerana kita memberhentikan cukai 10%, cukai 5% dan cukai 6%. Kadang-kadang cukai terhadap satu-satu barangan berjumlah 16%, tetapi dengan ada GST, cukai akan diseragamkan hanya kepada 6%. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar saya menjelaskan semasa kenaikan harga. Apa pun kenaikan, pengurangan subsidi itu saya telah memuatkan dalam *Twitter* saya, bahawa beban daripada penarikan subsidi ini tidak ditanggung semua oleh rakyat miskin. Ini disebabkan yang paling banyak mengaut keuntungan daripada subsidi ini ialah orang kaya raya, macam Yang Berhormat Shah Alam. Kereta besar! Dalam bandar! *[Ketawa]*

Soalan tambahan saya, apakah kerajaan juga akan merealisasikan subsidi ini? Ini sebab kita lihat bahawa subsidi petrol ini orang negara luar pun yang tinggal di negara ini, sama ada dari Singapura, *Philippines*, Thailand, Australia, China dan Amerika, masuk *petrol station* dapat subsidi. Memang jelas! Bermakna subsidi ini tidak rasional untuk semua. Adakah kerajaan mungkin menaikkan BR1M itu dan menarik semua subsidi yang ada, sebab itu jelas untuk rakyat. Setujukah kerajaan atau tidak? Itu soalnya. Jangan dengar cakap pembangkang ini. Mengelirukan rakyat!

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Jumlah segala subsidi ialah RM44 bilion. Jumlah subsidi petroleum sahaja RM24.8 bilion. Jumlah defisit kita RM40 bilion. Jika kita hentikan semua subsidi petroleum, RM24.8 bilion dengan lain perkataan kita mempunyai jumlah RM24.8 bilion, RM24.8 ribu juta lagi untuk kita membantu rakyat dari segi pelbagai aspek pembangunan. Akan tetapi kerajaan tidak akan melaksanakan perkara sedemikian secara drastik. Ia bergantung kepada keadaan ekonomi semasa, harga pasaran minyak dunia dan keupayaan kerajaan untuk meneruskan subsidi-subsidi ini.

Saya telah nyatakan bahawa subsidi ini ada pelbagai. Antaranya yang ingin saya kongsi di sini misalnya, yang ini jarang disebut oleh orang apabila menyebut tentang subsidi. Bagi pinjaman yang dibuat oleh PTPTN daripada pasaran kewangan, untuk membiayai pinjaman pendidikan kepada rakyat, kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan adalah dalam lingkungan 3.8% hingga 5.15%. Semua kadar faedah itu kerajaan bagi subsidi 100%. Nilai subsidi untuk pinjaman PTPTN ini RM1.1 bilion dan 1% yang kita kenakan kepada pelajar yang dikutip daripada peminjam PTPTN digunakan untuk kos pentadbiran PTPTN.

Namun subsidi ini ada pelbagai jenis dan kita tidak bercadang untuk memansuhkan semuanya. Kita akan melaksanakan perkara berperingkat-peringkat. Sebagai contoh, daripada pengurangan subsidi gula, angka yang sebenar- ada yang kata RM300 juta, ada yang kata RM500

juta penjimatan. Angka sebenar RM442 juta subsidi gula untuk tahun ini. Apabila kita mansuh kita tarik subsidi gula 100%. Ke manakah duit itu dibelanjakan? Ke manakah duit RM442 juta itu dibelanjakan? Misal kaedah perbelanjaan kita pada tahun hadapan, kita akan bina 50 Klinik 1Malaysia yang baru, 30 Klinik Desa yang baru, 6,800 jururawat yang baru. Semuanya ini kita kurangkan dari makanan yang membawa kemudaratannya dan kita agih kewangan itu untuk faedah manfaat rakyat melalui kesihatan yang lebih baik. Terima kasih.

7. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam mengatasi masalah projek-projek sakit, lewat, tertangguh dan gagal yang membebankan kerajaan dan merugikan rakyat, agar projek tersebut dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

■1120

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerantut di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2013, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menerima peruntukan sebanyak RM22.6 bilion bagi melaksanakan sebanyak 4,763 projek dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Daripada jumlah 4,763 projek ini, sebanyak 3,815 projek atau 8% telah disiapkan. Sebanyak 509 projek iaitu 11% dalam peringkat pembinaan dan 439 projek lagi iaitu 9% dalam peringkat pra pembinaan.

Manakala projek yang dikategorikan sebagai projek sakit iaitu mengalami kelewatan melebihi 60 hari atau 20% daripada jadual perancangan asal ialah sebanyak 42 bilangan projek sahaja atau 2% daripada jumlah keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh JKR. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sememangnya sentiasa berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan bagi menangani isu dan masalah yang sering berlaku dalam pengurusan projek khususnya melibatkan projek sakit. Ini termasuklah mengkaji dan menambah baik mekanisme berkaitan peraturan-peraturan semasa dan memastikan pelaksanaan projek tidak terjejas dan dapat disiapkan mengikut jadual.

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kementerian ini untuk menangani isu dalam pengurusan projek ini adalah seperti berikut:

- (i) memastikan peruntukan yang mencukupi sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan;
- (ii) isu-isu berkaitan pengambilan semula tanah dan masalah tapak diselesaikan terlebih dahulu untuk projek bangunan sebelum Jabatan Kerja Raya melantik kontraktor;

- (iii) mengurangkan *Variation Order* (VO), dengan izin, melalui penglibatan secara langsung semua pihak yang berkaitan khususnya agensi pelanggan semasa perancangan dan penyediaan ringkasan projek;
- (iv) memperketatkan kriteria pelantikan juru perunding dan kontraktor menerusi penambahbaikan dalam garis panduan dan surat-surat pekeliling kerajaan;
- (v) menguatkuasakan penggunaan *Industrialize Building System* (IBS) dengan izin, iaitu sekurang-kurangnya 70% dalam setiap projek kerajaan; dan yang terakhir
- (vi) memantapkan etika dan integriti dalam sektor pembinaan menerusi mahkamah dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian ini juga turut menubuhkan Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbendaharaan melalui surat pekeliling Perbendaharaan bilangan 8/2009. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha untuk projek-projek di bawah kawalan kementerian ini atau Ketua Pengarah Kerja Raya untuk projek-projek milik kementerian atau agensi pelanggan.

Jawatankuasa ini berperanan untuk meneliti laporan projek yang telah dikategorikan sakit dan boleh memilih ketetapan seperti berikut:

- (i) bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya masih berupaya menyiapkan kerja. Jawatankuasa akan mengesyorkan langkah-langkah pemulihan bagi membantu kontraktor menyiapkan baki kerja; atau
- (ii) bagi projek sakit yang dikenal pasti tidak berupaya menyiapkan kerja. Jawatankuasa boleh memperakukan kepada Pegawai Penguasa Projek untuk membuat penamatan selaras dengan syarat-syarat kontrak dan seterusnya melantik kontraktor penyelamat untuk menyiapkan baki kerja yang gagal disiapkan oleh kontraktor asal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan senarai hitam kontraktor dan Arkitek Perunding akan dibuat oleh badan-badan kawal selia profesional yang terlibat seperti Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Jurutera Malaysia (LGM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juru Ukur Bahan Malaysia (LJBM). Manakala untuk kontraktor bumiputera pula, senarai nama kontraktor yang bersalah itu akan disenaraihitamkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Di samping itu, senarai kontraktor yang telah didapati bersalah itu kemudian akan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia untuk tujuan rekod melalui sistem pangkalan data berpusat dan dibuat hebahan melalui surat pekeliling Perbendaharaan. Ini bagi memastikan kontraktor atau perunding tersebut tidak lagi dibenarkan memasuki sebarang tender kerajaan pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang telah disampaikan. Dalam beberapa masa kebelakangan ini negara telah dikejutkan dengan beberapa insiden seperti bumbung runtuh yang berlaku di Stadium Negeri dan dua buah masjid di Terengganu serta siling runtuh di Hospital Serdang. Punca insiden ini mungkin ada kaitan dengan kelemahan aspek pengawasan mutu kerja dan reka bentuk bangunan. Oleh yang demikian, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan daripada insiden-insiden tersebut? Saya juga ingin mengetahui, adakah kerajaan menuntut jumlah kerugian ini daripada pihak kontraktor?

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, soalan tadi menjurus kepada insiden yang berlaku di negeri Terengganu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada ketika ini kerajaan negeri kerana ini merupakan prerogatif kerajaan negeri dalam proses mengumpul segala bukti yang ada dan kami difahamkan ianya akan di bawah ke mahkamah, kes ini akan dibawa ke mahkamah. Mengenai aspek kerugian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini secara bertulis sekiranya maklumat tersebut boleh diberikan kepada pihak kami. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun ada cara-cara untuk mengatasi masalah projek sakit, lewat dan tertangguh tetapi masih banyak projek yang kita nampak berlaku terbengkalai yang masih tidak dapat diselesaikan. Kalaulah setakat hanya untuk menyenaraihitamkan syarikat-syarikat, itu tidak memadainya. Saya hendak cadangkan, adakah kementerian bercadang untuk senarai hitamkan pengarah-pengarah syarikat.? Ini penting sebab kalau kita hanya senarai hitamkan syarikat, pengarah-pengarah masih boleh tubuhkan syarikat baru untuk tender projek. So, saya rasa selain senarai hitam pengarah, saya juga cadangkan supaya ditarik balik PKK, dan juga CIDB. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti yang telah kementerian maklumkan sebelum ini melalui jawapan-jawapan kepada Dewan yang mulia ini, kementerian telah menubuhkan jawatankuasa dan Jawatankuasa Teknikal ini dipengerusikan oleh Pengarah CIDB Malaysia sendiri. Antara perkara-perkara yang dikaji termasuklah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya yakin dan percaya apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dalam prerogatif jawatankuasa tersebut yang melibatkan semua pemain industri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat akan ada pembentangan oleh jawatankuasa ini yang akan dibuat pada 4 November 2013 ini di hadapan Menteri dan kita harapkan apabila ada kolaborasi atau laporan daripada jawatankuasa ini, akan memasukkan aspek-aspek yang sebelum ini mungkin tidak dilihat secara terperinci kerana maklumlah kes-kes yang berlaku Yang Berhormat, mempunyai impak yang berbeza, kesan yang berbeza dan sebab yang berbeza.

Jadi kita perlu melihat kepada industri ini secara holistik dan mencari jalan penyelesaian. Bagi pihak kerajaan, kita mengalu-alukan rakan-rakan daripada pembangkang untuk memberikan kita maklum balas-maklum balas yang positif bagi kita sama-sama membangunkan industri pembangunan di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

8. **Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bersedia menyelaraskan perkhidmatan teksi di seluruh lapangan terbang khususnya di LCCT kepada satu jenis perkhidmatan teksi sahaja bagi melindungi pemandu-pemandu teksi *premier* dan van yang terjejas teruk; dan
- (b) mengapakah gejala ulat teksi di lapangan-lapangan terbang di negara ini masih berleluasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ini jawapan soalan untuk Yang Berhormat Sepang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga jenis perkhidmatan di bawah kelas lesen teksi lapangan terbang iaitu bajet, *premier* dan keluarga. Jadi, teksi bajet adalah yang menggunakan kereta 2,000cc ke bawah. Misalnya macam Proton Waja dan Proton Saga. Teksi *premier* ialah perkhidmatan yang disediakan menggunakan kereta 2,000cc ke atas misalnya seperti Perdana. Manakala van pula digunakan bagi perkhidmatan keluarga biasanya *six seaters and above*, dengan izin.

Dengan adanya pilihan ini penumpang bebas untuk memilih jenis perkhidmatan teksi yang sesuai dengan keperluan mereka. Oleh yang demikian, teksi lapangan terbang bukanlah penyebab kepada terjejasnya pendapatan pemandu-pemandu teksi *premier* dan van di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) dengan izin. Dari segi ulat juga, bagi gejala ulat di lapangan-lapangan terbang SPAD amat memandag serius akan perkara ini dan pada masa ini kegiatan ulat di lapangan-lapangan terbang di negara ini masih dalam keadaan terkawal. Sebagai langkah pencegahan dan pemantau, penguatkuasaan telah dilaksanakan sewajarnya. Antaranya ialah penempatan anggota-anggota penguatkuasaan SPAD sepenuh masa di beberapa lapangan terbang utama seperti KLIA dan penugasan mereka ialah 24 jam. LCCT juga dan Lapangan Terbang Bayan Lepas dan juga Pulau Pinang.

Jadi, selain daripada itu SPAD sedang dalam proses untuk membuat pemantauan melalui rakaman kamera litar tertutup atau pun CCTV dengan izin bagi memudahkan pemantauan dan dijadikan bahan bukti apabila kes dibicarakan di mahkamah. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendapat makluman bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkas ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya. Saya dapat maklumat bahawa dari segi perkhidmatan *premier* dengan van khususnya, mereka terjejas teruk kerana sebagai contoh bagi perkhidmatan van *AirAsia Tune* juga menyediakan *Sky Van* yang mana *Sky Van* ini harganya lebih murah. Saya difahamkan apabila mereka contohnya hendak pergi Kuala Lumpur, mereka hanya bayar RM90 sedangkan naik *premier* ini atau pun van biasa lebih kurang RM100. Akan tetapi, pemandu dapat 100% sedangkan untuk mereka yang pembawa teksi *premier* dan sebagainya, mereka kena *deduct* dalam 6%. Jadi, saya ingin tahu sebab mereka mengatakan *premier*, kalau dalam *peak hour* pun mereka hanya dapat paling maksimum tiga *trip* sahaja. Sedangkan untuk bajet dan sebagainya lebih banyak walaupun perbezaan harga hanya 25% sahaja.

Dengan ditambah dengan ulat ini, walaupun Yang Berhormat Menteri kata ada satu penguatkuasaan tetapi realitinya kompelin yang kami terima daripada pemandu-pemandu teksi, mereka mengatakan kejadian itu terus berlaku. Jadi, saya rasa perlu ada satu pelancaran peperangan ke atas ulat-ulat ini supaya kerajaan nampak serius dan tidak akan berulang lagi. Itu sahaja, terima kasih.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita melihat daripada segi ulat, saya hendak sentuh mengenai ulat. Kita kena tahu sama ada yang dikatakan ulat itu adalah ada yang di kompelin kan, yang kita dapat tahu bahawa yang dikatakan ulat ini ialah mereka yang sudah *pre-arrange* punya teksi dengan izin.

Pre-arrange, yang mana mereka misalnya dari luar sudah ada *contact* dekat sini. Jadi, mereka sudah berurus sesama sendiri untuk mengambil mereka di *airport*. Jadi, ini di antara yang dikatakan ulat. Tidak dinafikan memang ulat ini sentiasa berlaku. Jadi, pemantauan adalah satu pemantauan yang berterusan, program berterusan. Malah, kita ada juga langkah-langkah yang kita ambil di *airport*, di mana adanya di CCTV di uar-uarkan supaya tidak terpedaya dengan *touting* dan juga dengan izin ulat-ulat ini yang datang untuk mendapatkan pelanggan.

Selain daripada itu juga SPAD ada menganjurkan program bersama dengan program-program dengan "*Jom Heboh*" dan semua itu, selain daripada di *airport* juga. Jadi, dari segi pemantauan dan juga penguatkuasaan itu memang berterusan. Dari segi teksi tadi berbeza dengan teksi *Sky Van* itu. Kita telah memberi peluang kepada teksi-teksi ini untuk memberi perkhidmatan. Jadi, apabila mereka memohon permit itu, mereka digalakkan untuk membuat *survey* sendiri dengan izin, sebelum mereka memohon permit dan diluluskan. Ini supaya mereka tahu pasarannya, berapa ramai orang memerlukan teksi di sana, berapa banyak lagi teksi-teksi lain dan juga bas yang boleh menjadi persaingan kepada mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan 1967), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.36 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 31 Oktober 2013”.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh enam bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM46,499,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2014, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[29 Oktober 2013]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, minta Yang Berhormat Parit Sulong menyambung ucapan.

11.38 pg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah semalam Yang Berhormat Gombak tidak tunggu sampai 9.30 malam. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadinya semalam saya *Bismillah* sahaja. Jadi hari ini *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih banyak-banyak beri saya peluang untuk sama-sama berbahas pada kali ini. Ssaya hendak mengambil kesempatan ini bagi pihak kawasan Parlimen Parit Sulong untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan di atas pembentangan Bajet 2014 yang '*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji*' dengan fokus kepada lima teras utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti kebiasaan dalam bajet-bajet yang lepas, kawasan luar bandar ini tidak pernah ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional terutamanya memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar. Sama juga di dalam Bajet 2014 ini. Kali ini kerajaan memperuntukkan RM4.1 bilion untuk pelbagai program dalam usaha untuk mempergiat

pembangunan luar bandar termasuklah membaik pulih, menaik taraf 437 kilometer jaringan jalan luar bandar di seluruh negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Cumanya harapan saya kepada pihak kerajaan ini adalah supaya sebahagian daripada peruntukan ini dapat dilaksanakan atau pun dicurahkan kepada kawasan Parlimen Parit Sulong terutamanya dalam usaha menaik taraf jalan-jalan luar bandar. Untuk makluman Dewan, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen Parit Sulong ini adalah satu kawasan yang besar.

■1140

Kampungnya sahaja ada lebih kurang 300, tidak termasuk kampung-kampung rangkaian. Itu kita tidak kira parit lagi. Parit memang banyak dan namanya pun Parit Sulong. Jadinya besarlah harapan saya agar kali ini pemantauan dan juga naik taraf ini dapat terus dilaksanakan secara berkala dan untuk bajet ini diperuntukan diberikan oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini kepada kawasan Parlimen Parit Sulong.

Dalam waktu yang sama, saya juga hendak menyambut baik komitmen pihak kerajaan untuk meningkatkan liputan *internet* di kawasan luar bandar. Sebanyak 1,000 menara pemancar telekomunikasi akan dibina dalam tempoh tiga tahun dan saya tengok pelaburannya adalah sebanyak RM1.5 bilion. Jadinya sehubungan dengan itu, saya juga hendak mencadangkan supaya mungkin pihak kementerian boleh menyatakan kriteria yang dipertimbangkan dalam mengenal pasti kawasan-kawasan luar bandar yang manakah yang akan diberi *priority* dan keutamaan terlebih dahulu dalam kita hendak membina menara pemancar ini. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mencadangkan supaya mungkin kerajaan boleh mengumumkan susun masa dalam kita melaksanakan projek-projek ini dan sudah semestinya saya mengharapkan supaya kawasan saya menjadi salah satu daripada kawasan *priority* yang boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai pembangunan usahawan dan juga PKS yang saya lihat bajet kali ini adalah saya lihat boleh kita panggil sebagai mesra PKS. Sebanyak 98.5% daripada jumlah perniagaan yang berdaftar ini adalah perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS. PKS juga merupakan penyumbang utama kepada KDNK iaitu sebanyak 32.4%. Jadinya saya mengalu-alukan insentif kepada perusahaan kecil dan sederhana ini dalam kita hendak memastikan sektor PKS ini mencapai 40% kepada KDNK menjelang tahun 2020.

Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk membangunkan usahawan menerusi penubuhan *National Entrepreneur and Development office* dan percaya usaha ini akan dapat menjadikan usahawan itu menjadi lebih mantap dan lebih berdaya saing. Program dan juga aktiviti berkaitan pembangunan usahawan ini akan menjadi lebih bersepadu dan efisien dengan memberi impak yang tinggi kepada usahawan terutamanya usahawan-usahawan muda dengan membekalkan usahawan ini dengan pengetahuan dan juga maklumat yang membolehkan mereka menjalankan perniagaan mereka dengan lebih mantap dan juga berterusan.

Jadinya usaha ini secara tidak langsung boleh mengurangkan kebergantungan kepada aktiviti mencari pekerjaan kepada menjalankan perniagaan sendiri di kalangan terutamanya lepasan siswazah. Jadi saya ingin mencadangkan supaya satu peruntukan yang digunakan yang bertujuan untuk penambahbaikan dan lebih fokus kepada aktiviti yang saya nyatakan ini dapat ditambah supaya bilangan siswazah yang akan mendapat faedah ini dan untuk terus berkecimpung dalam bidang perniagaan ini juga dapat dipertingkatkan. Secara langsung program ini akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jadi peluang ini merupakan pelaburan masa kini untuk faedah masa yang akan datang terutamanya dalam membekalkan usahawan muda kita supaya terus dapat bersaing serta menerokai pasaran ASEAN yang terbuka luas dengan perwujudan Komuniti Ekonomi ASEAN 2015.

Tuan Yang di-Pertua, bncian pada tahun 2011. Bncian ini saya dapat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Sejumlah 127,092 orang ataupun 17.7% daripada syarikat yang dimiliki ataupun yang *berregister* adalah dimiliki oleh wanita. Ini secara tidak langsung dan secara langsungnya juga menunjukkan bahawa wanita ini dia sangat aktif menjalankan pelbagai jenis perniagaan. Saya tengok dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi usahawan wanita ini, saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mungkin boleh mengenal pasti syarikat-syarikat milik wanita yang berpotensi tinggi, kemudiannya setelah dikenal pasti, bolehlah pihak kerajaan memberi satu bimbingan komprehensif termasuk memberikan maklumat mengenai peluang yang ada dan juga keperluan pasaran kepada pengusaha-pengusaha ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah yang saya nyatakan tadi, kajian juga menunjukkan bahawa hanya 10% sahaja yang mempunyai laman sesawang mereka sendiri dalam mempromosikan produk kita. Jumlah ini saya anggap masih kecil lagi kalau kita bandingkan dengan trend pemasaran global yang rata-rata pun memang telah menuju ataupun membuat perniagaan atas talian. Walaupun penglibatan- kita tengok di Malaysia ini masih lagi kecil tetapi kita telah mendengar banyak *success stories* dengan izin, dan kita telah melihat berapa ramai usahawan atas talian ini yang telah mencapai kejayaan.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat terus menyediakan insentif dan juga merancang program kesedaran dan meningkatkan minat kepada perniagaan atas talian. Saya tidak nafikan memang banyak program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggalakkan usahawan-usahawan ini memasarkan produk mereka melalui talian. Akan tetapi saya tengok tidak ada satu sistem penyelarasan yang memantau program-program yang dianjurkan oleh kerajaan ini, saya tengok ada juga program yang bertindih dan juga saya tengok kurangnya kerjasama bersepadu antara satu agensi dan juga kementerian. Ini sebagai contoh. Jadi saya harap untuk kali ini, mungkin mereka ini akan dipantau oleh MaGIC. Jadi saya harap ia dapat dipantau dengan sebaik mungkin agar lebih banyak lagi program dapat kita berikan kepada usahawan-usahawan yang berminat.

Saya hendak mengimbas kembali kepada Bajet 2013. Kerajaan ada memperuntukkan sejumlah wang sebanyak RM50 juta. Tujuannya adalah untuk melatih 50,000 usahawan mikro

yang mana mereka ini akan mendapat geran sebanyak RM1,000 seorang dalam satu skim yang diberi nama *Get Malaysian Business Online* (GMBO). Ini tujuannya untuk melonjakkan perniagaan dan juga taraf hidup mereka.

Jadinya saya hendak minta pihak kementerian untuk memberikan laporan terkini mengenai program GMBO ini sama ada tercapai atau tidak matlamat yang telah dibuat. Ini kerana dalam beberapa kali soalan yang saya utarakan di dalam Dewan ini, saya dapati bahawa jumlah usahawan itu belum lagi tercapai. Sekiranya masih ada lagi peruntukan, masih boleh lagi, apakah boleh kementerian terus membuat satu matlamat baru atau sasaran untuk membantu mereka ini. Saya juga mengharapkan agar pihak kerajaan juga mungkin boleh membuat satu kajian khusus untuk mendapat maklum balas mengenai penambahan pendapatan melalui program yang dianjurkan oleh kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat Bank Dunia, tahap penggunaan *internet* di Malaysia ini pada tahun 2012 adalah 65.8%. Jadinya, jumlah ini boleh kita tingkatkan lagi sekiranya kos kemudahan *broadband* ini dapat kita kurangkan dan juga infrastruktur ini dapat diperluaskan bagi membolehkan usahawan PKS yang saya nyatakan tadi itu supaya dapat menggunakan kemudahan ini bagi tujuan pemasaran mereka.

Saya juga hendak mencadangkan agar promosi bantuan dan program cara menjalankan perniagaan atas talian ini sentiasa dilaksanakan, bukan setakat di bandar-bandar besar sahaja tetapi ia juga mungkin boleh dikembangkan kepada kawasan-kawasan luar bandar.

■1150

Sebagai tambahan juga, saya ingin mencadangkan juga agar satu direktori usahawan-usahawan atas talian ini juga dapat diwujudkan bagi memberi satu nilai tambah kepada syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman sekarang ini, wanita ini bukannya bertanggungjawab untuk hanya menjaga keluarga sahaja tetapi mempunyai ataupun memainkan satu peranan yang sangat penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Jadinya saya tengok ada salah satu daripada agenda khusus untuk wanita ini adalah penubuhan Akademi Inovasi Wanita. Saya kira ini satu penghormatan kepada wanita yang mana institusi ini akan ditubuhkan di bawah naungan Institut Tadbiran Awan Negara (INTAN) yang mana tujuannya untuk merangka program-program kepimpinan, keusahawanan dan juga inovasi untuk golongan wanita. Saya kira cadangan ini memang sangat selaras dengan agenda transformasi negara dalam mengarusperdanakan pembangunan kepimpinan dan keusahawanan wanita bagi membolehkan wanita sama berusaha, berdaya maju, berdaya saing dan berpotensi untuk berkembang memacu negara ke arah pertumbuhan ekonomi melalui pertumbuhan inovasi. Cumanya saya harapkan kerajaan dapat menetapkan satu objektif dan juga modul yang sangat jelas semasa merangka program-program ini agar sasaran kita ini dapat tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Julai 2011, kita ada satu *Corporate Governance Blueprint 2011* di mana Suruhanjaya Sekuriti telah menetapkan satu polisi serta penguatkuasaan,

semestinya 30% wanita menduduki lembaga pengarah. Akan tetapi hakikatnya sehingga kini saya dimaklumkan cuma ada 7.9% wanita yang menduduki lembaga pengarah. Malah matlamat *woman in leadership* dan juga *woman in decision making*, dengan izin, masih lagi belum tercapai.

Jadinya walaupun kerajaan ada satu program yang dinamakan Program Pengarah Wanita, saya tengok sehingga Mei tahun ini, hanya seramai 364 orang sahaja yang telah diberi latihan melalui program tersebut. Program ini diperkenalkan tahun lepas. Saya ingat sasarannya adalah 500 orang. Jadinya masih belum tercapai. Jadinya saya harapkan bahawa apabila kita membuat satu penetapan mengenai 30% jawatan di peringkat pembuat dasar dalam bidang korporat ini, saya harap pada kali ini ia dapat dilaksanakan terutamanya dengan penubuhan Akademi Inovasi Wanita ini. Secara tidak langsung langkah yang akan dibuat ini dapat menggalakkan lebih ramai lagi wanita untuk menceburi dalam bidang korporat.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan bakat golongan wanita ini ke arah pembinaan negara ini kita lihat dapat mendorong pembangunan berdaya saing apabila ternyata Malaysia ini mempunyai ramai wanita yang berbakat. Ia ditambah lagi dengan peraturan yang masuk universiti, yang mengikuti program dekat universiti, kalau tidak silap saya ada lebih kurang 68% wanita. Akan tetapi berlainan pula dengan kadar penyertaan tenaga buruh. Kita lihat penyertaan wanita dalam sektor ini dianggarkan sebanyak 48.4% pada tahun 2012. Masih rendah kalau kita bandingkan dengan peratusan tenaga buruh lelaki yang dianggarkan mencapai 80% untuk tahun yang sama. Mungkin wanita-wanita yang berpendidikan tinggi ini mengambil keputusan untuk tidak bekerja dan menumpukan perhatian kepada keluarga.

Oleh sebab itu, saya menyambut baik langkah yang dibuat oleh kerajaan yang mahukan majikan mewujudkan satu suasana kerja yang lebih fleksibel ataupun *flexible work arrangement* (FWE) ini diwujudkan. Majikan digalakkan untuk memberi kelonggaran waktu dan tempat kerja khususnya kepada golongan wanita. Jadinya usaha ini memang sangat penting dan boleh dan juga mampu untuk menarik minat wanita-wanita yang pernah bekerja yang berhenti disebabkan komitmen keluarga boleh masuk semula ke industri pekerjaan ini dan secara tidak langsung boleh membantu menambah pendapatan keluarga.

Akan tetapi dalam waktu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga harapkan pihak swasta dapat membantu untuk menyediakan atau memudahkan lagi penyertaan wanita ke dalam pasaran perniagaan ini melalui penyediaan peraturan kerja yang lebih fleksi seperti memberi peluang dalam tele-kerja, kerja sambilan, perkongsian kerja. Memandangkan Talent Corp yang akan mengendalikan FWE ini, saya ingin mencadangkan agar FWE dapat mengadakan satu program promosi berterusan kepada semua majikan tidak kira SMEkah ataupun GLC. Benda yang lain dapat diteruskan dan dijalankan di seluruh negara dan bukan setakat di bandar-bandar besar sahaja bagi meningkatkan kesedaran dan juga menggalakkan lebih ramai lagi majikan untuk menyertai program ini.

Tuan Yang di-Pertua, BR1M mula diperkenalkan pada tahun 2012 dan memberi satu manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dengan memberi bantuan tunai sebanyak

RM500 kepada ketua isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Pada tahun lepas, BR1M 2 diteruskan dan diperluaskan kepada individu bujang yang berusia 21 tahun ke atas dengan pendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan dan pemberian kepada individu bujang ini adalah sebanyak RM250.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh tanya?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Hendak tanya yang mana satu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pasal BR1M.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya baru *introduction* BR1M.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak sokong. Hendak menyokong, bukan hendak menghentam.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Nasib baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Berkaitan dengan BR1M ini, saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Setujukah dengan saya, apabila kita memberi BR1M dalam bentuk wang tunai, walaupun apa niat kita sekalipun, yang kita khuatir ialah pemberian itu mungkin disalahgunakan. Bayangkan kalau kita beri kepada ketua keluarga yang mungkin bapa atau ibu yang tidak mengambil berat tentang anak-anak sebagai contoh. Jadi wang ini akan dibelanjakan mengikut apa yang dia hendak.

Jadi setujukah Yang Berhormat Parit Sulong kalau saya katakan, mungkin kita perlu kaji - ada sesetengah negara dia memberikan bantuan begitu dalam bentuk baucar. Maknanya dalam bentuk yang lebih terfokus. Kita hendak wang ini dibelanjakan mungkin tahun ini kita hendak untuk pendidikan. Maknanya pemberian itu memang ada fokusnya. Jadi perbelanjaan itu kita tidak mahu nanti dapat RM500 dan dia belanjakan apa yang dia hendak dan akhirnya tidak mencapai matlamat itu. Apa pandangan Yang Berhormat Parit Sulong?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Yang Berhormat Sepang. Beginilah. Saya ada pengalaman sendiri mengenai BR1M ini apabila saya melihat penerima-penerima BR1M ini menerima BR1M untuk pertama kali. Kadang-kadang kita pun bertanya juga kepada mereka bagaimana perasaan mereka. Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua, saya tengok apabila sesetengahnya menerima duit *cash* daripada kerajaan, meleleh air mata mengucapkan syukur dan berterima kasih. Akan tetapi dalam waktu yang sama juga, ada juga yang saya tanya, Tuan Yang di-Pertua. Makcik hendak buat apa dengan duit RM500 ini? Tuan Yang di-Pertua hendak tahu apa jawapannya? Hendak beli bendera Pas. Tidak mengapalah, Tuan Yang di-Pertua. Kita pun beri juga. Akan tetapi ini menunjukkan bahawa [Ketawa] Itulah, jadi kita tidak halang dia hendak buat apa. Dia beli bendera Pas, dia beli yang lain juga. Hendak masukkan dalam tabung Pas pun itu hak dia, RM500. Akan tetapi yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kelainan dan satu bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang terus kepada mereka yang memerlukan, yang betul-betul memerlukan. *Direct to the point, direct* kepada mereka.

■1200

Akan tetapi cumanya, mengenai BR1M ini, saya cuma hendak memberi cadangan juga kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri di mana saya tengok setengahnya yang mungkin masih ada lagi tercicir. Yang saya kira kita lihat masih lagi layak tapi tidak mendapat bantuan BR1M ini. Saya juga tengok ada sekelompok yang lain, yang tidak tahu macam mana cara dia buat menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia ini sedangkan mereka itu kalau kita tengok tidak layak.

Jadinya saya harap kementerian bertanggungjawab akan dapat meneliti semula sistem pelaksanaan ini agar...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon celahan Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: ...ianya lebih menyeluruh, agar ianya lebih telus dan juga diharapkan ianya dapat digunakan dengan betul untuk membantu rakyat. Silakan Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya amat menyokong perhatian Yang Berhormat berikan dalam isu BR1M. Hanya saya hendak kembali pada isu pemberian *food stamp*. Termanya *food stamp* disebut di Amerika Syarikat dan banyak tempat. Di mana Kerajaan Malaysia sendiri telah melaksanakan pemberian wang bantuan menerusi MyKad dalam skim yang telah dibangunkan oleh kumpulan MyKasih Lembaga Zakat Selangor, Lembaga Zakat Johor dan juga program-program bawah PEMANDU untuk Orang Asli.

Maksudnya mereka tidak berikan *cash* tapi mereka berikan duit menerusi MyKad yang boleh diguna pakai oleh semua penerima dengan membeli barang-barang keperluan di kedai-kedai runcit. Apakah pendapat Yang Berhormat sekiranya kita luaskan supaya kita boleh pantau dan kita tahu penggunaan dana menerusi wang-wang kerajaan atau wang negara sebenarnya untuk bahan-bahan atau barang-barang yang diperlukan oleh penerima. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Jadi saya serahkan kepada kementerian untuk mengkaji cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Lembah Pantai tadi. Akan tetapi untuk makluman juga, saya rasa tahun lepas banyak juga yang telah diberikan oleh pihak kementerian terutamanya kita ada KAR1SMA iaitu satu program di mana mereka yang memerlukan menerima baucar-baucar yang kemudiannya ditukarkan di *supermarket* terpilih untuk membeli ataupun mendapatkan barang-barang yang mereka perlukan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ini orang yang menghormati masa [Ketawa] Ini wanita. Jadinya saya tutup ataupun saya berhenti setakat ini dalam waktu yang sama saya menyokong bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih banyak.

12.03 tgh.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan perbahasan pada pagi ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat pulang kepada Tuan Yang di-Pertua daripada menunaikan ibadat haji dan kami mendoakan bersama-sama semoga Tuan Yang di-Pertua dianugerahkan dengan haji yang mabrur *insya-Allah*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Lima minit tambah.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di peringkat dasar pada pagi ini dan lanjutan daripada teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Parit Sulong sebentar tadi bukan saya tidak bersedia tunggu sampai malam tapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengutuskan sepucuk nota kepada Timbalan Yang di-Pertua dan memohon supaya ruang untuk saya berbahas pada hari semalam ditangguhkan ke hari ini.

Ini kerana semalam saya didakwa di dalam mahkamah kerana Bersih 3.0 bersama Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya bangga didakwa kerana bukan kerana mencuri atau rasuah tetapi mempertahankan hak rakyat Malaysia [*Tepuk*] Apa yang kita mahukan satu pilihan raya yang bersih dan adil. Saya diminta hadir ke mahkamah tapi hakim pula sakit ditangguhkan kepada bulan Januari Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin memulakan dengan menyatakan bahawa Bajet 2014 ini sebenarnya bersifat "*Rich mans budget, poor to get poorest*", ataupun istilah yang biasa kita dengar yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana. Ini terbukti apabila kerajaan menarik balik subsidi gula untuk rakyat berjumlah RM551.25 juta dan subsidi minyak masak untuk rakyat bernilai RM505.4 juta. Yang pastinya akan terus membebankan rakyat. Maka saya menggesa supaya kerajaan segera...

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh? Penerangan sedikit, penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Baru ayat pertama.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya, memang dalam ayat itu pun mungkin perlu ada penjelasan. Terima kasih. Saya sebagai orang tua ingin menanyakan kepada orang muda bahawa dalam bajet yang dibentangkan di dalam Dewan ini menyatakan bahawa peruntukan subsidi minyak sawit ialah sebanyak RM1.02 bilion.

Jadi kalau dimaksudkan bahawa sepatutnya daripada apa Yang Berhormat nyatakan dikurangkan sebanyak RM500 juta lebih, ini bermakna bahawa subsidi yang diberikan untuk minyak masak sepatutnya RM1.5 bilion. Adakah itu yang dimaksudkan dan saya cuba mencari angkanya dan saya lihat bahawa skim penstabilan harga minyak masak bagi tempoh dua tahun di bawah COSS yang dipungut melalui cukai ataupun *windfall tax* yang dikenakan kepada pengeluar ladang-ladang sawit juga berjumlah RM1.5 bilion bagi tempoh dua tahun. Itu yang satu.

Kedua ialah kerana *windfall levy tax* ini hanya akan dikenakan kepada syarikat-syarikat ladang sawit apabila harga sawit itu meningkat lebih daripada kalau tidak silap saya RM3,000 satu tan dan dalam keadaan harga sawit pasaran pada hari ini di bawah daripada paras itu maka *windfall levy tax* itu tidak beroperasi. Bermakna juga kerana bila harga sawit pun turun makna jumlah subsidi yang perlu diberikan turut juga turun kalau hendak membantu dari segi mensubsidikan harga minyak sawit pada paras yang sedemikian. Jadi maknanya kalau kita menyatakan bahawa subsidi itu dikurangkan mungkin kah tidak ianya kerana sebenarnya harga pasaran keperluan subsidi itu pun sudah menurun sedangkan sudah pun ada peruntukan RM1 bilion dari segi subsidi untuk minyak masak.

Jadi kalau boleh Yang Berhormat menyatakan keperluan subsidi bagi seliter minyak masak umpamanya adalah sekian banyak dan demikian. Ia sepatutnya RM1.5 bilion dan ini bermakna bahawa kerajaan telah mengurangkan subsidi itu sebanyak RM500 juta saya rasa saya boleh terima hujah dalam kenyataan orang muda pada awal perbahasannya. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya Yang Berhormat Johor Bahru. Dia bukan orang tua, orang lama yang berpengalaman.

Cuma yang saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah saya tidak bermaksud ingin mencadangkan supaya subsidi minyak masak ini dipertingkatkan daripada RM1 bilion kepada RM1.5 bilion kalau cadangan dan kenyataan saya sebentar tadi bahawa subsidi minyak masak untuk rakyat bernilai RM500 juta ini dikurangkan.

■1210

Apa yang ditekankan oleh Yang Berhormat Johor Bahru itu ada asasnya bahawa *windfall levy tax* yang dikenakan terhadap pengusaha ladang kelapa sawit ini untuk memastikan apabila keuntungan itu besar, maka ada cukai khas yang dikenakan. Akan tetapi, masalah yang berbangkit hari ini yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Johor Bahru itu tadi bahawa oleh sebab harga kelapa sawit hari ini di paras yang rendah dan menyebabkan subsidi dikurangkan, maka pertanyaan yang harus kita lontarkan apabila harga kepala sawit ini meningkat, di mana *windfall levy tax* ini yang dikutip oleh kerajaan?

Saya pernah bangkitkan perkara yang sama dalam perbahasan Dewan Rakyat, yang mana apabila harga kelapa sawit pada suatu ketika dahulu mencatatkan satu jumlah yang cukup besar dan keuntungan bagi pengusaha ladang kelapa sawit ini meningkat berkali-kali ganda tetapi ia tidak memberi pulangan yang besar kepada kerajaan kerana pelaksanaan ataupun *enforcement* dan *implementation windfall levy tax* ini tidak dibuat secara bersungguh-sungguh. Akhirnya, bila mereka untung besar, mereka dapat pendapatan yang lebih tetapi rakyat tidak dapat mengutip cukai dalam keadaan harga kelapa sawit rendah. Kita mengharap dan mendesak kerajaan untuk memotong subsidi yang akhirnya memberikan kesan yang negatif kepada rakyat.

Akan tetapi yang saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua ialah mendesak kerajaan untuk memberi perhatian kepada perkara ini. Di mana cadangan Pakatan Rakyat supaya monopoli

gula oleh 'raja gula' hari ini iaitu Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary ini mesti dipecahkan. Ia disokong oleh Yang Berhormat Johor Bahru iaitu sebelum dia bangun tadi sebenarnya, saya hendak mendukung keberanian Yang Berhormat Johor Bahru untuk... [*Tepuk*] bersama-sama dengan Pakatan Rakyat menggesa kerajaan untuk memecahkan monopoli industri gula dalam negara kita hari ini yang dikuasai oleh kroni Tun Dr. Mahathir iaitu Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Sudah sebut nama saya, saya kena jawablah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi saya sudah bagi laluan awal daripada ini.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Maknanya itu poin yang lagi satu. Ini poin yang lain... [*Ketawa*] Jadi ini mengenai gula. Sebenarnya, kita tahu keadaannya mengenai bekalan gula di negara ini. Hanya kalau kita menuduh satu orang iaitu Tan Sri Syed Mokhtar sebagai memegang monopoli, itu pun tidak betul kerana saya pun sudah jelas dalam ucapan saya yang mana Yang Berhormat Gombak tidak dapat hadir bersama ketika itu kerana pergi mahkamah yang ditangguhkan pula. Sebenarnya, keadaan pembekalan gula ialah di antara FGV yang sudah mengambil alih MSM dan juga *Central Sugar Bhd* yang dimiliki oleh *Tradewinds* yang termasuk dalam kumpulan yang dikatakan oleh kroni dan sebagainya. Jadi dua kronilah. Orang FELDA pun kroni kerajaan juga, apatah lagi Tan Sri Syed Mokhtar pun kroni kerajaan, dua-dua.

Akan tetapi apabila ada dua pengeluar, ia bukannya monopoli. Ia maknanya *duopoly*. Maknanya, tafsirannya pun sudah berbeza. Akan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat kerana cadangan saya ialah supaya apabila gula itu tidak menerima subsidi, ia tidak lagi menjadi barang kawalan. Bila tidak lagi menjadi barang kawalan, ia bermakna harus dimudahkan atau dibuka peluang untuk mengimport mana-mana pihak hendak mengimport gula dari negara-negara lain. Jadi maknanya bila dalam keadaan *duopoly*, dalam keadaan ia bukan menjadi barangan subsidi, tentulah ia tidak akan boleh membawa kepada perubahan-perubahan yang perlu untuk menjadi gula ini bukan sebagai satu barang keperluan lagi tetapi sebagai barang *additive* tambahan makanan, perasa makanan.

Soal kita hendak mengatakan bahawa *Central Sugar Bhd* pula yang untung lebih. Itu pun tidak betul. Kadang-kadang kita merujuk kepada margin ataupun keuntungan, paras keuntungan yang dirasai dan dinikmati oleh MSM yang dipunyai oleh FGV. Harus kita ucap tahniah pula kepada MSM kerana apabila sebelum mereka mengambil alih MSM, margin daripada segi pengeluaran perniagaan itu hanya 8%. Akan tetapi, selepas diambil alih telah diusahakan sehingga ia menjadi 15%. Jadi sepatutnya kita menggalakkan, memuji tindakan yang telah menunjukkan daripada segi produktiviti, *efficiency* bagi pihak MSM dan tidaklah kita hendak buat sindiran kepada soal kronisme dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, itu poin sayalah. Akan tetapi saya tidak akan kacau lagi. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Mencelah dia macam ucapan panjang. Akan tetapi seperti yang saya tegaskan Tuan Yang di-Pertua, prinsipnya ialah apabila industri gula ini dimonopoli ataupun *duopoly* kah atau apa juga istilah yang digunakan untuk merujuk kepada satu atau dua syarikat, ia menyebabkan kuasa menentukan harga itu ditentukan oleh mereka. Ini tujuan asal apabila kerajaan memberikan subsidi kepada syarikat yang berkenaan ialah untuk mengawal harga gula.

Akan tetapi apabila kerajaan mengambil pendirian untuk menarik balik subsidi tersebut, kebimbangan Yang Berhormat Johor Bahru dan juga kami di sini, ramai rakyat di bawah sana ialah syarikat-syarikat berkenaan akan mempunyai kebebasan untuk menentukan harga pasaran gula. Maka, prinsip yang kita pegang, yang saya setuju dengan Yang Berhormat Johor Bahru ialah supaya pasaran ini harus dibuka supaya ada *competition*, ada persaingan. Biar *market forces* yang akan menentukan harga jualan gula dan bukannya oleh satu atau dua tauke 'raja gula' yang semua sedia maklum.

Akan tetapi kita juga harus terima hakikat ketika 'raja gula' Robert Kuok dahulu, tidak ada kenaikan harga gula yang mendadak seperti selepas diambil alih oleh Tan Sri Syed Mokhtar. Ini juga harus kita teliti dan terima hakikat bahawa masalah yang berlaku hari ini ialah kerajaan tidak ada komitmen yang bersungguh-sungguh untuk menegur ataupun meneliti perkembangan yang berlaku yang saya mulakan tadi bahawa akhirnya, yang kaya bertambah kaya, yang miskin akan terus papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan, untuk mencapai matlamat sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, belanjawan negara perlu menekankan prinsip fiskal disiplin dan menggariskan strategi pembangunan yang peduli rakyat. Bagi saya, belanjawan negara bukan sekadar bertujuan untuk meningkatkan hasil negara tetapi menguruskan perbelanjaan secara berhemah dan efisien dan mengambil langkah yang proaktif untuk membanteras ketirisan dan juga amalan rasuah.

Amat malang sekali apabila Dewan yang mulia ini menyaksikan Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat, yang menggariskan amalan boros, rasuah, tiris dan bocor dengan jumlah yang luar biasa. Akan tetapi kerajaan tidak ada satu *political will* ataupun komitmen untuk menggariskan langkah-langkah bagi memastikan ada satu garis panduan yang cukup ketat bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

Tokoh dan pakar ekonomi yang kita punyai dalam negara Profesor Dr. Jomo dalam karya terbarunya berjudul, *'Malaysia@ 50: Economic Development, Distribution and Disparities'* menegaskan bahawa kesenjangan pendapatan dan ekonomi telah sekian lama mendominasi perbincangan ekonomi, sosial dan politik di Malaysia. Hal ini bukan sahaja tidak selesai, malah isu kesenjangan ekonomi, jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin telah menjadi perdebatan universal. Situasi ini sama seperti yang diungkap oleh *Nobel Laureate Paul Krugman* dalam satu rencana bertajuk *'Rich Man's Recovery'* dalam *New York Times* dalam satu pemerhatian yang dijalankan di *Harvard Business School*.

■1220

Krugman melihat kesenjangan ekonomi yang melampau dalam komuniti pelajar, telah menggamit perhatian dunia dan amat membimbangkan. Apa kata Krugman dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *"This society claims to reward the best and brightest regardless of family background. But in reality the children of the wealthy benefit from opportunities and connections unavailable to children of the middle and working classes."*

Menurut Krugman lagi kajian ini membuktikan wujudnya kesenjangan pendapatan yang ketara di antara golongan maha kaya dan mereka yang berpendapatan rendah. Golongan maha kaya ini menikmati kekayaan di atas kesengsaraan majoriti yang lain. Kata beliau lagi, *"If the rich are so much richer than the rest that they live in a different social and material universe, that fact in itself makes nonsense of any notion of equal opportunity."* Bajet 2014 yang dibentangkan oleh kerajaan minoriti Barisan Nasional, memperuntukkan sejumlah RM264 bilion.

Daripada jumlah ini, RM217 bilion merupakan anggaran untuk belanja mengurus, dan hanya RM46 bilion adalah bagi belanja pembangunan. Bajet 2014 masih kekal sebagai bajet defisit. Barisan Nasional kena terima hakikat bahawa mereka telah meneruskan amalan bajet defisit selama 16 tahun berturut-turut, semenjak krisis kewangan Asia. Ini merupakan kesinambungan daripada amalan dan pelaksanaan Dasar Fiskal yang lemah semenjak daripada merdeka lagi. Saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini, dalam tempoh 56 tahun negara mencapai kemerdekaan, Malaysia mengalami defisit fiskal selama 49 tahun dan hanya tujuh tahun menikmati bajet *surplus*.

Malaysia menikmati bajet *surplus* selama lima tahun berturut-turut mulai 1993 iaitu ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menerajui Kementerian Kewangan. Kerajaan pernah menjanjikan bahawa belanjawan negara akan kembali kepada belanjawan berimbang pada tahun 2005. Sebaliknya apa yang kita saksikan pada hari ini, hutang negara terus membengkak secara berganda di antara tahun 2007 dan tahun 2012 kepada RM421 bilion. Seperti yang saya tegaskan dalam perbahasan minggu lepas, ketika Yang Berhormat Permatang Pauh meninggalkan pejabat Kementerian Kewangan pada tahun 1998, hutang negara mencatatkan hanya RM80 bilion.

Manakala hari ini, seperti yang saya nyatakan tadi sehingga tahun 2012, hutang negara membengkak kepada RM421 bilion. Manakala pendapatan pada kadar hanya 31% daripada RM140 bilion kepada RM207 bilion sahaja. Pada hari ini, hutang negara seperti yang dilaporkan...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Hutang. Terima kasih Yang Berhormat Gombak dan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan hutang itu, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bentangkan belanjawan 2010 pada tahun 2009, beliau mengatakan masa itu dia lancarkan Dasar Transformasi Nasional. Jikalau kita lihat hutang selepas beliau bentangkan Dasar Transformasi Nasional. Hutang itu meningkat sebanyak 33% iaitu RM133.1 bilion daripada RM408 bilion pada tahun 2010 sehingga ke RM541 bilion pada akhir tahun ini. Jadi mengikut laporan ekonomi.

Ini merupakan 54.8% daripada KDNK. Jadi segenap sahaja capai tahap. Ini bermakna kita kehilangan keupayaan untuk menghadapi sebarang cabaran ataupun sekiranya ada kegawatan

ekonomi yang berlaku kerana tahap hutang ini hampir sampai 55%. Setuju tidak kalau kita lihat dalam soal ini Dasar Transformasi Nasional itu gagal. Sekian.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sikit sahaja soalan sama boleh tidak? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat telah menyatakan bahawasanya - saya mengikuti belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Beliau mengatakan bahawasanya pendapatan per kapita kita telah meningkat. Saya tertarik dengan apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat tadi. Bahawasanya walaupun pendapatan per kapita meningkat, tetapi jurang distribusi adalah amat ketara sekali antara yang kaya dan miskin. Ke mana arah kita sekiranya ini berterusan, yang pertama.

Kedua, Menteri Kewangan juga telah membentangkan bahawasanya ini saya hendak bertanya, saya ini bukan pakar ekonomi. Saya minta Yang Berhormat tolong jelaskan pada saya dalam Dewan ini. *Revenue* kita, pendapatan hasil kita memang meningkat, dengan kadar daripada tahun 2010 hingga 2013 dengan kadar 12%, ini *revenue*. Tetapi kita punya *operating expenditure* (perbelanjaan mengurus) meningkat dengan kadar hampir 15%. *Revenue* 12%, *operating expenditure* 15%. Jikalau ini berterusan, ke mana negara kita ini hendak pergi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota dan juga Yang Berhormat Gopeng. Hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gopeng itu memang tepat dengan statistik yang telah dinyatakan tadi. Saya ingin mengesahkan bahawa dalam laporan yang dikemukakan oleh Maybank Berhad baru-baru ini, Maybank mengunjurkan bahawa hutang negara pada tahun 2013 akan meningkat kepada RM541.3 bilion. Maybank Berhad juga telah menyatakan dalam laporan yang sama, bahawa hutang negara ini akan terus meningkat kepada RM578.4 bilion dengan iaitu 54.7% daripada jumlah KDNK.

Inilah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Gopeng, yang menjadi kebimbangan rakyat Malaysia. Daripada Arau sampai ke Johor Bahru sampai ke Sabah dan Sarawak. Mengapa kerajaan tidak mengemukakan satu strategi pembangunan yang dapat mengurangkan hutang negara. Apa yang berlaku dalam pembentangan Bajet 2014 ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan belanjawan yang bersifat deskriptif. Hendak buat jambatan, hendak buat itu, hendak buat ini tetapi tidak ada satu strategi yang cukup jelas yang boleh *respond* kepada masalah ekonomi global pada hari ini. Dengan strategi yang terkawal dan terurus, kita boleh mengurangkan belanjawan seperti yang menjadi kebimbangan rakyat.

Yang Berhormat Indera Mahkota menyatakan tentang *operating expenditures* yang juga terus membengkak. Ini juga menjadi kebimbangan. Dalam pengalaman singkat saya di Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Gua Musang pun ada di sini, biasanya *operating expenditures* ini tidak melebihi 60% daripada total bajet. Dan pembangunan di antara 30%-40%. Hari ini belanja pembangunan sudah mengecut kepada 18% dan belanja mengurus mencatatkan 88%. Tidak ada kesungguhan di dalam Kerajaan Barisan Nasional untuk menjimatkan perbelanjaan di kementerian-kementerian.

■1230

Berbeza dengan bajet Pakatan rakyat yang mencadangkan setiap kementerian akan dipotong 10% daripada belanja mengurus mereka. Akan tetapi kalau kita tengok Jabatan Perdana Menteri bukan dia potong, ditingkatkan lagi. “Jamuan Hari Raya” RM2.8 juta. Yang Berhormat Arau bertanggungjawab untuk jelaskan kepada rakyat. Yang Berhormat Seremban telah mendedahkan bagaimana *bill* elektrik dan *bill* air yang amat mengejutkan. Ya, kompleks, tutuplah. Tidak mungkin dia tidur pakai lampu kot? Jadi, maknanya apa? Kalau itulah jawapan Menteri, menunjukkan tidak ada komitmen. Tidak apa. Kompleks tidak apa. Kalau satu hari RM2,000 pun tidak apa.

Kalau inilah sikap pemimpin, bagaimana mungkin kita dapat melihat belanja mengurus dapat dikurangkan? Malahan akan terus membengkak kerana mereka tidak peduli rakyat. Sampai Pilihanraya Kecil Sungai Limau beri RM500, selesai masalah. Akan tetapi kalau ini cara kita mengurus ekonomi, kebimbangan Yang Berhormat Indera Mahkota dan juga Yang Berhormat Gopeng tadi adalah juga kebimbangan rakyat bahawa negara ini akan hancur di bawah tangan UMNO dan Barisan Nasional.

Saya hendak tunjuk satu lagi contoh. Saya beri statistik, tidak apa selepas ini Yang Berhormat Gerik boleh bangun?

Seorang Ahli: Okey.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Arau.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Arau tidak berani hendak bangun. Okey, *discipline fiscal* yang lemah menyebabkan hutang negara terus membengkak...
[Dewan ketawa]

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia bangun sebab hendak keluar, sebab tidak berani... Ha, ha duduk balik, okey.

Pada tahun 1998, ini statistik yang tidak boleh lari dan yang tidak boleh dipadamkan. Pada tahun 1998, hutang negara pada tahap 36% daripada KDNK. Kita boleh terima. Meningkatkan kepada 53% daripada KDNK dalam tahun 2012 yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Gopeng dan dijangka meningkat kepada 54% daripada KDNK dalam tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh semua penganalisis ekonomi, kadar ini adalah yang tertinggi di Asia Tenggara. Memang hebat, Malaysia mencipta rekod hutang negara yang terus membengkak. Senario ini juga menggamit perhatian rakyat Malaysia kepada persoalan *debt to revenue ratio*. Dalam tahun 2012, *Fitch Rating Agency* melaporkan bahawa kadar *debt to revenue*, hutang kepada pendapatan. Di Malaysia mencatatkan 246% semakin hampir kepada negara *Italy* yang sekarang bergelut dengan hutang yang membebankan. Negara- kadar *debt to revenue ratio* di *Italy* 261%. Malaysia, 246%. Malaysia Boleh!...

Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Gombak, boleh?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tadi Yang Berhormat Gombak sebut pasal *Fitch Rating*. Boleh percaya atau tidak *Fitch Rating* ini? *Fitch rating* ini kata menurun. Dahulu *Global Financial Integrity* (GFI) kata kita ini teruk, RM80 bilion setahun lari ke luar negara. *Auditor General* pun kata kerugian RM20 bilion, RM30 bilion ke RM40 bilion kerana ketirisan dan sebagainya. Selepas itu, *Earnest and Young* pula ada menyebutkan beberapa perkara yang negatif berkenaan dengan ekonomi negara kita. Boleh percaya atau tidak report semua ini?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini soalan provokasi. *Fitch Rating* dan agensi-agensi antarabangsa ini memberikan pandangan dan teguran mereka. Kalau UMNO sebelum ini tidak boleh menerima hujah daripada Pakatan rakyat, sekurang-kurangnya dengar pandangan daripada badan-badan antarabangsa ini. Kalau tanya Yang Berhormat Pontian, yang boleh dipercayai hanya *Utusan Malaysia* dan TV3, yang lain tidak boleh dipercayai. Akan tetapi tidak mengapa, kita bertanggungjawab untuk berdiri dan bangkit dalam Dewan ini untuk membawa suara rakyat supaya perkara ini dapat ditangani dengan sebaiknya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Malaysia di bawah pengurusan UMNO ini sedang mengalami satu jenis penyakit. Nama penyakit ini ialah *fiscal fatigue* ataupun lelah kewangan, tercungap-cungap. Biasanya orang kalau sudah lelah ini dalam beberapa masa akan masuk ICU. Selepas ICU itu dilaksanakan GST, *insya-Allah* kita akan menyaksikan majlis pengebumian UMNO selepas ini.

Apa yang kita hadapi hari ini, negara hari ini sedang mengalami- yang saya sebut tadi penyakit *fiscal fatigue*, lelah kewangan. Ini kerana mereka tidak ada *fiscal space* untuk berbelanja. Maka terpaksa hutang meningkat dan ini pastinya akan membebankan rakyat yang terbanyak dan mereka tidak ada *political will* untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara baru-baru ini.

Untuk tujuan itu, kita dengar baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melaksanakan GST. Beberapa kenyataan daripada Yang Berhormat Pontian dan pemimpin UMNO menyatakan kita menolak GST.

Saya hendak tegaskan bahawa Pakatan Rakyat tidak pernah mengambil pendirian menolak GST. Pendirian kita jelas. GST ini merupakan satu sistem percukaian yang cukup *transparent*, telus, efisien dan untuk satu jangka masa yang panjang ianya akan memberikan kebaikan kepada sistem ekonomi negara. Kita akui itu tetapi persoalannya apakah Malaysia sudah bersedia untuk melaksanakan GST? Ini persoalan yang harus ditanya dan dibahaskan dalam Dewan ini. Apabila mengundi nanti dalam beberapa hari yang akan datang, jangan menggunakan kuasa majoriti. Saya minta pimpinan UMNO menggunakan *coution* mereka kerana GST ini akan pastinya membebankan rakyat miskin di bawah. Ini bukan pendirian saya sahaja tetapi pakar-pakar ekonomi telah mula membahaskan bagaimana GST ini membebankan rakyat.

Kita kena tahu bahawa *working population* di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, hanya 10% yang membayar cukai. Sedangkan 90% lagi adalah di kalangan mereka yang berada di luar *income tax bracket* ini. Jadi 10% sahaja yang bayar. Kita juga bersetuju bahawa negara kita tidak

boleh terus bergantung kepada hasil pendapatan daripada cukai petroleum dan juga gas. Maka kita sedar bahawa kita punya *tax based* di Malaysia ini agak sempit, agak *narrow*. Kita memerlukan satu reformasi sistem percukaian yang menyeluruh supaya dapat digubal segera dan bersifat *broad based* dan juga komprehensif bagi menggantikan SST yang sekarang sedang dalam pelaksanaan dan menyumbang 7% kepada pendapatan negara.

Akan tetapi pada masa yang sama yang saya tekankan di awal tadi, masalah yang dialami oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini ialah kerana mereka tidak mengamalkan *fiscal discipline* yang ketat. Bocor, tiris, rasuah, salah guna kuasa, harga RM5 dia jual RM500. Laporan Ketua Audit Negara dicampakkan, dibakulsampahkan dan tidak dipedulikan. Kalau ini sikap ataupun disiplin yang diamalkan, tidak mungkin kita boleh mencatat satu kejayaan dalam pengurusan ekonomi.

Sebab itu saya hendak tegaskan kepada- berkongsi dengan Yang Berhormat Pontian dan juga Yang Berhormat Arau, bahawa kalau kita lihat di negara-negara maju, apa falsafah pelaksanaan GST? Kalau saya dengar daripada Yang Berhormat Senator, mengatakan, "Apabila kita melaksanakan GST mulai April 2015, pendapatan negara akan meningkat kepada RM27 bilion".

■1240

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini bertentangan dengan falsafah GST. Falsafah dan matlamat pelaksanaan GST bukan untuk mencipta hasil baru atau meningkatkan pendapatan bagi negara. Tidak! Akan tetapi, untuk memastikan satu sistem percukaian yang komprehensif. Ia juga bertujuan sebagai rangsangan kepada rakyat untuk meningkatkan simpanan. Oleh sebab, GST ini bersifat kita cukai kalau rakyat itu *consume* barangan tersebut. *Without consumption* tidak ada *tax*. Maka, bila dia tidak membayar cukai, dia boleh simpan, menabung. Itu prinsipnya.

Akan tetapi, apa yang dibuat oleh UMNO dan Barisan Nasional ialah untuk memperkenalkan GST untuk meningkatkan pendapatan kerana pendapatan negara sekarang sudah mengecil kerana boros dan rasuah mereka. Mengapa hendak dibebankan kepada rakyat miskin? Kalau kita lihat kejayaan pelaksanaan GST di negara-negara maju ialah kerana infrastruktur sistem percukaian mereka kukuh. Apabila mereka memperkenalkan GST, cukai pendapatan ataupun *income tax* dan *corporate tax* ini diturunkan. Ia bergerak secara bertentangan.

Apabila kita naikkan dengan satu kadar GST, *income tax* dan *corporate tax* turun. Itu pelaksanaan di negara-negara maju. Akan tetapi, kita lihat apabila Perdana Menteri umumkan dalam Bajet 2014, beban GST ini dikurangkan dengan pemberian BR1M. Kadar penurunan ke atas cukai pendapatan terlalu minimum, satu hingga dua mata. Ini tidak boleh berlaku dalam keadaan di mana UMNO mencadangkan GST pada kadar 6%, kemudian membandingkan dengan Singapura. Mereka memadamkan fakta bila Singapura mula melaksanakan GST ianya pada kadar 3%. Mengapa UMNO hendak mengenakan satu beban cukai yang begitu tinggi ke atas rakyat miskin? Sebanyak 6% dan penurunan untuk *income tax* itu kecil.

la ada kaitan dengan hujah saya di awal tadi iaitu 90% daripada *working population* di Malaysia tidak membayar cukai. Jadi, sama ada turun atau tidak *income tax* dan *corporate tax* ini tidak memberi kesan kepada mereka sebelum ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi, sekarang mereka dibebankan pula dengan GST iaitu 6%. Di mana rasionalnya UMNO dan Barisan Nasional untuk melaksanakan GST dalam keadaan infrastruktur sistem percukaian dalam negara kita belum bersedia? Kalau negara ini negara maju, rakyatnya berpendapatan tinggi, kita boleh terima hakikat bahawa sistem percukaian ini merupakan sistem yang efisien dan telus, boleh meningkatkan kemajuan ekonomi negara kita.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Gombak, boleh sekejap?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, saya ingin ingatkan mengenai dengan masa. Sebetulnya, saya sudah kasi *extra* masa lebih kurang lapan minit, sembilan minit oleh kerana gangguan daripada Yang Berhormat Johor Bahru tadi. Apabila respons diberi kepada Yang Berhormat Sepang, ingat sedikit kepada masa.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, sepatutnya berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jumlah berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya akan *straight*, saya akan ringkaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya telah dipersetujui bahawa setiap Ahli diberi setengah jam. Jadi, Yang Berhormat tadi mulai 12.03 jadi seharusnya Yang Berhormat akan berhenti pada 12.35. Akan tetapi, saya sememangnya kadang-kadang kalau mendengar ucapan yang saya minat, kadang-kadang saya hilang '*tanduhan*' *[Dewan riuh]* Dengan itu, kerana...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Alang-alang Tuan Yang di-Pertua, sampai pukul 1 lah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Akan tetapi mesti atas persetujuan daripada teman-teman daripada sebelah sini kerana mereka pun mahu berhujah. Kalau saya tidak apa-apa. Sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak tentang GST ini ya, bahawa sepatutnya kita tutup dahulu segala kebocoran dan sebagainya. Saya ingin berkongsi maklumat dengan Yang Berhormat Gombak dan saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat Gombak.

Kalau kita baca dalam buku, "*Fiqh alZakah*", buku yang ditulis oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi, tesis Ph.D dia. Beliau menceritakan bagaimana dalam sejarah Islam pernah berlaku di mana

pemerintah apabila sebagai contoh Sultan Qutus, seorang Raja Mesir yang mana tentera Qatar, tentera Mongol menyerang Mesir itu dengan menawan Syria. Ketika itu Sultan Qutus ini panggil para ulama. Antara ulama yang dipanggil ialah Imam Izzudin ibn Abd' as-Salam yang dipanggil Sultan Ulama. Dia telah memberi nasihat. Sultan kata "*Boleh tidak kita pungut cukai daripada rakyat?*" Dia kata, "*Boleh*".

Akan tetapi, saya baca apa yang dia katakan. Terjemah dalam Bahasa Melayu. "*Kalau musuh serang bumi umat Islam, semua umat Islam wajib untuk melawan. Maka, ketika itu kamu dibolehkan untuk memungut cukai daripada rakyat. Amaun yang boleh membantu kamu kepada jihad itu dengan syarat tiada lagi harta dalam perbendaharaan negara.*" Maknanya sudah kosong langsung. "*Kamu jual segala pakaian-pakaian kamu yang dihiasi bersulam emas. Makna, segala harta-harta mewah yang kamu dan tentera kamu miliki kamu kena jual dahulu sehinggakan tentera, tinggal senjata sahaja dan kamu dengan tentera hidup seperti rakyat biasa. Adapun memungut dana daripada orang-orang awam sedangkan kamu dan tentera kamu masih mempunyai harta dan barangan-barangan mewah, pungutan cukai tidak dibenarkan*". Apa pandangan Yang Berhormat Gombak?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Prinsip dalam Islam soal percukaian itu cukup jelas dan cukup menarik, yang sepatutnya menjadi asas sistem percukaian kita. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang mungkin kita boleh cadangkan kepada UMNO, jual dahulu. Jangan laksanakan GST. Jual dahulu cincin. Saya tidak merujuk kepada sesiapa. Jual dahulu beg *Birkin*, jual dahulu kondominium yang kini dihuni oleh lembu. Jual dahulu supaya pendapatan ini dapat meringankan bebanan rakyat.

Akan tetapi dalam keadaan saya hendak sambung Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat juga statistik, 40% daripada rakyat Malaysia pendapatan isi rumahnya kurang daripada RM2,500 sebulan. Sebanyak 80% daripada mereka adalah orang Melayu dan bumiputera. Ini UMNO kena ingat, jangan hanya ada Perhimpunan UMNO, ada pemilihan "*Hidup Melayu, hidup Melayu*". Melayu mana yang hidup Tuan Yang di-Pertua? Sebanyak 80% daripada 40% rakyat yang berpendapatan isi rumah kurang RM2,000 ini adalah orang Melayu bumiputera yang mereka memang tidak pernah bayar cukai pun.

Akan tetapi, hari ini dengan sistem yang diperkenalkan oleh UMNO, mereka kena bayar 6% GST. Jangan! Hal ini kerana ia akan menekan kelompok yang berpendapatan rendah yang saya sebutkan tadi dan juga rakyat miskin. Saya telah tegaskan sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, bila kita bicara rakyat miskin, bukan soal miskin tegar tetapi golongan yang saya kategorikan sebagai *young workers* ataupun *newly married couples*. Baru mendirikan rumah tangga dan keluarga yang mempunyai bebanan ataupun tanggungan yang ramai. Mereka baru *graduate*, baru habis belajar, baru mendapat pekerjaan. Kumpulan ini yang saya sebut ini dia tidak semestinya *hardcore poor* tetapi mereka golongan yang mempunyai bebanan hutang yang cukup besar, yang selalu kita sebut *household debt* ini. Hutang kenderaan, hutang perumahan, hutang pendidikan, cukup besar.

Sekarang golongan ini dibebankan pula dengan 6% GST. Ini satu kerajaan yang saya kira tidak peduli rakyat dan saya mendesak supaya perkara ini diteliti semula. Kalau perlu...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Pendapatan yang lebih dalam keadaan sekarang, tutup dahulu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang. *Leakages, wastage*, amalan rasuah berbilion ringgit. Laporan Ketua Audit Negara mencatatkan hampir RM20 bilion yang bocor...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang tiris setiap tahun. Ya, sila.

■1250

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Adakah tindakan Kerajaan Barisan Nasional untuk mengamalkan percukaian GST merupakan bahawa pihak yang paling memberikan sokongan kepada Barisan Nasional, mereka kena pula hukuman daripada Barisan Nasional dari segi GST. Golongan dari kampung-kampung, golongan kaum bumiputera di Sabah, Sarawak yang sebelum ini tidak bayar cukai. Oleh kerana mereka telah pun memberikan sokongan kepada Barisan Nasional, sekarang mereka kena pula daripada kerajaan yang disokong oleh mereka.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya mulakan ucapan perbahasan saya tadi menyatakan ini adalah '*rich man budget*'. Apabila kerajaan itu dibentuk atas dasar minoriti, inilah jadinya. Kerajaan minoriti yang tidak pernah berlaku dalam sistem politik Malaysia. Dia menang dengan undi minoriti itu pun kerana disokong oleh tauke-tauke besar yang menjadi kroni mereka. Jadi bila dia sudah menang ...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dengan undi kecil, mereka terpaksa jaga tauke-tauke ini dengan harapan kalau ada pilihan raya kecil, ada pilihan raya yang akan datang, mereka akan sumbang semula, mereka hendak tampung perbelanjaan tauke-tauke ini. Akan tetapi rakyat susah, yang memberikan sokongan kepada mereka dalam pilihan raya, mereka bebaskan dengan cukai yang membebaskan ini. Oleh sebab itu saya kata, bila ada pilihan raya kecil di Sungai Limau turunlah gerombolan UMNO bawa pelbagai bentuk imbuhan, sogokan. Beri susu pun susu basi. Apalah. Janganlah hina rakyat sedemikian rupa sama ada orang Melayu, orang Cina, India, Iban, Kadazan, hormatlah mereka. Mereka rakyat yang ada maruah, jangan dibebankan dengan sistem percukaian ini [*Tepuk*] Ya Yang Berhormat Langkawi. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya tertarik dengan kata-kata Yang Berhormat Gombak tadi bahawa GST akan menekan masyarakat luar bandar dan marhaen masyarakat rendah. Akan tetapi sedarkah Yang Berhormat Gombak bahawa GST ini merupakan bukan cukai baru, ini adalah cukai penggantian kepada SST. Kalaupun orang di luar bandar dahulunya mereka membeli barang-barang, barang-barang itu juga

dikenakan cukai di bawah SST iaitu 5% *sales tax* ataupun 10% *sales tax*, kemudian dicampurkan dengan *service tax* sebanyak 6%, maksimum 16%. Akan tetapi pada masa yang sama, apabila SST ini ditarik diganti dengan GST, maka keadaan itu akan bertambah kurang sepatutnya. Ini kerana SST ialah 16%, GST 6%. Ini bukan *tax* yang baru, tetapi *replacement of the existing tax, SST*.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak, bagaimana boleh perkara ini Yang Berhormat Gombak kata bahawa rakyat akan terkena dengan GST yang baru, sedangkan sebelum ini pun sudah kena sudah. Keduanya saya hendak tanya, lari sedikit idea saya ini, tidak apa bagi yang itu dahulu Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Langkawi. SST ini, *sales and service tax* ini yang memang telah diamalkan dan saya sebut dalam perbahasan saya yang telah menyumbang 7% daripada pendapatan negara tidak dibuat secara menyeluruh. Bukan kesemua barangan ataupun perkhidmatan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat miskin. Kalau Yang Berhormat Langkawi makan di KL Hilton tidak apalah, bayarlah. Akan tetapi pengundi Yang Berhormat di Pulau Langkawi itu, mereka tidak mampu...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [Bangun]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti sekejap. Mereka tidak mampu hendak makan di KL Hilton ataupun di hotel-hotel yang mewah. Jadi tidak kena ke atas mereka. Itu yang pertama. Kedua saya nyatakan tadi, 90% daripada rakyat Malaysia adalah di luar daripada *income tax bracket*. Mereka tidak semestinya miskin tegar. Mereka ini golongan yang baru mendirikan rumah tangga ataupun *young workers*. Kalau saudara tengok Yang Berhormat, saya baru hendak sambung kalau ada satu Yang Berhormat Langkawi, saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat. FOMCA, baru-baru ini mengemukakan satu laporan sejumlah 47% pekerja muda yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, *young workers, newly married couple*. Sebanyak 47% pekerja muda di negara ini dibebankan dengan jumlah hutang yang begitu serius. Sementara itu, kajian Pusat Pendidikan dan Penyelidikan Pengguna menyatakan lebih 30% daripada gaji golongan muda ini digunakan untuk membayar hutang.

Maknanya, satu pertiga daripada pendapatan mereka terpaksa digunakan untuk membayar hutang. Sekarang ini mereka ini tidak perlu bayar *income tax* dan *corporate tax* sebelum ini, tetapi sekarang dibebankan pula dengan GST 6%. Ini yang saya maksudkan, apabila GST ini dibuat dan memang matlamatnya satu reformasi sistem percukaian supaya ianya lebih menyeluruh di mana setiap rakyat itu *cheap in to pay tax* kepada kerajaan tetapi biarlah infrastruktur itu lengkap dahulu. Kalau negara ini negara yang maju, berpendapatan tinggi, tidak mengapa. Akan tetapi yang saya nyatakan tadi, 40% rakyat Malaysia mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500.

Kalau di Australia, kalau kita hendak bandingkan sebab Perdana Menteri bandingkan dengan Singapura, Australia, Zimbabwe, ini pun tidak betul juga. Zimbabwe, *Cambodia* semua ini

mereka tidak ada *base* sebagai asas sistem percukaian, maka mereka mulakan dengan GST tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, ada empat minit lagi untuk rehat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya. Akan tetapi di Australia untuk makluman Yang Berhormat Langkawi, *the bottom 20%* maknanya 20% yang terbawah itu adalah di kalangan mereka yang kuasa ekonomi lebih tinggi daripada golongan *middle income group* di Malaysia. Jadi mereka boleh laksanakan. Pendapatan mereka minimum RM5,000 sebulan, tidak apa. Akan tetapi kalau kita RM2,500 sebulan, tidak mungkin suasana hari ini membenarkan kerajaan untuk melaksanakan GST. Pendek sahaja sebab saya tinggal empat minit.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya masih berkisar kepada pertanyaan saya tadi, Yang Berhormat Gombak mengatakan bahawa GST ini akan menekan masyarakat yang di bawah. Yang Berhormat Gombak juga mengatakan bahawa orang itu hutang banyak, dia ditekankan lagi. Akan tetapi dari segi simulasi, penekanan ini tidak berapa banyak kerana kementerian buat *simulation* RM2,000 pendapatan, dia hanya kena bayar ekstra RM25 ataupun 1.9% pada keadaan sekarang. Jadi saya ingat RM25 ini tidak memberi kesan yang besar kepada orang yang bergaji RM2,000. Akan tetapi pada masa yang sama, saya hendak tekankan juga di sini, orang yang macam mana pun tidak bayar *tax* dan sebagainya, dia masih juga membayar *tax* kepada barang-barang yang dia beli sebelum ini dengan menggunakan SST.

Akan tetapi sekiranya guna GST, dia tidak perlu bayar *tax* kalau dia pergi beli di kedai yang tidak sampai RM500,000 *threshold* tiap-tiap tahun. Maksudnya kedai yang ada RM500,000 jualan hanya akan mengenakan GST tetapi kalau dia tidak mahu dikenakan GST, dia pergilah kedai yang ada RM500,000 *threshold*. Di samping itu, saya berpendapat Yang Berhormat Gombak bahawa bukan semua barang daripada 940 barang dalam *basket* kita, kita akan dikenakan GST. GST akan dikecualikan ataupun GST *zero* kepada hampir kepada lebih 300 barang termasuk barang makanan dan sebagai. Jadi bagaimana pendapat Yang Berhormat Gombak?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya ringkas sahaja. Pertama, mungkin RM25 tidak besar pada Yang Berhormat Langkawi tetapi RM25 besar bagi rakyat di desa, di kampung yang tidak ada pekerjaan, itu yang pertama. Kedua, saya hendak *quote* Profesor Mohamed Ariff daripada *The Global University of Islamic Finance* yang menyatakan, "*Unlike the SST the GST is comprehensive as it is imposed on every point of transaction along the supply chain.*" Maknanya setiap *point* itu dikenakan cukai GST. Ini yang menyebabkan pakar-pakar....

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [Bangun]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti sekejap. Pakar-pakar ekonomi pun menolak pelaksanaan GST dalam keadaan negara Malaysia yang belum mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rumuskan bahawa ianya juga memberikan kesan kepada inflasi. CIMB telah mengemukakan satu laporan yang ada di tangan saya menyatakan, "*Apabila dilaksanakan GST ini, inflasi akan meningkat 2%.*" Apatah lagi bila subsidi telah dibatalkan. Bila subsidi dibatalkan, maknanya dia punya *cost of production* ini tinggi. Bila *cost of production* tinggi, *purchasing power* pun menurun menyebabkan inflasi akan meningkat.

Kalau sistem itu ada infrastruktur yang cukup kukuh, menyebabkan masyarakat perniagaan mungkin akan melakukan penipuan dalam proses percukaian. Ini akan menyumbang kepada kadar inflasi yang lebih tinggi. Maka pada tahun 2015, kita menjangkakan inflasi akan mencatat 5.5%. Ini tidak boleh dibenarkan dalam keadaan ekonomi yang lembap dan pendapatan rakyat negara kita belum mencapai satu tahap yang memuaskan. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang cukup sabar mendengar celoteh dan perbualan saya. Mungkin ini berkat orang yang mendapat haji yang mabrur [*Ketawa*] Lebih sabar, tekun mendengar. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengamati tadi ucapan daripada Yang Berhormat Gombak lebih kurang 57 minit saya catat. Dalam ucapan yang begitu panjang lebar, cuma satu mesej yang saya dapat iaitu keadilan. Jadi saya ambil iktibar daripada itu, maka masa terpaksa saya bagi secara adil juga Yang Berhormat Gombak.

Jadi dalam *list* saya nanti, Barisan Nasional akan berhujah kalau bukan Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Merbok atau Yang Berhormat Tasek Gelugor. Jadi Yang Berhormat juga siapa sahaja yang berdiri nanti belakang hari mempunyai masa 57 minit. Jadi gunakan masa itu dengan sebaik mungkin. Itu sebab di awal tahun ini Yang Berhormat Gombak, saya menyarankan dengan ikhlas bahawa saya kata, alangkah baiknya kalau umpamanya daripada barisan pembangkang mempunyai *schedule cabinet* yang berhujah mengenai dengan hal-hal tertentu.

Umpamanya siapa yang berminat dengan kewangan, beri kepada Yang Berhormat berkenaan. Ini kerana bukan semua Ahli Yang Berhormat dapat berhujah. Lebih baik perbualan itu, semua idea dapat dikumpulkan, disampaikan oleh seorang daripada semua mahu berhujah. Itu sebab kenapa saya cadangkan begitu.

Jadi kelemahan saya Ahli Yang Berhormat, pada suatu hari dahulu saya mempengerusikan mesyuarat 8 jam 53 minit bukan kerana fasal apa. Ada yang menyatakan bahawa saya pakai *pampers*, tidak ada pun [*Ketawa*] Saya minat dengan apa yang disentuh pada ketika itu, makanya saya tidak ingat masa.

Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak ada yang bangun? Yang Berhormat Sekijang.

2.32 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terlebih dahulu saya mengucapkan segulung penghargaan serta ribuan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 2014 tempoh hari yang dilihat merangkumi segala aspek untuk pembangunan dan kemajuan negara. Bajet 2014 yang dibentangkan melibatkan keseluruhan RM264.2 bilion ini bukan sahaja tertumpu kepada usaha kerajaan menjadikan Malaysia maju tahun 2020, malah turut mengambil kira keperluan dan kehendak rakyat dari pelbagai latar belakang.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi komunikasi dan maklumat atau dalam bahasa Inggerisnya, *information and communication technology*, dengan izin, ataupun ICT memainkan peranan penting dalam pembangunan serta kemajuan negara. Kurang tujuh tahun dalam mencapai sasaran negara maju, mahu tidak mahu, bidang ICT seharusnya diberi penekanan yang lebih bagi membolehkan kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain. Untuk pengetahuan Dewan, industri ICT telah berkembang sebanyak 10% setiap tahun bagi tempoh masa lima tahun yang lalu. Pada tahun ini, industri ICT bernilai RM55 bilion dan diunjurkan mencapai nilai RM100 bilion pada tahun 2017. Industri ini juga akan menjadi pemain utama KDNK negara pada tahun 2020 dengan pegangan 20%.

Selain itu, indeks pembangunan ICT yang dijalankan International Telecommunication Union untuk tahun 2012 meletakkan Malaysia di tangga ke-58 dunia dan tempat kesembilan di kalangan negara Asia. Kajian tersebut juga mendapati industri pembuatan berkaitan ICT di Malaysia memainkan peranan yang penting sewaktu negara menghadapi krisis ekonomi dunia. Ini meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju yang lain di Asia seperti Korea Selatan dan Jepun.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 yang dibentangkan baru-baru ini sekali lagi tidak terlepas dari memberikan perhatian khusus kepada industri berkaitan dengan ICT ini. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Bajet 2014 kali ini telah mencadangkan beberapa inisiatif serta program khas bagi memastikan industri ICT terus berkembang maju seiring dengan peredaran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat pada tahun lalu, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM3 bilion bagi industri ICT. Pelbagai program serta inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat telah dan sedang dijalankan. Program latihan serta penyelidikan berkaitan dengan ICT dan *high-tech* begitu kita utamakan. Sejumlah RM600 juta telah diperuntukkan untuk universiti-universiti

tempatan bagi menjalankan kajian dalam bidang berteknologi tinggi. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM50 juta untuk membantu golongan usahawan di bawah *New Entrepreneur Foundation*.

Jika di kampung dahulunya, agak sukar mendapatkan liputan internet terutamanya dalam kawasan sayalah dahulu Tuan Yang di-Pertua, di Sekijang. Sekarang, telah banyak kampung yang dinaiktarafkan liputan internetnya. Kini sudah ada kampung tanpa wayar. Telah banyak pekan atau bandar kecil yang terdapat pusat internet 1Malaysia yang membolehkan penduduk luar bandar mendapatkan informasi dengan mudah.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa komen beberapa orang rakan-rakan terutamanya generasi baru ataupun orang-orang muda. Mereka minta supaya kerajaan melihat semula terutamanya di pihak SKMM memantau adakah kampung tanpa wayar ini dengan pencawangnya yang pelbagai itu, berfungsi atau tidak? Ada setengah-setengah tempat itu, dia berfungsi hanya dalam tempoh masa setahun ataupun tempoh masa jaminan. Selepas itu tidak berfungsi lagi. Saya minta pihak SKMM melihat semula perjalanan kampung tanpa wayar ini. Golongan belia juga tidak terkecuali Tuan Yang di-Pertua. Tahun lalu kerajaan memperuntukkan....

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sekijang. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat banyak bercakap tentang ICT, kaedah penggunaan sekarang. Sedarkah Yang Berhormat, rakyat kini banyak menggunakan ICT atau internet ini untuk membeli ubat-ubatan atas pelbagai sebab tanpa mendapat nasihat atau preskripsi daripada doktor dan tanpa menghiraukan kesan-kesan sampingan yang mungkin akan terjadi. Apa pendapat Yang Berhormat Sekijang tentang senario yang macam ini?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih sahabat daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Saya baru bercerita pasal menara telekomunikasi, dia sudah tanya pasal perubatan. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan sahabat saya daripada Bagan Serai. Kita lihat hari ini ramai pengguna terutamanya pengguna-pengguna yang berada di dalam kawasan bandar dan juga luar bandar, mereka menggunakan peluang teknologi komputer ataupun internet ini untuk membuat pesanan tentang barang-barang berkaitan dengan perubatan. Saya difahamkan, SKMM ada akta di panggil Akta Teleperubatan 1997 yang diperkenalkan di bawah akta ini.

Kerajaan mensyaratkan mana-mana doktor boleh sebenarnya melaksanakan aktiviti melibatkan perubatan ini melalui teknologi internet. Cuma, apa yang kita risaukan hari ini ialah ramai di kalangan pengguna kita membeli produk-produk perubatan ini Yang Berhormat Bagan Serai, mereka tidak mendapat nasihat ataupun pandangan daripada doktor ataupun pakar-pakar yang berkaitan. Jadi kita risau perkara ini akan menjadi trend dan ia akan memberikan keadaan yang tidak baik untuk kesihatan rakyat dalam negara kita.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat pada tahun lalu, kerajaan telah memperuntukkan memang lebih daripada RM3 bilion untuk industri ICT. Seperti saya sebut tadi, golongan belia juga tidak terkecuali. Tahun lalu juga kerajaan memperuntukkan sebilangan besar

dana untuk pemberian secara *one-off* bagi membolehkan mereka membeli telefon bimbit pintar. Sebagai rekod seramai 1.2 juta orang belia mendapat manfaat dari inisiatif kerajaan ini. Ini bukti jelas kerajaan begitu menitikberatkan penggunaan ICT di dalam kehidupan seharian tanpa mengira lapisan umur.

■1440

Cuma Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pakej berkaitan dengan telefon bimbit pintar ini, jumlah belia di negara kita adalah seramai hampir 13 juta orang tetapi hanya 1.2 juta orang sahaja yang dapat memanfaatkan pakej ini. Saya melihat supaya kerajaan dapat menggerakkan lagi kempen tentang pembelian telefon bimbit pintar ini dan memberikan lebih lagi perkara-perkara yang boleh memberikan minat kepada golongan muda ini dalam memastikan telefon bimbit pintar yang mereka beli ini betul-betul memberikan manfaat kepada mereka. Saya juga berharap dengan bajet yang kita berikan ini, orang-orang muda terutamanya golongan belia dapat memanfaatkan sebaik mungkin pembelian telefon bimbit pintar secara *One-Off* ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 yang dibentangkan memperincikan bahawa sejumlah RM1.8 bilion akan diperuntukkan kepada projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi, fasa 2 atau pun *High-Speed Broadband project, phase 2* atau ringkasannya HSBB2. Kerajaan komited dalam memastikan capaian internet dapat dirasai oleh semua rakyat. Oleh yang demikian cadangan meningkatkan kelajuan internet dari *4 megabit per second* kepada *10 megabit per second* amatlah dihargai bukan sahaja mereka di bandar- saya ingatkan bukan sahaja mereka di bandar, malah penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Sekijang, apa yang menjadi masalah hari ini masih ada lagi pengguna yang menggunakan di bawah kelajuan *4 megabit per second* ini. Ini memberikan kesan yang saya rasa tidak baik kepada penduduk di luar bandar. Kalau dilihat di tempat saya sendiri teknologi berkaitan internet ini tidak dapat diberikan dengan baik. Mungkin kerana faktor berkaitan daripada Telekom sendiri yang tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan berkaitan teknologi internet ini. Cuma saya berharap supaya kawasan-kawasan luar bandar juga diberikan tumpuan oleh kerajaan supaya *10 megabit per second* ini lakukanlah pekan-pekan kecil tetapi bandar-bandar terutamanya bandar-bandar dalam daerah setiap negeri ini dapat diberikan kemudahan kelajuan internet *10 megabit per second*.

Tuan Yang di-Pertua, HSBB2 ini dijangka memberi liputan kepada lebih 2.8 juta orang penduduk di bandar selain menghubungkan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak melalui kabel bawah laut. Projek ini juga dijangka memberi impak besar kepada ekonomi tempatan terutamanya kepada rakyat di luar bandar kerana mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan yang lebih banyak. Kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM1.6 bilion bagi membina 1,000 menara pencawang terutamanya di kawasan luar bandar.

Namun begitu jumlah peruntukan ini haruslah dikawal rapi memandangkan projek seperti ini terutamanya di luar bandar dijangka memakan kos yang agak tinggi. Saya baru mendapat jumlah kos untuk membina pencawang tidak termasuk dengan harga *telco equipment*. Nilai yang

saya terima ialah RM90,000 hingga RM440,000. Itu kos untuk membina satu pencawang tanpa termasuk nilai *telco equipment*. Saya dimaklumkan jika termasuk kos *telco equipment* ia akan mencecah sehingga RM700,000 untuk satu pencawang. Dengan peruntukan sebanyak RM1.6 bilion lebih kurang dalam 300 pencawang sahaja dapat kita bina. Kalau kita hendak melaksanakan proses ini kecuali jika ada beberapa tempat yang tidak memerlukan pencawang hanya menggunakan kaedah *rooftop*, ia akan lebih murah.

Kita tidak mahu adanya ketirisan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kos tersebut. Seperti yang diumumkan cukai barangan dan servis atau GST. Saya kira ramai rakan-rakan sudah mula berbincang tentang hal berkaitan GST ini, akan dilaksanakan mulai April 2015. Kita sedia maklum bahawa industri ICT ini berkembang begitu pantas dan ini bermakna kos untuk menjalani latihan berkaitan industri ini adalah sangat tinggi. Mereka yang terlibat dalam industri ICT ini boleh menarik nafas lega apabila latihan berkaitan industri ini akan diberikan diskaun khas apabila GST dilaksanakan. Memandangkan kos bagi latihan dan pembangunan ICT adalah agak tinggi, insentif kerajaan ini sangat-sangatlah dialu-alukan.

Selain daripada itu perusahaan kecil sederhana atau pun PKS yang mampu berdaya saing dengan produk berinovasi tinggi tidak akan dilupakan. Bajet 2014 yang dibentangkan memperuntukkan RM50 juta untuk *Malaysia Global Innovation and Creativity Centre* atau pun MaGIC. Dia bukannya buat *magic* tetapi untuk *Global Innovation and Creativity [Disampuk]* Pusat latihan, sebuah pusat latihan, dengar- sebuah pusat latihan yang akan melatih PKS menghasilkan produk yang mampu bersaing dengan produk lain. Selain itu sejumlah RM120 juta akan disalurkan kepada PKS yang dilihat bakal membantu PKS dalam penghasilan produk-produk tersebut dan kita mengharapkan agar industri ICT juga dapat peluang yang sama.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih lagi kekurangan *human capital*, dengan izin, dalam bidang ICT ini. Pakar-pakar serta profesional dalam bidang ICT meluahkan kebimbangan kerana industri seperti kewangan dan perbankan, perubatan seperti Yang Berhormat Bagan Serai sebut tadi, logistik serta minyak dan gas masih lagi kekurangan tenaga mahir dalam ICT. Kita berharap pemantauan serta kajian berterusan dapat dijalankan oleh kerajaan bagi memastikan setiap program latihan berjaya melahirkan pakar-pakar yang mampu memastikan impian negara ke arah negara maju menjadi kenyataan. Kerajaan juga harus sentiasa peka dengan perkembangan terkini di bidang ICT. Memandangkan ICT merupakan industri yang pesat dan pantas membangun, program latihan juga haruslah sentiasa menepati kehendak peredaran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak lagi sedikit dari tajuk ICT. Hendak cerita pasal pelancongan. Pada tahun 2014 sekali lagi bakal menyaksikan Malaysia dibanjiri pelancong asing. Ini bersesuaian dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 dengan tema, "*Celebrating 1Malaysia, Truly Asia*", 1Malaysia *celebrating*. Negara dijangka menjana pendapatan sehingga RM76 bilion dengan kehadiran lebih 28 juta orang pelancong ke dalam negara. Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, kali terakhir kerajaan mengadakan promosi besar-besaran berkaitan dengan pelancongan adalah pada

tahun 2007 iaitu tahun di mana negara menyambut sambutan Jubli Emas atau pun TMM 2007 yang menyaksikan Malaysia dikunjungi hampir 21 juta orang dan berjaya menjana pendapatan melalui industri pelancongan ini lebih daripada RM47 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Julai 2013, jumlah penumpang di lapangan terbang seluruh negara telah meningkat kepada 43.9 juta orang berbanding 38.6 juta orang untuk tempoh yang sama bagi tahun 2012. Kerajaan akan menyediakan dalam Bajet 2014, RM700 juta bagi membina pusat pengurusan trafik udara baru di KLIA bagi menggantikan pusat sedia ada di Subang yang telah berusia lebih daripada 20 tahun. Selain itu peruntukan sebanyak RM312 juta akan diberikan bagi menaik taraf beberapa lapangan terbang, antaranya di Kota Kinabalu dan Miri, juga Kuantan dan juga Langkawi. Inisiatif kerajaan ini adalah tepat dan kena pada masanya...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Ya, silakan Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Miri disebut tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelancongan ini mesti ada kesinambungan penerbangan daripada satu negara ke satu negara barulah kita mendapat jumlah pelancongan yang tinggi.

Apakah pandangan Yang Berhormat Sekijang, kita juga di Bandar raya Miri mempunyai tempat-tempat pelancongan yang indah. Pantainya, guanya, air terjunnya. Boleh atau tidak penerbangan terus dari negara China melalui Kota Kinabalu ke Miri atau pun dari negara China terus ke Bandaraya Miri, Airport Miri. Jangan kita hanya melalui Kuala Lumpur di mana penerbangannya akan menyekat penerbangan MAS Airline kerana pelawat-pelawat dari negara China inilah yang ramai datang ke sini yang membelanjakan wang mereka.

Boleh atau tidak, Miri ada sebuah hab lapangan terbang untuk ke luar bandar seperti pergi ke Limbang, Lawas, Ba'kelalan, Marudi, Baram dan sebagainya pergi ke Gunung Mulu? Bolehkah Yang Berhormat Sekijang memikirkan, Miri juga sebagai satu destinasi pelancongan yang hebat? Terima kasih.

■1450

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih sahabat saya daripada Sibuti. Dia macam ajak Yang Berhormat Sekijang pergi Miri tengok kawasan pelancongan. Sebenarnya, saya setuju dengan pandangan rakan saya daripada Yang Berhormat Sibuti. Kalau kita lihat, kerajaan menyediakan peruntukan RM700 juta ini bagi pembinaan berkaitan dengan penerbangan ini. Kita mengharapkan jugalah agar lapangan-lapangan terbang seperti sahabat saya sebut tadi daripada Sibuti berkaitan dengan Miri dan sebagainya ini, apabila berlaku penaiktarafan lapangan terbang ini nanti, akan ada penerbangan terus daripada mungkin seperti yang beliau cadangkan tadi, dari China terus pergi ke Miri. Ini akan sebenarnya membuka ruang yang lagi besar dalam industri berkaitan dengan pelancongan kita. Terima kasih daripada Yang Berhormat Sibuti.

Seterusnya, inisiatif kerajaan ini juga adalah tepat dan kena pada masanya. Namun begitu, kita mahu melihat sejauh mana kecekapan kerajaan bagi memastikan projek ini nanti dapat

disiapkan pada masa yang ditetapkan. Kita tidak mahu perkara sama berulang seperti mana projek KLIA2. Tarikh pembukaan KLIA2 ini telah ditangguhkan beberapa kali. Ini bermakna, semakin lama ia ditangguhkan, semakin tinggi kos akan ditanggung. Oleh sebab itu, kerajaan harus bersikap tegas bagi memastikan projek pembinaan pusat kawalan trafik serta kerja-kerja menaik taraf semua lapangan terbang yang disebut tadi, dapat disiapkan seperti yang telah kita rancang.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi sektor pelancongan yang mana ia meliputi program promosi dan pengiklanan. Kerajaan juga turut mengumumkan tahun 2015 sebagai *year of festival* sebagai kesinambungan bagi Tahun Melawat Malaysia 2014. Melalui Bajet 2014 juga, kerajaan mencadangkan untuk melanjutkan tempoh permohonan bagi galakan taraf perintis dan elaun pelaburan dilanjutkan hingga tahun 2016. Inisiatif ini bertujuan bagi memberi galakan kepada pelaburan meliputi prasarana hotel empat dan lima bintang, sekali gus menjadikan penginapan tersebut bertaraf antarabangsa.

Kerajaan turut menggalakkan pembinaan infrastruktur seperti hotel, pusat peranginan serta taman tema. Maka dengan itu, kerajaan akan memberikan peruntukan sejumlah RM2 bilion melalui Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan. Tabung ini apabila dilaksanakan kelak akan memberi pinjaman dengan kadar faedah rendah antara 4% hingga 6% berserta pula dengan subsidi sebanyak 2%. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terkenal sebagai negara pelancongan bajet. Inilah sebenarnya kekuatan sektor pelancongan negara kita.

Pelancong luar memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan disebabkan kosnya yang agak rendah berbanding dengan negara-negara yang lain dan juga faktor berkaitan dengan keselamatan. Saya ingin memberi cadangan agar kerajaan memberi tumpuan kepada hotel penginapan berstatus bajet rendah. Ini banyak sekarang tumbuh di negara kita. Memang benar terdapat banyak hotel bajet di sekitar Kuala Lumpur terutamanya di kawasan-kawasan tumpuan para pelancong. Namun, keadaan hotel tersebut yang kebanyakannya agak tidak memuaskan daripada segi kualiti, kemudahan dan servis secara tidak langsung mampu memberi tanggapan kurang baik sebenarnya kepada para pelancong yang datang ke negara kita. Oleh yang demikian, saya minta kerajaan mengeluarkan satu standard piawaian bagi hotel berstatus bajet pula untuk diikuti dan dipatuhi oleh para pengusaha ini serta pemilik hotel tersebut.

Kebudayaan dan warisan pelbagai kaum dan etnik di negara kita merupakan daya tarikan unik yang menarik minat pelancong seperti sahabat saya sebut daripada Sibuti tadi. Di Miri juga ada pelbagai produk pelancongan. Industri *homestay* pasti memberi satu pengalaman unik dan tersendiri kepada pelancong. Oleh yang demikian saya minta, jika kerajaan dapat mengenal pasti lebih banyak kampung-kampung yang berpotensi tinggi untuk dijadikan produk pelancongan *homestay* ini.

Hal-hal lain yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah perkara asas lain seperti tandas awam dan sistem pengangkutan dalam negara kita. Jika dilihat di Putrajaya sendiri Tuan Yang di-Pertua, tandas awam berhampiran Jambatan Seri

Wawasan, keadaannya agak kurang memuaskan. Begitu juga tandas awam di kawasan perkelahan sama ada di kawasan-kawasan sungai, pantai dan sebagainya. Kerajaan perlu memberi peruntukan khas bagi kerja penyelenggaraan serta memastikan tandas awam ini sentiasa dalam keadaan bersih kerana hal ini berkait rapat dengan imej negara kita.

Bagi pengangkutan awam pula, saya mencadangkan agar kerajaan mengeluarkan *travel card and bus pass* seperti mana yang terdapat di England yang memudahkan pelancong untuk menggunakan pengangkutan awam di negara ini. Dengan sekali bayaran, pelancong boleh menggunakan *pass* ini untuk tempoh masa sehari ataupun seminggu. Kita pernah menggunakan sistem ini Tuan Yang di-Pertua beberapa tahun yang lalu, namun entah mengapa ia dihentikan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap kerajaan memandang serius rungutan yang diterima daripada pengguna terhadap syarikat penerbangan tambang murah terutamanya AirAsia ini. Antara rungutan yang sering kedengaran adalah kelewatan waktu penerbangan, kualiti servis oleh kakitangan, *hidden cost* yang menyebabkan harga tiket tiba-tiba menjadi mahal serta tidak seperti yang diiklankan. Sebut RM9 tetapi bila pergi, hampir RM100 lebih dan bayaran cukai lapangan terbang yang tidak dikembalikan apabila penumpang membatalkan penerbangan mereka. Walaupun AirAsia ini telah merangkul beberapa anugerah antarabangsa, ini bukanlah kunci bagi mereka untuk sesuka hati membuat pertimbangan sendiri. Sedar atau tidak, hal seperti ini mampu memberi tanggapan negatif pelancong terhadap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, habis cerita tentang pelancongan. Saya hendak beralih kepada pertanian. Malaysia merupakan antara negara pengeluar makanan berasaskan pertanian. Kepelbagaian hasil pertanian negara di Malaysia berjaya menarik minat pelabur asing untuk mendapatkan produk keluaran negara. Selain itu, Malaysia juga merupakan negara pengeluar minyak sawit terbesar dunia melalui beberapa syarikat seperti Sime Darby dan juga FELDA.

Dalam Bajet 2014 yang dibentangkan, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM6 bilion bagi program nilai tambah tinggi dan berdaya komersial bagi sektor pertanian. Selain itu, peruntukan sebanyak RM2.4 bilion adalah dikhaskan kepada pemberian subsidi. Ini pastinya melegakan kepada pelopor industri pertanian negara memandangkan harga benih serta baja sekarang Tuan Yang di-Pertua, agak tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar mewujudkan program 1Daerah 1Produk. Sebagai contoh, kawasan 'A' mampu menghasilkan nanas. Kawasan 'B' mampu menghasilkan pisang. Kawasan 'C' lebih kepada pengeluaran ubi kayu.

Konsep sistem *barter* digunakan mengikut sistem menang-menang yang mana setiap kawasan ini akan membuat tukaran hasil dan menjual setiap produk yang ditukar di kawasan masing-masing. Ini membolehkan setiap kawasan mempunyai *product focus*, menjadikan ia sebagai kawasan untuk dirujuk jika kawasan lain tidak mempunyai hasil tersebut. Selain boleh meningkatkan pendapatan petani, sistem ini juga mampu membantu kerajaan dalam mengenal pasti inisiatif lain yang boleh disalurkan bagi membantu kepada nilai tambah produk tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan memperuntukkan RM243 juta bagi pelaksanaan program tanaman semula getah, kelapa sawit dan koko serta program ladang hutan, sangkar, projek rumpai laut dan juga burung walet, projek herba bernilai tinggi, tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan bagi pasaran untuk eksport. Saranan saya Tuan Yang di-Pertua, jika sesuatu kawasan bagi hasil pertanian sedia ada mampu ditukar kepada hasil pertanian yang lain, yang boleh membantu menaikkan pendapatan petani tersebut, suatu latihan atau program dijalankan bagi menyeru dan memberi galakan kepada mereka untuk menukar produk yang dikeluarkan oleh mereka sendiri. Perkara ini sangat penting bagi memastikan setiap petani mampu bertahan dalam industri ini. Jika ada sesuatu hasil pertanian dilihat tidak lagi relevan dan mampu pergi lebih jauh, persiaplah diri mereka untuk cuba menghasilkan produk lain yang boleh membantu *survival* mereka.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat apabila cadangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan *cold-room* di KLIA bagi memastikan produk-produk pertanian kita ini akan lebih dapat disimpan dan juga dipasarkan untuk eksport ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi yang hendak mencelah?... Bagus betul. Rugi ini. Tadi Tuan Yang di-Pertua bagi saya 57 minit.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 melihatkan pelbagai inisiatif kerajaan dalam memastikan negara terus membangun. Pelbagai bantuan dan juga sokongan akan terus disalurkan demi kesejahteraan dan juga kesenangan rakyat. Ini adalah bukti jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendahulukan rakyat. Dari kos sara hidup, perumahan, pertanian mahupun pendidikan, semua ini telah diberikan perhatian khusus oleh kerajaan. Mana mungkin perkara baik ini tidak akan disokong oleh kami semua Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional, kata dikotakan, janji ditepati. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, setakat ini untuk makluman hanya 26 orang ahli yang sempat mengambil bahagian. Kita cuma ada esok dan dua hari minggu depan. Saya ingin maklumkan bahawa had masa perbahasan ini akan dikurangkan mulai pada sekarang ini tidak melebihi kepada 20 minit seorang. Dijemput Yang Berhormat Sandakan.

3.02 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya membahaskan dalam sesi Bajet 2014 ini. Petang ini saya hanya mahu sentuh satu kementerian yang mendapat bajet yang tertinggi yang sedia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2014 peruntukan yang dibentangkan adalah sebanyak RM264.2 bilion. Manakala, Kementerian Pendidikan telah diberi peruntukan sebanyak RM54.6

bilion, iaitu 21% daripada keseluruhan peruntukan Bajet 2014. Peruntukan tersebut merupakan peruntukan tertinggi daripada tahun 2014 dan juga bagi tiga tahun yang lalu, berturut-turut. Mengikut statistik 2011 - RM35.7 bilion, 2012 - RM37 bilion dan 2013 - RM38.7 bilion. Pada bulan Julai ada tambahan lagi RM3.4 bilion. Itu tambahan yang *Supplementary Bill* itu. Jadi tahun ini RM44.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya strategi Kerajaan Barisan Nasional dalam bidang pendidikan dengan perbelanjaan yang tinggi, seolah-olahnya kalau kita menambahkan peruntukan begitu tinggi bagi Kementerian Pendidikan, maka taraf pendidikan anak-anak muda kita sebenarnya meningkat. Malangnya, menurut kajian yang diperolehi *Trend in International Mathematics and Science* tadi, kedudukan Malaysia dalam matematik dan sains telah merosot dengan serius. Hakikat ini telah diakui oleh Kementerian Pendidikan sendiri dalam Laporan Awam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 ke 2025 menurut bab 3, muka surat 9 laporan tersebut. Malaysia mula menyertai pentaksiran *Program for International Student Assessment* iaitu (PISA). Daripada 74 buah negara, pencapaian Malaysia ialah dalam kelompok sepertiga terbawah bagi bacaan Matematik dan Sains jauh di bawah kedua-dua purata antarabangsa dan *Organization for Economic Co-operation And Development* (OECD) bagi ketiga-tiga dimensi.

Dalam pentaksiran terkini, prestasi Malaysia berada sekurang-kurangnya 100 mata di bawah negara serantau seperti Singapura, Japan, Korea dan Hong Kong dalam ketiga-tiga dimensi. Bagi PISA iaitu *Program for International Student for Assessment*, murid berusia 15 tahun di Malaysia seolah-olahnya ketinggalan hampir tiga tahun persekolahan, berbanding dengan murid yang berusia di negara tersebut iaitu negara pesaing Malaysia dalam ekonomi. Pengetahuan masa kini berbanding dengan Shanghai, sistem sekolah dengan prestasi terbaik di dunia dalam PISA. Jurangnya bersamaan dengan empat tahun persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, tiga tahun berbanding dengan Singapura, Jepun, Korea dan Hong Kong dan empat tahun berbanding dengan Shanghai. Ini bukan fitnah pembangkang. Ini fakta yang diakui oleh laporan rasmi kerajaan. Pada tahun 70-an ke 80-an, Universiti Malaya merupakan salah satu universiti terbaik di Asia. Kedudukan dalam tahap yang sama dengan Universiti Singapura, Universiti Tokyo dan Universiti Hong Kong. Namun begitu, menurut kepada senarai 400 universiti terbaik di dunia yang diterbitkan oleh *Times Higher Education World University Rankings 2013-2014*, ranking bagi Universiti Singapura adalah ke-29. Universiti Tokyo adalah ke-26, Universiti Hong Kong ke-43, tetapi bagi universiti-universiti Malaysia pula tidak ada satu pun dalam senarai tersebut. Ini amat memalukan negara kita.

Nama asal *National University of Singapore* ialah *University of Malaya*, sebelum namanya ditukar semasa kemerdekaan. Malangnya *University of Malaya* baru yakni sekarang adanya Universiti UM di Kuala Lumpur, kini begitu jauh ketinggalan berbanding dengan *National University of Singapore* yang merupakan nombor dua di Asia. Ini menunjukkan bahawa walaupun Kementerian Pendidikan telah membelanjakan perbelanjaan yang tinggi, tahap pendidikan masih

mundur secara serius. Hal ini adalah disebabkan dasar pendidikan yang tidak konsisten dan permintaan yang kerap dilakukan oleh Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali ada Menteri Pendidikan atau Pelajaran yang baru tetap kita akan...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sekijang, Sekijang di sini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat daripada Sandakan ada menyebut tentang penurunan Universiti Malaya pada kedudukan yang amat jauh. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, sekarang ini pelajar-pelajar kita terutamanya di UM, saya lihat ramai terpengaruh dengan diayah-diayah yang kita kira memang amat negatif. Kadang-kadang mereka yang sepatutnya belajar dan menumpukan perhatian kepada pelajaran, terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang saya kira memang tidak sepatutnya mereka buat sebagai seorang pelajar.

Ini juga menyebabkan peratus mereka yang sepatutnya cemerlang dalam belajar dan sebagainya ini terpaksa menumpukan kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, adakah ini juga salah satu perkara. Contohnya terlibat dengan demonstrasi haram dan sebagainya. Ini adalah punca juga pelajar-pelajar kita gagal mendapat keputusan yang cemerlang dalam pelajaran selain daripada kebaikan universiti. Terima kasih.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ini pun termasuk bagaimana sistem pendidikan itu. Jadi, saya mengikut kajian Laporan dari *Time International*. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut setiap kali kita ada Menteri Pendidikan, setiap kali ada peperiksaan atau ada mata pelajaran yang baru contohnya bagi Dasar Pendidikan Sekolah Rendah, Kokurikulum Baru Sekolah Rendah yang disebut (KBSR) yang diperkenalkan telah diganti oleh Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan turut dimansuhkan dan digantikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

■1510

Bagi dasar pendidikan sekolah menengah pula, Kurikulum Baru Sekolah Menengah sebutnya KBSM telah digantikan oleh Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan akan diganti dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah atau disebut KSSM. Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diperkenalkan pada tahun 2003, untuk cuba meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris juga adalah dimansuhkan dan digantikan oleh memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris. Baru-baru ini Menteri Pendidikan juga mencadangkan untuk memaksa institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini untuk menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar dan bukan bahasa Inggeris. Ini jelas akan mengakibatkan taraf pendidikan akan merosot kerana kebanyakan pengetahuan terkini dalam bidang sains, teknologi dan *business* adalah dalam bahasa Inggeris.

Kita mesti menerima hakikat bahawa Malaysia bukanlah Jerman, Jepun atau Perancis. Kita boleh memartabatkan bahasa Malaysia apabila kita menjadi sama maju dengan negara-negara tersebut dan bukanlah sebelumnya. Di samping itu peperiksaan...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Yang Berhormat Sandakan, boleh minta saya mencelah sedikit? Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat Sandakan sebut tentang bahawa kurikulum kita tukar daripada ini ke itu dan sebagainya. Apakah salahnya misalnya, semasa zaman kita belajar, kita tidak ada komputer. Jadi kurikulum hari itu adakah kita masih pakai sampai ke hari ini? Kalau ikut zaman, kalau kita hendak maju, kita kena tukar kurikulum, supaya kita boleh selaras dengan zaman.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan sampai sana, okey. Di samping itu peperiksaan PMR bagi sekolah-sekolah menengah juga telah dimansuhkan dan digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau PBS yang sekarang kita cuba, *I think* ini yang tahun pertamalah saya fikir. Perubahan-perubahan dasar seperti tersebut, tiada juga telah membazirkan banyak wang kerajaan untuk melatih guru-guru, disebabkan latihan-latihan yang diterima sebelum ini sudah menjadi tidak relevan apabila dasar baru dikeluarkan.

Jadi Yang Berhormat, kalaulah dasar pendidikan selalu diubah, maka guru-guru kita walaupun yang paling berpengalaman dan berupaya pun tidak dapat mendidik murid-murid kita dengan efektif. Akibatnya murid-murid menjadi keliru dan guru-guru pun pening. Semua perubahan ini Yang Berhormat boleh dianggap sebagai berjaya jika keputusan murid-murid kita adalah cemerlang. Malangnya semakin kerap Menteri Pendidikan membuat perubahan, semakin teruk pencapaian akademik murid-murid kita. Ini yang kita punya. Jadi saya harap kerajaan jangan selalu membuat perubahan kepada dasar-dasar pendidikan untuk tujuan politik atau melindungi imej UMNO sebagai juara bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kementerian Pendidikan kita telah mewajibkan supaya semua pelajar yang mengambil peperiksaan SPM mesti lulus mata pelajaran Sejarah. Bagi saya apakah rasional untuk mewajibkan lulus mata pelajaran Sejarah, SPM? Apakah sumbangan bagi kewajipan tersebut untuk meningkatkan tahap pendidikan kita? Mengapakah bukan mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik ataupun Sains yang diwajibkan, memandangkan mata pelajaran Matematik dan Sains kita telah merosot dengan begitu serius seperti yang telah saya hujahkan tadi. Begitu juga baru-baru ini Kementerian Pendidikan mewajibkan semua pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi swasta supaya mengambil mata pelajaran Tamadun Islam dan Asia. Usaha untuk memperkenalkan mata pelajaran Tamadun Islam dan Asia di institusi-institusi pengajian tinggi amat dihargai.

Namun begitu pemahaman terhadap kebudayaan dan tamadun yang lain perlu dipupuk sejak di bangku sekolah dan tidak boleh dilaksanakan melalui paksaan. Justeru itu, mata pelajaran tersebut seharusnya diperkenalkan sebagai subjek elektif sahaja dan bukannya subjek wajib. Jika

para pelajar terpaksa menduduki subjek tersebut kerana dipaksa, bermakna ia tidak akan menghasilkan unsur-unsur pemahaman dan nilai-nilai positif seperti yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dasar dan sistem pendidikan negara juga tidak adil dan berunsur diskriminasi terhadap sekolah-sekolah SJK(C), SJK(T) dan SMJK. Dari segi peruntukan diberi dan latihan pengurusan yang berkenaan. Peruntukan kerajaan bagi SMJK adalah amat mengecewakan kerana 78 unit sekolah SMJK yang telah membina beribu-ribu sumber manusia bagi Malaysia secara...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sandakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Saya tidak masa.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Gula semalam. Kurang gula?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sandakan. Dasar-dasar yang bertukar apabila bertukar Menteri ini bukanlah disebabkan oleh kepentingan politik. Sebelum dasar-dasar ini ditukar, perincian dan perkhidmatan semua sudah diteliti terlebih baik dahulu. Mereka telah meneliti semua perkara-perkara yang penting bagaimana untuk meningkatkan lagi prestasi universiti di Malaysia ini. Jadi bukan sebab itu. Apa pendapat Yang Berhormat Sandakan.

Mungkin ada perkara-perkara lain mengganggu pemikiran pelajar-pelajar ini. Pelajar-pelajar yang datang daripada seluruh Malaysia mempunyai pemikiran yang bijak dan sebagainya. Akan tetapi apabila mereka masuk ke menara gading, banyak benda lain yang mengganggu pemikirannya dan benda-benda lain telah merosakkan fikirannya yang menyebabkan prestasinya tidak baik. Apa pendapat Yang Berhormat Sandakan?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, tidak nafikan mungkin ada perkara lain. Untuk mengubah mata pelajaran, tetapi saya boleh menentu satu macam sejarah itu diwajibkan dalam SPM. Mengapa ini terjadi? Kalau saya tidak silap dalam satu kongres UMNO, ada perwakilan mencadangkan sejarah diwajibkan dalam SPM sebab diberitahu yang orang Cina yang tidak cinta negara, tidak faham sejarah negara kita. Ini adalah satu keputusan yang terjadi di kongres itu. Jadi terus sudah masuk satu sistem pendidikan.

Jadi saya sebut tadi SMJK ini sekolah kita yang diabaikan. Saya di sini pun mahu. Kelmarin Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan I, dalam TV mengatakan SMJK tidak diabaikan. Dia pada bulan lalu menghantar RM30,000 untuk 66 SMJK ini. Di sini saya mahu membetulkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ini. Ini RM30,000 ialah bayaran *One-Off*, sebelum ini pada Pilihan Raya 2005. Ini satu janji yang dibayar. Ini bukan peruntukan yang asal. Sekarang kita sebut yang bentang Bajet 2014 ini langsung tidak ada peruntukan yang diberi kepada SMJK. Jadi hari ini bukan saya yang mahu membetulkan dia punya *statement*. Ini Yang Berhormat Ayer Hitam, dia punya *reaction* dalam ini 'gambar surat' [Menunjukkan iPad] Dia kata dari China ini...

■1520

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Surat khabar Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Surat khabar ini. Ini dia bilang. *Oh! My god*, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak faham yang keputusan ini, bagaimana itu 30,000 yang diberi. Ini bukan peruntukan yang asal. Ini satu *One-Off* untuk membeli hati dari rakyat atau bangsa Cina untuk pilihan raya punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah mencelah, Yang Berhormat. Sudah tidak ada masa.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain itu – gulung sudah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung sudah. Ya *[Ketawa]*

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Okey, beri saya sedikit masa untuk saya bentang sedikit tentang Sabah punya keadaan. Di Sabah, mutu pendidikan banyak ketinggalan di belakang. Saya fikir disebabkan pentadbiran di Kuala Lumpur ini mungkin tidak faham keadaan di Sabah sana.

Jadi kita harap, saya mendengar Menteri Pendidikan akan menyerah lebih banyak kuasa kepada Jabatan Pendidikan Sabah. Jadi harap ini boleh dilakukan secepat mungkin. Jadi bahawa kita macam seperti yang lalu yang berapa kali kita- pendidikan di pusat ini tidak faham keadaan. Kita memastikan sebanyak, macam komputer-komputer di hantar pergi Sabah, makmal ini belum sedia. Jadi komputer itu disimpan selama tiga tahun. Selepas makmal itu siap, komputer pun sudah rosak. Banyak sekolah yang dibina di *area* yang sekeliling tidak ada penduduk. Masalah mahu mencari murid-murid untuk belajar di sekolah itu pun susah. Jadi kita harap ini satu keadaan yang boleh diberi perhatian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan asas kepada pembangunan setiap negara. Sebagai sebuah negara membangun, kita amatlah memerlukan sumber manusia yang berbakat dan cemerlang. Oleh itu, kualiti pendidikan kita adalah amat penting dan tidak harus menjadi satu alat pecahan isu-isu perkauman atau dipolitikkan. Dengan ini saya minta supaya pihak kerajaan akan bersikap adil, saksama dan berjimat cermat. Jadi, pakailah peruntukan yang diadakan dengan bijak bagi menggunakan peruntukkan untuk melahirkan satu *education system* yang baik dan cemerlang untuk kita semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Merbok.

3.23 ptg.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, kita harus bersyukur kepada Allah SWT kerana telah memberi peluang kepada kita untuk hidup di Malaysia.

Bumi yang bertuah, aman damai dan makmur ini, yang mana kerajaannya diterajui oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah banyak berjasa kepada rakyat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Kerajaan Barisan Nasional ini adalah kerajaan yang banyak pengalaman. Sudah 56 tahun memerintah, berwawasan dan sentiasa menepati janji. Jelas sekali jika diteliti melalui Bajet 2014 yang bertemakan, *"Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji"*. Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu ini, Kerajaan Barisan Nasional telah merancang dan akan membelanjakan sejumlah RM264.2 bilion iaitu perbelanjaan mengurus sebanyak RM207.7 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM46.5 bilion. Bagi memastikan kejayaan dicapai, maka perbelanjaan secara berhema ini diatur dan disusun berdasarkan lima teras utama yang telah digariskan, iaitu:

- (i) merancang aktiviti ekonomi;
- (ii) mengukuh pengurusan fiskal;
- (iii) mengungguli modal insan;
- (iv) mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar; dan
- (v) menyejahterakan kehidupan rakyat.

Saya berkeyakinan bahawa Bajet 2014 dapat dilaksanakan dengan sempurna dan untuk itu marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah semoga apa yang kerajaan rancang dapat dilaksanakan. Di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai teras mengungguli modal insan yang ada hubung kait dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Maka kerajaan akan membelanjakan 21% iaitu RM54.6 bilion untuk pembangunan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 ini merupakan bajet yang pragmatik, komprehensif dan merangkumi kepentingan semua lapisan rakyat dari kanak-kanak sehinggalah warga emas. Memandangkan peruntukan yang begitu besar, maka diharap semua agensi-agensi Kementerian Pendidikan perlu diurus dengan baik supaya ia dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran yang sepatutnya. Adalah menjadi harapan kita semua supaya pihak Kementerian Pendidikan dapat melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan lebih terancang supaya objektif untuk mewujudkan satu sistem pendidikan bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi setiap individu untuk mencapai aspirasi negara maju menjelang tahun 2020.

Untuk mencapai satu sistem pengajian tinggi bertaraf dunia dan membantu memenuhi aspirasi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia berpengetahuan luas di era globalisasi. Mempunyai sahsiah, akhlak dan rohani terpuji dan menjadi sebuah bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang sekali gus menyediakan tenaga kerja yang mahir dan profesional selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Keadaan ini jelas apabila kerajaan memberi peruntukan bajet yang tinggi kepada kemajuan pendidikan iaitu RM46.573 bilion pada tahun 2010 meningkat kepada RM54.6 bilion bagi tahun 2014 iaitu meningkat sebanyak 17.4%.

Dengan ini, strategi dan pengurusan operasi perlu disusun rapi supaya dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia yang bermula daripada pendidikan awal, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepas menengah dan pendidikan tinggi. Pada keseluruhannya, operasinya dianggarkan berjumlah RM30.679 bilion. Sebagai rakyat Malaysia, kita patut bersyukur kerana pengagihan Bajet 2014 adalah menyeluruh di semua aliran pendidikan yang mana masing-masing mendapat peruntukan mengikut pecahan iaitu untuk sekolah kebangsaan sebanyak RM100 juta, untuk sekolah jenis kebangsaan Cina sebanyak RM50 juta, sekolah jenis kebangsaan Tamil sebanyak RM50 juta, sekolah mubaligh sebanyak RM50 juta, sekolah berasrama penuh sebanyak RM50 juta, Maktab Rendah Sains MARA sebanyak RM50 juta, sekolah agama bantuan kerajaan sebanyak RM50 juta dan sekolah agama rakyat sebanyak RM50 juta. Anggaran bantuan lain ialah bantuan RM100 bagi setiap murid kepada 5.4 juta pelajar berjumlah RM540 juta.

■1530

Sementara semua pelajar pra universiti dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) diberi Baucar Buku 1Malaysia berjumlah RM250 setiap pelajar. Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar taska swasta juga turut menikmati hasil Bajet 2014 di mana setiap pelajar akan mendapat bantuan RM250 sebulan sekiranya ibu bapa berpendapatan kurang daripada RM900.

Dalam usaha mempertingkatkan pembangunan profesionalisme, Bajet 2014 telah memberi tumpuan khusus supaya latihan perguruan dapat dijalankan dengan sempurna dan teratur. Untuk itu, sejumlah RM1.21 bilion telah disediakan. Justeru itu, diharap profesion pendidikan bukan lagi profesion pilihan terakhir di samping dapat mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk memperkasakan Institut Pengajian Tinggi Awam dalam usaha menghasilkan graduan yang berkualiti untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan, kerajaan telah merancang untuk melaksanakan penambahbaikan. Antaranya ialah menggalakkan lagi penyelidikan di universiti-universiti penyelidikan dan universiti bukan penyelidikan dengan peruntukan geran sebanyak RM600 juta.

Melalui Program *MyBrain15* iaitu program untuk memastikan tenaga pengajar universiti mempunyai 60% pemegang Ph.D menjelang tahun 2015. Ia juga melibatkan eksekutif di sektor swasta. Untuk tujuan ini, kerajaan memperuntukkan RM110 juta. Kerajaan juga akan menubuhkan pusat *citation* negara. Pusat *citation* ini didapati dapat membantu penyelidik tempatan menambah bilangan penyelidikan yang berimpak tinggi dan juga diterbitkan di jurnal-jurnal yang terhebat di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengungguli modal insan, saya mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil bagi penambahbaikan untuk memastikan kejayaan kecemerlangan penyelidikan tercapai di universiti-universiti awam di Malaysia. Antaranya ialah:

- (i) menambah lagi bilangan universiti penyelidikan;
- (ii) mengubah empat universiti teknikal yang sedia ada kepada universiti penyelidikan teknikal ataupun TRU (*Technical Research University*).

- (iii) memandangkan peruntukan yang cukup besar sebanyak RM710 juta untuk penyelidikan dan *MyBrain15*, maka perkembangan penyelidikan di semua universiti awam haruslah diletakkan terus di bawah pemerhatian Menteri atau Timbalan Menteri Pendidikan;
- (iv) mempromosikan minda penyelidikan dan pembangunan produk yang boleh dipasarkan di kalangan kakitangan akademik dan penyelidikan;
- (v) mempromosikan kecemerlangan penyelidikan dalam bidang tumpuan melalui pusat kecemerlangan (*centre of excellent*);
- (vi) melatih penyelidik muda yang berbakat untuk mengetengahkan idea-idea baru yang bersifat futuristik;
- (vii) menyediakan insentif yang sesuai dan menarik untuk penyelidik yang berjaya;
- (viii) memilih naib canselor mahupun timbalan naib canselor dan dekan juga haruslah berdasarkan merit dan yang lebih penting adalah mereka yang menyokong dasar-dasar kerajaan;
- (ix) jangka masa penamatan naib canselor mestilah tidak melebihi dari dua penggal sekali gus ini akan memberi peluang kepada pengganti yang seterusnya melahirkan idea dan pendekatan baru;
- (x) mengelak dari pentadbiran *micromanage* oleh pihak naib canselor dan penurunan kuasa dari naib canselor kepada timbalan naib canselor dan dekan berlaku supaya lebih telus dan *transparent*;
- (xi) memberi autonomi sepenuhnya kepada universiti;
- (xii) sentiasa mengkaji dari segi kebajikan mahupun imbuhan kakitangan akademik ataupun kakitangan bukan akademik;
- (xiii) membenarkan pensyarah atau penyelidik untuk menerima tawaran terbaik dari mana-mana universiti awam. Ini akan memberi kepuasan yang terbaik kepada pensyarah atau penyelidik dalam usaha menghasilkan produktiviti yang maksimum;

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Merbok, minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Ya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Merbok. Oleh kerana Yang Berhormat Merbok ini bekas pensyarah IPTA, jadi sekarang ini banyak rungutan yang diberikan oleh pensyarah-pensyarah. Masalahnya ialah beban tugas mereka itu amat banyak sehinggakan kurang masa mereka untuk membuat penyelidikan. Jadi saya rasa kita balik kepada zaman yang dahulu iaitu pensyarah-pensyarah hanyalah mengajar antara lima hinggan enam seminggu dan memberikan masa kepada mereka untuk membuat penyelidikan. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Merbok?

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Lima atau enam apa itu, jam kah?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Jam.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Okey, jam. Yang Berhormat Bukit Gantang, saya rasa saya setuju dengan perkara itu kerana beban pensyarah begitu berat memandangkan bilangan pelajar begitu ramai dan untuk melakukan penyelidikan memanglah satu perkara yang amat sukar...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta mencelah.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: ...Kerana beban pensyarah. Jadi apa pun masukkan dalam ucapan saya. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta mencelah satu minit. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat di mana banyak yang di antara kita yang pintar terutamanya saintis-saintis, profesor-profesor yang pakar dalam bidang mereka berhijrah ke negara lain. Mengikut *World Bank Report* ataupun Laporan Bank Dunia, ini adalah disebabkan oleh budaya rasuah yang berleluasa, budaya diskriminasi dan kronisme yang dipraktikkan oleh kerajaan semasa iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi kita tidak mempunyai satu *environment* yang boleh menarik golongan pintar kerana apa yang mereka mahu adalah satu *environment* di mana hanya kerajaan yang membanteras gejala rasuah serta diskriminasi yang boleh berikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: ...iaitu hanya kerajaan terdiri daripada Pakatan Rakyat. Itu saya percayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Okey, sudah cukup. Saya sudah faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh berucap macam itu Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Kerana ini telah pun terbukti di Selangor dan Pulau Pinang. Itulah sebabnya adanya *brain drain*. Oleh sebab itulah turunnya taraf universiti kita kerana inilah hilangnya pakar pintar kita, *brain drain* akibat budaya rasuah yang menghalau mereka keluar dr negara ini. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Yang Berhormat Stampin, saya tidak bersetujulah dengan Yang Berhormat Stampin. Saya rasa di universiti...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ini World Bank Report.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: ...Jarang berlaku budaya rasuah seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat Stampin. Saya tidak setuju langsung tetapi memang ada profesor-profesor kita yang pindah keluar negara kerana mendapat pendapatan yang lumayan. Itu saya akui.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, itu *World Bank Report*.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Okey, saya hendak habiskan sebab masa saya tinggal pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, lebih kurang lima minit lagi Yang Berhormat.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:

- (xiv) dalam usaha memperkasakan universiti, GLC digalakkan bekerjasama dengan pihak universiti dari segi penyelidikan mahupun pembangunan siasah pelajar; dan
- (xv) pihak industri sama ada pelabur dari luar ataupun dalam negara disyaratkan untuk bekerjasama dengan universiti dalam usaha meningkatkan mutu produk melalui penyelidikan.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan selain diberi anugerah-anugerah tertentu seperti "Profesor Diraja", "Profesor Ulung", mereka yang telah bersara juga diberi peluang untuk dilantik menjadi duta di luar negara.

Terakhir, bagi tujuan graduan memenuhi permintaan pasaran pekerjaan di mana graduan yang lemah bahasa Inggeris tidak mendapat tempat terutama di sektor swasta, pihak universiti haruslah memainkan peranan dalam perkara ini. Kursus bahasa Inggeris secara intensif haruslah ditawarkan kepada graduan yang tidak mendapat pekerjaan dengan yuran yang berpatutan. Kursus intensif ini adalah semata-mata untuk praktikal bahasa Inggeris melalui ucapan mahupun melalui penulisan. Dalam jangka masa setahun saya yakin graduan yang lemah bahasa Inggeris sudah pasti akan dapat mengatasi dan merasa yakin untuk memasuki pasaran pekerjaan secara terbuka.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, secara rasionalnya Bajet 2014 merupakan bajet pasca pilihan raya dan ia dapat menampung segala janji-janji kerajaan semasa pilihan raya lalu. Masyarakat India juga diperuntukkan RM100 juta untuk pendidikan dan latihan kemahiran, RM28 juta untuk program pendidikan awal dan RM50 juta untuk skim pembiayaan usahawan muda.

Di samping itu usahawan India juga boleh memohon pinjaman dari Amanah Ikhtiar Malaysia. Peruntukkan ini adalah sebahagian ikatan bersama bagi menzahirkan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Barisan Nasional di dalam Pilihan Raya Ke-13 baru-baru ini. Kita juga bersyukur kerana mempunyai kerajaan yang prihatin terhadap penyelidikan dan kebajikan rakyatnya. Ini terbukti apabila bajet bidang pendidikan sentiasa diberi keutamaan. Dengan itulah sokongan kepada kerajaan amat perlu supaya bajet yang akan datang dapat menyediakan keperluan yang menyeluruh kepada kumpulan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua sebagai Ahli Parlimen Merbok yang dipilih oleh pengundi, saya ingin membalas budi dan menunaikan janji-janji pilihan raya kepada para pengundi yang mengundi Barisan Nasional pada Pilihan Raya Ke-13 yang lalu. Saya memohon pihak kerajaan meluluskan dengan kadar segera beberapa projek seperti yang disenaraikan di bawah:

- (i) projek naik taraf jeti pendaratan ikan di Tanjung Dawai;
- (ii) projek naik taraf dan pelebaran jambatan sedia ada yang melintasi Sungai Sembeling;
- (iii) membina jambatan perhubungan antara pekan Tanjung Dawai ke Pantai Merdeka;
- (iv) pemasangan lampu jalan luar bandar iaitu Pekan Bukit Selambau dan Pekan Merbok;
- (v) projek bio-diversiti di Sungai Merbok;
- (vi) projek naik taraf dan menurap semula jalan perhubungan Pekan Bilong ke Pekan Tanjung Dawai;
- (vii) membina tempat letak kereta bertingkat di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani;
- (viii) membina kompleks sukan di bandar Sungai Petani;
- (ix) menaik taraf paip retikulasi dan pembedungan di kawasan luar bandar;
- (x) membaik pulih rumah rakyat miskin dan miskin tegar di bawah yayasan 1MDB;
- (xi) membina persimpangan bertingkat di kawasan sesak persimpangan jalan perhubungan melalui Bandar Sungai Petani ke Tol Sungai Petani Utara;
- (xii) menggantikan jambatan sedia ada di Merbok dan Bukit Selambau;
- (xiii) membina pusat kegiatan kokurikulum di kawasan Bukit Selambau;
- (xiv) membina sebuah sekolah agama berasrama penuh di Merbok;
- (xv) membina sebuah hospital psikiatri;
- (xvi) membina Pusat Kanser Wilayah Utara;
- (xvii) membina sebuah pusat latihan giat mara di Bukit Selambau;
- (xviii) menambah bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan padat penduduk; dan
- (xix) menaik taraf dan membina jalan-jalan baru perhubungan desa dan bandar.

Saya kena baca semua kerana ini adalah, ya, tidak ada masalah. Itu adalah antara projek-projek yang saya mohon supaya rakyat di Merbok ini akan merasa lega hasil daripada kemenangan mereka menyokong Barisan Nasional. Sekian.

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

3.44 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Surah Al-A'raf, ayat 96. Firman Allah SWT, "*Sekiranya penduduknya itu beriman serta bertakwa tentulah Kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi tetapi sekiranya mereka mendustakan Rasul Kami lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah mereka usahakan*".

Alhamdulillah pada 25 Oktober, hari Jumaat yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan bajet, belanjawan negara kita pada hari Jumaat, penghulu segala hari. Orang Islam percaya hari ini doa kita dimakbulkan. Namun saya hendak panggil belanjawan ini 'Belanjawan Asar'. Setiap tahun kita membentangkan bajet pada hari Jumaat. Kita semua lewat mengerjakan asar, ada ramai yang tertinggal asar. Banyak lagi, ramai lagi kakitangan kerajaan di kalangan polis semasa waktu solat Jumaat, mereka sedang berkawal dan tidak pergi solat.

Saya hendak minta Menteri dalam Parlimen kita, Menteri daripada Arau supaya memastikan bajet pada tahun hadapan tidak berulang lagi. Kita memohon keberkatan daripada Allah SWT apabila kita membentang bajet ini, namun kita lupa bahawa perkara yang patut didahulukan, perlu didahulukan. Saya tidak nampak ada masalah sekiranya bajet ini dibentangkan pada hari lain. Hari Isnin, hari Rabu, hari Khamis, kalau dikatakan hari Jumaat tidak cukup masa nanti. Namun hari itu, daripada saya punya pengamatan ialah sesiapa yang boleh qasar dan jamak itu, qasar dan jamak. Akan tetapi ramai orang Kuala Lumpur hari itu bajet habis pukul enam, tujuh lebih sedikit sudah masuk maghrib agaknya terlepas. Ini teguran saya kepada pihak Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita hari ini banyak berbincang, sudah dengar mengenai perbelanjaan defisit kita ini yang bukan baru tahun ini atau tahun lepas, sudah 16 tahun kerajaan sudah berhutang RM500 bilion lebih. Apa yang menjadi persoalannya adalah ya kita tahu bahawa dalam matematik yang paling ringkas orang kampunglah, saya bawa hari ini suara orang bawah saja ini. Kenapa defisit berlaku? Ini adalah kerana perbelanjaan melebihi pendapatan. Jadi kerajaan telah membentangkan bagaimana hendak meningkatkan pendapatan dan kemudian tetapi kurang untuk membincangkan mengurangkan perbelanjaan. Ada pengurangan perbelanjaan yang tidak tertera di dalam buku bajet ini. Akan tetapi kalau disemak ada di dalam buku yang tebal itu.

Apa yang menjadi kekusaran rakyat adalah apakah menyebabkan kita defisit bertahun-tahun lamanya, 16 tahun kerana belanja yang besar. Kalau kita hubungkan perbelanjaan ini dengan apa yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara, maka jelas bahawa ada ketirisan, banyak kebocoran, ada *negligence* itu bahasa yang mudah saya hendak sebut *negligence* ataupun kecuai, ketidakcekapan. Akan tetapi di belakang sana ramai rakyat percaya bahawa ada penyelewengan, penyalahgunaan kuasa. Mungkin bahasanya lain disebutnya komisen tetapi

rakyat semua sedia faham bahawa perbelanjaan yang besar sekarang ini kita defisit, hendak cuba kambus balik, hendak tutup balik lubang, maka yang hendak membayarnya adalah rakyat.

Tadi Menteri Parlimen bercakap bahawa tidak boleh sebut duit rakyat sebab rakyat sudah bayar, jadi ini duit negara. Negara ini milik siapa? Negara ini milik rakyat. Maka kalau kita kata dunia negara, maka ia duit rakyat. Akan tetapi duit zakat- betul ia adalah asnaf. Jadi ia tidak boleh hendak disamakan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Mencilah Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jadi, saya tidak ada banyak masa, 20 minit sahaja.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak boleh?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat boleh bercakap masa Yang Berhormat punya ini nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sudah cakap sudah semalam.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, sudah cakap.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya hendak menyebut di sini rakyat menyaksikan ini semua dan rakyat...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak bagi [Ketawa]

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Contohnya terlampau banyak, kalau saya sebut hari ini tidak cukup 20 minit. Kerajaan, pembaziran yang saya sebut keborosan, ketirisan dan semuanya dapat kita lihat bagaimana kerajaan terpaksa membayar berjuta-juta ringgit kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya apabila membuat perjanjian berat sebelah.

■1550

Kerajaan memberi subsidi kepada IPP, memberi projek-projek secara runding terus dan akhirnya apabila gagal disiapkan terpaksa dan projek-projek yang gagal akhirnya kerajaan juga terpaksa menanggung kos *overrun*. Ini semua adalah *cumulative* hutang-hutang perbelanjaan yang berlebihan yang dihipunkan sebegitu rupa dan akhirnya kita terpaksa menanggung defisit yang begitu besar. Kita tidak mempersoalkan, kita tidak kata kerajaan gagal 100%, tidak. Tidak benar. Memang ada kejayaan-kejayaannya, memang ada pembangunannya tetapi ada kos harga yang patut dibayar oleh rakyat dan kini yang patut dibayar oleh generasi yang akan datang.

Program-program kerajaan yang dilaksanakan tanpa kajian contohnya PPSMI habis RM5 bilion lebih kemudian kita tutup buku. Pemberian kontrak secara- saya ditugaskan untuk meneliti KPKT. Saya baca di dalam Laporan Audit. Kontrak diberi secara runding terus untuk membina lima *incinerator* hampir, saya ingat RM200 juta tidak sampai. Akan tetapi apa yang berlaku projek ini diberi dengan keadaan tergesa-gesa tanpa kajian yang mendalam, apabila diberi semua projek tidak boleh siap pada masanya. Kemudian ditambah masa setelah tamat, setelah selesai masih lagi tidak menepati objektif dengan alasan teknologi yang digunakan adalah bukan teknologi yang terbaik dan sampah yang dibakar bukanlah sampah yang menepati tahap *moisture* atau tahap kelembapan yang sepatutnya.

Persoalannya kenapa diberi kepada satu syarikat, lima kontrak serentak tanpa kajian mendalam. *At best*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *at best I can say this is negligence but* secara kritiknya saya merasakan ada pihak yang telah mendapat keuntungan daripada penganugerahan kontrak ini. Ini adalah beberapa contoh yang boleh dikutip Pewaja, PKFZ dan banyak lagi sebelum ini yang semuanya mengalami kerugian berbilion-bilion ringgit, yang terpaksa di kempuh atau ditampung oleh dana awam. Semua ini menyebabkan hutang, defisit yang begitu besar dan akhirnya sekarang kerajaan terpaksa mencari dana yang lebih. Katanya GST lebih baik daripada SST.

Katanya SST lebih tinggi 10% dan 5% sudah jadi 15%. GST 6% sahaja. kalau begitu mengapa tidak kekalkan sahaja SST. Sudah tentu kerana GST adalah satu cukai pukut tunda, semua ikan jenis ikan kecil, besar kena. Tetapi yang teruk nanti adalah rakyat kita yang berpendapatan pertengahan. Pendapatan rakyat daripada pendapatan rendah mungkin boleh dibantu dengan pemberian BR1M dan sebagainya. Tetapi rakyat daripada berpendapatan pertengahan, cukai pun dia kena walaupun dapat turun satu mata tetapi GST pun dia kena dan akhirnya majoriti rakyat akan menanggung kesusahan ini.

Jadi persoalannya, setiap tahun juru audit bagi pada kita empat buku kalau tidak silap saya. mengenai audit-audit yang telah di- dan di situ ada semua dengan jelas bagaimana kebocoran, ketirisan, ketidakamanahan, ketidakcekapan dan sebagainya kita tidak dengar apakah tindakan-tindakan seterusnya selepas satu atau dua tindakan yang diambil ke atas orang-orang yang bertanggungjawab. Jadi rakyat di bawah kata apa? Tindakan susulan yang diambil untuk membetulkan kesalahan adalah di dalam skala yang kecil. Duit yang tetap hilang tidakkan berganti. Kerajaan tetap rugi.

Kakitangan atasan yang terlibat dalam proses kelulusan masih bekerja. Kakitangan bawahan yang dipersalahkan, dipecat dan dipertanggungjawabkan. Siasatan dilakukan bersifat sementara hendak mengaburi pandangan rakyat. Rupa-rupanya kerajaan hendak menyelesaikan masalah padahal selepas tiga ke empat bulan apa kes ditutup. Senyap sunyi selepas itu. Tidak ada apa-apa perubahan. Tahun depan berulang lagi. Ini baru hanya secara rawak diambil, mungkin tidak sampai 10% institusi kerajaan tidak diambil semua. Setiap kerajaan, setiap kementerian yang dipegang mesti ada di dalam Laporan Ketua Audit yang menunjukkan ketirisan dan kebocoran.

Ini seolah-olah kerajaan tidak serius. Tiada usaha yang konsisten, tidak keras dan tidak tegas untuk menghentikan pembaziran yang dilakukan oleh sektor awam. Ini menyebabkan dan menghairankan hendak tunggu orang lapor, baru SPRM hendak mengambil tindakan. Tiada laporan, tidak ada tindakan. Jadi kita harap janganlah kita sudah menghabiskan banyak duit untuk mengaudit tetapi akhirnya menjadi buku dan menjadi sejarah sahaja. Jadi kita harap selepas ini kerajaan akan mengambil serius bahawa semua laporan-laporan audit itu perlu diberi laporan kepada kita. Berapa yang penyelewengan, berapa yang tidak amanah, berapa yang misalnya diberi secara kontrak terus dan kemudian sebagainya? Kita tidak ada laporan itu di Parlimen.

Seharusnya tindakan selepas keluar audit itu perlu dilaporkan di dalam Parlimen ini untuk makluman kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada satu hal lagi mengenai apa dan akibat GST. Saya tidak hendak ambil banyak, saya ambil satu sahaja. Pertama kita tahu hutang isi rumah kita yang sekarang ini mencecah RM700 bilion jikalau tidak silap saya, juga akan turut meningkat. Bagaimana mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana kata ini lagi satu pembohongan. Rakyat kita yang berpendapatan pertengahan ini kalau kita tidak buat kajian, sekarang ini pun mereka di dalam keadaan yang agak sulit.

Apabila GST dikenakan bermakna perbelanjaan rumah meningkat. Bagi orang berpendapatan rendah dan pertengahan peratus daripada pendapatan mereka itu meningkat. Peratus bayar kepada GST, ini akan memberi kesan kepada apa yang mereka – jumlah keperluan mereka ini perlu juga meningkat. Dengan itu apabila tidak cukup dan kita tahu akibat GST ini *one time effect*, banyak artikel, banyak *economist* mengatakan bahawa salah satu kesan GST apabila kita mengenakan GST adalah terkesan sekali iaitu inflasi kata dia. Apabila ada inflasi, sudah tentu harga barang naik. Jadi dengan sendirinya bagi mereka yang tidak mencukupi perbelanjaan di rumah, atau perbelanjaan rumah mereka, maka tentu mereka akan mula berhutang dan ini akan meningkatkan lagi beban hutang isi rumah.

Saya mengalu-alukan apabila kerajaan mengatakan bahawa mereka akan menubuhkan satu unit pengurusan integriti. Saya berharap INTAN dapat melatih kakitangan kerajaan supaya merasakan apabila mereka bekerja, mereka bekerja untuk rakyat bukan setakat mendapat kerja, makan gaji dan juga mendapat segala kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Daripada duit kerajaan, bagi saya duit rakyat dan akhirnya tidak selalu memikirkan tentang bebanan yang akhirnya ditanggung oleh rakyat. Tadi kita beberapa kali mendengar bagaimana bil elektrik di Kompleks Pejabat Perdana Menteri.

Bukan rumah Perdana Menteri sahaja ada dewan, ada kolam mandi mungkin ada pelbagai tetapi kita lihat bahawa kakitangan kerajaan kita tidak peka untuk turut berjimat cermat. Saya beri hari entah hari itu semasa saya dapat peluang bercakap. Bagaimana jabatan-jabatan kerajaan semasa perayaan hari raya bulan Syawal. Satu bulan selepas jabatan 'A', jabatan 'B'. Selepas jabatan 'B', jabatan 'C', semuanya membuat keramaian hari raya. Hendak buat hari raya, satu hari sudah tidak buat kerja. Semua sibuk hendak siapkan hari raya. Kemudian makan minum ini semua ditanggung oleh rakyat. Betul. Sampai kita kalau tidak pergi pun tidak akan kena kerana seolah-olah tidak meraikan jemputan. Kita tidak perlu banyak sangat untuk jemputan-jemputan raya, kakitangan-kakitangan kerajaan buat satu sudah mencukupi.

Kementerian-kementerian pun, setiap Menteri buat. Bila orang OKU cakap dengan kita, Yang Berhormat kalaulah duit ini berjuta-juta ini dibelanjakan untuk kami, OKU yang sekarang ini hanya dapat RM300 sudah tidak boleh kerja, hendak kerja tidak boleh. Ada kategori yang tidak boleh kerja, ada kategori yang boleh kerja. Akan tetapi kalau tidak boleh kerja, RM300 sahaja

maksimum. Mereka juga ada tanggungan. Mereka juga perlu hidup. Kalau boleh kita berjimat cermat untuk kita arahkan belanja-belanja yang boros ini ke arah yang lebih utama.

■1600

Mungkin selepas itu, rakyat akan lebih gembira dan negara kita akan lebih diberkati Allah SWT. Kita bercakap mengenai kakitangan kerajaan tadi, saya ingin menyebut di sini bahawa perlu ditanam di dalam kakitangan kerajaan bahawa ini adalah satu amanah. Kerja mereka adalah satu amanah dan mereka perlu memenuhinya kerana ini bukan amanah daripada Allah, bukan daripada hanya rakyat. Perlu beretika, perlu bermoral. Di Selangor sekarang, memang begitu hebat pengasingan di antara ahli politik dan juga kakitangan kerajaan. Kita tidak masuk campur kerana Menteri Besar kata, "*Kita tidak hendak ahli politik campur tangan*". Kita boleh *reverse*.

Dahulu kalau PBT berhutang, sekarang PBT sudah tidak berhutang lagi. Kita tidak faham macam mana kakitangan kerajaan setelah diberi kontrak untuk orang kutip sampah, cuci parit, potong rumput dan sebagainya, apabila tidak dilakukan, sudah dapat NTC berpuluh-puluh kali, mereka masih tidak boleh lagi menamatkan kontraktor-kontraktor. Kalau sekarang ini di Selangor, yang mengeluarkan kontrak-kontrak bawah pada RM20,000 bukan Yang Berhormat-Yang Berhormat tetapi adalah ketua-ketua jabatan, YDP-YDP, Datuk Bandar-Datuk Bandar. Masih lagi khidmat yang tidak memuaskan.

Jadi kalau boleh, kita pun tidak hendak periksa. Kalau saya hendak sebut di sini, banyak. Tolong tengoklah kereta-kereta yang dibawa oleh ketua-ketua jabatan itu semua. Cuba periksa. Tidak hendak tunggu kita buat aduan, masing-masing akan mengatakan, "*Bawa bukti*". Kita hendak bukti mana? Hendak dapat maklumat pun susah. Cuma dengan melihat, kita sudah dapat tahu sama ada seseorang itu ada integriti atau tidak. Jadi, penubuhan Unit Pengurusan Integriti ini, sangat-sangat dialu-alukan dan kita harap, masukkanlah, jangan letak hanya semua orang Barisan Nasional. Letaklah daripada pelbagai parti dan NGO untuk memantau integriti kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini tentang bagaimana kita menyelesaikan masalah persediaan dan pendidikan rakyat tidak dilakukan dengan sebaiknya. Semalam Yang Berhormat Padang Serai menyebut tentang gula. Secara peribadi, memanglah kalau kita sebut gula, kita tarik balik subsidiya dan gula naik dan kita mengharapkan rakyat kita akan mengurangkan pemakanan gula ini. Akan tetapi *diabetes mellitus* itu sendiri perlu difahami bukan disebabkan gula semata-mata, tetapi karbohidrat yang kita makan yang ditukar kepada gula di dalam tubuh. Kalau seseorang itu dididik, dibesarkan dengan makanan yang manis atau masin, maka dia akan menggemari makanan sebegitu. Dia tidak akan ubah tabiatnya. Akan tetapi kalau dia diberi kesedaran tentang bahayanya pemakanan yang tidak sihat ini dalam kesihatannya, maka dia ubah cara hidupnya. Di sini, pendidikan itu amat penting. Saya hendak bertanya kepada Menteri, banyak mana kita guna untuk mendidik rakyat? Saya lihat, pendidikan kita tidak konsisten.

Akhirnya setiap kali kita hendak menyelesaikan masalah, kita keluarkan duit. Kita tidak konsisten mendidik rakyat kita untuk mengasingkan sampah, untuk membuat kompos, untuk kita jangan buang sampah di merata tempat. Akhirnya kita hendak buat *incinerator* yang berharga

beratus juta ringgit. Kita belum menyelesaikan masalah pendidikan ini dan pendidikan setiap kali kita fikir, kita serahkan kepada Menteri Pendidikan ataupun kepada guru-guru sekolah. Setiap kementerian saya tahu ada unit pendidikan.

Akan tetapi mungkin kita perlu gabungkan, *across board* untuk mendidik rakyat dalam cara yang lebih konsisten, tingkatkan lagi dana ataupun peruntukan untuk pendidikan. Baik pendidikan untuk menangani masalah sampah, masalah pemakanan, hidup sihat dan sebagainya, perlu dijadikan satu cara. Sebaik-baiknya, pemimpinlah yang perlu menunjukkannya. Kadang-kadang, *it is not what you say, it is what you do*. Kalau kita hendak rakyat berjimat-cermat, maka kita perlu berjimat-cermat. Kalau kita hendak rakyat hidup secara sederhana, kita perlu hidup cara sederhana.

Tidak perlulah kerana kita Perdana Menteri, kita Menteri, kita Timbalan Menteri maka kita perlu memakai kot beribu-ribu ringgit dan sebagainya. Ini adalah satu pembaziran. Kenapa tidak kita mencontohi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan. Selama 23 tahun beliau menjadi Menteri Besar. Bagaimana beliau disanjung oleh lawan dan kawan kerana sifat berjimat-cermat, elaunnya dipotong, duduk rumah sendiri dan kita tengok cara pemakaiannya masih lagi tidak menghilangkan jati dirinya sebagai seorang Melayu Islam.

Kerajaan selalu bercakap melalui perpaduan nasional daripada pelbagai Dasar Transformasi Nasional, Dasar Wawasan Negara. Salah satu objektifnya adalah perpaduan nasional. Akan tetapi, apabila kerajaan membuat polisi-polisi, setiap kali ia menyebabkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat. Hormati masa ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sudah habis ya? Sedikit lagi saya habiskan. Setiap kali kita membuat polisi, kita mencari-cari rakyat. Kita melaga-lagakan rakyat. Tidak ada salahnya kita hendak memperkasakan orang Melayu. Akan tetapi perlukah kita menyebut pemerksaan orang Melayu? Kenapa kita tidak sebut pemerksaan rakyat yang memerlukan di dalamnya ada Melayu, di dalamnya ada India, di dalamnya ada Cina dan lain-lain rakyat di Sabah dan Sarawak? Bahasa yang kita gunakan itu sendiri telah menyebabkan rasa iri hati di antara satu sama lain.

Dalam rumah tangga, anak-anak kita. Kita boleh lihat anak bongsu ataupun anak yang dimanjakan, susah sedikit emak bapa tolong, susah sedikit emak bapak hulur, susah sedikit emak bapa bela, maka inilah anak yang akan menyusahkan hidup kita sampai kita mati esok. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sila buat banciaan. Tengoklah orang-orang yang memanjakan anak-anak mereka, akhirnya, anak inilah yang akan menyusahkan kita sampai kita mati. Kalau kita sayang kepada bangsa kita, bangsa Melayu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *sometimes it is better to be cruel now than* kemudian hari kita menyesal tidak sudah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan salam sejahtera.

Terima kasih saya rakamkan dalam kesempatan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan ucapan Bajet 2014 baru-baru ini. Sesungguhnya, Bajet 2014 ini adalah merupakan bajet yang dibuat dengan penuh rasa tanggungjawab dan berstrategi demi memelihara kesejahteraan negara, rakyat serta berimbang. Selain daripada itu, bajet ini juga, kita dapat rasakan telah dirangka dengan penuh keinsafan dan kesyukuran di atas nikmat yang diterima apabila kita melihat agihan-agihan yang telah dibuat secara adil dan mengambil kira pengagihan sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Quran, "*Janganlah kekayaan itu berlegar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja*".

Jadi semangat ini telah pun menjadi teras kepada rangka bajet yang telah dikemukakan kepada kita. Kalau kita dapat lihat dalam perangkaan bajet pada kali ini, kita boleh melihat dengan peletakan asas-asas tertentu yang mana perolehan negara telah pun disusun dan diatur untuk dinikmati oleh semua peringkat. Begitu juga bagi golongan-golongan yang berpendapatan tinggi, syarikat-syarikat yang mengaut keuntungan yang begitu besar telah pun diberikan satu tanggungjawab iaitu untuk mengagihkan pendapatan dan kekayaan mereka kepada rakyat yang lain pula.

Jadi, melalui dasar-dasar yang telah dibuat tadi, secara umumnya kita dapat melihat bahawa pengagihan kekayaan negara telah disusun dengan begitu rapi dan begitu baik untuk dinikmati oleh semua orang, bukan oleh golongan-golongan yang kaya sahaja. Saya begitu hairan dan terkejut malah terkilap apabila mendengar dalam ucapan bahas belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang sering kali menyebut perkataan kekayaan yang dinikmati oleh golongan "maha kaya", dan berulang-ulang kali disebut "maha kaya-maha kaya".

Saya hairan kenapa Yang Berhormat Permatang Pauh tidak begitu faham tentang secara budayanya di Malaysia, penggunaan perkataan "maha kaya" itu adalah merujuk kepada Tuhan, "Allah yang Maha kaya". Akan tetapi nampaknya Yang Berhormat Permatang Pauh macam tidak faham Bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia dan meletakkan seolah-olah macam satu *brand* ataupun *trademark* kepada orang-orang tertentu dengan gelaran "maha kaya". Jadi saya rasa Yang Berhormat Permatang Pauh patut belajar dan juga melihat dengan lebih jelas lagi tentang budaya dan bahasa yang dipakai oleh kita.

■1610

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Saya mengatakan bahawa bajet pada tahun 2014 ini adalah bajet yang penuh dengan tanggungjawab, berimbang, berstrategi dan penuh keinsafan dan kesyukuran. Oleh kerana di dalam perangkaan Bajet 2014 ini kita telah dapat melihat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun merangka bajet ini dengan meletakkan hala tuju yang begitu nyata dan jelas. Yang pertama untuk memperteguh ketahanan ekonomi. Kenapa bajet ini meletakkan hala tuju untuk memperteguh ketahanan ekonomi? Kerana

kita sekarang ini kita perlu sedar kita berada dalam suatu zaman di mana negara dan juga dunia menghadapi keadaan pertumbuhan ekonomi yang tidak begitu rancak.

Oleh yang demikian kita kena mengambil strategi bagi memperteguh ketahanan ekonomi kita. Di samping itu dalam hala tuju ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan bajet ini, bertujuan untuk memperkasakan transformasi. Perubahan-perubahan yang ingin kita lakukan menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Transformasi yang kita buat akan bergantung kepada keperluan, kekuatan, tenaga, kebolehan, *capability*, keupayaan, *leadership skill*, dan sebagainya, yang mana kesemua sumber-sumber ini perlu di perkasa, Untuk memperkasakannya maka peruntukan-peruntukan tertentu telah pun diperuntukkan bagi merealisasikan transformasi.

Selain daripada itu, hala tuju bajet kita juga telah meletakkan bahawa asas bagi melaksanakan janji sebagai teras perbelanjaan. Sebab itu kalau kita dapat lihat, perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat oleh kerajaan terutama sekali untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat. Ini adalah merupakan satu teras perbelanjaan bagi melunaskan janji-janji sama ada yang dibuat sebelum pilihan raya ataupun janji-janji yang dibuat pada ketika sekarang, bagi membuktikan keberkesanan dan keupayaan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi secara umumnya kita dapat melihat di sini bahawa Bajet 2014 bukanlah merupakan bajet angan-angan ataupun bajet retorik semata-mata. Akan tetapi dia mempunyai asas dan landasan-landasan yang tepat, untuk kita menapak dan mengorak ke hadapan bagi kita merealisasikan hasrat dan tujuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya muliakan. Saya ingin merujuk dalam perbahasan ini untuk kita melihat sekali lagi supaya kita tidak terpesong bahawa prospek ekonomi tahun 2014 yang telah pun dikaji oleh kerajaan dan *insya-Allah* akan dapat kita nikmati. Di mana KDNK negara pada tahun 2014 nanti akan meningkat kepada 5% sehingga 5.5% berbanding pada tahun lepas 4.5% sehingga 5% sahaja.

Peningkatan KDNK sebanyak 1.5% ini adalah menunjukkan bahawa kejayaan pengurusan Kerajaan Barisan Nasional dalam menjana ekonomi pembangunan negara. Oleh sebab itu juga kalau kita lihat, pendapatan per kapita juga akan meningkat pada RM34,126 berbanding hanya RM32,144 pada tahun 2013. Anggaran inflasi pula kita akan dapat dalam lebih kurang 2% hingga 3% sahaja dan kadar pengangguran lebih kurang 3.1% sahaja. Apa yang paling penting di sini ialah apabila kita melihat belanja mengurus pada 2014 ialah RM217.7 bilion berbanding dengan hasil RM224.1 bilion, yang mana perbelanjaan mengurus lebih rendah daripada hasil. Maka ini menunjukkan bahawa satu unjuran yang begitu jelas, tentang kedudukan bajet ataupun kedudukan perbelanjaan tahun 2014 yang begitu baik dan stabil untuk kita uruskan negara di masa akan datang.

Justeru dengan sebab itu ada beberapa perkara walaupun kita melihat perancangan-perancangan ini dibuat dengan begitu teliti, yang mengambil kira beberapa teras utama. Seperti merencanakan aktiviti ekonomi, mengukuhkan pengurusan fiskal, mengungguli modal insan,

mempertingkatkan pembangunan bandar dan luar bandar, dan menyejahterakannya kehidupan rakyat. Lima teras utama ini menjadi teras aktiviti kita, untuk kita menjalankan segenap perancangan.

Jadi saya hendak merujuk kepada teras yang pertama iaitu merencanakan aktiviti ekonomi, supaya kita dapat mencapai matlamat yang telah dibicarakan tadi. Untuk itu saya melihat, kerajaan telah pun memberikan penumpuan terhadap pembangunan beberapa perkara termasuklah pembangunan Wilayah Koridor Ekonomi seperti NCER, ECER dan sebagainya. Di mana dalam hal ini kalau dapat kita lihat pembangunan NCER dan juga ECER ini akan memberikan peluang kepada negara kita untuk membangun dengan lebih pesat.

Namun begitu, dalam pelaksanaan program-program NCER, ECER dan juga program-program seperti di Wilayah Selatan, Iskandar dan sebagainya, saya ingin memberikan sedikit pandangan bahawa program-program NCER dan ECER ini yang dijangka menelan perbelanjaan RM1.6 bilion nanti, janganlah merupakan program-program yang tidak *landed* atau pun tidak *touch* kepada masyarakat bawahan. Kalau selama ini kita melihat program-program di bawah NCER melibatkan program-program besar, pelaburan-pelaburan asing yang bernilai tinggi dan berteknologi moden. Akan tetapi akhirnya saya bimbang geran-geran yang diberikan melalui NCER, ECER ini hanya hanyut begitu sahaja dan rakyat tidak dapat merasai dengan berkesan.

Jadi kerajaan perlu mengambil perhatian dan sentiasa membuat kajian terhadap pencapaian perbelanjaan. Kita tidak mahu melihat keuntungan-keuntungan yang dinyatakan secara bertulis dalam kertas sahaja. Akan tetapi kita hendak melihat apa kesan yang dirasai oleh rakyat di sekeliling hasil daripada pembangunan yang dibuat oleh NCER, ECER, Wilayah Iskandar dan juga kawasan di Borneo.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak menyentuh tentang cadangan kerajaan dalam meningkatkan atau merencanakan aktiviti ekonomi iaitu pembangunan dalam sektor perkhidmatan, logistik dan industri penerbangan. Memang banyak peruntukan yang akan diperuntukkan bagi membangunkan sektor yang berkaitan dengan penerbangan contohnya. Seperti meningkatkan pergerakan trafik udara dari 68 kepada 108 pergerakan setiap jam melalui tiga landasan. Kemudian meningkatkan kecekapan masa pelepasan dan ketibaan.

Kita mengharapkan perkara ini menjadi realiti. Ini kerana dalam waktu-waktu akhir ini, kita mendapati kebanyakan servis daripada syarikat penerbangan khususnya MAS sendiri yang begitu lembap dan lemah. Banyak penerbangan-penerbangan yang ditunda, bukan sekali tetapi dua atau tiga kali. Jam 7 malam, ditunda ke jam 9 malam. Jam 9 malam tidak dapat lagi bergerak ditunda kepada jam 11 malam, dan malah ada ketikanya ditunda sehingga jam 1 pagi. Bayangkan, keadaan ini mengecewakan rakyat.

Jadi oleh yang demikian apabila kerajaan membuka mata memberikan peruntukan dan meningkatkan perkhidmatan untuk tujuan pembangunan servis ini. Kita mengharapkan syarikat-syarikat yang terbabit, malah Malaysia Airport Berhad bekerjasama untuk menjamin kepada rakyat

bahawa perkhidmatan penerbangan adalah perkhidmatan yang terbaik di dalam negara kita. Jangan lagi perkhidmatan ini menjadikan kita rasa begitu kecewa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perancangan-perancangan kerajaan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan ekonomi.

■1620

Dahulu kita pernah mempromosikan Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan banyak peruntukan telah diberikan kepada kementerian-kementerian malah agensi-agensi tertentu bagi menjayakan Program SDSI. Akan tetapi sehingga sekarang, kita belum dapat lihat lagi kejayaan yang menyerlah terhadap program SDSI ini.

Saya difahamkan bahawa Program SDSI ini diagihkan mengikut pelbagai agensi. Agensi 'A' akan membuat SDSI bagi tajuk tertentu di kawasan tertentu. Agensi 'B' buat yang lain di kawasan lain dan agensi 'C' buat yang lain di kawasan lain. Masing-masing berebut-rebut untuk memberikan *trade mark* dan berebut-rebut untuk- bak kata pepatah, "Bagai enau dalam belukar". Masing-masing hendak menjulurkan pucuknya sahaja. Tidak nampak satu *synchronization*, dengan izin. Tidak nampak satu penyelarasan dan satu hala tuju yang kemas yang disatukan bagi kita menzahirkan satu Program SDSI yang berjaya.

Kalau kita merujuk kepada negara Thailand, di Bangkok sahaja memang Program SDSI mereka telah berjaya merubah suasana dan warna kehidupan masyarakat mereka. Memang terdapat daerah-daerah tertentu mereka yang begitu aktif menghasilkan barangan-barangan yang telah mereka tentukan dalam Program SDSI mereka sampaikan kepada barangan-barangan itu dapat dieksport dan dijual ke luar negara. Malah, kita rakyat Malaysia menjadi pelanggan tetap kepada barangan-barangan SDSI yang dihasilkan oleh wilayah-wilayah tertentu di Bangkok dan di Thailand keseluruhannya.

Kenapa sehingga sekarang kita di Malaysia, cuba kita sebutkan- saya mohon kementerian yang berkenaan, hendak kata satu kementerian pun tidak. Mungkin daripada KKLW, mungkin daripada ICU sendiri dan sebagainya. Banyak sangat agensi tetapi kita tidak fokus. Perbelanjaan duit keluar. Akan tetapi, hasilnya tidak nampak. Saya mengharapkan melalui pembentangan Bajet 2014 pada kali ini, dalam maksud mempertingkatkan aktiviti ekonomi, kita jangan abaikan Program SDSI yang pernah kita lancarkan beberapa tahun yang dahulu. Kita perlu buat *follow-up* dan *follow through* supaya SDSI ini benar-benar memberi kesan yang terbaik.

Dalam bajet yang terbaru ini, kita perkenalkan beberapa program baru pula. Contohnya, program-program seperti pewujudan 50 karavan tani. Ini satu program macam program baru – Program Karavan. Bawa van kah atau bawa apakah tetapi dalam bentuk pertanian. Saya pun tidak faham apa yang hendak dijualnya. Dahulu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga buat satu projek, beri kepada pengusaha-pengusaha pertanian, motosikal roda tiga. Kononnya, dia boleh masuk dalam kampung, cari sayuran-sayuran dan buah-buahan, kemudian dia pergi jual. Akan tetapi, saya tidak tahulah, tidak nampak tinggal berapa lagi motor roda tiga yang ada dalam Malaysia yang dipromosikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Berapa orang pengusaha yang wujud? Berapa hasil nilai perniagaan yang telah dapat dicetuskan daripada pewujudan skim bantuan motosikal roda tiga memungut barang-barang pertanian daripada kawasan luar bandar? Sekarang kita cadang pula 50 karavan tani pula. Jadi, kita hendak tahu apa impak yang telah diperolehi daripada projek pertama dahulu? Sekarang kita cadang pula 50 karavan tani. Kita cadang pula 50 pasar ikan, kita cadang pula 60 buah lagi pasar tani. Kalau pasar tani, saya rasa rakyat boleh terima sebab pasar tani telah menunjukkan satu impak perniagaan yang cukup baik dan FAMA sentiasa melaporkan jumlah keuntungan hasil pasar tani secara tahunan mengikut negeri, kawasan dan sebagainya.

Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada FAMA yang memang cukup konsisten dan cukup fokus terhadap program pasar tani mereka. Mereka telah pun meningkatkan kapasiti pasar tani ini daripada satu tahap kecil sampai sekarang kita ada mega pasar tani dan sebagainya.

Jadi, kalaulah kerajaan boleh mengikut apa yang dibuat, yang *persistent*, semangat yang ada dalam FAMA, saya rasa agensi-agensi lain kalau boleh mengikut semangat yang dibuat oleh FAMA, *insya-Allah* kita akan dapat lihat projek-projek yang dicadangkan sebagaimana tadi akan juga terhasil dengan tersusun, berjadual dan menampakkan keuntungan yang *tangible*, yang boleh kita nilai. cool

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga saya ingin merujuk kepada cadangan untuk mewujudkan *cold room* di KLIA. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang tadi bahawa *cold room* di KLIA ini memang amat penting sekali bagi memudahkan pengimport-pengimport kita mendapatkan bekalan-bekalan bahan makanan, perikanan dan sebagainya dari luar negara. Kita tahu dari *Myanmar*, kalau kita hendak import ikan, cukup murah, dari Bangladesh kita hendak import ikan, cukup murah. Akan tetapi, kita tidak ada *cold room* yang cukup untuk menempatkan stoknya di sini. Jadi, perwujudan *cold room* di KLIA ini amat disokong.

Namun begitu, saya juga ingin menarik perhatian kerajaan supaya berhati-hati. Jangan sampai kita mengulangi apa yang terjadi di *Tuna Port*, Batu Maung yang mana kita belanja ratusan juta ringgit tetapi hari ini, *Tuna Port* itu kita tidak tahu. Tidak bergerak, tidak jadi. Banyak sangat masalahnya. Konflik di kalangan agensi dan sebagainya. Jadi, kita harapkan pengalaman yang dilalui oleh *Tuna Port* di Batu Maung tidak berulang. Akan tetapi, bukan- kita pula tidaklah boleh bila apa yang berlaku di *Tuna Port* Batu Maung lalu kita pun berhenti, tidak payah buat apa. Takut bercerai, tidak payah kahwin. Tidak boleh juga. Ada orang, kenapa tidak kahwin? Sebab takut bercerai. Tidak bolehlah.

Jadi, ini kenapa tidak buat *cold room* di KLIA? Takut jadi macam Batu Maung. Tidak boleh. Apa yang sudah jadi di Batu Maung, tidak apa. Itulah pengajaran, itu pengalaman. Jadi, *insya-Allah* kalau dapat lihat, mempelajari pengalaman-pengalaman ini, mungkin *cold room* di KLIA itu akan jadi *the best*. Jadi yang terbaik. Jadi, ini adalah merupakan perkara yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Tuan Shahbudin bin Yahya [Tasek Gelugor]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Masa.

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Baru mula Tuan Yang di-Pertua. Kesian Tuan Yang di-Pertua, saya jauh daripada Penang Tuan Yang di-Pertua, beri masa sedikit lagi. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, Skim Usahawan Pasar Malam memang cukup baik dan dalam hal ini kita tengok usahawan pasar malam diberikan pinjaman keseluruhannya RM100 juta di mana maksimum seorang boleh pinjam RM30,000, subsidi kadar faedah 2%.

Akan tetapi, kita mungkin boleh belajar daripada TEKUN untuk Skim Usahawan Pasar Malam ini. Saya rasa elok Skim Usahawan Pasar Malam ini kena belajar sedikit dengan TEKUN. Lihat bagaimana TEKUN *managed* pinjaman dan mendapatkan balik kutipan. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya ada juga unsur-unsur '*steak and carrot*'- bila kita beri pinjaman, dia kena ada juga hukuman-hukuman. Ini kerana selama ini - rakyat Malaysia ini pun satu hal juga. Bila diberi banyak sangat kemudahan, yang beri itu pula kerajaan, dia kata pinjam daripada kerajaan tidak payah bayar ataupun dia begitu tidak mempedulikan tentang bayaran. So, kena ada juga unsur-unsur '*steak and carrot*' di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam usaha untuk memperkasakan ekonomi ini, tindakan kerajaan mengenakan GST kepada cukai-cukai barangan dan servis ini adalah merupakan satu tindakan yang amat baik. Satu tindakan yang patut kita sokong kerana ia memberikan ruang yang cukup adil kepada semua pihak sebenarnya kerana barangan-barangan yang asas tidak dikenakan cukai pun. Cuma saya hendak menambah di sini untuk mencantikkan lagi GST ini, kerajaan patut menambahkan lagi senarai-senarai barangan yang terkecuali daripada GST terutamanya barang-barang keperluan harian yang bersifat *hygienic* dan keperluan penjagaan diri. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, penggunaan *pampers*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah itu Yang Berhormat.

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sedikit sahaja. Berkenaan dengan *pampers* Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini ramai orang-orang yang sakit menggunakan *pampers*, kanak-kanak menggunakan *pampers*, malah wanita-wanita pun menggunakan *pad*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Dahulu saya pernah pergi konvensyen di Geneva. Setiap kami diberi lima minit. *Material* yang saya ada dua jam tidak boleh siap.

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Okey, terima kasih ya.

Tuan Yang di-Pertua: Terpaksa juga saya berucap dalam lima minit. Sila, sedikit sahaja.

Tuan Shahbudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana yang sebelah ini pun akan minta sedikit juga sahaja. Bila sedikit, sedikit, sedikit. Tiga hari pun tidak siap.

■1630

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya hendak mencadangkan begini sahaja Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan menambah lagi jenis-jenis barangan yang

dikecualikan GST terutama sekali keperluan-keperluan kesihatan seperti *pampers* dan apa-apa peralatan lain yang menjadi keperluan harian.

Jadi setakat itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebagai menghormati keputusan kita. Saya mengambil pendirian menyokong pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Katil.

4.30 ptg.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin mulakan perbincangan ini dengan mengungkapkan *Confucius* atau *K'ung-fu-tzu* dalam bahasa Inggeris, "*He who do not economist will have to organize*" dengan izin. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat faham maksud ingatan yang telah diberikan. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk bersetuju dan berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, tadi Yang Berhormat Gombak, yang menyatakan bahawa belanjawan ini adalah belanjawan untuk mereka yang kaya dan yang miskin itu papa kedana.

Pada saya belanjawan ini saya panggil sebagai belanjawan "Haji Bakhil". Ramai yang kenal tentang watak "Haji Bakhil" ini dan kita semua tahu bagaimana Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee mengungkapkan dengan begitu baik dalam filem *Labu Labi*. Dalam filem itu "Haji Bakhil"- ini orangnya kaya malah kedekut pula, simpan duit dan Labu, Labi itu dibiarkan hidup susah sampaikan peluang sekali skala untuk makan ayam pun dikenakan hukuman potong gaji. Cuma Tuan Haji Bakhil ini kalah dengan Cikgu Murni sahaja. Cikgu Murni minta, semua dapat. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, begitulah sedikit sebanyak nasib hidup rakyat di Malaysia. Negara kita kaya tetapi seakan hanya berhak dinikmati oleh segelintir. Oleh sebab itu saya fikir jika ada ruang sedikit untuk menikmati hidup yang lebih baik, ia seperti disusahkan.

Saya ingin mula dengan memberikan pandangan bahawa dalam hal berkaitan dengan corak perbelanjaan negara. Sesuatu perlu dilakukan untuk memastikan agar belanjawan untuk pembangunan ini kita lihat begitu sedikit dan sebenarnya ini tidak baik untuk masa depan negara. Kita lihat Perbelanjaan Mengurus misalnya mencecah 82.4% jadi 80% mengurus, 20% untuk pembangunan. Ini satu perkara yang perlu diberikan perhatian. Saya fikir tidak salah untuk saya menegaskan bahawa sekiranya kita teliti secara terperinci daripada belanjawan mengurus tersebut. Sebanyak 30% belanja untuk mengurus ini diberikan kepada gaji kakitangan awam ataupun kakitangan kerajaan. Saya ingin mengajak Dewan untuk melihat nisbah kakitangan awam dan juga rakyat iaitu sekitar satu kakitangan awam dan rakyat itu 20 orang.

Jika difikirkan nisbah ini tentulah membolehkan khidmat yang diberikan lebih cekap tetapi kita sering mendengar keluhan orang ramai tentang khidmat yang kurang memuaskan. Saya fikir kita perlu membezakan antara kakitangan awam yang dipilih secara profesional. Mereka yang kita

anggap sebagai *towering figure*, mereka yang mempunyai ketokohan dalam bidang mengurus negara ini dan juga kakitangan yang saya sifatkan sebagai parasit iaitu lantikan-lantikan yang bersifat politik ini. Kakitangan yang bersifat parasit ini umumnya dibayar untuk menjalankan tugas-tugas politik yang bersifat kepartian bukannya memberikan perkhidmatan awam. Kita lihat selain mereka yang dilantik sebagai Pegawai-pegawai Kanan Menteri misalnya. Kita tahu ramai kakitangan seperti kakitangan JASA, KEMAS, Biro Tatanegara malah JKKP sekarang ini sedang berkampung di Dewan Undangan Negeri Sungai Limau bagi membantu jentera pilihan raya kecil UMNO Barisan Nasional.

Penyelewengan jenis ini bukan baru tetapi telah lama dibuat. Malah kita tahu sebahagian mereka yang terlibat dengan JASA sendiri, seperti rakan-rakan saya di sebelah sana yang tahu perkara ini. Bertujuan menjadi mata dan telinga UMNO Barisan Nasional dalam melihat kecenderungan politik kakitangan awam. Maka saya fikir atas maksud pentadbiran dan pengurusan yang lebih cekap kerajaan mesti mengambil sikap yang tegas. Saya mohon pihak kerajaan mengemukakan kepada Dewan ini jumlah kakitangan kementerian masing-masing dengan keterangan yang jelas mengenai kakitangan lantikan politik secara kontrak. Saya ingin tahu secara khusus daripada kerajaan untuk memberikan perincian jumlah kakitangan sepenuh masa dan separuh masa yang berkhidmat dengan JASA, KEMAS, Biro Tatanegara termasuk dengan perbelanjaan yang diperuntukkan kepada agensi-agensinya.

Saya ingin menegaskan jika ada keperluan mengurangkan jumlah kakitangan awam lantikan politik inilah yang perlu dikurangi terlebih dahulu [*Tepuk*] Saya ingin menyebut di sini bahawa *trimming down*, dengan izin, pengecilan kakitangan awam ini pernah dilakukan dahulu ketika zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad melaksanakan Dasar Penswastaan. Kita lihat agensi-agensinya seperti Jabatan Telekom Malaysia diswastakan kepada Telekom Malaysia Berhad, Lembaga Lebuh Raya Malaysia diswastakan menjadi PLUS Expressway Berhad, Lembaga Elektrik Negara diswastakan menjadi Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Perkhidmatan Pos Malaysia diswastakan menjadi Pos Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam diswastakan menjadi Malaysia Airport Berhad, Lembaga Pelabuhan Johor, Kereta Api Tanah Melayu, semuanya diswastakan. Saya fikir dalam keadaan itu mungkin ada rasionalnya kenapa satu *trimming down* ini.

Saya yakin kalau pun kerajaan merasakan kakitangan JASA, KEMAS, Biro Tatanegara ini penting maka sewajarnya diswastakan dan biarlah diswastakan kepada Ibu Pejabat UMNO. Biarlah UMNO tolong bayar gaji mereka, bukan rakyat yang membayar [*Tepuk*] Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedar kah Yang Berhormat Bukit Katil, di samping lantikan-lantikan lain yang berbau politik kerajaan juga mahu menubuhkan PEMANDU di samping kita ada pegawai kerajaan yang amat profesional. Pegawai-pegawai kerajaan yang kita hantar hingga ke peringkat PhD di bawah kawalan KSN. Akan tetapi kerajaan membelanjakan semenjak tahun 2011 tiap-tiap tahun RM120 juta untuk bayar

kakitangan PEMANDU yang bukan dalam sistem kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Katil tentang ini?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sebanyak RM120 juta?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya RM120 juta.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ini yang saya maksudkan tadi. Memandu kita terjun gaung! Ini masalahnya. Sebab PEMANDU dan juga edisi-edisi yang lain, apa manfaatnya kita ada kakitangan kerajaan yang kita hantar bertugas, mendapat pengalaman, yang kita hantar belajar, mendapat pendidikan yang tinggi, pengalaman-pengalaman yang lain. Sewajarnya mereka ini dimanfaatkan kerana kita punyai kakitangan yang cekap. Saya *salute* kepada tokoh-tokoh yang saya yakin di kalangan rakyat anggap mereka ini sebagai *towering figure*, yang kita kena sekarang ini tokoh-tokoh seperti Tan Sri Ambrin Buang.

Kalau zaman ketika saya belajar dahulu, saya sempat belajar dengan Tan Sri Harun Hashim yang merupakan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, seorang *towering figure* yang mengajar saya dengan baik tentang undang-undang dan sebagainya. Inilah tokoh-tokoh yang kita fikir kalau diberikan peluang dan manfaat mereka boleh menjadi lebih baik dan menjadi lambang kejayaan dan kebanggaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua kita lihat kesan dia apabila belanja mengurus ini lebih daripada belanja pembangunan. Misalnya, apabila kita lihat secara teliti apa kesan kepada masyarakat luar bandar. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, perbelanjaan mereka telah diturunkan misalnya Institut Kemahiran Mara diturunkan kepada RM50 juta. Bekalan elektrik luar bandar yang penting RM47 juta dikurangkan, bekalan air luar bandar RM136 juta, Jabatan Kemajuan Orang Asli sebanyak RM24 juta, Kementerian Kerja Raya pun dikurangkan. Sabah dikurangkan kepada RM72 juta, Sarawak kepada RM86 juta, Kementerian Kesihatan, perbelanjaan untuk pembangunan dikurangkan untuk perkhidmatan kesihatan luar bandar, RM130 juta. Inilah kesan dia apabila kita membayar terlalu banyak kepada mereka yang tidak sepatutnya tidak mendapat manfaat daripada kekayaan negara.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Kapar mencelah. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Mekanisme mengurangkan pembangunan ini bagi pendapat Yang Berhormat Bukit Katil, adakah ini bagus dan yang terbaik untuk negara yang sedang membangun seperti negara kita? Adakah ini faktor yang akan menyebabkan kita akan mencapai Wawasan 2020 seperti yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri? Sila beri penjelasan berkaitan dengan pengurangan yang sedang berlaku dalam konsep pembangunan negara. Terima kasih.

■1640

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya ingat saya akan jawab Yang Berhormat Kapar ini dalam *point* saya bila saya hendak pergi ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teliti tiga perkara teras. Seperti mana yang diulaskan dalam ucapan belanjawan Bajet 2014 iaitu teras yang pertama, merencanakan aktiviti ekonomi. Dalam sub teras meluaskan akses *internet*. Pada tahun 2013, ada 100 Pusat Internet 1Malaysia dijanjikan untuk dibina dengan peruntukan RM150 juta. Pada tahun 2014, fasal kedua projek HSBB iaitu *high speed broadband*, dengan kerjasama pihak swasta melibatkan kos pelaburan sebanyak RM1.8 bilion bagi kawasan bandar dan RM1.6 bilion bagi kawasan pinggir bandar. Persoalan yang ingin saya bangkitkan ini, apakah prestasi? Saya ingin tanya kepada kementerian, apakah prestasi pelaksanaan 100 Pusat Internet 1Malaysia ini pada tahun 2013 dan sejauh manakah keberkesannya sehinggakan kerajaan berani melabur sebanyak RM3.2 bilion? Daripada RM150 juta terus mencanak naik sehingga RM3.2 bilion. Itu yang pertama.

Bagi teras yang seterusnya, seperti yang diungkapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengungguli modal insan. Sub teras memperkasakan pendidikan *tertiary (tertiary education)*. Yang Amat Berhormat Pekan mengatakan bahawa akan membuat Pusat Sitasi Malaysia, *Malaysia Citation Centre*. Dalam ucapan Bajet 2013, di bawah teras yang ketiga ini Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri sebut kerajaan akan menubuhkan Pusat Sitasi Malaysia bagi meningkatkan hasil penerbitan ilmiah tempatan dan membantu menyelidik, menerbitkan artikel di dalam jurnal antarabangsa yang terkemuka. Saya ragu-ragu akan hal ini kerana berdasarkan semakan yang saya teliti, Pusat Sitasi Malaysia ini telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi. Agak pelik kenapa penubuhan ini diulang semula dalam keadaan ia pun telah wujud. Apakah ini menggambarkan kerajaan mengitar semula idea-idea lama untuk memperlihatkan dokumen bajet ini cakna sempurna ataupun lengkap sepenuhnya.

Seterusnya bagi geran penyelidikan IPT. Sejumlah RM600 juta di janji akan diperuntukkan sebagai geran penyelidikan untuk meningkatkan status universiti bertaraf penyelidikan dengan memperbanyakkan kajian dan penulisan untuk penerbitan di peringkat antarabangsa. Dibandingkan dengan Bajet 2013, jumlah yang sama turut diperuntukkan kepada lima universiti untuk menjalankan penyelidikan. Persoalan yang ingin saya bangkitkan kepada kementerian ialah mengambil kira kesamaan bajet yang diperuntukkan kerajaan, apakah ini memberikan gambaran bahawa universiti awam dilihat gagal memanfaatkan bajet yang diberikan pada tahun 2013, memperlihatkan kepada ranking universiti di dalam ranking antara bangsa setiap tahun. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memberikan fokus, memberikan peluang pula kepada pengupayaan IPT, *empowerment of the IPTS*. Kita usahakan mereka supaya sama-sama menyumbang kepada merencanakan budaya ilmu di kalangan masyarakat.

Bagi teras yang kelima iaitu menyejahterakan kehidupan rakyat. Saya hendak fokus kepada pembangunan sukan dan juga belia negara. Saya tengok Menteri Belia dan Sukan ada? Dia sudah keluar tadi. Saya ingin kemukakan secara khusus mengenai belia. Okey, dia dengar saya panggil. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bajet 2014, kita lihat janji Perdana Menteri, RM200 juta menaik taraf dan melaksanakan pendekatan dua syif di IKBN. Antara bidang

latihan yang telah dikenal pasti merangkumi automotif marin, kimpalan dan pendawaian elektrik yang memanfaatkan lebih 15,000 pelatih IKBN di seluruh negara.

Akan tetapi saya ingin tanya kepada kementerian, dalam masa yang sama kita menyaksikan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan IKBN pada tahun 2014 telah dikurangkan jika dibandingkan dengan tahun lepas. Bagi pembangunan sukan negara, RM239 juta diperuntukkan untuk meneruskan kecemerlangan sukan. Naik taraf kompleks, program perintis dan menggilap kemahiran jurulatih. Akan tetapi, kita juga teliti, perbelanjaan pengurusan butiran pembangunan sukan telah dikurangkan sebanyak RM8.4 juta daripada RM35.3 juta.

Dalam masa yang sama, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Yang Amat Berhormat Pekan juga paling tidak pun telah meniru sedikit pandangan di dalam belanjawan Pakatan Rakyat apabila beliau mengungkapkan bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah dengan menggalakkan siswazah menceburi dalam bidang keusahawanan. Dana pinjaman sebanyak RM50 juta di bawah Tabung Usahawan Siswazah dikendalikan SME Bank. Ini Tuan Yang di-Pertua, serupa dengan belanjawan Pakatan Rakyat. Ini maknanya dia tiru kita. Akan tetapi tidak apalah untuk kebaikan belia, kita pun sokong, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bangkitkan beberapa perkara yang penting. Kita lihat di dalam belanjawan ini, perkara yang ditegaskan oleh kerajaan ialah soal memastikan tidak ada ketirisan. GST, ketika dibahaskan oleh pihak Barisan Nasional mengatakan bahawa dengan GST ini boleh memastikan tiada ketirisan. Kerajaan tunjukkan kesungguhan dengan buat jawatankuasa, pastikan tidak ada kebocoran. Kebocorannya banyak, berbilion ringgit.

Akan tetapi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian, daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ingin tubuhkan unit dalam setiap jabatan, okey. Akan tetapi kalau kita teliti belanja, bajet untuk SPRM iaitu Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, kalau kira Ahli-ahli Yang Berhormat boleh buka dan teliti dan buat kiraan, belanja kita untuk memastikan SPRM itu boleh berperanan hanyalah 3% sahaja daripada keseluruhan belanja yang diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri, hanya 3%.

Dalam usaha kita untuk mengekang rasuah, memastikan tidak ada penyelewengan, kita hanya memperuntukkan 3%. Kalau hendak buat perbandingan, katalah dengan Singapura misalnya. Negara Singapura kenapa saya buat perbandingan? Ini kerana rasuah di negara tersebut hampir tiada, antara yang terbaik di dunia. Belanjawan negara Singapura tahun 2013 Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan bahawa bagi memastikan rasuah itu dihapuskan dan *dicombat* atau ditangani dengan cara yang tegas, kerajaan memperuntukkan 9% daripada belanja Jabatan Perdana Menteri Singapura walaupun dalam keadaan negara tersebut bersih daripada rasuah ini, tetapi mereka komited dengan meletakkan belanja yang mencukupi.

So saya fikir, sudah sampainya masa. Tidak perlulah kita hendak menggunakan pendekatan yang lama. Ada masalah, buat jawatankuasa. Pada saya, ada SPRM, ada institusi, perkasakan dia, beri bantuan yang secukupnya, beri pendekatan-pendekatan yang lebih canggih, sofistikated, belanjakan dengan jumlah yang besar agar masalah rasuah ini dapat ditangani dan

dapat dilakukan melalui agensi yang betul iaitu dengan menggunakan SPRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

Perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya fikir yang terakhir ialah peruntukan untuk golongan Orang Kurang Upaya di bawah sub teras membantu golongan orang kelainan upaya. Saya ingin mengambil kesempatan di sini, paling tidak pun untuk mengalu-alukan cadangan kementerian iaitu cadangan kerajaan untuk menambah belanja bagi OKU ini sebanyak lebih kurang seperti yang dinyatakan dalam buku bajet ini RM441 juta bagi pembangunan dan kebajikan golongan orang kelainan upaya.

Pada saya, ini sudah sampai masanya. Ini kerana kalau kita teliti jawapan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan bantuan OKU misalnya yang tidak berupaya bekerja, kadar bantuan adalah sebanyak RM150 sebulan. Pada saya, tidak mencukupi. Oleh sebab itu kalau bantuan ini diberikan, saya minta agar bantuan-bantuan bulanan yang diperuntukkan kepada OKU ini perlu kita perbaiki, tambahkan belanja untuk mereka agar dapat hidup dengan lebih baik dan lebih selesa. Saya juga ingin meminta penegasan daripada pihak kementerian agar perkara yang saya bangkitkan dahulu dalam perbahasan yang lalu iaitu pemotongan RM10 untuk bantuan kebajikan ini dihentikan serta-merta.

Di negeri Melaka Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangkitkan, Yang Berhormat Menteri tidak tahu, kemudian Yang Berhormat Menteri jawab. Rupa-rupanya ada pemotongan RM10 untuk duit orang miskin. Dapat RM300 bantuan, RM10 masuk tabung koperasi. Dia pun tak tahu. RM10 pun hendak diambil. Pada saya, ini duit orang miskin. Kalau RM10 itu pada orang yang seperti kita, mungkin hanya sekotak rokok. Hisap rokok RM10, mungkin. Akan tetapi bagi orang yang susah, RM10 itu adalah satu kampil beras lima kilo sebelum cukai GST. Mungkin tidak kena cukai GSTlah [Tepuk] Satu kampil lima kilo ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita biasa hidup susah, tahu bahawa satu pek ini boleh paling kurang bertahan satu minggu ke dua minggu. Jadi kalau RM10 pun mahu diambil, saya percaya negeri-negeri lain tidak ada. Akan tetapi negeri Melaka, *special case*. Sebab itu alhamdulillah orang yang laksanakan program ini telah saya kalahkan dalam pilihan raya yang lalu.

■1650

Jadi kita harap Menteri yang berkenaan hentikan segera kerana ini tidak baik apatah lagi ia berlaku di kawasan Bukit Katil. Perkara terakhir, ini betul-betul terakhirlah. Saya ada lebih kurang satu minit Tuan Yang di-Pertua, betul? Satu minit. Ini betul-betul akhirilah.

Soal untuk Kementerian Kesihatan. Saya setuju dan saya alu-alukan. Bajet 2014 beritahu hendak buat lagi 50 buah Klinik 1Malaysia. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat di hadapan saya pernah pergi Klinik 1Malaysia. Siapa pernah pergi Klinik 1Malaysia? Saya hendak beritahu di Klinik 1Malaysia ini pada saya kita panggil sebagai klinik *Panadol*. Kalau sakit pergi Klinik 1Malaysia dapat *Panadol* sahajalah. Ini sebab di situ saya hendak beritahu, di situ cuma ada penolong pegawai perubatan. Jadi kes-kes seperti demam, selesema, *dressing* boleh. Akan tetapi kes-kes yang lain, misalnya sekarang di Bukit Katil, di kawasan saya ada wabak denggi. Ramai

yang telah mati. Ada Klinik 1Malaysia, dia demam, dia pergi klinik. Bagi *Panadol*. Kemudian demam lagi. Pergi klinik, bagi *Panadol*. Hari seterusnya tidak datang lagi sebab sudah meninggal [Ketawa]

Denggi ini – ya lah kita boleh ketawa tetapi denggi ini, orang meninggal. Kesannya besar. Jadi wabak yang utama di kawasan saya. Di tempat saya ada Klinik 1Malaysia, *alhamdulillah* tetapi kalau Klinik 1Malaysia itu pada nama sahaja klinik. Hendak tambah lagi 50 buah klinik Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak tambah 50 buah klinik tetapi tidak ada kelengkapan yang mencukupi untuk memastikan kesejahteraan rakyat apatah lagi klinik ini bertujuan untuk *urban poor*. Mereka yang miskin di bandar, yang tidak mampu hendak pergi ke klinik kesihatan yang jauh kadang-kadang, klinik bayar tidak mampu hendak pergi. Jadi mereka pergi ke Klinik 1Malaysia. Pergi ke sana tetapi tidak mendapat rawatan yang sempurna.

Saya harap dan saya minta agar persoalan-persoalan yang telah saya bangkitkan tadi untuk memastikan agar kita dapat melakukan perubahan. Saya katakan ini sebab selepas Pilihan Raya Umum Ke-13, kita saksikan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional dengan tindakan-tindakan mereka termasuk juga dalam belanjawan atau bajet ini telah menghukum rakyat. Harga gula dipermainkan. Saya hendak ingatkan Ahli Yang Berhormat, gula dan garam ini lama dalam cerita P. Ramlee dahulu. Cerita *Abu Lahab*. Syawal beri hadiah hari jadi garam dan gula kepada bapa mertua dia- marah! Akan tetapi itulah keperluan pada waktu itu yang dihadapi sekarang. Kalau kita hendak mempermainkan harga gula...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, beri laluan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Kita hendak mempermainkan bahawa ini kononnya hendak potong kaki dan sebagainya. Pada saya ini tidak memberikan gambaran bahawa kita akan jadi...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bukit Katil...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Saya serah kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua beri, saya beri.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sedikit? Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak sentuh tentang Klinik 1Malaysia tadi. Klinik 1Malaysia ialah tempat yang pertama kita pergi yang berdekatan dengan tempat kita jika kita demam dan ada masalah-masalah yang tidak serius. Kalau kita demam dan telah diberikan *Panadol* atau parasetamol dan demam itu tidak baik, kita sepatutnya pergi ke hospital. Jangan kita pergi ke Klinik 1Malaysia lagi untuk kita mati. Jadi di hospital akan buat pemeriksaan selanjutnya dan kalau dipastikan atau disahkan adalah denggi, adalah peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah rawatan untuk menyelamatkan seseorang itu. Apa pendapat Yang Berhormat Bukit Katil tentang perkara itu?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai setuju atau tidak dengan saya bahawa kita kena memperkasakan Klinik 1Malaysia? Saya ambil contoh yang praktikal. Di kawasan saya betul ada satu taman itu ada Klinik 1Malaysia. Taman Merdeka Jaya namanya. Dekatlah. Kalau siapa pernah kena denggi dia tahu. Saya pernah kena denggi dua kali, saya tahu betapa hendak berjalan pun tidak larat. Kalau hendak pergi klinik kita hendak pergi klinik yang dekat dan klinik yang dekat itu tidak ada peralatan.

Saya hendak cadangkan supaya kerajaan memperkasakan paling tidak di kawasan wabak dikenal pasti ada *rapid dengue test* misalnya, *test* segera untuk kesan penyakit denggi. Paling tidak di kawasan yang kita kenal pasti sebagai wabak. Kalau misalnya tidak ada wabak tidak mengapa. Itu maksud saya. Pada saya kerajaan kalau wujudkan satu benda walaupun itu untuk *one-stop center* tetapi mesti berperanan secara efektif. Itu maksud saya. Kalau itu baik untuk rakyat apa salahnya selain daripada kita ada hospital dan juga klinik kesihatan.

Jadi saya ingin akhirkkan dengan mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita sedang membahaskan belanjawan yang penting untuk negara. Cuma saya yakin dan saya juga harap agar perkara-perkara yang kita bangkitkan di sini terutamanya yang berkaitan dengan cukai dan harga barang ini perlu diteliti dengan cara baik. Saya menyanggah perkara-perkara seperti mana yang telah saya jelaskan secara terperinci sebentar tadi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tebrau.

4.55 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi semasa Yang Berhormat Sandakan berbahas, saya tanya tentang kurikulum sekolah yang sudah begitu ketinggalan zaman, adakah harus dibiarkan dan jangan dikemaskinikan. Dia kata tunggu, nanti akan sampai. Saya masih menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan mengurus bagi Kementerian Pendidikan untuk tahun hadapan adalah RM50.57 bilion dan di antaranya RM28.78 bilion adalah untuk pendidikan rendah dan menengah. Jadi berkenaan dengan ini, saya hendak sentuh sedikit isu berkaitan dengan pendidikan.

Pertamanya, satu isu yang saya sudah banyak kali sentuh semasa saya di Dewan Negara iaitu tugas guru-guru yang bukan mengajar mestilah dikurangkan. Oleh kerana orang yang bukan guru, mereka beranggapan bahawa cikgu hanya pergi ke sekolah pada pukul 7.30 pagi, balik ke rumah pada pukul 1 dan tidak ada kerja lain. Akan tetapi mereka tidak sedar bahawa semasa di rumah pun cikgu-cikgu kena buat persediaan mengajar, kena buat alat mengajar, kena semak buku, kena isi borang dan di dalam kelas pun banyak kerja-kerja yang tidak ada kaitan dengan profesion perguruan. Jadi pada pengalaman saya, ini membazir masa dan seharusnya

Kementerian Pendidikan melantik lebih ramai mungkin kakitangan bukan guru untuk bantu guru selesaikan hal kerja-kerja bukan mengajar.

Keduanya, yang saya hendak sentuh adalah di kawasan Tebrau ada sebuah sekolah menengah yang keadaan fizikalnya sudah agak bahaya sehinggakan JKR pun sudah mengesahkan bahawa bangunan itu agak bahaya. Saya sudah menyuruh sekolah untuk menulis kepada PPD dan kementerian tetapi sampai sekarang pun masih belum ada tindakan. Oleh kerana sekolah adalah tempat yang begitu ramai pelajar, ramai cikgu, sampai ibu bapa pun pergi, jadi kalau bangunan itu sudah bahaya, kita mesti ambil tindakan serta-merta. Kita tidak boleh oleh kerana kekurangan kewangan, kita lambatkan. Kalau sekiranya ada apa-apa yang berlaku, susah pula kita hendak jawab.

Berkenaan dengan kolej matrikulasi, politeknik dan juga kolej komuniti yang telah diperuntukkan sebanyak RM1.35 bilion. Saya ingin tanya Kementerian Pendidikan, apakah kejayaan kolej komuniti ini? Oleh kerana di kawasan saya memang ada kolej komuniti itu tetapi saya jarang nampak kegiatan yang menguntungkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak ambil kesempatan ini untuk membuat penjelasan tentang satu ulasan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan 1, Datuk Mary Yap berkenaan dengan peruntukan untuk *conforming school*. Beliau berkata tidak benar bahawa kerajaan tidak ada berikan peruntukan kepada *conforming school* bahkan baru sahaja disampaikan. Akan tetapi mungkin beliau kurang faham bahawa apa yang kami maksudkan ialah di dalam Bajet 2014, *conforming Chinese secondary school* memang tidak dapat peruntukan. Jadi bukan apa yang beliau sampaikan itu sebenarnya sesuatu yang diperjuangkan oleh MCA dan dijanjikan oleh kerajaan sebelum pilihan raya. Jadi saya masih minta bahawa kerajaan memberi pertimbangan dan mungkin memberikan peruntukan yang sama kepada *conforming Chinese secondary school*.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah banyak kali sudah kata, daripada kita tiap-tiap hari memberi ikan, lebih baik kita ajar orang untuk memancing. Jadi, kerajaan kita memang kerajaan yang prihatin. Kita ada banyak bantuan untuk bantu pihak-pihak yang berpendapatan rendah. Akan tetapi pada saya, daripada tiap-tiap hari dan selama-lamanya kita berikan bantuan, lebih baik kita ajar mereka, berikan mereka latihan yang diperlukan supaya mereka boleh berdikari. Oleh kerana di antara mereka yang menganggur, tidak buat kerja, ada beberapa sebab.

Daripada pengalaman saya, ada yang kurang kemahiran, ada yang kurang berkeelayakan dan ada juga yang pada saya paling susah kita hendak bantu ialah orang yang miskin dari segi sikap. Mereka bersikap negatif. Saya pernah jumpa dengan seorang. Dia rumah pun tidak ada. Dia duduk di satu bangunan tinggal. Apabila kita sampaikan bantuan, saya tengok dia sihat, dia pun tidak tua sangat, kenapa tidak kerja? Apabila saya tanya dia maka jawapannya ialah, "*Hendak buat kerja apa yang boleh dapat pendapatan yang lumayan? Kalau hendak dapat pekerjaan lumayan, mesti buat bisnes. Saya tidak cukup modal.*"

Jadi kalau orang yang fikir dia sama ada langsung tidak kerja ataupun dia mesti menjadi satu peniaga yang berjaya saja, saya fikir itu masalah sikap yang kita perlu betulkan. Jadi saya berpendapat bahawa kita haruslah ada kursus-kursus dan latihan untuk mereka supaya mereka boleh berdikari dan bukan bergantung kepada bantuan kerajaan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kampung *WiFi*. Saya hendak tanya, oleh kerana di dalam kawasan Tebrau saya difahamkan bahawa bekas Ahli Parlimen, Yang Berhormat Teng pernah buat cadangan beberapa kawasan sebagai Kampung *WiFi*, tapi sampai sekarang saya nampak walaupun masa itu banyak kali kami tanya, sampai sekarang Kampung *WiFi* yang kami minta masih belum diwujudkan. Jadi saya minta pihak kementerian berikan jawapan bilakah boleh ditunaikan janji itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Johor Bahru khususnya kawasan Iskandar telah dijanjikan sistem LRT ataupun MRT. Sudah lama sudah, sudah sangat lama. Sampai sekarang di dalam bajet yang akan datang pun saya belum nampak ada projek itu. Pada saya, saya fikir bahawa sistem itu adalah amat penting khususnya untuk kejayaan kawasan Iskandar oleh kerana kawasan Iskandar merupakan satu kawasan yang paling berjaya di antara koridor-koridor ekonomi di negara kita. Jadi kalau ada MRT ataupun LRT, saya percaya kejayaan Iskandar akan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya berpendapat bahawa ramai pertubuhan belia mereka kekurangan: yang pertama, kewangan; dan yang kedua ialah tempat untuk kegiatan mereka. Jadi saya merayu kepada kerajaan kita bukan saja salurkan bantuan kewangan kepada pertubuhan yang aktif bahkan kita kena fikir mungkin di setiap daerah kita adakan wisma belia di mana mereka boleh pinjam untuk menjalankan kegiatan mereka.

Saya juga merayu kepada kerajaan tentang projek tebatan banjir dan pencegahan hakisan tebing sungai di kawasan Tebrau. Sebenarnya di kawasan saya, di sepanjang Sungai Tiram, ada beberapa tempat tebingnya sudah menghadapi masalah hakisan tanah. Walaupun saya di sini baru dua minggu, sudah banyak, oleh kerana sekarang musim hujan, sudah banyak aduan saya terima. Sini tebing runtuh, sana tebing runtuh. Jadi ada satu projek yang saya hendak minta JPS untuk melaksanakan dan saya difahamkan bahawa JPS pun sudah buat surat kepada kementerian untuk minta peruntukan tambahan sebanyak RM6 juta untuk projek pencegahan hakisan tebing itu dan saya berharap bahawa kementerian boleh meluluskan peruntukan ini oleh kerana ini adalah penting. Ada sekolah, ada rumah orang yang berhampiran. Kalau sekiranya dia berlaku hakisan tanah sampai tanah runtuh, tebing runtuh, jadi ia mungkin akan akibatkan kehilangan harta dan mungkin nyawa juga.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan orang ekonomi, saya perlu sentuh sikit berkenaan dengan GST juga, oleh kerana saya dengar bahawa ada pihak pembangkang yang mengelirukan rakyat. Mereka kata pagi-pagi *you* berus gigi, *you* kena bayar enam peratus GST. Tapi mereka tidak beritahu kepada rakyat bahawa ubat gigi ini sekarang pun ada lima peratus

sales and service tax. Bermaksud pertambahan cukai ini hanya satu peratus. Bermaksud, setiap RM100 mereka hanya bayar RM1 cukai. RM100 ubat gigi, berapa lama mereka boleh pakai?

Apabila kata enam peratus, seolah-olah banyak. Mereka kata gunakan kertas tandas pun enam peratus tapi mereka juga tidak beritahu kepada rakyat kertas tandas sekarang dibayar sepuluh peratus *sales tax*. Jadi sebenarnya sudah jimat empat peratus. Inilah caranya mereka kelirukan rakyat dan banyak lagi. Macam semalam cara mereka puratakan seolah-olah orang miskin semua perbelanjaan, kalau RM2,000 semua kena enam peratus dan sebagainya.

Saya bercadang kepada kementerian bahawa adakan *roadshow* untuk terangkan dan sebenarnya diri saya sudah ambil inisiatif. Pada 3 hari bulan ini, saya akan adakan *roadshow* di kawasan saya untuk terangkan kepada rakyat apa itu GST dan adakah orang miskin akan bayar lebih daripada orang kaya. Ini semua tidak munasabah kalau kita hendak kata begini. Kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti-parti pembangkang begitu prihatin, saya mohonlah kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang bersama-sama kita memantau peniaga-peniaga yang ambil peluang ini untuk tipu pelanggan.

Dan berkenaan dengan GST, saya dengar banyak pandangan daripada pakar-pakar luar. Saya pun pelik. Semasa *education grouping*, mereka tanya kenapa tidak gunakan pakar-pakar tempatan, kenapa hendak upah pakar-pakar daripada luar negara. Akan tetapi di segi lain, mereka banyak mendengar pandangan pakar-pakar luar negeri. Saya hendak petik sedikit beberapa pakar-pakar tempatan yang ulasan mereka tentang GST.

Mengikut *News Straits Times* yang bertarikh 28 Oktober, Profesor Dr. Shazali Abu Mansor daripada USM, *Faculty of Economic and Business*, dia kata, ini saya baca daripada surat khabar, "*The country depended too much on income taxes from individuals and corporate bodies. Out of its population of 28 million people, less than 2 million were paying income tax.*" Beliau juga berkata, "*GST is more transparent as consumer knew what type of taxes they are paying and their quantum.*" Dan dia juga kata, "*The poor have no reason to worry. They will only pay a minimum as their purchases are mainly essential goods and services such as food, lodging, transport and education which are likely to be zero-rated.*"

■1710

Seorang *political analyst*, Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani juga berkata bahawa "*With GST, the government would get more revenue to generate growth and fund development projects*". Profesor Dr. Barjoyai Bardai daripada Universiti Tun Abdul Razak, beliau adalah seorang *Ph.D in taxation*. Beliau kata, "*The GST is a comprehensive and efficient taxation system, which can generate good income to the nation while not burdening the people. Malaysia would lag behind if it continued to utilise the existing taxation system*".

Jadi, *Communications Director* daripada FOMCA, Mohd Yusof Abdul Rahman juga mencadangkan bahawa kerajaan harus menjalankan lebih banyak program untuk mendidik rakyat. Misalnya seperti adakan forum yang akan saya adakan pada hujung minggu ini untuk betulkan salah faham dan kekeliruan yang sengaja dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Beliau juga

mencadangkan bahawa kerajaan menerbitkan buku panduan untuk membandingkan harga-harga barang sebelum dan selepas pelaksanaan GST. Ini saya amat setuju dan saya harap bahawa kerajaan cepat-cepat terbitkan buku panduan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menghadiri jamuan dan sebagainya, di majlis-majlis NGO, saya dapati bahawa rakyat kita lebih ramai yang bimbang tentang keselamatan diri mereka dan keselamatan masyarakat daripada *human rights* yang selalu dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Jadi, daripada segi ini, kita harus tahu bahawa polis juga adalah manusia. Polis juga ada hak asasi manusia dan kalau kita biarkan pegganas itu yang sekarang ramai yang bersenjata, jadi, apabila polis menjalankan tugas, mereka akan menjadi bahaya. Saya cadangkan bahawa kerajaan haruslah memberikan perhatian dalam hal ini dan mungkin mewujudkan satu skim insurans untuk anggota polis semasa mereka menjalankan tugas.

Berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, saya minta Kementerian Kesihatan memberikan bantuan kepada pesakit-pesakit yang menjalani dialisis. Oleh kerana saya dapati bahawa ramai yang memerlukan perkhidmatan dialisis dan kalau mereka buat di klinik luar, di klinik perseorangan, mereka perlu bayar banyak.

Berkenaan dengan alam sekitar, dua hari ini saya terima aduan daripada penduduk-penduduk di satu kampung. Oleh kerana ada dua kilang berhampiran yang dimiliki oleh orang Singapura, mereka selalu membakar barang-barang sehingga kampung itu macam Genting Highlands. Jadi, apabila kita buat aduan kepada Jabatan Alam Sekitar, mereka kata mereka tidak ambil tindakan oleh kerana pemilik kilang-kilang itu adalah orang Singapura. Mereka tidak ada alamat di Malaysia. Saya pelik. Kalau begini negara kita, kita tidak boleh buat apa-apa, jadi apa lagi kita hendak buat?

Saya berharap bahawa kerajaan, kita kenakan hukuman yang berat kepada mereka yang mencemarkan alam sekitar. Saya difahamkan di Singapura, kalau ada lori yang bawa barang-barang seperti itu untuk dibakar, lori itu sendiri akan disita. Jadi, mungkin hukuman kita tidak cukup berat. Jadi, orang luar negeri, apa yang mereka tidak berani buat di Singapura, mereka berani buat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Okey, yang lain saya mungkin akan timbulkan semasa Jawatankuasa. Sekian terima kasih dan saya dengan ini, mohon menyokong Bajet 2014. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Kulai.

5.15 ptg

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet tahun 2014. Beberapa isu yang saya ingin sentuh dalam ucapan saya.

Pertama adalah tentang Laporan Ketua Audit. Saya rasa amat berbeza dengan tahun yang lalu bahawa kita hanyalah mendapat Laporan Ketua Audit pada Sidang Ketiga tetapi pada tahun ini, kita dapat Laporan Ketua Audit ini pada Sidang Kedua tahun ini. Jadi saya rasa, ini memang adalah satu penambah baik, saya amat setuju. Akan tetapi saya ingin mengingatkan kerajaan kita bahawa, kalau kita nampak ataupun mengikut cadangan yang dibuat oleh PEMANDU, Laporan Ketua Audit ini patut ataupun perlu dibentangkan di Parlimen tiga kali setiap tahun.

Saya merujuk kepada *website* PEMANDU yang mana di bawah tajuk, *"Mentransformasikan Proses Laporan Ketua Audit Negara"*, dan saya *quote*, *"Kelewatan dan ketiadaan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani kebimbangan dan sasaran yang disebut dalam Laporan Ketua Audit menyebabkan persepsi awam semakin buruk terhadap kebolehan kerajaan untuk bertindak ke atas kes-kes rasuah dan penipuan. Memandangkan kebanyakan masalah ini berkait rapat dengan proses laporan sedia ada, NKRA telah bercadang untuk melaksanakan empat inisiatif baru dalam GTP 2.0 bagi memperkemas proses Laporan Ketua Audit Negara"*.

Salah satu inisiatif baru adalah Akses Pantas kepada Laporan Prestasi Audit Ketua Audit Negara, *"Setiap tahun Ketua Audit Negara akan membentangkan prestasi audit tetapi jumlah kandungan maklumat di dalam laporan tersebut adalah sangat besar. Inisiatif ini memerlukan Laporan Prestasi Audit Ketua Audit dibentangkan tiga kali setahun sekali gus membolehkan pemprosesan yang lebih pantas dan cekap terhadap kandungan"*.

Akan tetapi, sekiranya kita merujuk kepada sebuah wawancara akhbar bersama *The Malay Mail Online* yang bertarikh 8 Oktober tahun ini, Ketua Audit Negara kita, Tan Sri Ambrin Buang menyatakan bahawa dengan izin *I quote*, *"In the same email reply and a text message, I am being confirmed that PEMANDU's recommendation for the AG's Report to be tabled in Parliament three times a year has been implemented. The AG's Performance Report Series I and II have been tabled recently and the third series of the reports together with the Financial Statement Audits is scheduled to be tabled at the next session of the Dewan Rakyat"*. Maksudnya sidang inilah. *"...He said referring to the sitting of the Lower House of Parliament next month"*.

Dua isu yang timbul di sini. Pertama, kalau kita ikut cadangan PEMANDU, sepatutnya laporan ini dibentangkan pada setiap sesi Parlimen dan bukanlah bahawa Ketua Audit Negara ini membentangkan dua laporan dalam satu sidang. Ini pertama. Isu yang kedua di sini adalah walaupun dalam wawancara dengan *The Malay Mail Online* yang bertarikh 8 Oktober itu, beliau cakap bahawa laporan Siri Ketiga akan dibentangkan di sidang Parlimen ini tetapi sampai hari ini, kita tidak terima laporan tersebut lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen kita kali ini hanyalah diberi enam hari untuk membahaskan bajet tahun depan. Hari ini adalah hari ketiga tetapi sampai sekarang, kita masih tidak terima laporan Siri Ketiga yang disebut oleh Ketua Audit Negara kita. Jadi saya hendak tanya, kalau ini cadangan yang dibuat oleh PEMANDU juga tidak dapat diikuti oleh agensi kerajaan kita,

buat apa kita setiap tahun memberi begitu besar peruntukan kepada PEMANDU. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, PEMANDU memberi empat cadangan inisiatif kepada Ketua Audit Negara.

Selain daripada inisiatif ataupun cadangan untuk membenangkan Laporan Audit tiga kali setahun, inisiatif yang lain termasuk Mewujudkan Jawatankuasa Tindakan mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Ketiga, menubuhkan papan kemuka kepada Ketua Audit Negara secara dalam talian, dan terakhirnya menubuhkan penyiasatan Putrajaya.

■1720

Inisiatif ini akan menyelesaikan kes-kes tertunggak yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit yang lalu dan penyiasatan ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan kementerian lain yang berkaitan untuk menyelesaikan kes-kes lama dan akan ditutup selepas semua tunggakan diselesaikan.

Saya merujuk kepada wawancara Ketua Audit Negara kita, dengarlah *The Malay Mail Online*. Beliau sebut bahawa, “*The revelations of the mismanagement of taxpayers’ funds and poor performance by the civil service did not yet require a session of the Putrajaya Inquisition to convene, said Auditor-General (AG,) Tan Sri Ambrin Buang.*

Ambrin was referring to one of the four proposals by the government efficiency unit PEMANDU in its Government Transformation Programme (GTP) 2.0, which would see the Prime Minister Chairing the so-called Putrajaya Inquisition to clear old cases found in previous Auditor-General’s Reports. “The last recommendation pertaining to Putrajaya Inquisition will only be conducted as and when the need arises,” Ambrin said in an email response to The Malay Mail Online yesterday”.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun kita lihat masalah yang sama disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara kita dan ini adalah cadangan daripada PEMANDU supaya kita boleh mewujudkan satu penyiasatan Putrajaya tetapi saya rasa amat hairan kerana Ketua Audit Negara kita rasanya tidak perlulah untuk kita menubuhkan Penyiasatan Putrajaya ini. Kalau sebegini, saya hendak tanya, apa cadangan daripada Ketua Audit Negara untuk memastikan bahawa isu yang sama tidak akan diulangi pada tahun hadapan? Saya rasa pada tahun ini bajet kita, peruntukan kita untuk PEMANDU adalah sebanyak RM250 juta dan PEMANDU ini ada sebanyak 123 orang pegawai. Untuk Pengarah PEMANDU, gajinya adalah sebanyak RM49,000 sebulan dan Pengarah Bersekutu di PEMANDU juga dapat gaji sebanyak RM31,600 sebulan dan juga untuk Pengurus Kanan gajinya adalah sebanyak RM21,000 sebulan.

Jadi sekiranya saya rasa cadangan-cadangan daripada PEMANDU juga tidaklah diambil, diterima oleh agensi kerajaan kita. Saya memang tidak faham buat apa kita memberi satu peruntukan yang begitu besar kepada PEMANDU. Saya rasa lebih baik kita jimatkan duit ini dan saya rasa PEMANDU ini juga bolehlah dimansuhkan.

Selain daripada itu, isu kedua yang saya ingin sentuh dalam ucapan saya adalah tentang kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan golongan yang sebeginilah- kalau menurut satu

jawapan yang saya terima daripada Menteri Dalam Negeri pada tahun 2009, beliau menyatakan bahawa setakat ini terdapat 32,440 orang kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di negara kita. Dalam satu jawapan Yang Berhormat Segambut pada tahun ini, beliau mengatakan bahawa pemegang kad pengenalan merah adalah sebanyak 295,601 orang.

Saya rasa jumlah ini adalah cukup besar tetapi amat menghairankan apabila saya bantangkan soalan yang sama pada sidang Parlimen yang lalu, saya tanya berapa jumlah kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Malaysia? Secara tiba-tiba Menteri Dalam Negeri kita memanglah sudah tukar orang tetapi sekarang beliau cakap bahawa beliau ataupun jabatan beliau tidak ada statistik tentang jumlah kanak-kanak yang tidak ada kewarganegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada artikel 7, Konvensyen Hak Kanak-kanak. Saya baca dengan izin, dalam bahasa Inggeris;

1. *the child shall be registered immediately after birth and shall have the right from birth to a name, the right to acquire a nationality and as far as possible, the right to know and be cared for by his or her parents;*
2. *states parties shall ensure the implementation of these rights in accordance with their national law and their obligations under the relevant international instruments in this field, in particular where the child would otherwise be stateless.*

Saya rasa negara kita telah menerima dan menandatangani konvensyen hak kanak-kanak ini pada 17 Februari 1995 tetapi kita memang ada *reservation*, dengan izin, terhadap artikel 7 ini. Saya rasa memanglah- kalau kita kata bahawa kerajaan kita setakat ini tidak bersedia untuk memberi kewarganegaraan kepada semua mereka yang lahir di negara kita tetapi saya rasa atas prinsip kemanusiaan, saya memang ingin menyeru Menteri kita supaya janganlah biarkan kanak-kanak ini menjadi golongan yang tanpa kewarganegaraan kerana ini akan membawa begitu banyak kesulitan kepada kehidupan mereka.

Saya hendak beri beberapa contoh. Ada satu orang di kawasan saya. Beliau sekarang sebenarnya sudah lebih kurang 30 tahun umurnya. Ibunya adalah seorang kaum India tetapi ibu dia apabila beliau hamil, beliau sangat muda dan hanyalah 17 tahun sahaja. Beliau tiada kemampuan untuk menjaga anaknya. Jadi dia hantar anak ini kepada sebuah keluarga orang Cina oleh sebab ibu yang melahirkan bayi ini, beliau sangat muda. Jadi beliau tidak tahu ataupun tidak ada pengetahuan untuk pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk dapatkan surat kelahiran untuk anak dia. Sampai hari ini, anak ini sudah melebihi umur 30 tahun, tidak ada apa-apa. Tidak ada surat kelahiran, tidak ada kad pengenalan merah dan tanpa kewarganegaraan.

Biar kita bayangkanlah bagaimana beliau hendak pergi ke sekolah ataupun hendak cari satu pekerjaan yang ada gaji yang lumayan, bagaimana beliau hendak kahwin dengan kekasihnya dan bagaimana beliau hendak beli rumah atau beli kereta di negara ini supaya boleh membentuk keluarga dia sendiri? Begitu banyak kesulitan yang akan dihadapi oleh beliau dan sekarang JPN cakap, "*Kalau you hendak buat ini dan dapat kewarganegaraan mestilah pergi cari ibu yang*

melahirkan anda". Akan tetapi apabila beliau balik ke kampung dia, tanya orang kampung dan orang kampung cakap gadis India ini telah membunuh diri.

Jadi bagaimana? Tidak bolehkah kita membantu beliau dan merasa simpati terhadap pengalaman beliau juga membantu beliau untuk mendapat kewarganegaraan? Saya rasa ini bukan satu permintaan yang terlampau. Bukan itu sahaja. Saya temui kanak-kanak yang berumur 15 tahun dan 18 tahun. Mereka ada yang berpeluang untuk pergi ke sekolah tetapi ada juga yang selepas PMR, pihak sekolah cakap, "*Oleh kerana anda bukanlah warganegara, jadi yuran untuk PMR atau yuran SPM ini amat mahal*". Mereka tidak mampu.

Mungkinlah, keluarga mereka boleh dan mampu tetapi oleh sebab mereka bukanlah warganegara Malaysia, mereka tidak boleh dapat PTPTN atau biasiswa untuk pergi ke universiti atau pun kolej. Jadi maksudnya, masa depan mereka adalah terancam. Mereka tidak ada satu masa yang cerah dan cemerlang. Jadi saya rasa atas prinsip kemanusiaan, kita perlulah memahami kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Saya rasa kebanyakan masa- bukan mereka yang tiada kewarganegaraan ini yang berdosa atau membuat apa-apa kesalahan tetapi kesilapan sebenarnya kebanyakan dibuat dan dilakukan oleh ibu bapa mereka. Terdapat ramai ibu bapa atau ayah adalah seorang warga Malaysia.

▪ **1730**

Akan tetapi apabila mereka melahirkan anak itu, mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka dengan warga asing di JPN negara kita. Oleh sebab itu, anak dia tidak dapat kewarganegaraan Malaysia. Jadi saya rasa hakikatnya adalah kanak-kanak ini mereka tidak berdosa. Kebanyakan masa, isu ini adalah dilakukan oleh ibu bapa mereka. Jadi, janganlah kita denda mereka ataupun menyusahkan mereka. Saya rasa dalam Suruhanjaya Siasatan Diraja dapat menangani masalah kedatangan pendatang asing tanpa izin di Sabah. Kita nampak begitu banyak kes di mana warga asing ataupun PATI ini pergi ke Sabah dan secara tiba-tiba mereka boleh dapat IC. Jadi kenapa mereka ini yang memang salah seorang ibu bapa adalah warga Malaysia tetapi mereka dinafikan hak untuk dapat kewarganegaraan?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bukan itu sahaja, kebelakangan ini saya juga menemui kes-kes di mana bahawa warga asing datang ke Malaysia bukan sahaja mereka dapat kewarganegaraan tetapi juga mereka dapat status bumiputera. Adakah ini adil? Nenek moyang saya sudah datang ke Malaysia dan saya dilahirkan di sini, ibu bapa saya dilahirkan di negara ini tetapi kami tidak dapat status bumiputera. Akan tetapi secara tiba-tiba, warga asing yang datang dari negara yang lain, mereka bukan dilahirkan di Malaysia tetapi mereka bukan sahaja dapat kewarganegaraan Malaysia tetapi juga status bumiputera.

Jadi saya rasa walaupun Menteri kita selalu cakap kewarganegaraan ini bukanlah satu hak tetapi anugerah. Akan tetapi saya hendak menyeru supaya atas prinsip kemanusiaan ini, biarlah kita membantu golongan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ini.

Isu ketiga yang saya ingin sentuh adalah tentang isu wanita. Menurut laporan Bank Dunia, setakat tahun 2010, kita ada lebih kurang 1 juta orang warga Malaysia yang sedang kerja di luar negeri dan satu per tiga daripada golongan ini adalah berkemahiran tinggi ataupun berpendidikan tinggi. Saya rasa kerajaan kita sudah faham ini adalah satu kerugian yang sungguh besar. Sebab itu, kita telah menubuhkan satu *Talent Corporation* dan gaji CEO untuk *Talent Corporation* ini adalah sebanyak RM30,000 sebulan dan beliau juga dapat elaun kereta sebanyak RM5,000.

Jadi pada akhirnya, gaji tahunannya adalah lebih kurang RM420,000. Setakat Ogos tahun lepas, saya rasa orang pakar yang balik ke Malaysia untuk bekerja dan berkhidmat di Malaysia adalah seramai lebih kurang 1,313 orang. Saya rasa usaha untuk kita menubuhkan *Talent Corporation* ini menunjukkan bahawa kerajaan kita memang mengambil berat tentang isu *brain drain* ini. Akan tetapi saya hendak sebut di sini. Sebenarnya, kita ada satu golongan ataupun tenaga kerja yang sedia ada di negara kita tetapi kerajaan kita tidak berapa mengambil berat ataupun tidak sedar tentang isu ini.

Saya hendak rujuk kepada Laporan Bank Dunia juga. Setakat tahun 2010, lebih kurang sembilan juta orang wanita Malaysia ataupun 67% wanita Malaysia adalah berumur antara 18 tahun sehingga 55 tahun. Akan tetapi antara golongan ini, hanya 46% yang sedang bekerja tetapi kalau kita bandingkan dengan negara di Asia Tenggara, kita jauh di belakang.

Negara	Tenaga Kerja Wanita (%)
Filipina	52
Indonesia	52
Singapura	60
Brunei	61
Thailand	70
Myanmar	71
Vietnam	72

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai, gulung.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Akan tetapi negara kita sejak sepuluh tahun dahulu, kita tinggal di sana, 46% sahaja. Kalaulah 46% ini tenaga kerja wanita yang sebanyak 46% ini bolehlah ditingkatkan ke tahap- kita cakap sama dengan Indonesia iaitu 52%. Ini bermaksud bahawa di dalam bidang pekerjaan kita, kita akan menambah 576,000 orang wanita yang sedang bekerja di negara kita. Sekiranya kita boleh meningkatkan lagi kadar tenaga kerja wanita kita seperti apa yang telah tercapai oleh Singapura iaitu 60%, jadi maksudnya sekarang kita boleh menambah lagi 1.4 juta orang yang bekerja di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sekiranya kita- oleh sebab selama ini atau pun pada sepuluh tahun yang lalu ini, kadar kita adalah kurang daripada 50%. Jadi kita kehilangan satu tenaga kerja yang seramai setengah juta sampailah dua juta orang. Jadi saya rasa ini adalah satu isu yang begitu serius. Jadi saya harap bahawa kerajaan kita boleh mengambil berat tentang isu ini dan juga letaklah lebih banyak usaha untuk menambah baik keadaan ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tuaran.

5.36 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Bajet 2014. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tuaran, untuk menyenangkan, selepas ini Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang tidak ada dalam Dewan, ya? Selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Sepang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Kalau boleh sesingkat-singkatnya. Kalau ikut senarai ini, 28 orang lagi Yang Berhormat hendak berucap. Sila.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bajet ini mempunyai lima teras dan teras ini memang menepati keadaan semasa dan memang amat perlu untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara kita. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan di kedua-dua pihak pembangkang dan pihak kerajaan, antara inti pati utama dalam bajet ini ialah cadangan penukaran sistem percukaian negara daripada percukaian yang berasaskan jualan perkhidmatan kepada percukaian yang berasaskan kepada barang dan perkhidmatan.

Berbagai-bagai pandangan dan andaian telah dibuat oleh kedua-dua pihak, pembangkang dan kerajaan. Bagi saya, apa pun pandangan itu, itu adalah pandangan masing-masing. Apa yang pastinya, 160 buah negara sudah pun melaksanakan. Dari negara ASEAN sudah tujuh buah negara telah melaksanakan sejak tahun 1984. Saya melihat perubahan sistem percukaian ini sebagai satu evolusi kepada sistem percukaian negara. Cuma pihak pembangkang saya fikir pelbagai andaian yang telah dibuat kerana sekarang ini ada pilihan raya kecil dan sebenarnya mereka berkempen. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan akan memberi dan membuat perbelanjaan untuk memberi penjelasan kepada rakyat jelata tentang sistem percukaian yang baru ini. Ini kerana jika tidak, ia boleh disalah erti, boleh dikelirukan dan terutama sekali oleh pihak yang berkepentingan yang sering...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat. Boleh mohon sedikit penjelasan?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baru mula ini.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa pihak pembangkang sengaja memutar belitkan sistem percukaian GST ini sebab ada pilihan raya sedang berlangsung. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, kalau GST begitu baik sekali, mengapakah Barisan Nasional tidak mengumumkan pelaksanaan percukaian ini sebelum PRU ke-13 dalam manifesto Barisan Nasional?

Seorang Ahli: Betul, betul.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet pun telah menyatakan bahawa ini adalah masa yang sesuai.

■1740

Kita juga guna sama. Pihak sebelah sana dan sini, kita mengumumkan kita membuat dalam masa yang bersesuaian tetapi saya ingat harus diakui kepada pelakon-pelakon di sebelah sana yang bercerita, yang berbahas dan sebagainya yang mengambil poin untuk pilihan raya kecil. Hakikatnya kita lihat sehinggakan Ketua Pembangkang menyatakan, "*Ini adalah satu jenayah kepada rakyat*". Sehingga menyatakan begitu sekali. Adakah pelaksanaan perubahan sistem percukaian ini satu jenayah kepada rakyat? Sehinggakan begitu sekali.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Biar dahululah, sebentar, sebentar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Sebentar, sebentar. Kalau kita lihat negara-negara seperti Laos yang dianggapkan sebagai negara yang miskin juga sudah pun melaksanakan. Kita ini di antara negara yang sudah maju di rantau ini. Kita terkebelakang. Oleh sebab itu perkataan yang mengatakan ini satu jenayah kepada rakyat, itu bagi saya hanya satu perkataan. Ia tidak ada asas.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, sedikit.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Minta maaf Yang Berhormat. Nanti, nanti saya akan bagi peluang. Nanti saya akan bagi peluang.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Pembedulan sedikit.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya akan bagi peluang, saya akan bagi peluang, duduk. Tuan Yang di-Pertua, apa pun pandangan yang akan menentukan ialah masa sebab kita diberi masa ada lagi tujuh belas bulan untuk persediaan. Akhirnya pada setibanya tahun 2015 kita akan lihat, biarlah masa yang akan menentukan, biarlah pelaksanaan yang akan menentukan sama ada kita ini membebaskan rakyat atau sama ada kita ini menyusahkan rakyat. Itu yang menentukan segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting seperti mana yang saya katakan tadi ialah pihak kerajaan perlu memberi penjelasan tentang sistem percukaian yang baru ini supaya ia dapat dilaksanakan dengan baik dan kita dapat mengurangkan pelbagai masalah terutama sekali mereka yang cuba mengelirukan rakyat.

Saya turut sama berdoa supaya cita-cita, niat dan matlamat bajet ini iaitu mencapai satu bajet berimbang dalam masa tujuh tahun dapat dicapai. Jika sekiranya kita dapat capai ini pada ketika negara mencapai status negara maju pada tahun 2020 saya ingat ini akan menjadi satu permulaan yang baik nanti bagi negara kita.

Saya juga berdoa sama-sama dengan rakan-rakan yang lain semoga niat dan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita Malaysia ini sebagai sebuah negara usahawan ataupun *entrepreneur nation* dapat dicapai. Dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pelbagai strategi dan program yang telah dicadangkan dalam bajet ini dan saya akan huraikan sedikit-sebanyak dalam perbahasan ini nanti. Cuma Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebelum pergi jauh, sedikit sahaja.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Okey, silakan, silakan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuaran. Saya ingin membuat sedikit pembedaan supaya Yang Berhormat Tuaran boleh betulkan *statement* itu. Yang Ketua Pembangkang sebut itu bukan jenayah untuk *impose* GST ini. Sebenarnya secara prinsip kita kata GST ini bukan sesuatu yang kita tolak sebulat-bulatnya tetapi kalau kita tidak kurangkan ketirisan, bagi kroni lebih banyak kemudahan tetapi kita tambahkan beban cukai kepada rakyat itu adalah jenayah. So, itu maksudnya. Itu sebab kita kalau hendak bandingkan negara lain, negara lain ada *unemployment benefit*. Kita tidak ada. Negara lain kalau dibanding dengan petroleum macam Aceh 50/50 *share* dengan *Philippine* Selatan dengan Mindanao. Royalti minyak itu juga 50/50. So, kalau kita hendak ikut, ikutlah semuanya. Betul tidak?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sebenarnya saya berada di Dewan ketika Ketua Pembangkang berbahas dan Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan bahawa pihak sebelah sana akan turun padang dan menjelajah untuk memberitahu rakyat berkenaan dengan GST ini bahawa GST ini adalah satu jenayah kepada rakyat. Dia menyatakan sebenarnya. Saya bersetuju, ada beberapa perkara yang saya bersetuju dengan semua pihak, rakan-rakan termasuk pembangkang dalam hal-hal ketirisan sebagai contoh. Saya akan ke situ juga. Saya juga bersetuju bahawa perkara ini adalah satu perkara penting yang perlu kita atasi...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sedikit.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Silakan Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Berkenaan dengan GST ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tuaran, ada 10 minit lagi.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Pendek sahaja. Boleh tidak kerajaan minta bantuan daripada UiTM, Lim Kok Wing Universiti, MMU dan lain-lain universiti untuk memberi penerangan yang baik, membuat grafik yang baik untuk membezakan GST ini? Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Kerajaan boleh ambil dari semua pihak untuk memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun saya juga prihatin tentang beberapa perkara yang berlaku yang telah dinyatakan dalam bajet ini. Yang pertamanya ialah berkenaan dengan penurunan bajet untuk pembangunan. Dalam bajet ini hanya 17% bajet untuk pembangunan iaitu hanya RM46.5 bilion dan bagi kita di Sabah dan Sarawak, ini sesuatu yang amat mengejutkan dan membimbangkan sebab kita amat memerlukan pembangunan. Kita amat memerlukan pembangunan infrastruktur asas.

Kalau diambil dari segi pembinaan dan menaiktarafkan jalan-jalan raya sebagai contoh. Jalan luar bandar kita memerlukan sekurang-kurangnya untuk selesai semuanya barangkali di negeri Sabah perlu di antara RM5 bilion hingga RM10 bilion untuk itu sahaja dan pada masa ini penyelenggaraan untuk jalan-jalan majlis daerah saya nampak begitu daif dan saya nampak peruntukan tidak mencukupi. Oleh sebab itu penurunan peruntukan pembangunan ini amat membimbangkan dan saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, supaya hasil untuk negeri Sabah itu dapat dipertingkatkan. Saya telah bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan setelah pelaksanaan GST ini nanti, masih kah kerajaan negeri dapat memungut *sales tax* daripada kelapa sawit yang sekarang ini mencecah hampir RM1 bilion. Saya diberitahu bahawa ia masih boleh dipungut dan ini menggembirakan kita.

Dalam hal yang sama walaupun hasil Kerajaan Negeri Sabah sudah mencecah sampai RM4 bilion tetapi cabaran pembangunan untuk kemudahan asas begitu tinggi yang diperlukan. Oleh sebab itu saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain di negeri Sabah mencadangkan supaya biarlah Kerajaan Persekutuan menyerahkan kepada negeri Sabah royalti minyak 50% yang diambil daripada petroleum itu. Pada masa ini kerajaan memungut 10% royalti daripada petroleum, 5% diberi kepada negeri Sabah, kepada negeri pengeluar minyak dan 5% lagi kepada federal. Saya ingin mencadangkan bahawa 5% yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan itu tidak perlu. Bagilah kepada negeri-negeri pengeluar minyak terutama sekali untuk negeri Sabah dan Sarawak yang amat memerlukan peruntukan untuk pembangunan asas. Jadi dengan itu, mudah-mudahan keperluan asas yang saya sebutkan tadi dapat diringankan sedikit.

Saya juga prihatin tentang jumlah subsidi yang begitu tinggi sekali. Kalau dikira dengan subsidi yang diberi untuk bahan bakar sahaja, RM24 bilion dan ditambah dengan yang lain sudah mencecah RM30 bilion lebih, sampai RM34 bilion. Hampir-hampir sama dengan bajet untuk pembangunan.

Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain supaya subsidi ini dapat dirasionalisasikan dengan lebih terperinci lagi supaya hanya diberikan kepada mereka yang memerlukan. Begitu juga subsidi yang diberi untuk pertanian. Baru-baru ini saya berkesempatan dengan Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri Vietnam dan apabila berbincang bersama dengan Timbalan Perdana Menteri Vietnam, beliau menyatakan bahawa petani-petani sawit di Vietnam tidak ada subsidi. Sebaliknya petani-petani diberi latihan tentang teknologi-teknologi baru dan hasilnya di Vietnam pengeluaran padi adalah pada kadar tujuh metrik tan satu hektar berbanding negara kita tidak sampai saya ingat di antara dua hingga tiga metrik tan sahaja sehektar. Sampai empat ya?

■1750

Oleh sebab itu, ini perlu dikaji sebab sama ada di negara kita ini subsidi untuk input, subsidi untuk hasil juga kita beri. Ini bukan saya menyatakan bahawa petani-petani kita, kita tarik balik subsidi, saya tidak menyatakan. Akan tetapi perlu dilihat bagaimana sebaik mungkin kita mempertingkatkan hasil seperti mana yang kita sasarkan.

Selain daripada itu, saya juga bersama rakan-rakan yang lain prihatin tentang ketirisan, ketirisan yang agak luar biasa seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara. Kalau kita lihat beberapa faktor yang menyebabkan ketirisan ini, kita lihat bahawa apabila sesuatu projek dilaksanakan ia gagal mematuhi peraturan-peraturan yang sudah tersedia. Jadi saya ambil contoh ketirisan yang telah berlaku di pelaksanaan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Saya masih ingat saya berada di Dewan sini semasa perbahasan ketika itu dan saya telah bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kenapa projek ini telah dimulakan tanpa kelulusan AIA pada ketika itu. Menteri mengelak daripada menjawab.

Kita lihat pula hari ini Laporan Audit menyatakan bahawa itulah projek telah di mulakan tanpa kelulusan AIA dan menyebabkan pelbagai masalah termasuklah hal-hal pemindahan penduduk yang telah terkena dengan projek ini dan sebagainya. Oleh sebab itu untuk mengelakkan ketirisan, peraturan-peraturan yang sudah ada adalah amat penting untuk di ikuti dan saya amat bersetuju dengan apa langkah-langkah yang telah dicadangkan dalam bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk mengambil tindakan dan langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan supaya di masa akan datang dapat diminimumkan ketirisan.

Saya juga prihatin tentang tahap penyertaan usahawan bumiputera di Sabah dan Sarawak dan juga di kalangan Orang Asli dalam sektor korporat perniagaan dan perindustrian. Dalam hal ini saya mengalu-alukan pelbagai cadangan yang telah di cadangkan dalam bajet ini. Walau bagaimanapun, saya agak prihatin tentang pelaksanaannya sebab saya berharap pegawai-pegawai atau apa yang kita panggil sebagai *Little Napoleon* tidak akan menghalang. Ia akan dapat *facilitate* pelaksanaan program-program untuk pembangunan usahawan. Kita mengalu-alukan pembinaan pusat usahawan negara atau *entrepreneur center* yang akan berpusat di Kuala Lumpur. Saya juga berharap pusat-pusat seperti ini dapat dibina juga di Kota Kinabalu dan di Kuching, Sarawak supaya kita bumiputera di Sabah dan Sarawak juga mendapat manfaat. Ini kerana setakat pada hari ini, bilangan bumiputera dari Sabah dan Sarawak yang memiliki syarikat-syarikat yang di senaraikan di Bursa Saham begitu rendah. Malah saya ingat kalau di kalangan masyarakat tertentu, bumiputera di Sabah langsung tidak ada.

Saya masih ingat dalam Perancangan Jangka Panjang Ketiga yang dilancarkan dahulu yang telah membuatkan Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang ada sekarang ini telah dinyatakan bahawa perhatian khusus akan diberikan kepada bumiputera Sabah dan Sarawak. Sekali lagi apabila ada perakuan seperti itu dalam rancangan jangka panjang kita, saya tidak nampak pelaksanaan yang serius sehingga akan kita mencapai matlamat.

Saya berharap dalam bajet ini pihak kerajaan dan pihak kementerian-kementerian yang berkenaan dapatlah melaksanakan hasrat kita untuk mempertingkatkan lagi penyertaan bumiputera Sabah dan Sarawak dalam perniagaan dan perindustrian...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tuaran boleh gulung.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Okey. Saya berterima kasih kerajaan telah memberi peruntukkan sebanyak RM50 juta untuk Sabah dan Sarawak dalam soal penyukatan tanah. Ini adalah amat penting walaupun satu penurunan RM50 juta, sebab dulu diberi RM100 juta. Akan tetapi saya berharap di masa akan datang selepas ini, bantuan seperti ini dapat dipertingkatkan sebab di antara cabaran kita untuk mengatasi masalah kemiskinan di Sabah dan Sarawak ialah dalam hal pemilikan tanah.

Ramai di kalangan bumiputera Sabah dan Sarawak tidak mendapat bantuan kerajaan termasuklah subsidi, bantuan bibit getah, kelapa sawit dan sebagainya. Ini kerana mereka tidak mempunyai geran-geran, tanah yang bergeran. Saya berharap kalau boleh peruntukkan ini, yang RM50 juta ini, kalau dibagi Sabah dan Sarawak baru RM25 juta. Kalau boleh ia dapat ditambah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini berlaku insiden di mana penerbitan *The Herald* telah di tahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Saya telah bercakap dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri, dan saya difahamkan bahawa- selepas itu kita telah mendengar kenyataan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Sri Idris Jala menyatakan bahawa barangkali ini satu kesilapan. Akan tetapi saya berharap di masa akan datang dasar kita harus jelas, Kabinet telah membuat satu keputusan iaitu *10-point solution* dan saya berharap ini dapat dipertahankan.

Jika sekiranya keputusan Kabinet *10-point solution* ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik, masih ada hal-hal seperti yang berlaku tempoh hari, saya amat kluatir ramai di kalangan kita selepas pilihan raya akan datang tidak boleh berada di sini. Sebab ini kerana di Sabah dan Sarawak, soal-soal seperti ini amat kita tidak perlukan. *It is totally unnecessary to create such anxiety.* Jadi saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri berhati-hati di masa akan datang untuk melaksanakan *the 10-point solution*. Jika tidak, saya amat kluatir dia boleh menjejaskan sokongan rakyat di Sabah terhadap pihak kerajaan. Jadi dalam hal yang demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

5.57 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk turut sama berbahas tentang belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lepas. Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan meminta supaya kita tidak dengan mudah menjadikan hujah bahawa oleh sebab negara-negara lain, ada 160 buah negara melaksanakan GST, maka kita pun mestilah menggunakan contoh negara-negara tersebut sebagai model kita

Sebagai contoh, kalau kita bandingkan dengan Singapura. Ini kerana dalam ucapan belanjawan ini, Yang Berhormat Pekan telah menyatakan bahawa Singapura juga melaksanakan GST dan dinyatakan dalam laporan itu sebanyak 7%. Saya rasa semua kita, sudah ramai yang sudah bercakap bahawa fakta yang mengatakan Singapura mengenakan GST sebanyak 7% itu tidak tepat. Ini kerana kita tidak boleh membuat analogi begitu sebab kita hanya baru hendak mulakan GST sedangkan Singapura telah pun memulakan terlebih dahulu dan angkanya ialah 3%. Jadi, saya rasa itu fakta yang tidak boleh hendak pertikai.

Kemudiannya kalau kita lihat Singapura sendiri, ada beberapa perkara yang kita dengan izin, tidak boleh *incomparable* dengan Singapura. Sebagai contoh dari segi kadar cukai pendapatan yang dikenakan oleh kerajaan Singapura ke atas rakyatnya, bagi cukai pendapatan *corporate tax* hanya 17% sedangkan *personal income tax* 20%.

■1800

Berbeza dengan negara kita yang mengenakan cukai untuk *corporate tax* 25%, sedangkan cukai untuk pendapatan hanya 26%. Apa yang lebih yang saya rasa yang kita hujah lebih kuat yang mengatakan kenapa kita tidak boleh menjadikan Singapura sebagai contoh kerana Singapura dari segi pendapatan per kapitanya terlalu tinggi. Saya hendak bacakan laporan daripada *Fox Magazine* pada tahun 2012 yang telah menerbitkan sepuluh negara terkaya di dunia di mana Singapura adalah salah satu negara yang ditabalkan sebagai negara terkaya. Di mana negara pertama ialah negara Qatar dengan pendapatan per kapitanya mencecah USD88,222. Tidak peliklah negara yang bersumberkan minyak. Singapura walaupun dengan kekurangan *natural resources*, dengan izin, dibandingkan dengan Malaysia tetapi telah dapat mencapai per kapita *income* sebanyak USD56,694. Penduduknya pada tahun 2012 hanyalah 4.9 juta.

Sedangkan negara kita seperti mana yang kita tahu, hatta dalam laporan bajet ini mengatakan untuk tahun 2020, bukan sekarang, untuk tahun 2020 yang kerajaan mengatakan kita ingin mencapai status sebagai negara yang berpendapatan tinggi. Tahun 2020 pun kita hanya menyasarkan USD15,000. Itu tahun 2020, sekarang baru USD9,000 lebih. Sedangkan Singapura tahun 2012 sudah mencecah USD56,694. Dengan *income* yang begitu tinggi ini, mana-mana tidak payah orang hendak belajar ekonomi yang tinggi ini, *you don't have to earn a degree in economy* untuk memahami bahawa negara yang mempunyai pendapatan yang tinggi dari segi per kapitanya

sudah tentulah lebih mudah, lebih *equitable*, dengan izin, lebih adil untuk dia mengenakan cukai. Cukai seperti GST, itu pun Singapura bertolak daripada angka yang rendah 3% sahaja.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sikit sahaja boleh tanya? Belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oh, *sorry* tidak nampak.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Jadi tidaklah nampak, dahlah belakang, rendah pula. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Sepang menjelaskan bahawasanya pendapatan per kapita kita rendah dan *Singapore* tinggi. Jikalau minyak harganya katalah di *Singapore* 100% lebih tinggi daripada negara kita, yang penting Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepang, kalau dulu saya pernah dengar kerajaan membicarakan masalah 3P ini - *purchasing, power, parity*. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang? *I think* kita bawa balik unsur-unsur perbincangan dengan menggunakan *purchasing, power, parity* ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya akan menyentuh tentang yang dipanggil *disparity of income* itu sekejap lagi. Akan tetapi saya hendak tekankan bahawa sebelum kita hendak mengambil mana-mana negara sebagai contoh, kita perlu meneliti dahulu fakta-fakta yang wujud dalam negara tersebut supaya perbandingan itu lebih adil. Tentang pendapatan ini, hari itu Yang Berhormat Baling ada sebut fasal Ibn Khaldun tetapi dia sebut Ibn Khaldin. Ibn Khaldun ini seorang yang dipanggil sejarawan. Kalau saudara ada baca dalam buku-buku yang ditulis oleh para ekonomi Islam seperti Umar Chapra, seorang penasihat ekonomi di Arab Saudi dan juga kepandaiannya menyebabkan negara Jepun juga ingin mendapatkan khidmat dia sebagai penasihat.

Dia menyatakan dalam buku-buku dia bahawa Ibn Khaldun ini antara tokoh-tokoh yang telah memperkenalkan yang bercakap tentang ekonomi ini di dalam keadaan ketika itu dia katakan negara barat pun belum bercakap lagi tentang ekonomi. *In fact, theory supply and demand* itu menurut Umar Chapra antara orang-orang yang terdahulu bercakap tentang ini sebelum ahli ekonomi barat ialah Ibn Khaldun antaranya. Apa Ibnu Khaldun kata dalam mukadimahnyanya, dia kata saya terjemahlah dalam bahasa Melayulah. Penambahan-penambahan pendapatan dan kekayaan harta menyumbang kepada penambahan hasil cukai.

Jadi dia pun tahu. Ini benda yang logik dan membolehkan kerajaan membelanjakan untuk manfaat rakyat. Ini akan mendorong kepada perkembangan pulangan ekonomi, *expansion of economy opportunities* dan pembangunan yang pesat. Ini juga sekali gus menyuntik kepada pertumbuhan penduduk secara natural dan perpindahan tenaga buruh intelektual daripada tempat lain. Ini juga akan menguatkan lagi modal insan dan modal intelektual masyarakat. Penambahan jumlah penduduk akan merancak permintaan kepada barangan dan perkhidmatan sekali gus mempromosi industri [*Berucap dalam bahasa Arab*] Menambah pendapatan, mempromosi sains dan pendidikan.

Maknanya Ibn Khaldun sendiri menekankan tentang perlunya sebuah negara ini memastikan pendapatan rakyat negara dia tinggi. Kalau pendapatan yang tinggi ini, dia boleh membantu ke arah untuk menghasilkan hasil cukai yang tinggi. Oleh sebab itulah apabila kita hendak memperkenalkan GST ini seharusnya perkara-perkara ini diambil kira. Saya seperti mana yang dikatakan oleh pembahas-pembahas daripada Pakatan Rakyat, kita boleh bersetuju dari segi asas GST ini yang bersifat *broad base* yang boleh saya analogikan ibarat macam zakat dalam Islamlah. Ini kerana zakat ini boleh dikatakan kena hampir semua orang.

Jadi GST itu dari segi asasnya, dari segi falsafahnya memang ia satu-satu sistem percukaian yang efisien. Akan tetapi kita tidak boleh berbincang itu dalam keadaan orang ekonomi kata kalau saya sebut salah itu betulkanlah *Ceteris Paribus* seolah-olah faktor-faktor lain itu tahap. Dalam keadaan banyaknya ketirisan, rasuah, salah guna kuasa yang bukan kita dedahkan. Apa yang didedahkan ialah laporan-laporan yang kerajaan sendiri yang dedahkan kepada kita semua itu laporan audit. Bukan melibatkan kebocoran RM5, RM6, RM20,000- juta, bilion. Kalau kerajaan kata "Oh, kita ambil tindakan. Kita dakwa sesetengah itu". Didakwa ini, zaman Lenin pun, dia akan dakwa juga orang. Orang panggil *show trial*. *Show trial* ini adalah sifat sebuah kerajaan hendak tunjukkan dia serius juga, dia buatlah satu perbicaraan. Dalam zaman Lenin kononnya ada perbicaraan tetapi semuanya kita tahu dia panggil "*show trial*". Perbicaraan wayang.

Kalau laporan audit hanya katakanlah pada tahun tertentu sahaja berlakunya kebocoran. Selepas itu selepas kita dedahkan, katakan tahun 2008 sebagai contoh. Audit mendedahkan tentang penyelewengan. Selepas itu tahun 2007, tahun 2008 punya patut kita makin baik. Ketika itu patutlah Kerajaan Barisan Nasional mempunyai kata orang itu legitimasi untuk menawarkan satu cukai GST dalam keadaan semua kebocoran, ketirisan ini ditutup. Akan tetapi dalam keadaan kita yang sering didedahkan dengan penyelewengan kewangan ini, tidak kira daripada sesiapa pun yang menjadi *culprit*, dengan izin, saya rasa tidak wajar untuk kita memaksa rakyat untuk menerima GST ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang sasaran matlamat negara kita untuk seperti mana yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa untuk mencapai negara status negara maju, negara yang ber*high income per capita* iaitu sebanyak USD15,000 pada tahun 2020. Sebelum kita pergi kepada- saya rasa ada beberapa perkara yang saya rasa kita perlu ambil kira sebelum kita ingin mencapai sasaran tersebut. Seperti mana yang saya katakan tadi dalam mukadimah, hatta semasa pembentangan apa yang dipanggil *New Economic Model* (NEM), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengatakan bahawa kita hanya boleh mencapai USD15,000 itu hanya tahun 2020.

■1810

Maknanya secara mudah dan logiknya, kalau hendak sangat pun *introduce* GST tunggulah tahun 2020 kerana negara sudah semua *high income* per kapita, bukan pada waktu sekarang. Itu, itu logiknya tetapi cuba bayangkan kalau dalam tahun 2012 Singapura sudah 56,000 kita tahun 2020 baru hendak sampai 15%. Baik 2020 kalau semuanya tetap, saya rasa Singapura mesti

sudah sampai *more than that*. Tidak tahulah sampai berapa mungkin bukan lagi negara yang ketiga termaju mungkin negara pertama. Jadi ini semua faktor yang perlu kita ambil kira.

Bercakap tentang per kapita *income* ini. Saya rasa apabila kita hendak bercakap kita menggunakan angka 15,000, 20,000 kah sebagai asas untuk mengatakan negara kita ini sebuah negara yang maju, ada beberapa perkara yang kita perlu teliti sebelum kita menggunakan hujah sebegitu. Sebab kalau dilihat kepada— saya akan berkongsi di sini beberapa angka. Sebagai contoh kalau kita lihat dalam negara kita, kita mengambil angka USD15,000.

Akan tetapi kalau kita lihat kepada pendapatan isi rumah orang Malaysia, angka ini ialah 90% daripada pendapatan rakyat negara kita ini boleh dengan izin, *diattributed* kepada gaji dan pendapatan, *wages and salary* termasuk orang yang bekerja sendiri. Pada tahun lepas, 28% daripada KDNK, sumbangan daripada gaji dan pendapatan ini menyumbangkan 28% kepada KDNK negara kita. Sedangkan 67% daripada keuntungan perniagaan, *business profit* dan 15% sahaja daripada *tax and subsidy*.

Apa maknanya? Maknanya kalau kita lihat daripada jumlah KDNK ini, pendapatan daripada pendapatan itu hanya menyumbang 28% sahaja. Maknanya tidak besarlah. Kalau kita lihat 15 tahun ke belakang, kita *flashback* 15 tahun ke belakang sumbangan gaji dan pendapatan kepada KDNK dia *fluctuate* turun naik antara 26% hingga 32%. Maknanya sumbangan ini terlalu kecil dibandingkan dengan Singapura, hatta ketika berlakunya krisis ekonomi pada tahun 1997, ketika itu pun Singapura sumbangan *wages* dengan pendapatan itu 42%.

Di negara-negara maju, kita ambil Korea, Kanada, United Kingdom dan Jepun. Korea, rakyatnya daripada pendapatan dan gaji menyumbangkan 46%. Daripada Kanada lagi tinggi sebanyak 51%, United Kingdom sebanyak 55% dan Jepun sebanyak 52%. Maknanya rakyat mereka mempunyai kekuatan pendapatan yang kuat iaitu jika dikenakan pun GST mereka memang mampu bayar. Tidak terlalu sangat membebankan mereka. Sebab itu kalau kita hendak *translate* maknanya rakyat Malaysia ini sebenarnya dengan izin, tidak mendapat *bulk of countries production into their pockets*. Jadi hatta kalau kita lihat kepada laporan dokumen ETP berkaitan kenaikan gaji ke atas KDNK kepada NKEA (National Key Economic Areas) itu kerajaan fokus turun kepada 21% sahaja pada tahun 2020. Jadi kalau kita menggunakan angka-angka ini, hatta tahun 2020 pun kita mungkin belum lagi, belum lagi layak untuk mengenakan cukai GST ini.

Keduanya kalau kita lihat pun hatta daripada rakyat Malaysia yang berpendapatan ini, 90% tenaga buruh mereka ini berpendapatan begitu rendah. Saya mengambil angka-angka daripada kerajaan sendiri. Sebagai contoh, menurut KWSP 78.6% kalau menurut laporan DAP, pencarum yang mencarum sebagai majikan ini pendapatannya RM3,000 ke bawah. Bukan sedikit 78.6% dan hatta kalau mengikut kepada pembayar ini, angka-angka kerajaan sendiri hanya 11.5% pendapatan kerajaan daripada cukai pendapatan. Daripada 1.7 juta daripada 12.4 juta *workforce* kita ini sebenarnya yang layak bayar hanya 1.7 juta sahaja. Jadi kesemua angka-angka ini menunjukkan bahawa kita ada menghadapi masalah untuk mencapai – *even* negara yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang gulung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Seterusnya hatta kalau sekiranya kuasa membeli..

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Sepang minta laluan, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak cukup masa.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Sepang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersetuju kah Yang Berhormat Sepang, Malaysia ini hendak tiru orang tetapi tidak ukur badan. Contohnya ialah berkenaan dengan selalu kita membuat contoh, Singapura. Akan tetapi sebab itu Singapura kita tidak dengar rakyatnya walaupun cukainya begitu tinggi dikenakan kepada mereka kerana banyak sumbangan cukai yang diberikan kepada kerajaan kemudian diimbal balik dengan berbagai-bagai bentuk kemudahan. Contohnya seperti mana dengan *public transport*, dengan izin sedangkan di Malaysia seperti disebut oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor tadi bukan setakat bas masalah, kapal terbang pun *delay* dua, tiga jam. Saya pun hairan juga, wakil Sabah dengan Sarawak yang suka sangat GST sedangkan mereka bercakap tentang negeri mereka ini negeri yang memang dipinggirkan dalam kebanyakan bentuk pembangunan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang. Itulah poin yang saya hendak tekankan. Kita tidak boleh hendak bandingkan dengan Singapura. Saya ada kawan saya, Profesor Steven Tan. Dia seorang pakar perlembagaan di University National, Singapura. Dia mengatakan di Singapura, kalau seorang rakyat macam mana rakyat hendak marah kepada kerajaan. Sebagai contoh dia kata, kalau kita buat kompelin paip bocor, dia kata tidak sampai sejam sudah datang, sudah betulkan sudah. Maknanya begitu efisien dia punya *delivery system*. Maknanya kalau kita hendak bandingkan dengan Singapura ini macam langit dengan bumilah. Jadi kita kena tengok. Memang betul yang dikatakan Yang Berhormat Bukit Gantang, kita kena tengok badan kita sendiri.

Jadi saya terus lagi hatta kalau sekiranya kita mempunyai pendapatan katakan USD15,000 tetapi hanya ada pendapatan yang tinggi sahaja tanpa ada *purchasing power*, tanpa ada kuasa pembeli dia juga tidak boleh diterjemahkan kepada ekonomi yang baik dan kualiti kehidupan. Maknanya kalau kita tengok sekaranglah, kita ambillah yang *graduate* katakan gaji RM2,000 duduk Kuala Lumpur, kita boleh tengok RM2,000 itu hendak buat apa. Hatta RM3,000 duduk Kuala Lumpur dengan sewa, dengan kereta dan sebagainya. Itu pun kita tidak mampu hendak beli kereta pun. Kita tidak nampak dalam bajet ini pun ada cerita macam hendak turun harga kereta, *wallahualam* kita tidak nampak.

Saya laju sedikit, yang ketiganya pasal isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tentang *equality*, isu ketidaksamaan pendapatan ini. Saya hendak ambil angka ini. Isu

tentang *inequality* atau *disparity income* ini antara pendapatan orang yang berpendapatan tinggi dengan orang yang berpendapatan rendah ini jurang dia begitu dalam di negara kita. Ini diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang kedua pada 3 hari bulan Ogos 2013. Dia menyatakan dia mengakui benda itu wujud. *Gini coefficient*, satu yang mengukur darjah *disparity* antara pendapatan tertinggi dan terendah. Mengatakan jurang masih lagi tinggi antara 0.43% hingga 0.4% *for the past 20 years*, daripada 20 tahun yang lepas. Makna kalau kita tengok kalau kita hendak terjemahkan 73% isi rumah negara kita ini, dalam negara kita mereka hanya memiliki ataupun berpendapatan kurang daripada RM3,000...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...itu pun, sedikit lagi, saya hendak habiskan sahaja sedikit lagi. Hatta kalau kita ambil suami isteri bekerja pun pendapatan 73%. Ini semua angka daripada *government* bukan angka yang kita cipta. Hanya boleh dapat RM5,000 ke bawah. Kalau kita ambillah, kita semua Ahli Parlimen ini kalau ikut dalam kita punya standard ini kita masuk dalam pendapatan tinggi sebab dia kata RM10,000 ke atas.

■1820

Maknanya kalau RM10,000 ke atas ini, 40% kita ini semua adalah *the richest man*lah. Jadi, kegagalan semua ini, jurang ketidaksamaan ini, kita jangan ingat jurang ketidaksamaan ini perkara kecil. Apabila jurang ketidaksamaan ini berlaku begitu luas, ia boleh mempengaruhi benda-benda lain. Ia akan mempengaruhi isu pengangguran, isu *crime rate* dan sebagainya. Jadi, ia tidak akan membantu. Oleh sebab apabila orang tengok negara maju pun, kalau kita berpendapatan tinggi pun, tiba-tiba jenayah tinggi. Apabila jenayah tinggi, secara tidak langsung, pelabur kata, mestilah mereka ini sebenarnya ramai orang miskin lagi. Cuma angka sahaja cantik.

Jadi, kesimpulannya saya hendak kata bahawa kita belum lagi bersedia sebenarnya untuk memperkenalkan GST. Kata orang itu mengakuilah, mengakui bahawa kita perlu tambahkan pendapatan kita, tutup segala kebocoran-kebocoran ini. *You come out* selepas tahun 2020, *you come out again* di Parlimen ini. Kalau kita nampak okey, masa itu *insya-Allah*, sama ada kita mungkin, kerajaan kita mungkin *introduce* GST pada masa itu. Itu *offer*. Terima kasih

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Jelebu.

6.21 ptg.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sampailah giliran saya, berpeluang mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada 25 hari bulan yang lalu.

Jadi *alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah SWT kerana sebuah bajet, Belanjawan 2014 yang telah dibentangkan mencakupi semua bidang, semua kawasan, semua segmen, semua kaum di dalam negara ini. Jadi berteraskan tema '*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji*, terkandung di dalam Belanjawan 2014 tersebut. Tahniah dan syabas kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional yang telah mengambil kira semua aspek, semua yang didengar, semua yang dirintih oleh rakyat. Maka, dihasilkanlah bajet yang sedemikian rupa.

Bajet ini berteraskan kepada lima perkara yang telah banyak disentuh oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan ini. Satu perkara yang menarik perhatian ramai dalam perbahasan ini ialah berkaitan dengan perubahan sistem cukai daripada SST kepada GST. Jadi, saya pun ingin juga mengambil bahagian untuk bercakap soal cukai yang mendapat perhatian ini. Sebentar tadi Yang Berhormat Sepang menyatakan kita tidak patut memperkenalkan 6% itu kalau dibandingkan dengan Singapura kerana kita mula. Akan tetapi dia lupa bahawa ketika Singapura memperkenalkan GST ini dengan kadar 3%, masa itu di Singapura merupakan bebas cukai, *free tax* dan *tax* itu merupakan *tax* yang baru diperkenalkan.

Akan tetapi di negara kita, di Malaysia, ia merupakan cukai yang sudah sedia ada iaitu SST. Kita cuma tidak sedar segala perbelanjaan kita bagi *list* dan senarai barangan yang termasuk di dalam SST itu, kita memang sudah sedia membayar cukai itu. Cuma kita membuat perubahan, menambahbaikkan dengan melihat setelah 160 lebih negara menggunakan GST, tentulah sistem cukai ini merupakan satu sistem percukaian yang berkesan. Ramai dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen khususnya daripada pembangkang, saya pun kadang-kadang keliru, ada yang kata setuju, ada yang kata setuju tetapi tidak sesuai, ada yang kata menzalimi rakyat.

Jadi, saya fikir di pihak pembangkang pun apabila kerajaan memperkenalkan GST ini menggantikan SST, mereka sudah jadi keliru dengan sistem ini. Tidak perlu keliru, beri sahaja kepercayaan dan dokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional bagi melaksanakan sistem ini dan jangan kelirukan rakyat. Jangan mengelirukan rakyat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Jelebu, boleh tanya sedikit?

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Sekejap. Tadi baru lepas bercakap. Nanti saya bagi masa. Kalau ada masa, saya bagi. Bagi saya menjalankan saya punya dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Dewan riuh*] Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Sedikit sahaja boleh?

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Tidak perlulah dahulu. Kalau ada masa, boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak tanya mengenai itulah...

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Jadi saya hendak menyatakan, mereka keliru kepada perkiraan itu atau sengaja mahu mengelirukan rakyat bahawa ini sesuatu yang terbaik, cukai yang terbaik yang telah terbukti membawa banyak manfaat kepada negara-negara

yang mengamalkannya. Sudah jelas dinyatakan bahawa GST ini merupakan cukai untuk menambah baik sistem yang sedia ada, menggantikan cukai SST 5% hingga 10% yang ada itu. Jadi ia meningkatkan kecekapan, ketelusan rekod perniagaan, urusan niaga perniagaan. Ia cukai yang berkesan dan tidak perlu ditolak atau menjadi isu yang diputarbelitkan oleh pihak pembangkang untuk tujuan kepentingan.

Cuma yang menjadi isunya, yang menjadi fokus yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan ialah soal kebimbangan apabila GST ini diperkenalkan, ada yang mendakwa harga barang akan naik. Maklumlah, GST ini dikenakan pada setiap peringkat pengeluaran. Jadi, dibimbangkan dan dikelirukan bahawa setiap peringkat pengeluaran itu, akan ada cukai. Kemudian peringkat kedua, cukai yang pertama itu ditambah kepada peringkat yang kedua. Ini kekeliruan yang mungkin wujud atau diwujudkan untuk memberi faedah dan manfaat kepada mereka.

Jadi oleh kerana itu, saya nyatakan di sini bahawa kaedah pengiraannya, saya ambillah, kita ambil sebagai harga asasnya - pembekal, kilang, pemborong, peruncit dan pengguna. Begitulah prosesnya. Jadi di antara pembekal ke kilang akan wujud satu cukai GST di situ iaitu 6%. Kalau pembekal meletakkan harga RM1, maknanya ada enam sen kos cukai di situ dan harga jualnya kepada kilang ialah RM1.06. Akan tetapi kita tahu bahawa pihak kilang boleh menuntut import *tax claim* yang enam sen tadi itu. Maknanya, kos kepada kilang bagi bahan mentah yang dibeli itu kekal pada harga RM1, sebagai contoh tadi itu. Jadi, tidak ada peningkatan daripada segi kos. Seterusnya, kos yang kekal RM1 kerana cukai GST itu boleh dituntut semula oleh pekilang dengan kerajaan. Jadi oleh kerana itu, kos kekal dan dicampur pada peringkat pengilangan itu, nilai tambah.

Di sinilah yang menjadi isu, bukan soal cukai yang menjadi isu. Soal nilai tambah, berapa kadar penambahan nilai dan harga yang hendak dibubuh oleh kilang. Ini tidak ada kawalan oleh kerajaan. Di sinilah yang menyebabkan kemungkinan lompong-lompong yang menyebabkan harga barang itu tinggi kerana kilang meletakkan satu nilai tambah bercampur dengan kos belian bahan mentah tadi itu pada kadar berapa. Siapa yang kawal harga ini? Mereka boleh letak pada harga berapa yang mereka hendak untuk menentukan untung yang semaksimum mungkin. Jadi selepas itu, kilang apabila siap dia punya *finish product* atau produk yang sudah siap dengan izin, maka ia akan jual atau serah kepada pemborong. Kos campur nilai tambah, katakanlah nilai tambahnya RM3 pada peringkat ini. Maka, kos kepada kilang tadi ialah RM4.

■1830

Maka apabila dia menjual kepada pemborong maka cukai GST sebanyak 6% akan dikenakan. Maka cukai yang terkena ialah sebanyak 24 sen. Jadi harga jual kilang kepada pemborong ialah RM4.24, iaitu cukai 24 sen, nilai tambah yang ditetapkan sendiri oleh kilang RM3 dan kos asalnya bahan mentah RM1. Ini sebagai analogi untuk memudahkan kita memahami bagaimana *tax* ini dikira. Bagaimana dikatakan cukai itu membebaskan rakyat dan menambah kos

kepada harga akhir kepada pengguna. Jadi pergi kepada pemborong, pemborong boleh menuntut daripada kerajaan, cukai sebanyak 24 sen tadi itu.

Jadi oleh kerana itu kos yang ditanggung oleh pemborong kekal pada RM4 dan bukan RM4.24. Selepas diambil kira kos campur nilai tambah itu, tidak termasuk cukai kerana cukai ini boleh dituntut semula. Jadi oleh kerana itu kosnya ialah RM4. Sekali lagi isu berkaitan dengan kadar keuntungan berapa banyak pemborong mahu meletakkan untung yang mahu diraih daripada produk dan barang itu. Maka dia dinyatakan kalau saya ambil 50%, maka tambahan yang pemborong akan lakukan ialah sebanyak RM2 ke atas RM4 kos asal. Dia menjadikan harga barang itu sebanyak RM6 jadi begitulah selanjutnya. Jadi akhirnya cuma satu cukai sahaja.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad [Mersing]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Mersing bangun.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Sekejap Tuan Yang di-Pertua saya bagi. Akhirnya pengguna hanya membayar cukai 6% dan bukan di semua peringkat. Jadi harga akhir barang melalui GST ini, ditetapkan dan ditentukan oleh berapa banyak kadar keuntungan dan juga nilai tambah yang ditetapkan oleh peniaga-peniaga pada setiap peringkat. Bukan cukai yang menentukan harga itu. Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Mersing.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Mersing.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad [Mersing]: Saya dengar secara teliti penerangan Yang Berhormat Jelebu itu dan saya tidak keliru langsung. Sebanyak 146 negara yang buat GST ini, adakah Yang Berhormat Jelebu setuju mereka ini tidak terkeliru? Ini kerana parti DAP, parti Keadilan dan juga parti PAS ini tidak ada dalam negara-negara mereka.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Dia bukan keliru dia memang mengelirukan apa lagi kerana dia memang telah pun keliru dengan GST ini. Jadi sebab itu diajak seluruh rakyat untuk sama keliru macam mana mereka yang sedang keliru sekarang ini. Jadi oleh kerana itulah apabila ada rakan Yang Berhormat daripada parti pembangkang khususnya DAP membangkitkan rasa kecil hati dan menuduh kerajaan. Kononnya kerajaan ini menganaktirikan kaum Cina di negara ini, apabila bajet yang telah dibentangkan ini memperuntukkan RM50 juta kepada sekolah Cina dan semua kaum lain telah terambil.

Jangan salahkan kerajaan. Ini pada pandangan saya ialah kerana salah DAP sendiri, kerana membunuh wakil-wakil daripada parti komponen kaum Cina di dalam Barisan Nasional. Oleh sebab itu mereka tidak dapat lagi memperjuangkan hak-hak mereka di dalam kerajaan, kerana mereka tidak diwakili secukupnya, apa lagi tidak duduk dalam Kabinet. Jadi kalau dahulu kerajaan mendengar dan merekalah MCA, Gerakan yang menjadi pejuang kepada bangsa Cina di dalam kerajaan. Sebab itu pembelaan itu diberi oleh kerajaan dan bukan kerana kerajaan menganaktirikan, tetapi tidak ada lagi perjuangan di dalam kerajaan menerusi kedudukan di dalam

Kabinet. Ini salah DAP sendiri kerana meruntuhkan perwakilan kaum mereka di dalam Barisan Nasional.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, begitulah kedudukan dengan cukai GST ini. Kerajaan perlu memberi perhatian kepada soal kadar keuntungan dan soal nilai tambah yang ditetapkan oleh setiap peringkat itu. Yang menentukan harga akhir kepada barangan dan juga perkhidmatan yang akan ditawarkan kepada rakyat. Jadi isu kebimbangan rakyat yang ditimbulkan oleh pembangkang itu terhadap GST ini tidak berasas sama sekali. Percayalah menerusi GST sistem kita lebih baik, hasil akan lebih meningkat, perniagaan dan urus niaga akan lebih mempunyai rekod, kerana GST juga datang dengan berbagai-bagai pakej. Untuk mengukuhkan kesan-kesan yang mungkin dihadapi oleh memperkenalkan sistem cukai GST 6%.

Jadi kepada peguam-peguam, mereka tidak nyatakan bahawa mereka di antara yang mendapat keuntungan daripada GST ini. Oleh kerana cukai perkhidmatan yang diberikan sebanyak 10% sekarang ini akan menjadi 6% sahaja. Akan tetapi ini tidak disebut oleh peguam-peguam. Apa yang disebut ialah harga dan sebagainya mungkin akan melambung. Jadi sebab itu kerajaan harus mengawal dan membuat persiapan bagi menghadapi pemantauan harga-harga ini supaya tidak dimanipulasi oleh peniaga-peniaga dan orang tengah. Ini kerana elemen harga itu bukan cukai semata-mata, tetapi ada kos-kos lain yang terlibat akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah berkaitan dengan keseluruhan belanjawan ini. Di mana saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini berkaitan dengan subsidi. Jadi subsidi yang dibuat keputusan untuk diturunkan itu, merupakan satu keputusan yang tepat sebagaimana yang diberi pandangan satu kajian yang telah dibuat oleh *International Monetary Fund (IMF)* yang bertajuk *Energy Subsidy Reform Lesson and Implication*, dengan izin. Jadi mengikut kenyataan IMF berkaitan dengan subsidi ini dengan izin, "*Energy subsidies depress gross through a number of channels. The affect of subsidies on gross goes beyond their adverse impact on fiscal balance and public debts.*" Jadi jelaslah bahawa subsidi yang ingin dirasionalisasikan oleh kerajaan secara berperingkat-peringkat ini merupakan satu keputusan yang tepat dan sesuai pada waktunya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu gulung.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua jadi oleh kerana itu persiapan ekoran daripada penarikan subsidi ini maka kerajaan harus membuat persiapan. Supaya kesan kepada kenaikan barang dan sebagainya itu dapat ditangani dan diatasi supaya tidak membebankan rakyat secara umumnya. Oleh kerana masa tidak ada, saya ingin menyampaikan secara ringkas berkaitan dengan kawalan kepada subsidi sudah sebutkan. Kawalan kepada subsidi supaya kerajaan memberi perhatian kepada perkara ini dengan cepat dan tangkas.

Kedua mohon kerajaan membaiki penyampaian supaya lebih berkesan, lebih efektif dan dapat mengurangkan ketirisan dan sebagainya, itu supaya penjimatan dapat dilakukan. Ketiga

mengambil tindakan pembaikan kepada apa yang dilaporkan di dalam laporan audit itu dengan tegas dan segera. Supaya ini boleh menimbulkan keyakinan dan menafikan segala keraguan yang ditimbulkan oleh setengah-setengah pihak.

Akhirnya pendemokrasian pembangunan. Saya mencadangkan supaya kerajaan menempatkan projek-projek besar di kawasan-kawasan luar bandar agar menerusi kaedah ini kawasan luar bandar akan dapat limpahan pembangunan tersebut dan ia menjadi *stimulus* kepada pembangunan ekonomi di kawasan yang berkenaan.

■1840

Akhirnya di kawasan Jelebu umpamanya, sudah diberikan tanah kepada Kementerian Dalam Negeri untuk dibuat Pusat Latihan RELA tetapi sampai hari ini tidak dibangunkan dan kalau dibangunkan ia sudah tentulah membantu untuk mempercepatkan proses kemajuan kawasan.

Akhir sekali, tanah juga sudah disediakan. Jadi mohon untuk peruntukan bagi Kompleks Pentadbiran Agama Islam dan juga Masjid Jamek di kawasan Jelebu. Jadi mohon Majlis dan kerajaan mempertimbangkan rayuan, permintaan dan keperluan yang mendesak di kawasan Jelebu. Jadi terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat hendak beri Yang Berhormat Kuala Langat tetapi dia mengacau sahaja. Sila Yang Berhormat Sibul [Ketawa]

6.41 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Belanjawan 2014 ini. Saya mahu membetulkan tadi Yang Berhormat Jelebu cakap. Kami bukan cakap menganaktirikan kaum Cina tetapi kami cakap Barisan Nasional menganaktirikan negeri Sarawak yang terdiri daripada kaum Iban, Melayu, Cina, Bidayuh dan sebagainya. Bukan kaum Cina sahaja. [Tepuk] Jadi, jangan mainlah perkauman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa bukannya semua rakyat Malaysia sudah bersiap sedia untuk GST ini. Di Sarawak, di bawah pemerintahan Barisan Nasional selama 50 tahun, baru-baru ini saya mendapat jawapan daripada kementerian. Saya baru tahu, sekarang di negeri Sarawak ialah negeri yang paling ramai orang miskin di seluruh Malaysia.

Jadi, kebanyakan *Sarawakian* perlu lagi bersiap sedia untuk menyambut kedatangan GST kerana pendapatan mereka belum lagi mencapai tahap yang mampu untuk membayar GST.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2014 ini amat mengecewakan rakyat Sarawak kerana apa yang kami mahu ialah melihat belanjawan ini atau usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, golongan yang miskin ini kebanyakannya terdiri daripada bumiputera, Dayak dan Melayu. Akan tetapi saya tidak melihat usaha yang kukuh dan jelas dari Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu mereka ini keluar dari kemiskinan tetapi Kerajaan

Barisan Nasional ini memperkenalkan cukai GST ke atas mereka yang miskin ini. Saya tidak faham kerana penduduk Sarawak sudah memberi sokongan yang kuat kepada Barisan Nasional dan merupakan *fix deposit* kepada Barisan Nasional. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional tidak mengucapkan terima kasih kepada penduduk-penduduk rakyat negeri Sarawak tetapi membalas mereka dengan GST. GST yang bersifat regresif ini supaya orang yang miskin akan menjadi lebih susah. Miskin jadi lebih miskin.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 50 tahun sebagai rakyat Sarawak, saya mahu lihat satu lebuhraya di negeri Sarawak. Akan tetapi sudah 50 tahun, tidak ada pun satu lebuhraya di Sarawak. Baru-baru ini Barisan Nasional cakap akan membina dan menaiktarafkan Pan Borneo Highway kepada empat lorong. Sekarang hanya dua lorong *trans road*, bukan *highway*. Empat lorong *highway* akan siap pada tahun 2025. Akan tetapi dalam bajet yang baru-baru diumumkan ini, kami hanya lihat RM500 juta diperuntukkan untuk menaik taraf Pan Borneo Highway.

Tuan Yang di-Pertua, Pan Borneo Highway, kalau dinaiktarafkan kepada empat lorong *highway*, ia memerlukan RM12.5 bilion. Kalau RM500 juta, itu perlu mengambil masa berapa tahun? Bahagilah, 25 tahun. Jadi, sudah kami lihat pada tahun 2025, tidak mungkin satu Pan Borneo Highway empat lorong boleh siap dibina. Jadi itu satu pembohongan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak siswazah di negeri Sarawak tidak dapat mencari pekerjaan di Sarawak. Mereka harus mencari pekerjaan yang berpendapatan tinggi di Semenanjung dan di luar negara seperti negara jiran kami, Singapura. Sarawak kekurangan pekerjaan untuk siswazah. Walaupun Barisan Nasional memperkenalkan Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) yang dikatakan akan mencipta 1.6 bilion peluang pekerjaan. Akan tetapi saya tidak nampak banyak peluang pekerjaan untuk siswazah tetapi nampak banyak pekerjaan untuk warga asing.

Terdapat ramai warga asing bekerja di negeri Sarawak. Saya khuatir, apakah 1.6 bilion peluang pekerjaan ini akan diisi oleh pekerja tempatan atau pekerja asing? Memandangkan populasi di Sarawak hanya lebih kurang 2.5 juta orang. Daripada anggaran perbelanjaan mengurus bagi Kementerian Dalam Negeri, berjumlah RM11.96 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM8.44 bilion adalah disediakan bagi Polis Diraja Malaysia. Sekarang tajuk yang lain.

Ini lebih kurang 70% daripada *total* anggaran bagi Kementerian Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, pada ketika dahulu, KDN menyatakan Malaysia ada 49 kumpulan kongsi gelap dan terdapat lima kumpulan kongsi gelap di Sibu. Saya tahu itu pada minggu lepas. Yang Berhormat Bintulu pun ada cakap tentang masalah ini. Kenyataan ini telah memberi alasan yang bagus untuk Barisan Nasional meluluskan Rang Undang-undang PCA walaupun para pembangkang lebih percaya bahawa untuk mengatasi masalah jenayah adalah lebih bergantung kepada kecekapan dan kewibawaan pihak polis, bukan undang-undang yang ketat.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Daerah (KPD) Sibu, telah tiga kali berturut-turut menyatakan tidak ada kongsi gelap di Sibu seperti yang dikatakan oleh KDN. Kenyataan KPD amat menghairankan penduduk di Sibu. Apakah pendirian pihak KDN terhadap kenyataan KPD

Sibu ini? Bagi saya, ini telah menunjukkan kepada saya, PDRM kita memang menghadapi masalah kewibawaan. Selalunya kami merasakan tingkah laku polis adalah terlampau seperti yang berlaku di perhimpunan Bersih dan Hijau. Akan tetapi mengapa tidak boleh menubuhkan IPCMC untuk mengatasi masalah tingkah laku polis yang sedemikian?

■1850

Tuan Yang di-Pertua, pada 10 Oktober ini apabila saya menerima satu khabar atau berita tentang bantahan yang dilakukan oleh 300 orang Penan dari lima buah kampung di hidroelektrik *power*, Murum *Dam*. Ini adalah kerana mereka tidak puas hati dengan pampasan yang ditawarkan oleh Sarawak Energy Berhad. Mereka sudah melakukan bantahan lebih dari sebulan dan sampai sekarang bantahan masih dijalankan. Pada ketika itu saya menerima berita bahawa ada budak-budak di kalangan mereka sedang sakit. Oleh yang demikian saya dan rakan sekerja saya YB Chew, ADUN Sarawak bersama-sama menghantar makanan, air, tepung, susu dan ubat kepada mereka.

Apabila kami sampai lebih kurang lima kilometer dari tempat mereka berkumpul kami menghadapi halangan dari pihak polis. Tuan Yang di-Pertua, tingkah laku polis pada ketika itu amat tidak sopan seolah-olah menganggap wakil rakyat kami ini sebagai pegganas. Lebih kurang sepuluh orang dari pihak kami berdepan dengan 30 lebih orang pegawai polis yang bersenjata berat. Walaupun kami sudah menunjukkan kad pengenalan wakil rakyat kami dan saya pun menunjukkan kad Ahli Parlimen saya supaya diberi laluan untuk berjumpa dan menghantar barangan makanan, air, tepung, susu dan ubat kepada mereka tetapi tidak dibenarkan. Inilah satu contoh wakil rakyat mahu jumpa rakyat tetapi tidak dibenarkan. Inilah satu masalah yang berlaku di Malaysia.

Saya tahu pihak polis bertanggungjawab untuk menjalankan tugas mereka untuk menjaga *private property* tetapi saya turut menyeru polis bersama kami menghantarkan barangan itu kepada penduduk di dalam. Itu hak manusia. Akan tetapi tidak dibenarkan. Kami harus berdepan dengan polis yang bertingkah laku yang kurang sopan yang saya rasa tingkah laku polis ini sudah menghina wakil rakyat dan juga satu tingkah laku yang menghina Dewan yang mulia ini. Saya rasa Dewan ini perlu menuntut satu penjelasan yang secukupnya dari pihak polis dan KDN.

Saya juga ingin memohon Kerajaan Persekutuan campur tangan dalam hal ini. Sekarang saya diberitahu di Baram *Dam* juga berlaku bantahan. Jadi, saya harap Kerajaan Persekutuan campur tangan dalam hal ini supaya satu pampasan yang adil dan berpatutan akan ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak kepada orang Penan yang terlibat dalam perkembangan Murum *Dam* dan Baram *Dam* ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 19 Jun tahun ini berlakunya satu kebakaran besar yang melibatkan 653 orang kehilangan rumah di Kampung Datuk Sibu. Kebakaran itu sebenarnya boleh dipadamkan dengan cepat kalau pada ketika itu di Sibu mempunyai jentera bomba yang mencukupi. Saya lihat dalam cadangan anggaran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan

dan Kerajaan Tempatan iaitu sebanyak RM824.3 juta adalah disediakan untuk Jabatan Bomba dan Keselamatan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat SibU, gulung ya.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Jadi, saya harap kementerian ini tambahlah dua buah lagi jentera kepada kawasan SibU.

Tuan Yang di-Pertua, *flood mitigation project* sudah lama dijalankan di kawasan SibU tetapi nampaknya dua buah empangan yang besar iaitu Bakun dan Murum sudah siap dibina. Adakah kedua-dua buah empangan ini akan membantu mengurangkan banjir di kawasan SibU? Kalau benar, adakah kerajaan bersedia untuk mengalihkan peruntukan untuk *flood mitigation* itu kepada tujuan lain? Ini kerana saya sudah tengok *flood mitigation project* di Sungai Biduk sudah terbengkalai.

Masalah sekarang pada Rajang River, SibU ialah *siltation* yang teruk. Paras Sungai Rajang sekarang semakin cetek mengakibatkan banyak masalah. Satu ialah di kawasan Rantau Panjang, SibU, adalah satu kawasan perindustrian untuk pembinaan kapal. Saya menerima aduan bahawa kapal yang mereka bina tidak dapat turun ke dalam air kerana Sungai Rajang menjadi semakin cetek. Jadi, adakah kerajaan bersedia untuk mengalihkan *flood mitigation pond* itu kepada untuk mendalamkan Sungai Rajang di SibU?

Satu lagi masalah ialah tentang pendidikan. Saya menerima banyak aduan dari pelajar *bursary* yang mengalami masalah untuk memilih universiti mereka. Saya mendapati banyak universiti *top 50 world ranking* tidak ada di dalam senarai JPA. Ramai pelajar *bursary* ini kecewa, walau pun mendapat markah yang tinggi tetapi tidak dapat memilih universiti yang mereka mahu. Saya harap Menteri Pendidikan boleh menjawab soalan ini.

Akhirnya saya ingin menyentuh masalah ahli farmasi di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, bilangan ahli farmasi di negara kita sudah semakin meningkat. Sekarang Kementerian Kesihatan pun sudah mengumumkan bahawa *compulsory service* untuk ahli farmasi telah dikurangkan dari tiga tahun kepada satu tahun. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai ahli farmasi ini akan mengalir ke sektor *private*. Jadi, saya mahu bertanya, bilakah *sole dispensary right* akan diberikan kepada ahli-ahli farmasi? Seperti yang berlaku di negara maju, hanya farmasi dibenarkan untuk menjual ubat tetapi doktor mengeluarkan preskripsi kepada farmasi. Saya mendapati sekarang semakin susah untuk kedai farmasi mencari makan. Ramai ahli farmasi juga takut membuka kedai farmasi sendiri kerana di bawah akta yang sedia ada, ahli farmasi tidak dibenarkan menjual ubat diabetes, ubat tekanan darah dan ubat-ubat untuk penyakit kronik tanpa preskripsi doktor.

Jadi, untuk menggalakkan lebih ramai ahli farmasi menceburi bidang *business* dengan membuka kedai farmasi sendiri. Saya harap Kementerian Kesihatan mempertimbangkan keadaan kedai-kedai farmasi sekarang. Sila timbangkan supaya adakah rasional untuk menguatkuasakan *sole dispensary right* kepada ahli farmasi yang berlaku di negara maju supaya masa hadapan ahli

farmasi terjamin dan juga untuk membantu usaha kerajaan untuk mengekalkan pakar-pakar ini. Sekian, terima kasih.

■1900

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Pasir Gudang. Selepas Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kuala Langat.

7.00 mlm.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Gerik.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk berbahas pada sesi bajet kali ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan bajet tempoh hari. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, sudah tentu bajet yang dirangka bukan sahaja untuk memastikan kebajikan rakyat jangka pendek dipenuhi tetapi juga memastikan kelangsungan pemerdayaan dan ketahanan demi negara jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, teras kedua mengukuhkan pengurusan fiskal. Di bawah potongan cukai bulanan sebagai cukai muktamad, saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana akhirnya telah memudahkan beban rakyat yang sangat bertanggungjawab kerana telah membayar cukai ini. Ini kerana saya ingin menyampaikan hasrat mereka yang setia menjadi pembayar-pembayar cukai agar kerajaan juga mengambil kira menaikkan taraf pelepasan cukai individu yang cuma RM8,000 sekarang ini dan juga pelepasan untuk anak-anak yang diberi sebanyak RM1,000 dan RM800 kepada satu tahap yang lebih *sensible* bersesuaian dengan tahap ekonomi dan kos kehidupan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada teras yang ketiga iaitu mengunggul modal insan melalui meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Saya untuk terus memartabatkan kecemerlangan pendidikan, saya ingin mengucapkan tahniah dengan pihak kerajaan yang akan membina sejumlah 33 sekolah baru. Saya merayu bagi pihak rakyat Pasir Gudang agar daripada 33 sekolah itu, dimasukkan sebuah sekolah menengah di satu kawasan daripada Pasir Gudang, di Taman Scientex di mana semasa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran ketika itu telah bersetuju agar sebuah sekolah dibina di tapak PTD 88679 kerana kepadatan penduduk.

Kawasan itu sahaja, anak-anak terpaksa pergi ke sekolah yang agak jauh untuk mereka menimba ilmu.

Bagi teras yang kelima di bawah tajuk mensejahterakan kehidupan rakyat dan juga perkhidmatan kesihatan berkualiti, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi

tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah meneruskan khidmat bakti dengan memberi perkhidmatan hospital dan klinik termurah di rantau ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini agar pihak kementerian memastikan agar sebuah hospital kerajaan seperti yang telah dijanjikan dan pecah tanah pun telah dilaksanakan hampir dua tahun yang lepas di tapak PTD 14075 disegerakan.

Ini memandangkan Pasir Gudang adalah sebuah kawasan industri, penduduknya mencecah 300,000 orang tetapi kami tidak mempunyai hospital kerajaan, hospital swasta memang ada. Jadi jarak untuk pergi ke hospital kerajaan memakan masa lebih kurang 30 minit ke 40 minit. Itu pun kalau jalan *clear*. Kalau jalan jem, dengan keadaan *highway* yang sedia ada yang dalam pembinaan ini boleh silap hari bulan yang hendak terberanak pun boleh. [*Ketawa*] Bahaya. Jadi, saya yakin kerajaan telah memberi janjinya dan akan mengotakan janjinya. Juga *insya-Allah* kita adalah sebuah kerajaan yang menepati janji.

Saya juga memohon agar dinaik taraf poliklinik kerajaan yang sedia ada di dalam kawasan Pasir Gudang. Kalau waktu pagi setiap hari Rabu, kesian saya pergi ke sana Tuan Yang di-Pertua, ibu-ibu mengandung, kerana klinik itu bercampur dengan pelbagai rawatan termasuklah rawatan ataupun pemeriksaan bulanan ibu-ibu mengandung ini. Tidak ada tempat yang sempurna hendak duduk. Duduk di tepi-tepi tinggi tembok itu kerana keadaannya terlampau sempit. Jadi, apalah kiranya dengan bajet yang ada ini dapatlah diruangkan sedikit kepada poliklinik kerajaan yang berada di Pasir Gudang ini untuk dinaik taraf.

Tuan Yang di-Pertua, teras kelima di dalam mensejahterakan kehidupan rakyat dalam usaha meningkatkan peranan wanita dan mensejahterakan keluarga. Suka saya menekankan di sini seperti yang telah dinyatakan di dalam bajet kali ini iaitu waktu kerja anjal, *flexi work hours* yang akan diberi pelepasan kepada majikan, pelepasan cukai kepada majikan yang menjalannya. *Flexi work hours* ini bunyinya agak mudah, tetapi pelaksanaannya oleh pihak majikan tidak semudah itu.

Jadi suka saya mencadangkan agar sebuah badan diwujudkan untuk memantau perkara ini. Pendaftaran dan kemudian salurkan kepada majikan-majikan yang memerlukan. Bila kita kata *flexi work hours*, dia tidak bolehlah kalau kita melibatkan wanita untuk bekerja, tidaklah boleh dilibatkan waktu kerja yang panjang. Dia harusnya pendek dan bersesuaian untuk menyesuaikan dengan keadaan kehidupan sebuah keluarga. Sekali gus perkara ini tentunya dapat dijalankan secara serentak bagi mengimbangi, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing. Kita lihat kerajaan melalui kementerian, semalam pun bila saya bertanya soalan mengatakan berusaha sedaya upaya.

Akan tetapi mekanismenya sangat penting Tuan Yang di-Pertua iaitu bagaimana kita hendak mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing ini. Pekerja yang dalam negeri kita yang sudah bayar, yang sah tu satu hallah. Apa yang saya cukup risau ini yang tidak sah. Menikmati segala kemudahan, dia untung, majikan untung, yang rugi kerajaan. Rakyat pun rugi juga kerana mereka menikmati subsidi kita. Jadi daripada mereka dibiarkan terus bekerja di dalam

negara ini tanpa kita mendapat hasil sebagai kerajaan, eloklah sesuatu difikirkan seperti 6P yang telah dibuat sebelum ini atau pemutihan dilaksanakan. Sekurang-kurangnya kita mendapat hasil daripada mereka terus menjana ekonomi, hantar duit balik, menanggung keluarga dia tanpa perlu membayar apa-apa kepada kita.

Seterusnya di dalam memperkukuhkan latihan kemahiran saya ingin mencadangkan juga, kita sedia maklum bahawa pekerja-pekerja kita ini, rakyat kita terutamanya anak muda tidak suka kepada tempoh latihan yang lama. Jadi kalau kita lihat di sektor perkhidmatan kita, sebagai yang paling mudahlah di hotel. Saya suka hendak mengambil perkara ini kerana saya menganggap pekerjaan di hotel tidaklah berat, tetapi kenapa anak muda kita tidak minat. *[Menyampuk]* Bukan tidak diberi peluang, itu salah. Peluang diberi, saya tahu tetapi mereka tidak minat. Ini kerana majikan pun bukan suka sangat hendak bergantung kepada pekerja asing tetapi tiada pilihan.

Jadi mekanismenya kita kena fikirkan kenapa Nepal itu kita cakap air teh pun tidak faham, boleh berada di hotel. Jadi kita kena cari mekanisme, kementerian bagi latihan dengan duit yang berjuta-juta, bagi tempoh latihan yang pendek untuk mereka supaya mereka dapat menyesuaikan diri dan bekerja dengan baik.

keduanya tempoh waktu kerja. Kadang-kadang di hotel ini, tempoh waktu kerja dia, dia *staggered hours*. Kadang-kadang dia lepas empat jam rehat sekejap, sambung balik. Jadi perkara ini kurang menarik minat budak-budak kita, anak-anak muda kita. Jadi mungkin diperhalusi bagaimana cara kita dapat mengisi tempat-tempat ini dengan anak-anak muda kita. Ini kerana saya rasa satu pembaziran tenaga sumber manusia yang sangat ketara. Kalau di ladang kita sedia maklum memang anak kita buat, tetapi kalau di hotel ini, tidak ada sebab mereka tidak boleh buat kerja dalam *aircond*.

■1910

Seterusnya, saya juga ingin mencadangkan dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah bersetuju untuk menubuhkan pangkalan data bantuan ini. Ini sangat penting kerana kita sedia maklum sekarang penerima ada kalanya bertindih. ICU lain, eKasih lain, Jabatan Kebajikan Masyarakat lain, BR1M lain. Ada kalanya mereka yang sepatutnya tidak boleh dapat, boleh dapat. Kenapa perkara ini berlaku? Ini kerana tidak ada pusat untuk mengawal data. Apatah lagi eKasih ini kami sebagai wakil rakyat pun kadang tidak tahu yang dapat. Jadi, eloklah eKasih ini *dichannelkan* ataupun menggunakan pemimpin-pemimpin setempat untuk mengenal pasti data ini.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya dasar seperti ini pihak kerajaan tentunya dapat memastikan pengagihan yang sewajarnya dapat dijalankan kepada golongan sasaran iaitu sama ada orang miskin ataupun golongan yang wajar dibantu. Kerajaan boleh mengambil kira konsep pendapatan per kapita isi rumah dan tentunya kerajaan mempunyai cara terbaik bagaimana nilai per kapita yang wajar bagi sebuah keluarga. Kita ada iaitu bagi menentukan mereka termasuk dalam asnaf sumbangan kerana kita sudah mempunyai dasar per kapita pendapatan bagi isi rumah bandar dan di luar bandar agar hala kumpulan sasaran lebih adil dan tepat. Sehubungan

dengan itu, saya juga mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan yang berwajib mengambil kira pandangan pemimpin-pemimpin setempat agar kepastian diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan orang muda, saya juga ingin memberi cadangan. Sememangnya seperti yang dikatakan oleh kawan-kawan tadi, pendapatan RM2,000, RM3,000 ini sekarang sangat kecil nilainya. Kita bercerita soal tahap keberhutangan di dalam sesebuah keluarga sangat tinggi. Perkara ini tidak dapat kita elakkan kerana anak-anak zaman sekarang belum kerja dapat gaji pertama pun sudah hendak beli kereta. Mana ada mak bapa yang kaya boleh bagi duit *cash*. Jadi, suka tidak suka kena berhutanglah hendak beli kereta.

Kedua, kadang-kadang hendak beli rumah. Duit mana ada cukup. Berapa orang yang boleh beli rumah *cash*. Jadi, kena berhutang juga. Jadi, kerana ini dua perkara senang cerita setakat RM1,500 untuk kereta dan rumah sudah pasti perbelanjaannya. Justeru itu rasa saya agak tidak tepat langkah Bank Negara untuk memendekkan tempoh keberhutangan bagi mereka yang membuat pinjaman kerana makin tinggi pinjaman yang perlu dibayar. Jadi, kalau gaji RM2,000, RM1,400 sudah habis untuk rumah dan kereta, baki untuk kehidupan yang lain-lain macam mana? Ini bukanlah penyelesaian yang terbaik tetapi kita kena cari jalan terutama sekali harga rumah yang kian meningkat. Itu yang kena kita fikirkan supaya mereka ini dapat membeli rumah untuk keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk yang berniaga banyak sudah kerajaan umumkan sebelum ini semasa bajet bagi memberi pinjaman dan kemudahan-kemudahan. Akan tetapi saya suka ingin membuat permohonan dan cadangan di sini supaya diwujudkan pusat perniagaan bumiputera di setiap kawasan apatah lagi di dalam kawasan saya. Sekarang ini rumah-rumah kedai memang tidak percaya. Di kawasan saya kawasan industri purata gaji RM3,000 ke bawah, RM4,000 ke bawah tetapi rumah kedai sudah mencecah sampai RM800,000. Siapa boleh beli? Jadi, peniaga kecil ini tidak ada tempat. Jadi, saya memohon melalui bajet ini sama ada di bawah "Satu Daerah, Satu Industri" kah, daripada pelbagai kementerian, daripada FAMA diwujudkan, pasar-pasar tani dan juga pusat perniagaan untuk bumiputera bagi membantu mereka yang diiktiraf sebagai peniaga-peniaga kecil dan juga menjalankan industri kecil sederhana ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pasir Gudang boleh gulung.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Sudah hendak gulung ya? Baru cakap ini tetapi tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut perintah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan suruh berhenti, suruh gulung.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: *[Ketawa]* Itulah bila hendak gulung jadi kelam kabut sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi cadangan kepada kementerian-kementerian terbabit supaya kita memberi tumpuan kepada *niche area* kita. Sebagai contoh ternakan. Kita banyak mengimport daging ayam daripada luar, telur dan sebagainya. Apa kata kita wujudkan di dalam negara kita, di kawasan yang memang pengeluar telur ayam supaya

kita tidak perlu bergantung lagi kepada negara-negara luar dengan begitu tinggi sekali terutama sekali bila musim-musim perayaan.

Sehubungan dengan itu, yang terakhir saya hendak menyentuh sedikit soal keselamatan. Soal keselamatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk penggulungan, kita pun rasa sedihlah dengan apa yang berlaku baru-baru ini dengan pegawai bank kita yang mencari rezeki, tiba-tiba keluarga dapat berita telah ditembak. Jadi, suka saya mencadangkan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan *service* ini diberi perhatian sewajarnya terutama sekali penapisan dan latihan yang bersesuaian, *vetting* hendak kena ada.

Ini kerana kita sekarang ini banyak dan ramai sekali pegawai ataupun RELA, mereka yang mengikuti kursus-kursus RELA dan JPAM. Apa kata terutama sekali di peringkat sekolah kita takut anak-anak, kerajaan memberi keutamaan supaya pegawai-pegawai RELA ini, anggota RELA dan JPAM diberi keutamaan adalah satu usaha sama supaya mereka ini diberi peluang pekerjaan sebagai pengawal-pengawal keselamatan di sekolah dan juga di kawasan-kawasan yang sangat penting.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya sampaikan. Maka, saya dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong pembentangan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Langat.

7.18 mlm.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lama tunggu ruang ini. 20 minit tidak ada siapa boleh celah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang atas bersama-sama menyertai perbahasan pembentangan Bajet 2014 yang dibuat pada tanggal 25 Oktober ini.

Apa kesannya kepada rakyat? Pertama sekali apa pun alasan yang diberikan, kenaikan harga gula itu membebankan rakyat. Ini tidak dapat dinafikan. Saya melihat ini satu bebanan yang baru, yang terpaksa ditanggung lebih oleh rakyat atas kenaikan gula ini, di atas penarikan subsidi diumumkan pada tanggal 25 hari bulan yang lalu.

Keduanya, gaji minimum. Melihat daripada gaji minimum ini telah pun menampakkan sesuatu gerak kerja yang begitu drastik yang dilakukan dengan melonggarkan kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan. Itu satu langkah yang terbaik. Dalam masa yang sama juga saya ingin mencadangkan seperti mana yang dicadangkan oleh MTUC bahawa COLA itu diperkenalkan Tuan Yang di-Pertua. COLA ini pada tahun 1974 ketika Allahyarham Tun Abdul Razak di waktu itu telah pun mewartakan dan mewajibkan semua syarikat bayar COLA. COLA ini membantu untuk meningkatkan pendapatan dan bila mana ia dilaksanakan, semua pekerja dalam negara ini *qualified* secara automatik mendapat COLA dengan penambahan pendapatan.

Kalau kita gaji minimum RM900 yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, kesan itu juga penambahan pendapatan untuk kita mendapat *achieve* daripada para 24 daripada apa pembentangan Perdana Menteri ketika itu mengatakan bahawa menjelang tahun 2020, pendapatan RM48,500 itu akan tercapai dengan pendekatan 37% dalam masa enam tahun.

■1920

Pendapatan itu sekurang-kurangnya setiap pekerja itu akan mendapat RM2,844 sebulan. Ini kalau diambil unjuran daripada maklumat yang telah diberikan ini kenampakan pada waktu ini tidak boleh sampai ke tahap itu kalau tidak ditambah pendapatan wajib. Jadi dengan RM900 itu kalau ada RM300 bermakna RM1,200 pendapatan seseorang pekerja itu yang membolehkan RM4,000 pendapatan isu rumah dapat dilaksanakan.

Saya percaya dengan wujudnya COLA yang dicadangkan bersama oleh MTUC yang diumumkan oleh Khalid Atan sebagai presiden menambahkan RM300 pendapatan tambahan dan itu satu perkara yang baik yang boleh kerajaan fikirkan. Dengan cara yang sedemikian boleh mengingatkan kembali tahun 1974 yang mana Allahyarham Tun Razak telah pun membuat sedemikian untuk membantu rakyat dalam kadar untuk menambahkan pendapatan.

Keduanya ialah dalam gaji minimum ini, pekerja kontrak diserapkan. Mengikut maklumat Menteri 49,816 orang pekerja perkhidmatan awam yang bekerja kontrak yang tidak dapat faedah daripada apa yang dapat daripada perkhidmatan awam. Saya berasa dukacita dan berasa kasihan dengan guru sandarannya, dengan semua pekerja yang terlibat dalam kontrak ini termasuk PBT dan sebagainya. Itu tidak menjamin kehidupan yang selesa dan 49,816 orang ini adalah satu jumlah yang besar. Mengikut laporan CUEPACS hampir 100,000 pekerjaan yang masih lagi perlu diisi tidak diisi tetapi kontraknya berterusan sambung.

Ada yang Tuan Yang di-Pertua sampai 11 tahun, 12 tahun kontrak, kontrak, kontrak. Sampai bila kontrak hendak habis pun tidak tahu tetapi kasihannya umur makin meningkat tetapi faedah dan juga kebajikan tidak dapat terlaksana kerana kontrak itu tidak mengizinkan mereka mendapat faedah termasuk pekerja-pekerja Parlimen yang bekerja kontrak. Ini harus dipandang serius dan Tuan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan juga mereka di bahagian pengurusan harus wajib menilai kembali mereka yang bekerja kontrak ini diserapkan jika melepasi tiga tahun ataupun kelayakan mereka itu perlu diberikan pekerjaan tetap yang akan mereka nikmati bersama segala bentuk apa sahaja faedah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atau Perdana Menteri di waktu-waktu tertentu seperti bajet pada kali ini, sebagai contoh bonus dan sebagainya.

Saya mengharapkan bahawa mereka yang bekerja kontrak ini diberikan peluang untuk menjadi pekerja tetap supaya mereka tidak teraniaya dengan sistem yang amat tidak begitu memberikan kesan baik kepada rakyat dan pekerjaan seluruhnya. Saya bagi pihak CUEPACS memohon supaya 49,816 orang ini kalau mereka layak, tiga tahun mereka telah bekerja dan guru sandaran sebagai contoh berikan peluang kepada mereka untuk bekerja tetap agar mereka tidak

teraniaya, memakan waktu dan dimamah usia, semakin larut dan yang terkesan adalah masa depan mereka agak begitu gelap.

Apa yang saya pertikai kan pada pagi ini yang Tuan Yang di-Pertua tidak bagi bercakap tetapi saya hendak bercakap hari ini. Ketiga ialah *subcontract labor* kepada *contractor labor*. Ini memberikan ruang 4.2 juta syarikat-syarikat yang berjumlah hampir 277 syarikat yang mengamalkan *contractor labor* yang telah diluluskan di Parlimen ini oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang terkesan 4.2 juta ini bebannya pada hari ini ialah *subcontractor labor* ini kebanyakan syarikat telah pun menggunakan peluang ini untuk mengkontrakkan dua tahun-dua tahun pekerjaan ini dan mereka tidak tergolong sebagai apakah pekerja mendapat gaji minimum ataupun faedah-faedah yang didapati oleh pekerja tetap.

Saya hendak beritahu dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa *subcontractor labor* ini apabila ditukarkan kepada *contractor labor* ini memberikan kesan yang paling buruk yang telah diambil peluang oleh syarikat tertentu yang mengambil pekerja asing untuk diserapkan dan mereka ini berterusan dan akhirnya persaingan atau implementasi dilakukan oleh syarikat-syarikat ini mengambil peluang dan kesannya apabila waktu itu Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia mengatakan dengan jelas bahawa hanya perladangan sahaja yang diberikan peluang ini dan mereka yang di luar atau sektor yang lain seperti pembuatan, perkilangan, perkhidmatan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, perhotelan dan perkhidmatan itu pun diambil peluang oleh syarikat-syarikat besar ini untuk mengkontrakkan pekerja-pekerja yang berada dalam skop itu.

Inilah yang menjadi sebab utama *abusing* ataupun tekanan yang dikenakan oleh pihak pekerja dan kebanyakan itulah sebabnya Yang Berhormat Pasir Gudang yang *subcontractor labor* – akibat daripada itulah banyak pekerja-pekerja tempatan tidak mengizinkan mereka bekerja di sana atas alasan bahawa masa depan mereka itu gelap. Inilah yang berlaku. Soalan yang saya hendak utarakan kepada Kementerian Sumber Manusia, kajilah semula *subcontractor labor* kepada kontrak yang lain memberi kesan buruk kepada pekerja yang jumlahnya 4.2 juta itu dalam lingkungan pekerja-pekerja tempatan dan juga pekerja-pekerja asing.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diberitahu nombor empat cukai pendapatan pekerja-pekerja asing ini yang jumlahnya cukup menakutkan iaitu RM2.116 juta. Hoh dahsyat! Ini jumlah yang besar. Kerajaan boleh mengambil hasil untung kalau kerajaan memastikan bahawa EPF pekerja asing ini dipotong 11% kepada pekerja dan 12% kepada majikan seperti mana berlaku di Singapura. Ambil duit depa ini simpan kemudian apabila beberapa tahun boleh bagi balik. Kemudian kita boleh *rolling* duit itu dan tidak payahlah kita hendak tekan – kenaikan, hendak buat GST dan sebagainya. Duit itu pun sudah berbilion-bilion Tuan Yang di-Pertua, hoh dahsyat! Banyak itu bukan sedikit iaitu RM2.116 juta pekerjanya. Nisbahnya senang sahaja kalau kita ambil 23% daripada situ sudah berapa? RM230, Tuan Yang di-Pertua kalilah dengan RM2.116 juta, hoh banyak!

Jadi inilah peluang yang terbaik yang dibuat di Singapura, di British dan kita kena ambil sedikit ilmu ini untuk memastikan pendapatan negara itu bertambah. Di samping itu apabila kena potong, dia tahulah kekuatan sistem kita ini akan memastikan bahawa dia tidak akan boleh tercicir daripada percukaian yang dikenakan kepada kita.

Nombor duanya cukai pendapatan ini. Saya hendak minta cadangan Kementerian Kewangan yang pengecualian cukai RM6,000 kepada pekerja, RM3000 kepada orang rumah. Kalau rumah dua itu RM3,000-RM3,000 Tuan Yang di-Pertua. Jadi RM6,000-RM12,000 tetapi kalau orang rumah itu RM3,000, anak-anak RM1,000-RM1,000, saya rasa itu perlu dinaikkan dalam memastikan bahawa kelayakan pengecualian cukai itu akan memberikan sedikit motivasi kepada pekerja supaya mereka mendapat imbuhan untuk cukai itu tidak dikenakan secara keterlaluan.

Jadi saya mohon cukai persendirian dan cukai pekerja itu dapat ditingkatkan pengecualiannya supaya pekerja ini dapat menikmati sedikit kehidupan yang amat mencabar pada waktu ini. Harga barangan yang naik, penghidupan yang meningkat, *cost of living* yang begitu mencabar dan ini memberi kesan yang terlalu ketara kepada pekerja. Kalau RM900 gaji minimum Tuan Yang di-Pertua anak muda, kalau Yang Berhormat Pasir Gudang kata RM1,500. RM1,500 sudah banyak. RM900, bayangkanlah kalau satu hari makan berapa duit sangat?

Jadi saya memikirkan bahawa percukaian-percukaian yang boleh membantu rakyat ini perlu difikirkan semula oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya dapat memberikan kesan yang baik kepada rakyat dan pekerja yang saya anggap sebagai pengecualian percukaian ini perlu diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan supaya mereka ini mendapat sedikit keuntungan daripada hasil penyelesaian hidup dalam negara yang penuh mencabar ini.

Kita hendak mencapai pendapatan pada tahun 2020 sebagai berpendapatan tinggi. Akan tetapi tinggi yang bagaimana yang kita hendak *target*? Mesti ada sasaran. Saya percaya dengan kelonggaran-kelonggaran ini, dengan kehidupan yang agak selesa ini memberikan peluang kepada mereka untuk dapat hidup selesa dalam negara yang penuh mencabar, dengan penuh cukai yang bermacam-macam-cukai sekarang ini. Jadi apa pun yang penting ialah kelonggaran itu, pengecualian itu perlu dilihat sebagai memberikan pulangan balik kepada rakyat yang sederhana dan ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah bagaimana untuk menyelesaikan masalah persaingan pekerja asing ini. Saya mencadangkan bahawa apabila budak-budak lepas sekolah Tuan Yang di-Pertua, habis sekolah ini tengok jam pastikan jangan 20 minit lebih. Pastikan bahawa setiap anak-anak yang tercicir. Kalau anak itu pandai dia pergi universiti, dia sudah ada ruang tetapi anak yang tercicir ini, kemahiran tetapi bagaimana mereka hendak diiktiraf?

Jadi saya cadangkan supaya kolej ataupun universiti yang melengkapkan *technician knowledge*. kalau dia itu pandai dari segi *wiring*, *wiring professional*, kalau dalam segi *marble*, *marble professional*, kalau dia seorang *gardener*, *landscape professional*. Jadi inilah, hoh dahsyat! Itulah Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu kita hendak melahirkan anak-anak yang berwibawa,

bersaing dengan pekerja asing dan demikian penyelesaian untuk mereka menikmati dan sayang kepada deskripsi kerja itu dapat kita lihat.

Oleh sebab itu saya cadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia ataupun Yang Berhormat Menteri Pendidikan, selepas ini anak-anak belia yang gagal pelajaran ini mana mereka hendak pergi? Okeylah sekarang kementerian kata ada ILP. Ya Yang Berhormat Parit Sulong dahulu timbalan, dia pun rasmi anak saya dapat sijil itu betullah.

▪ **1930**

Akan tetapi sijil itu, Yang Berhormat Parit Sulong, tidak laku. Bila pergi ke swasta, dia pandang macam ILP ini tidak ada apa. Saya nampak satu cabaran yang agak tidak sihat untuk kementerian menzahirkan seseorang yang mempunyai sijil kemahiran tetapi tidak diiktiraf. Oleh itu saya cadangkan supaya kolej atau universiti ini setara dengan akademi. Jadi bila dia keluar sahaja, dia akan dapat *knowledge* ataupun diisytiharkan sebagai rakyat yang profesional. Jadi bila kita lahirkan rakyat yang profesional, sebab kita tengok di British. Kadang-kadang *waiters* – saya pergi dengan Timbalan Yang di-Pertua. Dulu Timbalan Yang di-Pertua, sekarang Timbalan Menteri Dalam Negeri. Kita pergi ke Morocco, Maghribi. Dia bawa, saya tengok *waiters* itu tua sahaja *servng*. Saya kata, '*Eh! Tua-tua pun serving*'. Maksudnya tua *waiters* itu *waiters* yang profesional, pelayan yang profesional.

Tuan Yang di-Pertua baru 20 minit, tambah lagi. [*Ketawa*]. Jadi saya anggap bahawa satu mekanisme untuk memastikan - Tidak apa jangan takut Tuan Yang di-Pertua. Saya ada 20 minit lagi. Saya tidak ada masalah. Ini kerana syaratnya, Tuan Yang di-Pertua tukar, masa pun tukar.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi yang jelas ialah mereka ini diberi peluang dan mereka ini ada masa depan yang lebih baik. Saya melihat daripada apa yang kami dapat bila buat lawatan, saya melihat bahawa itu sifatnya. Jadi kita sebagai negara yang hendak membangun, hendak mencapai negara maju 2020 dengan pendapatan yang tinggi harus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hah! Baru terberhenti. Tadi tidak ada berhenti pun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, dua minit, saya sambung sebab Tuan Yang di-Pertua telah pun mengacau saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: [*Menyampuk*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Jadi apa yang saya lihat ialah kerajaan harus mengambil sikap proaktif untuk memastikan bahawa rakyat lepasan sekolah yang tercicir ini diberi peluang. Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pun ada. Jadi, mengangkat martabat anak muda dan diberi peluang, tugasnya. Dia pasti menyokong pandangan saya supaya anak muda ini bila dia keluar daripada sekolah, dia sudah ada masa depan. Kalau dia mekanik, dia

mekanik yang profesional. Jadi diiktiraf sampai peringkat ijazah, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Oleh itu Yang Berhormat Rembau, kita dapat lihat anak muda kita akan bersaing dengan pekerja asing. Ini bila hendak bersaing dengan pekerja asing, mengapa anak kita tidak terima? Sebab Yang Berhormat Pasir Gudang kata, anak kita - saya kata, "*Tidak diberi peluang*".

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Rembau, kalau kita pergi KFC, semua anak Melayu, semua anak tempatan. Kalau kita pergi McDonald's, semua anak tempatan. Pergi 7-Eleven, semua anak tempatan. Masalahnya apa? Masalahnya bukan mereka tidak mahu tetapi tidak diberi peluang. Lagi satu, pengurusan Tuan Yang di-Pertua, dia lebih suka mengambil pekerja asing sebagai kontrak. Enam bulan, *you 'chow'*. Satu tahun, *get out!* Jadi dia punya EPF tidak potong, SOCSO tidak potong, gaji minimum tidak *apply*. Ini yang masalah ini.

Jadi suara anak muda ini siapa hendak bangkitkan? Ketua Pemuda, Yang Berhormat Rembau, bangkit! Pastikan sokong pandangan Kuala Langat ini. Adakan universiti dan kolej untuk kemahiran. Mereka ini yang – ILP itu ada tetapi ILP ini tidak diiktiraf. Yang Berhormat Parit Sulong, tidak iktiraf. Anak saya tidak diiktiraf pun. Jadi saya rasa amat dukacita dan kecewa kerana mereka ini tidak diberi pengiktirafan. Maka untuk mengiktirafnya, satu peringkat universiti ataupun kolej yang boleh menyaingi dan mengimbangi kemahiran dan kepakaran orang-orang luar terutama sekali pekerja-pekerja Indonesia yang boleh mengangkat kebolehan anak-anak muda ini.

Saya cadangkan demikian itu supaya memberikan peluang ini supaya kita boleh mengurangkan 2.116,998 juta. Dahsyat! Itu yang kita tahu. Yang tidak tahu, lagi banyak. Jadi kita hendak pastikan bahawa 3.6% penganggur ini yang keluar dari universiti, yang keluar daripada persekolahan yang menganggur ini, walaupun bersifat tidak ada dalam mengikut *International Labour Organization* (ILO), ia kata 4% ke bawah ini, ia tidak nampak sebagai penganggur. Akan tetapi kita dalam kadar 27 juta orang rakyat kita ini, kenampakan hampir 400,000 orang hingga 500,000 rakyat kita yang menganggur yang tidak diberi peluang walaupun kebolehan mereka sebagai mekanik-mekanik yang tidak diiktiraf. Kalau mereka sebagai seorang *wiring*, yang tidak diiktiraf. Jadi kita hendak mengangkat martabat anak muda dan belia ini diberikan ruang supaya 3% hingga 4% pengangguran ini tenggelam langsung dan kita boleh meletakkan rakyat kita semuanya dapat pekerjaan yang selesa dan dihormati oleh pasangannya.

Kadang-kadang bila orang memining, Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi tujuh minit. Ada enam minit lagi. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau hendak memining, tengok, kata, menantu kerja apa? Menantu ini kerja pelayan. Jadi dia nampak macam persepsi itu tidak begitu menarik. Jadi dia kata kerja apa? Anak saya pelayan tetapi pelayan senior. Gaji berapa? RM2,500 hingga RM3,000. Biar terbeliak biji mata bakal bapa mertua. Ini kalau tengok gaji itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang risau itu siapa, Yang Berhormat? Ibu bapa, '*kot*'.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dia risau. Menyeluruh. Ini kerana saya mewakili rakyat, suara yang tidak terkeluar di Dewan ini. Jadi di situlah yang mereka hendak nampakkan bahawa bila kerja mekanik, mekanik yang profesional sampai boleh membuka

bengkelnya sendiri. Dahsyat, Tuan Yang di-Pertua. Inilah hasil yang kita hendak dengar. Inilah juga matlamat kerajaan yang dikatakan sebagai untuk menjadikan negara maju menjelang 2020 dengan pendapatan tinggi. Kalau RM900, tidak tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Kena menyeluruhlah. Maknanya menyeluruh keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: RM3,000 pun masih dapat BR1M.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, BR1M sebanyak RM650, Tuan Yang di-Pertua. Berapa hari boleh makan pun. Akan tetapi tidak apalah. Yang pentingnya, bahagi-bahagilah BR1M pun tidak apa. Pokoknya rakyat mendapat RM650 itu. Yang buahnya, kita hendak cakap lagi sekali iaitu kerajaan harus memandangi jangka panjang supaya kemasukan pekerja-pekerja asing dapat kita kurangkan untuk memastikan kita bersaing dalam bentuk secara profesional. Maka saya cadangkan supaya kolej atau universiti untuk mereka yang tercicir dalam pendidikan itu dalam bentuk kemahiran, diangkat kedudukan mereka dengan memberi peluang pendidikan kepada mereka juga. Semoga mat rempitkah, mat 'rempot'kah dan apa sahaja tidak timbul kerana mereka peka dan mereka sibuk dengan pendidikan hinggalah mereka layak digelar sebagai seorang pekerja yang dikatakan rakyat yang mempunyai masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi empat minit untuk Kuala Langat. *Special to* Kuala Langat sahaja. Jadi yang pertama, bomba. Bomba ini tidak habis-habis. Dulu baru-baru ini di Kampung Jenjarum, saluran air menyebabkan terlambatnya bomba mari, meninggalnya seorang penghuni di dalam itu kerana tidak ada air yang membantu untuk dipamkan untuk memadamkan api. Jadi saya minta bomba, pastikan bahawa *inspection* ataupun dia kena pastikan air itu *function*. Di samping itu juga, pili bomba yang ada di Pekan Banting. Saya minta di Telok Panglima Garang, teluk itu dikatakan tanah yang telah diluluskan itu dibina macam yang kita pergi di utara Selangor, bomba di Sekinchan dan sebagainya tengok begitu efisien.

Saya minta supaya balai bomba itu dapat dinaiktarafkan dan dipindahkan segera supaya *facility* dan *privilege* itu dinikmati dan juga boleh menyelamatkan lagi, lebih efisien dalam keadaan darurat waktu itu. Jadi bomba, saya minta disegerakan pembinaan dan juga dengan izin, *facility* dan *privilege of equipment* yang diperlukan itu supaya tidak berlaku kebakaran yang lebih parah daripada Kuala Langat. Kuala Langat ini, Tuan Yang di-Pertua pun bangun. Kalah Tanjong Karang. Dia punya bangun itu, dia akan menjadi bandar berkembar Klang.

Keduanya, hospital. Hospital ini Tuan Yang di-Pertua, saya tengok di Kuala Langat, kalau bunyi siren ambulans itu, dia lari. Lima minit 'yoiyoyoyoyoi', lima minit 'yoiyoyoyoyoi'. Jadi kenapa tidak ada doktor pakar di situ? Saya minta kalau boleh Menteri Kesihatan. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Tanjong Karang, Menteri Kesihatan supaya dapatkan doktor pakar di Kuala Langat punya hospital.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [Bangun]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Di samping itu, naikan taraf hospital ini yang sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Lama sangat, Tuan Yang di-Pertua. Lama sangat. Dua minit, Tuan Yang di-Pertua. Tidak habis lagi ini. Dua minit lagi. Jadi bila saya...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dia kata Klang dekat. Hendak pergi Klang, saya kena apendiks, sudah terburai perut ini. Saya kata, "*Sudah hendak mampus dah*". Jalan sahajalah, jalan. JKR pun perlu pastikan jalan dari Banting ke Klang itu dinaiktarafkan.

Selepas itu pula, jalan sudahlah teruk. Saya rasa, "*Kalau aku beranak ini, beranak sudah kalau aku perempuan*". Nasib baik aku lelaki. Kena apendiks pecah, Tuan Yang di-Pertua. Nasib baik saya tidak... Kalau tidak, pilihan raya sekali lagi di Kuala Langat itu sebelum Pilihan Raya Ke-14. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kuala Langat, boleh?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Jadi saya minta – Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua minit lagi. Dua minit, dua minit. Dua minit lagi, Yang Berhormat Tanjong Karang. Tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dua minit lagi. Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dua minit lagi, dua minit lagi, dua minit lagi. Jadi jalan raya itu saya minta lebuhraya, jalan raya itu - ketika dulu Yang Berhormat Sepang ketika menjadi Menteri Kerja Raya dia kata *approve* dari Sungai Manggis ke Dengkil. Jalan lain semua dua *lane*. Dua *lane*, Tuan Yang di-Pertua. Kena di Dengkil dengan Kuala Langat, satu *lane* sahaja. Jalan punya *jammed* bagai hendak mampus. Jadi Menteri Kerja Raya, saya minta sangat Menteri Kerja Raya ini naik tarafkanlah jalan itu jadikan dua jalan. Lebaran itu besarkan jalan itu supaya kesibukan ke Putrajaya dan juga ke Lapangan Terbang KLIA tidak terganggu dengan jalan yang sempit lagi menyempitkan.

■1940

Jadi saya minta Menteri fikir-fikirlah supaya jalan itu disamatarafkan menjadi bandar berkembar dengan Putrajaya dan juga di KLIA. Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat *notes* benda itu dan jawab, minta disegerakan.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua rumusan daripada keseluruhannya saya pernah minta dahulu *retrenchment fund*. Saya tengok tidak ada pun *retrenchment fund*. Jadi *retrenchment fund* ini penting di kala kita berhadapan dengan ekonomi yang merudum. Pekerja dibuang. Jadi *retrenchment fund* ini boleh mengangkat sedikit kehidupan, keselesaan kepada rakyat yang dibuang kerja. Tadi saya berbincang dengan pengurusan DRB-Hicom, bilamana

fleksibiliti itu saya nampak begitu baik yang dibuat oleh Tan Sri Kamil...Ya, ya seminit lagi. Saya lihat Tuan Yang di-Pertua dah bagi *signal*, saya tahu, saya tahu.

Jadi saya minta fleksibiliti itu dibuat dan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia janji dengan saya dahulu Tuan Yang di-Pertua. Ini lima tahun yang lalu dia kata sedang dikaji, sedang dikaji, sedang dikaji. Tidak dapat-dapat lagi. Dok mengkaji sahaja. Benda itu tidak dapat lagi. Saya cadangkan Kementerian Sumber Manusia supaya serius dengan kajian ini ikut macam mana Thailand, Indonesia dan Singapura yang buat *retrenchment fund* ini, termasuk di England supaya mereka juga dapat sedikit imbuhan. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ini tepat-tepat sedikitlah janji, sebab Yang Berhormat Pasir Gudang kata Barisan Nasional tepat pada janji. Yang Berhormat Tanjong Karang kata Barisan Nasional memegang pada janji. Saya hendak suruh Yang Berhormat Menteri Sumber manusia yang baru ini pegang kepada janji, supaya buatlah *retrenchment fund*.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi lebih satu minit kepada Kuala Langat. Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Langat bunyi siren ambulan, lain sedikit Yang Berhormat ya?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang teruk Kuala Langat sebab karier bertukar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

7.42 mlm.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Saya mulakan perbahasan dengan menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas hikmah dan petunjuk yang dikurniakannya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan serta anggota barisan tertinggi dan juga warga kerja Kementerian Kewangan. Yang mana telah membolehkan terciptanya Bajet 2014 yang realistik serta holistik untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat, yang temanya *Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji*.

Saya bukan pakar ekonomi, tapi orang kampung berjumpa saya mudah sahaja mereka kata. Kami dapat bantuan RM100 sekolah, syukur *Alhamdulillah*, tidak kira daripada bawah sampai ke atas. Anak-anak muda yang gaji RM2,000 ke bawah dapat BR1M. Tambahan pula yang pendapatan ke RM4,000 dapat satu lagi BR1M dan ketua isi keluarga dapat RM500. Jumpa bekas tentera ada juga imbuhan. Bermakna dalam bahasa yang mudah, orang kampung mengatakan bajet yang dibentangkan untuk tahun 2014 ini memberi makna dan mereka fahami. Kalau kita berhujah dengan perkara-perkara yang kita tidak faham, sebenarnya kita fahamkah tidak, kita pun tidak tahu. Saya yakin apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat memberi makna, memberi pulangan kepada rakyat keseluruhannya.

Saya melihat bajet kepada Kementerian Pengangkutan amat besar iaitu RM5.2 bilion. Ini yang mana memperkasakan tentang pengangkutan jalan, udara dan pelbagai lagi. Soalnya saya minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan agar memastikan bagaimana peruntukan besar ini boleh dinikmati dan dirasai bagi memperkasakan ekonomi Melayu dan bumiputera, kerana RM5.2 bilion ini bukan jumlah yang kecil. Oleh sebab itu, saya amat berharap, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan menyelitkan juga supaya benda tadi dapat dinikmati oleh bumiputera dan juga orang Melayu, sama ada apa perkara tentang projek yang tersebut.

Seperkara lagi, Yang Berhormat Menteri Jabatan Kerja Raya pun ada. Saya lebih hendak minta supaya jalan yang dibina daripada Pekan Pengkalan Hulu ataupun dahulu dikenali dengan nama Keroh dapat melintasi Kampung Tasik yang majoriti penduduknya masyarakat Siam yang boleh menembusi Jalan Gerik-Kupang. Yang mana jalan ini boleh memberi pulangan yang lebih baik kepada penduduk Pengkalan Hulu yang berada di dalam Parlimen Gerik. Dalam masa yang sama, sempadan Thailand-Pengkalan Hulu telah dilanjutkan masa untuk kemasukan ke Betong. Kalau dahulu sampai pukul 6 petang, tetapi hari ini telah dinaikkan kepada 11 malam.

Oleh sebab itu saya meminta kementerian yang berkaitan memikirkan supaya dapat membina pelabuhan darat di antara *border* Pengkalan Hulu dengan Thailand tadi. Di mana kita dapati di Bukit Kayu Hitam difahamkan terlampau sesak dan juga padat. Kalau boleh dialihkan kesesakan sana tadi dibahagi pula dengan sempadan di Thailand dengan Pengkalan Hulu. Ia boleh memberi pulangan ekonomi kepada penduduk tempatan di sana, di mana pelabuhan darat yang lebih kemas kini boleh dibina di sempadan.

Dalam masa yang sama, saya juga meminta Kementerian Kewangan agar membantu supaya kawasan Pengkalan Hulu tadi diberi kawasan sempadan Zon Bebas Cukai. Cuma hari ini ada satu buah bangunan sahaja yang dinamakan Kawasan Bebas Cukai yang serumpun, yang sebenarnya tidak ada. Memanglah boleh memberi pulangan, tetapi kalau yang lebih besar lagi kawasan operasi Zon Bebas Cukai di daerah kecil Pangkalan Hulu, ia boleh memberi pulangan yang lebih hebat kepada penduduk di sana, terutamanya kerajaan negeri telah menganugerahkan satu tanah di sempadan kepada Moss gate. Saya berharap dengan adanya jadi kawasan sempadan Zon bebas Cukai ia akan memberi pulangan yang baik kepada Pengkalan Hulu.

Dalam masa yang sama untuk sektor pelancongan, di mana Gerik ada satu hutan khatulistiwa yang tertua iaitu Royal Belum. Di mana di dalamnya terdapat flora dan fauna. Kalau waktu hujan sesiapa yang melintasi jalan daripada Kelantan ke Gerik boleh melihat kumpulan gajah duduk di tepi jalan. Ini merupakan satu hutan yang cukup kaya dengan pemandangan, dengan keindahan. Tasik yang ada orang selalu sebut Tasik Banding tapi yang sebenarnya tasik itu ialah Tasik Temenggor. Manakala Banding ialah Pulau Banding.

Jadi kalau dapat sektor pelancongan melihat benda ini kita ada Royal Belum. Di Parlimen Lenggong ada Perak Man. Maka saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan agar dapat ditubuhkan satu lembaga pelancongan daerah, yang mana yang ada sekarang ini nampaknya hidup segan, mati tidak mahu. Cara mempromosikan untuk menarik

pelancong-pelancong daripada luar negara walaupun mereka ada datang tidak memuaskan. Kalaulah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dapat bekerjasama dengan pelancongan negeri dan bekerjasama dengan ketiga-tiga majlis daerah yang berada di Daerah Hulu Perak, saya yakin di bawah pemantauan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan maka pelancongan di Hulu Perak yang melibatkan Royal Belum, yang melibatkan Perak Man dan di pangkalan Hulu terdapat kesan peninggalan komunis yang masih ada. Kalau di Betong ada terowong komunis, sebenarnya di sebelah kita ini pun ada tapi tidak terjaga. Begitu juga kawasan kesan tembakan seperti mana Yang Berhormat Baling menyatakan sebenarnya Chin Peng keluar pergi di Telok Intan. Tuanku sambut Chin Peng di Telok Intan. Jadi maknanya ada sejarah-sejarah yang tersendiri. Maka saya rasa kalau ada lembaga pelancongan di peringkat daerah ini, dia boleh meningkatkan lagi pelancongan di daerah kecil Gerik.

■1950

Seperkara lagi, di Royal Belum ini juga, kalau mengikut hikayat Melayu dahulu mengatakan, Laksamana Hang Tuah merajuk hati daripada Sultan Melaka lari ke Hulu Sungai Perak. Sebenarnya, ada cerita orang tua-tua secara mitos mengatakan Hang Tuah sebenarnya lari ke Hulu Sungai Perak itu maknanya kawasan Royal Belum dan konon kata dia tidak mati sehingga sekarang. Mereka kata dia jadi orang bunian. Akan tetapi kita tidak pedulilah cerita itu, yang penting dia ada kisah sejarah dan kita minta dibuat satu kajian benarkah Laksamana Hang Tuah larikan diri ke Gerik. Itu yang paling penting.

Dalam hendak memperkasakan pelancongan juga, di Gerik, kita ada Lapangan Terbang Gerik yang tidak panjang lebih kurang 600 meter sahaja. Oleh sebab itu, saya meminta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan JKR agar dapat menyediakan peruntukan untuk memanjangkan landasan supaya kapal terbang kecil boleh turun di Gerik. Bila mana kapal terbang ini boleh turun di Gerik, ia boleh memberi pulangan dan boleh menarik pelancong asing. Kebetulan pula di Gerik ini ada *special*, macam-macam ada yang tradisional. Kalau kita kata jenis pucuk, kita ada kerabu beko, kerabu bayas dan yang paling sedap ialah umbuk rotan juga pekasam. Jadi cerita sekarang ini menyebabkan kita pun berasa terliur air liur kita, bukan?

Gulai pula kita ada masukkan batang pisang yang kita kata gulai kawah rias pisang. Jadi ini di Gerik, ia banyak istimewanya untuk pelancongan. Maka, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan lihat juga *homestay* yang boleh kita *createkan* di rumah-rumah yang mereka tidak - yang sudah jadi melepasi dia punya pendapatan dan sudah tidak tinggal di Gerik. Ini juga boleh menarik pelancongan datang ke Gerik.

Dalam perkara yang sama, kita melihat di bawah Kementerian Pendidikan, di Gerik cuma ada satu sahaja sekolah asrama penuh iaitu Sekolah Menengah Teknik. Saya mengharapkan dengan peruntukan yang banyak tadi, dapatlah kiranya Kementerian Pendidikan membina satu lagi sekolah asrama penuh atau pun cawangan universiti ke Daerah Gerik atau pun Daerah Hulu Perak dengan memfokuskan kalau kata pusat pengajian tinggi kepada kehidupan perhutanan. Di sana

hutan dara yang ada lagi iaitu Royal Belum tidak terusik dan ini tidak akan kita tebang pokok balaknya kerana di sini ada jaminan daripada kerajaan negeri supaya tidak diceroboh untuk ditebang balaknya. Jadi oleh sebab itu, kalaulah boleh Kementerian Pendidikan datang ke Gerik untuk membangunkannya, alangkah baiknya.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mungkin boleh melihat kita buat jelajah 4x4 di Hutan Royal Belum yang mempunyai jalan yang cukup hebat. Kita boleh buat potongan gambar-gambar alam semula jadi. Sebenarnya, dengan kemudahan yang tidak ada di Daerah Kecil Pangkalan Hulu, sekolah menengah biasa dapat melatih anak-anak sehinggakan di Daerah Hulu Perak pernah melahirkan pemanah yang cukup hebat ke peringkat dunia seperti Muhammad Marbawi dahulu. Semuanya berasal dari Daerah Hulu Perak. Sebenarnya, kemudahan tidak ada tetapi yang saya perhatikan ialah kalau Kementerian Belia dan Sukan hantar jurulatih yang baik, *insya-Allah* tempat-tempat yang macam ini boleh melahirkan jaguh-jaguh sukan negara yang baik.

Seperti mana saya melihat di daerah saya, kalau ada jurulatih *boxing* yang baik, mungkin kita boleh melahirkan peninju yang baik. Terutama kalau kita lihat anak-anak kita yang tinggal di tepi-tepi laut. Contohnya di Lumut dan di Kuala Kedah. Ini adalah kawasan anak-anak muda yang menangkap ikan. Kalau mereka ini dilatih sebagai pemain *boxing* yang baik, *insya-Allah* mereka boleh jadi peninju yang baik. Ini kerana kekuatan kudrat mereka cukup hebat.

Akan tetapi sejak kebelakangan ini di Gerik tidak dapat melahirkan pemain *boxing* kerana jurulatih sudah tiada. Jadi di sinilah saya tengok sebenarnya jurulatih ini amat penting untuk melahirkan mereka yang berjaya di dalam sukan yang berkaitan. Dalam pada itu, saya berharap juga iaitu dalam bajet kita ini kerajaan memberi penekanan sektor pertanian. Sektor pertanian satu sektor yang sebenarnya hari ini ialah yang memerlukan belanja yang besar sehinggakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pun kata pertanian ialah perniagaan.

Kita dapati di peringkat bawah, rakyat sudah tidak berminat dengan pertanian. Akan tetapi kita sebenarnya kurang, kita memerlukan sumber pertanian yang banyak, yang terpaksa kita import dari luar negara. Salah pembangunan kita akan jadi seperti di Cameron Highlands. Akan tetapi saya yakin, kalau ada perancangan yang baik daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Daerah Hulu Perak di dalam Parlimen Gerik terutama jalan Gerik ke Kota Bharu di Puncak Baring sendiri yang cuacanya seperti di Cameron Highlands boleh tanam strawberi, kita boleh tanam tomato yang mana... *[Ketawa]* Ini datang ceritanya. Oleh sebab itu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bolehlah melihat perkara tersebut untuk pembangunan pertanian.

Seperkara lagi saya tengok di Gerik yang menjadi permintaan nampaknya ada minatlah sedikit di kalangan rakyat ialah kaedah pertanian fertigasi iaitu tidak memerlukan kawasan yang luas tetapi ia memerlukan kemahiran, kepakaran kita mencampurkan baja, ada buat pondoknya serta ada kaedah pengairannya yang tersendiri. Maka saya percaya, kalau kita beri penekanan tentang soal fertigasi tadi, ia boleh memberi pulangan yang lumayan. Ini kerana kadang-kadang

kita mempunyai satu pendekatan yang tidak betul kepada pertanian. Kita mengharapkan rakyat membangunkan pertanian dalam jumlah tanah yang luas, daripada lima ekar ke 10 ekar.

Sebenarnya kalau kita berjalan ke Indonesia, kejayaan petani ini, dia tidak mengusahakan dalam kawasan yang cukup luas. Memadai suku ekar atau setengah ekar. Akan tetapi dia boleh menghasilkan pokok yang cukup berkualiti. Saya masih ingat *approach* Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak betul di Daerah Kecil Gerik dalam tempoh 15 tahun dahulu. Ia menggalakkan petani-petani untuk tanam pokok dokong. Apabila tanam pokok dokong, petani kita tidak menjaga pokok dokong.

Akhirnya, buah yang dihasilkan hitam bertompok-tompok. Akan tetapi isinya tetap manis. Masalahnya, kalau buahnya tidak elok, maka harga dalam pasaran tidak memberi pulangan yang baik. Oleh sebab itu, inilah yang kita minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tolong bantu memberi nasihat. Kita ada beberapa agensi lagi, PPK dan pelbagai lagi. Saya yakin pertanian boleh memberi sumber pendapatan baru kepada rakyat di luar bandar kecuali tempat-tempat macam tanaman beras atau padi, itu lain ceritanya.

Dalam pada itu, saya juga mengharapkan golongan usahawan. Hari ini juga saya rasa rakyat merasa gembira kerana apabila kerajaan memfokuskan iaitu memperkasakan – hilang satu ayat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong, pergi bantulah.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Memperkasakan bumiputera dan juga Melayu tadi ya.

■2000

Jadi, ini juga memberi *respond* yang amat baik kepada rakyat di seluruh negara. Mungkin dipihak sebelah pembangkang mengatakan bajet ini seolah-olah peringkat untuk kelas menengah tetapi saya yakin rakyat di luar sana tahu GST kita ambil benda yang mudah. Dalam negara sudah ada pembayaran cukai. Cuma hendak diselaraskan satu cukai GST, ini fikir cara biasalah. Hari ini cukai berpilih-pilih, ada orang bayar cukai, ada orang tidak bayar cukai. Akan tetapi kerajaan hendak menambahkan hasil dengan mengenakan GST.

Mungkin pada tahun pertama 2015, harga barang naik sedikitkan. Rakyat terasa, macam sekarang ini untuk bajet ini memang rakyat di bawah merasai bila dipotong subsidi 34 sen untuk gula. Akan tetapi untuk jangka panjang kita dengar tadi Yang Berhormat Gombak pun bagi tahu, untuk jangka panjang GST yang akan dilaksanakan oleh kerajaan kita ini boleh memberi pulangan yang lumayan kepada kerajaan. Bila pulangan yang lumayan kepada hasil negara, ia boleh memberi banyak pula faedah kepada rakyat. Ada orang kompelin kenapa kerajaan menyediakan bajet mengurus terlampau banyak sedangkan kita selalu menyebut soal ketirisan.

Kenapa polis tidak dikawal bersungguh-sungguh, kenapa askar tidak berkawal dan pelbagai lagi. Sebenarnya jikalau kita hendakkan kecekapan benda-benda yang macam ini, memerlukan belanja. Belanja yang lebih besar, oleh sebab itu kita rasakan apa yang diunjurkan

oleh Kerajaan Barisan Nasional ini sebenarnya satu bajet yang memberikan keselesaan kepada semua rakyat. Akan tetapi saya percaya, tidak semua rakyat akan rasa puas hati tetapi bajet yang dibentangkan pada tahun 2014 ini antara perancangan perbelanjaan kita pada tahun 2014 tadi menuju negara yang jaya untuk Malaysia. Dengan kata-kata ini saya tidak hendak mengacau kawan-kawan yang lain. Saya menyokong bajet yang dikemukakan oleh kerajaan pada dua, tiga hari sudah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

8.02 mlm.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Izinkan saya bermula dengan memetik falsafah pendidikan kebangsaan sebagai pedomannya. Ucapan saya pada hari ini yang berbunyi, *“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani”*.

Pada khidmat saya, ini bermaksud bahawa Dasar Pendidikan Kebangsaan seharusnya bertujuan untuk mencapai dua matlamat teras. Pertama sekali, ia harus menghasilkan modal insan yang terbaik, yang berdaya saing, berpengetahuan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Kedua, untuk memastikan tiada anak Malaysia yang tercicir atau ketinggalan dari segi peluang pendidikan selari dengan *Millennium Development Goal* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Justeru, apa pun keputusan yang ingin kita ambil, dasar yang ingin kita gubal dan tindakan yang ingin kita laksanakan harus berdasarkan kepada dua matlamat teras ini. Tuan Yang di-Pertua, saban tahun kerajaan memperuntukkan sekitar 20% belanjawan persekutuan untuk tujuan pendidikan. Pola ini berterusan dalam belanjawan tahun 2014 yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM54 bilion untuk Kementerian Pendidikan ataupun kurang lebih daripada 21% daripada keseluruhan belanjawan.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan meletakkan keutamaan yang besar terhadap pembangunan modal insan. Berdasarkan Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), perbelanjaan awam Malaysia dalam pendidikan asas daripada prasekolah sehingga sekolah menengah sebagai peratusan KDNK adalah melebihi dua kali ganda purata negara ASEAN iaitu 3.8% berbanding 1.8% dan juga lebih tinggi daripada negara-negara harimau Asia seperti Korea, Hong Kong, Jepun, dan Singapura. Malahan perbelanjaan pendidikan di negara kita juga lebih tinggi daripada Negara OECD.

Manakala jika dibandingkan dengan negara-negara yang setara dari segi KDNK per kapita seperti Turki, Chile, Romania, Mexico, Malaysia juga mempunyai perbelanjaan per murid yang lebih tinggi iaitu USD1,808 setahun. Tuan Yang di-Pertua, walaupun jumlah yang diperuntukkan dan yang dibelanjakan untuk pendidikan adalah tinggi di negara kita, persoalannya adakah

perbelanjaan itu menghasilkan pulangan atas pelaburan ataupun *return on investment* (ROI) yang setimpal. Malangnya jawapan daripada Laporan PPPM sendiri mengatakan tidak. Menurut laporan tersebut, prestasi Malaysia ketinggalan berbanding negara-negara lain yang memperuntukkan perbelanjaan yang setara malah laporan juga mengakui bahawa tahap perbelanjaan lebih tinggi tidak semestinya dikaitkan dengan keberhasilan yang lebih baik.

Kegagalan ini dicerminkan dalam taraf kebolehpayaan murid-murid kita apabila diukur bersama dengan negara-negara lain. Saya tidak perlu ulangi hujah-hujah Yang Berhormat Sandakan awal petang tadi tetapi secara kesimpulan, prestasi murid negara kita sudah merudum, yang dahulunya mengatasi skor purata antarabangsa. Akan tetapi sekarang sudah sampai ke tahap di mana 38% murid kita gagal mencapai penanda aras minimum dalam Matematik dan Sains. Ini dalam Laporan TIMSS. Pola yang sama juga dicerminkan dalam kajian PISA yang dijalankan oleh OECD.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ini menghairankan, bagaimanakah prestasi murid kita semakin merosot walaupun perbelanjaan pendidikan semakin meningkat. Jelas, hasil yang diperolehi adalah tidak setimpal dengan pelaburan yang dibuat. Malah kenyataan ini sendiri diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 tahun lalu. Namun, tidak sukar untuk kita memahami mengapa kritikan Perdana Menteri itu hanya setakat mengakui kelemahan dan tidak pula sanggup menyenaraikan punca-puncanya. Apatah lagi mengambil langkah-langkah proaktif untuk menangani kelemahan ini.

Maka demikian, saya akan membantu untuk merungkaikan punca-punca rendahnya prestasi murid kita di sebalik pelaburan yang tinggi yang diperuntukkan setiap tahun. Pertamanya, ketirisan dan pembaziran yang berlaku akibat ketidakcekapan pengurusan seperti yang dinyatakan di dalam Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun. Contohnya pelbagai, seperti keadaan keselamatan sekolah dan institusi pengajian yang kurang memuaskan. Walaupun RM2 bilion dibelanjakan, Laporan Ketua Audit Negara 2012 telah mendapati bahawa terdapat kepincangan dalam pemantauan di pintu masuk dan keluar sekolah, pengawal yang tidak mencukupi atau tidak menepati aspek kesihatan serta kontrak keselamatan yang diluluskan oleh kementerian tanpa mengikuti prosedur yang ditetapkan serta pembayaran kepada kontraktor yang tidak menunaikan tugas mereka.

Namun, saya yakin Yang Berhormat Pulau dengan rakan-rakannya di PAC akan memberikan perhatian yang cukup kepada kepincangan-kepincangan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Keduanya, tiada kajian yang menyeluruh sebelum sesuatu dasar dilaksanakan khususnya soal dalam pendidikan ini. Ini mengakibatkan dasar-dasar *flip-flops* dan pembaziran besar-besaran. Ingat kah lagi kita kepada Dasar PPSMI yang bukan sahaja gagal meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid, malahan juga menyebabkan pencapaian Sains dan Matematik merosot berdasarkan penilaian antarabangsa.

Tambahan pula, PPSMI telah menelan belanja sebanyak RM3.2 bilion di mana dua per tiga daripada kos tersebut telah digunakan untuk pemerolehan perkakasan dan perisian bagi

program tersebut. Apakah yang sudah terjadi dengan peralatan komputer berjumlah RM2 bilion itu memandangkan Dasar PPSMI telah pun ditamatkan? Kini kita mendengar kerajaan ingin melaksanakan projek besar-besaran 1Bestari Net yang akan melibatkan pemasangan jalur lebar berkelajuan tinggi di kesemua 10,000 sekolah di Malaysia. Tujuan pemasangan Internet ini adalah untuk membolehkan pelaksanaan *virtual learning environment* (VLE) ataupun pelantar pembelajaran maya yang menyediakan akses kepada kelas maya, mata pelajaran maya, kerja sekolah dan sumber-sumber lain atas talian.

■2010

Pendekatan pembelajaran maya ini kononnya akan meningkatkan prestasi pendidikan murid kita sebagaimana kita hendak mencontohi negara-negara seperti United Kingdom, Korea, New Zealand dan sebagainya. Namun, kita harus sedar bahawa sistem pendidikan di negara-negara tersebut sudah berada di tahap yang matang di mana pembelajaran maya melalui VLE ini merupakan satu langkah yang lazim ataupun *natural progression*, manakala sistem pendidikan di negara kita masih lagi jauh ke terbelakang.

Walaupun begitu, saya merujuk kepada laporan daripada *Office for Standards in Education, Children's Services and Skills (Ofsted)* iaitu sebuah badan pemantau pendidikan di United Kingdom yang mendapati bahawa teknologi ini tidak semestinya menghasilkan perkembangan murid yang memberangsangkan. Sebaliknya, kejayaan VLE sangat bergantung kepada sikap dan kemahiran guru yang mengendalikannya.

Oleh itu kita berbalik kepada persoalan kebolehpayaan guru kita. Mampukah guru dan murid kita memanfaatkan penuh sistem yang canggih lagi mahal ini memandangkan Dasar PPSMI yang telah gagal kerana guru kita tidak mempunyai asas penguasaan Bahasa Inggeris yang kukuh. Apakah jaminan kerajaan bahawa tragedi PPSMI tidak akan berulang lagi? Tambahan pula, semasa Pilihan Raya Umum yang Ke-13, Menteri Pendidikan dari Pagoh telah berjanji untuk membekalkan setiap murid Malaysia dengan satu komputer riba menjelang tahun hadapan. Projek ini sekarang dikenali sebagai 1Murid 1Peranti.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai 5.5 juta murid. Apakah kos yang bakal dibelanja bagi memastikan setiap murid mempunyai satu peranti dan apakah asas kepada dasar ini? Adakah ia perlu? Pada saya, daripada keghairahan untuk melaksanakan program 1BestariNet ataupun 1Murid 1Peranti dan sebagainya, saya mencadangkan adalah lebih baik kementerian memberi tumpuan untuk memastikan satu sekolah mempunyai satu padang ataupun satu murid mempunyai satu meja. Biar perbelanjaan itu mengutamakan perkara yang asas terdahulu, daripada membazirkan wang dengan projek-projek berbilion ringgit yang bakal terbengkalai menjadi gajah putih.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mempersoalkan sama ada perbelanjaan kementerian betul-betul disasarkan kepada punca masalah. Saya percaya faktor utama kemerosotan prestasi pendidikan di negara kita adalah kelemahan tenaga pengajar. Masalah ini pula bertunjangan kepada kegagalan untuk menarik calon guru yang baik. Mengikut Rancangan

Malaysia Kesepuluh, setiap tahun Kementerian Pendidikan menerima lebih 175,000 permohonan untuk menyertai profesion perguruan. Malangnya, hanya 7% daripada pemohon bagi program latihan di IPG merupakan pelajar cemerlang yang mendapat 7A dan ke atas. Manakala bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah pula hanya 3% pemohon mempunyai purata gred terkumpul ataupun CGPA 3.5 dan ke atas.

Justeru, sasaran yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan II untuk menetapkan keputusan 7A sebagai syarat minima permohonan Program Perguruan di Semenanjung Malaysia adalah sangat tidak realistik. Pokoknya, kita harus memahami masalah ini dengan lebih mendalam berdasarkan laporan RMKe-10 jelas profesion perguruan bukanlah pilihan calon cemerlang. Persoalannya, mengapa dan sudahkah kementerian melakukan kajian berkenaan kegagalan untuk menarik pelajar cemerlang? Jika ya, apakah hasil kajian tersebut? Adakah profesion perguruan ini bukan menjadi pilihan kerana profesionalisme institusi pendidikan negara kita sudah pun diabaikan dan menjadi mangsa percaturan politik apabila dasar pendidikan tampaknya digubal atas pertimbangan politik semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai sektor pengajian tinggi di negara kita. Dalam ucapan Jumaat lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan akan memberi fokus memperkasakan institut pengajian tinggi ke arah melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi permintaan pasaran kerja. Namun begitu, usaha paling asas dalam hal ini nampaknya tidak mahu dilaksanakan oleh kerajaan. Sebaliknya, kerajaan memilih jalan sukar serta membebankan dari segi kewangan dan birokrasi dengan memusatkan segala pentadbiran termasuk pemilihan Naib Canselor di Putrajaya. Pemusatan kuasa ini sudah tentu tidak akan menggalakkan pembangunan universiti yang sihat. Sebagaimana semua maklum, universiti sebagai medan pembentukan korpus ilmu seharusnya diberikan autonomi dan ruang untuk membangun.

Semasa ucapan perbahasan Yang Berhormat Sandakan petang tadi, Yang Berhormat Sekijang telah mencelah bertanya sama ada penglibatan pelajar ke dalam aktiviti yang kurang diingini seperti demonstrasi merupakan salah satu punca kemerosotan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar kita. Saya tidak setuju. Kalau kita berbalik kepada zaman dahulu, zaman 60-an di mana pada masa itu tidak ada kekangan akademia, tidak ada AUKU dan di mana demonstrasi itu merupakan kelumrahan kehidupan mahasiswa, kita melihat ramai pelajar yang cemerlang yang dapat dihasilkan termasuk Yang Berhormat Permatang Pauh yang bakal menjadi Perdana Menteri ketujuh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa memahami dan menghormati prinsip paling dasar institusi keilmuan ini, segala usaha untuk memartabatkan ilmu di negara kita akan bertemu dengan kesukaran. Sebagai contoh, kerajaan telah mengumumkan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Universiti APEX yang menurut laman web rasmi adalah bertujuan untuk mencapai status Universiti Dunia ataupun universiti bertaraf dunia.

Namun begitu, berdasarkan QS World University Rankings, kedudukan USM semakin merosot dan kini berada di tangga ke-355. Malah ironinya, ranking USM telah menurun tahun demi tahun sejak penarafannya sebagai Universiti APEX. Isu ini pernah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi jawapan yang saya terima menyatakan bahawa ranking sama ada QS ataupun Times Higher Education bukanlah *indicator* yang diguna pakai oleh USM.

Saya menyedari bahawa universiti tidak semestinya berorientasikan ranking semata-mata, namun dari segi *international citation* juga, prestasi USM tidak begitu membanggakan. Lalu, apakah *indicator* sebenar universiti bertaraf dunia mengikut pandangan kementerian? Persoalan ini sangat penting kerana universiti di Malaysia bukan sahaja sukar untuk menarik minat pelajar terbaik di rantau ini, malah kebanyakan pelajar tempatan yang mempunyai pilihan juga akan memilih untuk menyambung pelajaran di luar negara.

Lebih parah lagi, jika dahulu universiti tempatan boleh berbangga dengan kehadiran ramai ahli akademik bertaraf antarabangsa yang terhormat dalam bidang masing-masing. Sebagai contoh, 'John Frankston', 'Harold Crouch', dan sebagainya, kini amat sedikit yang masih kekal di universiti tempatan. Malahan ahli akademik tempatan yang mempunyai reputasi hebat seperti KS Jomo, Aziz Rahman, 'Syed Farid Al-Attas', serta 'Johan Saravanan Muthu', semuanya sudah meninggalkan negara kita dan memilih untuk berkhidmat di luar negara. Justeru, gejala *brain drain* berlaku bukan sahaja dalam kalangan anak-anak muda kita tetapi juga dalam kalangan para pemikir negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya walaupun peruntukan untuk pendidikan di negara kita adalah sangat besar, hasilnya amat mengecewakan. Prestasi murid sekolah dan pelajar universiti kita yang makin merosot tahun demi tahun menunjukkan bahawa peningkatan perbelanjaan semata-mata tidak mencukupi jika masalah *systemic* tidak ditangani. Projek-projek besar yang dicadangkan bukanlah penyelesaian kepada kemelut pendidikan negara kita. Apa yang diperlukan adalah perancangan, pengurusan dan pelaksanaan yang cekap dan tepat pada sasarannya.

Dalam erti kata lain, penyelesaiannya haruslah holistik dan berupaya untuk menangani punca masalah dan bukan sekadar alasan untuk menguntungkan pihak-pihak tertentu. Ambil sebagai contoh obsesi kementerian untuk menggunakan khidmat perunding seperti McKinsey & Co. yang telah dibayar RM20 juta untuk menyediakan PPPM seolah-olah kita tidak mempunyai pegawai yang mampu. Apakah fungsi Bahagian Perancangan dan Pendidikan Dasar Pendidikan (PPRD) dalam Kementerian Pendidikan jika tidak untuk merangka dasar?

Selain McKinsey & Co., kementerian juga telah membelanjakan RM270 juta untuk melantik tiga syarikat perunding iaitu British Council, Brighton Education Group, SMR HR Group untuk menyediakan mentor penutur jati bahasa Inggeris dari luar negara bagi membimbing dan meningkatkan kapasiti guru Bahasa Inggeris sekolah rendah terpilih.

■2020

Dalam program yang dijalankan sepanjang tiga tahun ini, seramai 360 mentor telah pun dilantik iaitu dengan kos RM21,000 sebulan untuk setiap mentor. Apakah hasil yang dicapai

daripada program ini dan adakah ia setimpal dengan perbelanjaan yang begitu besar? Adakah program ini akan dilanjutkan setelah tamat tempohnya pada tahun ini?

Pada masa yang sama, ketidakcekan pengurusan kewangan bukan sahaja terserlah dalam pelaksanaan projek-projek yang tidak wajar, tetapi juga dalam kegagalan untuk melaksanakan program-program yang dirancang. Sebagai contoh dalam pembentangan Belanjawan 2013 tahun lalu, Perdana Menteri telah mencadangkan penubuhan projek perintis taska OKU bagi enam kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi *down syndrome*, autisme, penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan juga masalah pembelajaran – saya kira ini satu projek yang sangat penting di mana kita hendak memastikan matlamat tidak ada anak yang ketinggalan itu dicapai.

Malangnya projek perintis ini sudah lenyap daripada pengetahuan awam. Oleh itu, sudah tiba masanya kerajaan merubah pendekatan pendidikan khususnya dalam soal perbelanjaan. Kerajaan harus lebih bertanggungjawab dalam tadbir urus kewangan dan menghentikan obsesi kepada projek besar dan pergantungan kepada khidmat nasihat perunding luar. Sebaliknya, kerajaan harus menumpukan perhatian kepada perkara pokok dan menangani punca serta bukan sekadar mengubati masalah yang timbul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Baik. Lebih daripada itu, kerajaan juga harus menghayati bahawa peranan pendidikan itu bukanlah sekadar penjana pekerja dan masyarakat yang patuh tetapi satu cara untuk membebaskan dan memperkasakan rakyat. Bak kata pendidik terulung Paulo Freire dalam buku *Pedagogy of the Oppressed* dengan izin '*Education either function as an instruments which is used to facilitate the integration of the younger generation into the logic of the present system and bring about conformity, or it becomes "the practice of freedom," the means by which men and women deal critically and creatively with reality and discover how to participate in the transformation of their world*'. Dengan itu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pulai.

8.22 mlm.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk berbahas mengenai bajet tahun 2014 yang dibentangkan pada Jumaat lepas. Saya tertarik dengan bajet tersebut kerana saya rasa setelah satu masa yang lama, bajet tersebut telah menumpukan kepada keseluruhan inti pati bajet. Kalau tidak dahulu, segala bajet ditumpukan kepada perbelanjaan dan tumpuan Ahli Parlimen kita juga kepada perbelanjaan yang dibuat, yang dicadangkan dalam bajet tersebut tanpa memikirkan mengenai sumber atau hasil yang perlu dijana untuk membiayai belanjawan tersebut.

Saya menyokong usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan untuk menstrukturkan semula ekonomi negara melalui pelbagai inisiatif seperti

Government Transformation Programme dan juga *Economic Transformation Programme* dengan izin yang telah diwujudkan oleh beliau untuk memberikan panduan kepada pegawai kerajaan juga kepada kita di Parlimen dan juga kepada rakyat. Memberikan satu *route map* dengan izin untuk menunjukkan atau untuk memberi laluan bagaimana negara kita hendak membuat transformasi daripada negara yang mempunyai ekonomi berdasarkan kepada pembuatan, kepada ekonomi yang akan berbentuk lebih kepada ekonomi ilmu pengetahuan.

Jadi, struktur ekonomi yang baru ini juga memberikan cabaran yang besar kepada kerajaan dan juga kepada rakyat. Adakah kita boleh berjaya dalam transformasi tersebut? Saya juga ingin mengalu-alukan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membentangkan satu perbelanjaan yang berhemah yang sebenarnya diperlukan oleh negara untuk memastikan bahawa ketirisan dan juga pembaziran tidak berlaku. Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana baru-baru ini telah mencadangkan nama saya untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Tumpuan diberikan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara untuk mengurangkan ketirisan dan juga pembaziran dalam bajet-bajet sebelum ini dan juga *Insyallah* pada bajet-bajet yang akan datang. Jadi, saya pada malam ini saya tidak mahu lari daripada tajuk, saya hendak bagi peluang kepada kawan-kawan juga untuk hendak berbahas. Saya hendak menumpukan perhatian Dewan ini kepada isu hasil negara dan juga penstrukturan semula sistem percukaian yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet yang lepas.

Antara langkah-langkah yang dibuat oleh beliau adalah untuk memastikan bahawa lebih ramai lagi di kalangan rakyat kita membayar cukai. Sekarang ini baru 1.7 juta rakyat kita membayar cukai berbanding dengan 12 juta orang yang bekerja. Jadi, ini juga menimbulkan satu perasaan tidak puas hati di kalangan mereka yang tidak bayar cukai kerana orang yang bayar cukai inilah yang menanggung beban orang yang tidak bayar cukai. Pada waktu yang sama juga, langkah kerajaan untuk hendak mengurangkan beban kos penghidupan kepada rakyat yang berpendapatan sederhana dan juga rendah harus diteruskan. Hal ini juga kerana ini perlu untuk memastikan bahawa rakyat kita tidak turun daripada tahap taraf kehidupan yang mereka alami sekarang ini.

Jadi, perlu ada keseimbangan di antara hasil kerajaan dan juga dengan perbelanjaan yang diperlukan untuk hendak membantu mereka yang kurang pendapatan ini. Jadi, saya amat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang juga Perdana Menteri kita bahawa cukai *Goods and Services Tax* (GST) akhirnya dilaksanakan. Hal ini kerana saya tertunggu-tunggu dari tahun 2005 dahulu sewaktu saya mula-mula menjadi wakil rakyat, perkara ini telah dicadangkan tetapi ditangguhkan sampai tahun 2009 baru perkara ini dibentangkan dalam Parlimen. Itu pun kerana desakan daripada pembangkang yang mengelirukan rakyat. Pelaksanaan GST ini telah ditangguhkan kepada tahun ini. Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengambil satu langkah yang begitu berani untuk melaksanakan cukai GST ini demi untuk kepentingan negara kita.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan GST ini dilakukan secara berperingkat-peringkat dan tidak akan membebankan rakyat. Langkah pertama yang diberi kepada rakyat adalah untuk menggantikan sistem SST, *sales tax* ini dengan sistem GST. Jadi, satu cukai dimansuhkan untuk memperkenalkan cukai yang baru. Langkah kedua yang akan diambil oleh kerajaan adalah untuk mengurangkan cukai pendapatan. Jadi, maknanya lebih ramai lagi mereka yang dahulu membayar cukai pendapatan akan dapat dilepaskan daripada cukai pendapatan ataupun dikurangkan belanja cukai pendapatan tersebut. Dari segi cukai korporat juga, perlu ada penstrukturan semula cukai pendapatan korporat ini kerana negara kita mengalami saingan daripada negara-negara lain di dunia yang sekarang ini mengamalkan kadar percukaian yang lebih rendah daripada negara kita.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Jadi, yang pentingnya sistem percukaian yang akan diperkenalkan ini perlulah memberikan pendapatan lebih banyak kepada kerajaan dan memastikan juga bahawa kutipan cukai yang lebih adil dikenakan kepada semua rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Ya? Silakan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada satu pertanyaan. Saya hendak tahu apa pandangan Yang Berhormat golongan mana, golongan yang berpendapatan rendah, golongan berpendapatan sederhana dan golongan berpendapatan tinggi? Siapa Yang Berhormat rasa yang akan paling terjejas daripada cukai GST ini?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Jelas yang terjejas daripada pelaksanaan cukai GST ini adalah orang yang berpendapatan tinggi. Ini kerana siapa yang belanja lebih, dia bayar cukai lebih. Kalau tidak dahulu, siapa yang jadi pembayar cukai, dia akan bayar cukai tanpa ada apa-apa sebab kenapa dia hendak bayar cukai tersebut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Maknanya cukai yang dikenakan adalah cukai pendapatan.

■2030

Maknanya apa yang dia telah - *whatever his earn, he has to pays the tax on. Now the tax is based on whatever his spent, now he pays tax. So people who are who save* orang yang tidak berbelanja, orang yang suka menyimpan duit dia akan terselamat ataupun tidak payah bayar cukai dalam sistem GST ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit boleh? Sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 20 minit sahaja Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin tan Sri Mohamed [Pulai]: 20 minit tidak apalah sudah malam hendak tidur sudah semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Batu duduklah ya.

Datuk Nur Jazlan bin tan Sri Mohamed [Pulai]: Sudah banyak isu GST dalam ini. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya tahu Yang Berhormat Sepang sudah banyak kali cakap dalam Parlimen ini, tidak payahlah kalau malam ini. Janganlah ganggu laluan saya. Saya bercakap sekali sekala sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin tan Sri Mohamed [Pulai]: *[Ketawa]* Jadi yang pentingnya perlu kita ambil daripada pelaksanaan sistem percukaian GST ini adalah dari segi pertumbuhan ekonomi sebuah negara ada empat faktor utama yang menjadi penentu iaitu penggunaan, pelaburan, perbelanjaan kerajaan dan juga eksport bersih. Perbelanjaan kerajaan banyak bergantung kepada jumlah hasil cukai yang berjaya dikutip. Hasil cukai merupakan penyumbang utama kepada hasil kerajaan. Jika hasil cukai meningkat, kerajaan boleh melaksanakan pelbagai projek untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan kepada statistik Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Malaysia pada tahun 2010 nisbah hasil cukai kepada KDNK adalah hanya 19.5%. Jika dibandingkan dengan 34 buah negara maju nisbah yang dicatat Malaysia ini adalah terlalu rendah. Ini kerana nisbah paling rendah di kalangan negara maju yang lain adalah sekitar 26%. Jadi kita perlu meningkatkan hasil kerajaan daripada sistem percukaian kita.

Disebabkan nisbah hasil cukai yang rendah ini, kerajaan mengalami kekurangan hasil cukai untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Apabila jumlah hasil kerajaan tidak mencukupi kedudukan kewangan kerajaan akan mengalami defisit. Atas sebab itu bagi menampung defisit ini kerajaan perlu membuat pinjaman untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Dalam jangka masa yang panjang pinjaman ini kalau terlalu banyak ia tidak akan memberikan kesan yang baik atau tidak sihat kepada pembangunan ekonomi negara.

Sebenarnya sistem percukaian Malaysia mempunyai asas yang sempit kerana kebergantungan yang keterlaluan kepada cukai pendapatan individu dan korporat. Sekiranya keuntungan syarikat berkurangan maknanya jumlah hasil kutipan pendapatan juga berkurangan dan keadaan ini akan memberikan tekanan kepada hasil kerajaan. Rakyat hanya menyedari bahawa cukai pendapatan yang dibayar terus kepada kerajaan tanpa disedari dan bahawa kita juga membayar cukai yang dimaksudkan terus dalam harga barangan dan perkhidmatan seperti pembelian kereta, pakaian, makanan, lain-lain barangan dan perkhidmatan yang melibatkan pengguna.

Pelaksanaan GST akan membolehkan kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan individu dan korporat dan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing untuk menarik pelabur asing. Kadar cukai korporat di Malaysia kini adalah 25% iaitu lebih tinggi berbanding dengan Singapura di

kadar 17% dan Hong Kong pada kadar 16.5%. Sebenarnya dalam pembentangan Bajet 2013 yang lepas Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sudah memberikan gambaran bahawa kerajaan akan melaksanakan sistem percukaian baru dalam memastikan ekonomi negara terus berdaya saing.

Rakyat juga perlu sedar bahawa pelaksanaan GST tidak akan melibatkan kenaikan harga mendadak. Ini adalah kerana GST akan menjadikan sistem percukaian negara lebih berkesan, saksama, efisien dan telus. Sekali gus mengelakkan berlakunya cukai terselindung dan cukai bertindih. Kaedah GST ini mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan cukai jualan dan perkhidmatan iaitu SST yang diamalkan pada masa ini. Pelaksanaan GST akan meningkatkan jumlah hasil kutipan kerajaan dan seterusnya membolehkan lebih banyak projek pembangunan dilaksanakan.

Pada masa ini kebergantungan kepada sumber hasil berdasarkan petroleum seperti cukai pendapatan petroleum, duti eksport, dividen dan lain-lain adalah tinggi iaitu kira-kira 40% daripada jumlah hasil kerajaan. Kita juga tidak boleh membelanjakan duit Petronas tanpa berhemah kerana ini juga merupakan hasil yang kita boleh simpan untuk kegunaan anak-anak dan cucu-cucu kita pada masa akan datang.

Masalahnya di Malaysia persepsi lebih diterima daripada fakta. Atas sebab itu rakyat termakan dengan putar belit pembangkang bahawa kegagalan kerajaan untuk menguruskan cukai yang dikutip oleh Petronas dengan telus serta berlaku banyak pembaziran dalam projek kerajaan adalah sebab utama mengapa GST tidak boleh dilaksanakan. Bagi pembangkang jika duit daripada Petronas diurus tadbir dengan baik, ia akan terus dapat menampung perbelanjaan kerajaan. Sedangkan pada hakikatnya konsep itu juga salah sama sekali.

Kebergantungan kerajaan terhadap Petronas sebenarnya merupakan keadaan yang kurang sihat kerana Malaysia tidak boleh bergantung selama-lamanya kepada sumber pendapatan seperti petroleum yang akan susut sekiranya digunakan dengan kadar yang cepat. Semua pakar ekonomi dalam percukaian negara bersepakat bahawa GST adalah struktur cukai yang terbaik bagi terus membolehkan kerajaan membangunkan negara dengan lebih berkesan. Walaupun banyak artikel dan ulasan positif telah diberikan terhadap sistem ini, ia tetap telah gagal atau susah untuk mengubah persepsi rakyat bahawa GST akan membebankan mereka.

Melalui pelaksanaan sistem GST ini, Kastam Diraja Malaysia serta Lembaga Hasil Dalam Negeri juga akan dapat mengutip cukai dengan lebih efisien dan juga dengan berkesan. Ia disebabkan dalam pelaksanaan GST terhadap satu sistem yang dinamakan *set off* di mana setiap lapisan pengeluaran produk atau perkhidmatan yang dikenakan cukai akan ditolak semula oleh lapisan yang berikutnya. Sebagai contoh di peringkat pengilang, GST yang dikutip adalah RM4 sekiranya kadar GST yang dikenakan sebanyak 4%. Sekiranya pemborong mengenakan margin keuntungan sebanyak 20% maka nilai barangan tersebut adalah RM120. Jika GST dikenakan sebanyak 4% maka jumlah GST nya ialah RM4.80.

Oleh sebab pemborong akan menuntut kembali GST sebanyak RM4, maka nilai bersih GST yang dapat dipungut adalah sebanyak lapan puluh sen. RM4.80 tolak RM4. Sekiranya peruncit akan mengenakan margin keuntungan sebanyak 30%, maka nilai barangan tersebut menjadi RM156. Jika GST dikenakan sebanyak 4% maka jumlah GST yang dikenakan adalah sebanyak RM6.24. Disebabkan oleh GST yang dikenakan kepada peruncit adalah sebanyak RM4.80 ini akan dituntut, maka nilai bersih GST yang dapat dikutip adalah sebanyak RM1.44, RM6.24 tolak RM4.80.

Jadi tanggapan bahawa GST ini akan memberikan bebanan kepada pengguna juga tidak tepat. Memandangkan pengguna tidak dikenakan cukai SST sebanyak 5% ke 10% melainkan jika kadar GST lebih tinggi daripada cukai yang sedia ada. Pada masa sekarang rakyat tanpa mengira kelas pendapatan sebenarnya membayar SST dalam perbelanjaan harian mereka. Namun cukai ini terutama sekali cukai jualan tidak kelihatan dalam invoice atau resit kerana ia terlindung dalam harga barangan.

Selain daripada itu kerajaan juga pasti tidak akan mengenakan GST ataupun kalau GST 0% kepada barangan asas seperti beras, gula, tepung, minyak, minyak masak dan serta perkhidmatan seperti elektrik, air, pendidikan dan kesihatan bagi melindungi kepentingan golongan berpendapatan rendah dan menengah. Pengenalan GST juga sudah pasti akan menjadi sistem cukai negara yang lebih telus, mampan dan tidak ada ruang untuk dimanipulasikan sekali gus mengelakkan berlaku kenaikan harga barang secara mendadak. Melalui semua lapisan barangan atau perkhidmatan berkenaan daripada mula ia dikeluarkan sehingga sampai kepada pengguna akan dikenakan GST. Ia sekali gus akan dapat mengelak berlakunya *double taxation* ataupun *multiple tax pyramid* dengan izin.

Pelaksanaan GST juga akan membolehkan kerajaan mengesan barangan yang dijual atau diimport di Malaysia sudah dijelaskan cukai atau tidak. Memandangkan semua pengeluaran, pemborong atau peniaga perlu berdaftar dengan kerajaan melalui penggunaan teknologi maklumat IT yang efektif.

■2040

Pada masa yang sama, agensi rating antarabangsa seperti *Standard & Poor's* serta *Fitch* akan memberikan rating positif kepada keadaan ekonomi negara, sekali gus menarik pelabur antarabangsa melabur di Malaysia berikutan iklim ekonomi negara yang lebih sihat melalui pengenalan GST. Alasan yang menyatakan bahawa kerajaan akan sentiasa menaikkan kadar GST juga kurang tepat kerana berdasarkan pengalaman yang lalu, kadar cukai jualan yang diperkenalkan pada tahun 1972 hanya dinaikkan sekali sahaja pada tahun 1983.

Kadar cukai perkhidmatan juga tidak pernah dinaikkan sejak diperkenalkan pada tahun 1975 sebelum dimansuhkan baru-baru ini. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu mengakui bahawa sejak GST mula hendak dilaksanakan pada tahun 2005 dahulu, kempen atau pelan komunikasi untuk menerangkan sistem cukai ini kurang dilaksanakan. Ia menyebabkan GST ini menjadi modal kepada pembangkang untuk menyerang kerajaan sedangkan, jika sistem GST ini

diterangkan dengan lebih meluas melalui pelbagai kempen, seminar atau rancangan berbentuk perbincangan, sudah pasti rakyat akan menyedari kebaikan terhadap pelaksanaan GST ini.

Saya yakin bahawa rakyat akan dapat menerima pelaksanaan GST ini dengan hati dan fikiran yang terbuka dan tidak mempunyai sangkaan buruk bahawa usaha ini akan membebankan mereka. Tambahan pula, tahun 2020 hanya tujuh tahun dari sekarang. Jika GST ini masih gagal dilaksanakan, Malaysia boleh melupakan hasrat untuk diiktiraf sebagai negara maju oleh negara-negara lain di dalam dunia. Jadi yang saya hormati Tuan Yang di-Pertua Parlimen, saya menyokong Bajet 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Puteh.

8.42 mlm.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin memulakan ucapan saya dengan banyak memuji Allah, selawat ke atas Rasulullah SAW dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan sedikit ruang. Saya tidak ambil banyak, *insya-Allah* untuk saya berucap membahaskan bajet negara 2014.

Ucapan tahniah juga saya ingin berikan kepada kerajaan kerana dapat membentangkan bajet dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Diikuti dengan ayat al-Quran dari surat al-Qasas, ayat yang ke 77 dan juga diakhiri pula dengan doa kepada Allah, Tuhan yang berkuasa supaya memberi selawat dan juga memberi selawat supaya memberi selamat dan sejahtera kepada Malaysia zahir dan batin. Selamat dan sejahtera kepada Malaysia, zahir dan batin.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa dunia sentiasa berada di dalam keadaan yang tidak menentu. Keadaan politik dan begitu juga keadaan ekonomi global sentiasa berubah. Apa yang berlaku di dunia ini akan sedikit sebanyak memberi kesan kepada negara kita dan juga situasi di negara kita sentiasa berkembang dan berubah dalam segala aspek dan segala sudut. Dasar, perancangan dan pelaksanaan oleh kerajaan, yakni pemerintah, sudah pastilah adalah penyebab utama kepada perubahan di negara kita. Jika usaha ini disahut oleh rakyat yang beriman, berwawasan dunia dan akhirat, bersatu padu, bekerjasama, berjuang untuk kesejahteraan tanah air yang tercinta, *insya-Allah*, Malaysia boleh menjadi negara [*Berucap dalam bahasa Arab*], Negara yang baik, aman sejahtera, maju, berkeadilan, menjadi syurga di dunia, tiada kezaliman, tiada ketidakadilan dan *insya-Allah SWT*, mempunyai masa depan yang cukup cerah.

Dengan kata lain, pada tahun 2020 *insya-Allah*, negara kita boleh menjadi negara maju, berpendapatan tinggi dan terus berkembang dan disegani oleh negara-negara lain. Bukan hanya wawasan kita setakat tahun 2020, tetapi mesti wawasan kita lebih jauh daripada itu. Sepatutnya, tiap-tiap kita mesti mempunyai wawasan yang melangkaui dunia ini. Bahkan kita mesti melihat juga

wawasan ini untuk anak-anak kita dan cucu-cucu kita melangkaui dunia ini sehinggalah ke alam yang satu lagi setelah kita meninggalkan dunia ini. Hidup kita yang singkat ini adalah untuk mempersiapkan bekalan-bekalan yang secukupnya untuk ke alam itu, ke akhirat. Wawasan kita ke akhirat, negeri yang kekal selama-lamanya mesti dicapai dengan apa cara sekalipun dan perancangan yang mesti kita lakukan, azam yang kita mesti tetapkan ialah untuk mencapai azam itu. Azam-azam yang lain ini hanyalah remeh-temeh dan kecil belaka.

Percakapan kita di Dewan ini untuk negara kita ini, kalaulah tidak kerana Allah, kalaulah tidak untuk mencari wawasan akhirat itu, maka segala yang kita lakukan ini adalah sia-sia sahaja. Allah SWT berkata, "*Wal akhiratu khairun wa abqa*" bermaksud, "...dan akhirat itu adalah lebih baik dan lebih kekal". Kejayaan yang sebesar mana pun yang kita capai di dunia ini, bukan lebih baik daripada akhirat dan sudah pasti ia tidak kekal. Apa yang kita rancang hari ini, mungkin berjaya, mungkin tidak berjaya. Mungkin berjaya tetapi adakah ia akan kekal selama-lamanya? Tidak. Ia akan berlalu, ia akan pergi begitu sahaja. "*Wala-akhiratu khayrun laka mina al-oola*" bermaksud, "*Sesungguhnya yang akhirat itu lebih baik daripada yang permulaan*". Akhirat itu lebih baik daripada dunia ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Pekan kerana saya rasa ucapannya cukup hebat dan juga perancangan bajet ini cukup hebat.

Walau bagaimanapun, kita di pihak pembangkang sebagaimana biasa, kita sudah pasti akan melihat di dalam pandangan-pandangan yang lain, idea-idea yang lain dan mungkin kita akan memberikan cadangan-cadangan yang ikhlas untuk memperbaiki apa yang saya anggap baik, yang dipersiapkan dengan begitu rapi oleh orang-orang yang hebat di Kementerian Kewangan Malaysia, dibantu oleh menteri-menteri, dibantu oleh pegawai-pegawai dari seluruh pelosok negara yang bilangannya lebih daripada sejuta orang. Sudah pasti, bajet yang dihasilkan oleh Perdana Menteri ini sudah pasti hebat. Itu tidak boleh disangkal lagi.

Akan tetapi sebagaimana biasa, kita di pihak pembangkang merasakan bahawa ia boleh diperbaiki. Kita meyakini bahawa apa yang kita boleh cadangkan ini sudah pasti lebih baik daripada apa yang dicadangkan oleh Menteri, oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, kita tahu apa yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, oleh kerajaan, akan dilaksanakan. Tidak boleh tidak, mesti dilaksanakan walaupun kita setuju atau tidak. Akan tetapi suara ini, tolonglah dengar kerana dicatit dan akan menjadi lebaran sejarah yang mana suatu hari nanti, teguran-teguran ini sudah diberikan tetapi tidak didengar. Maka oleh sebab itulah, kepincangan akan berlaku di masa akan datang. Kita jangka kepincangan akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 dilihat sebagai bajet untuk menjaga supaya defisit negara akan berkurangan, supaya ia akan turun dari anggaran 4% pada tahun 2013 kepada 3.5% pada tahun 2014 dan seterusnya menjadi seimbang pada tahun 2020.

■2050

Bajet kita ini adalah untuk menjaga fiskal atau defisit negara supaya tidak terus berada dalam keadaan berkurangan. Secara peringkat demi peringkat *insya-Allah*, dalam beberapa tahun

lagi, *insya-Allah* ia akan menjadi seimbang. Kita harap dan kita berdoa, *insya-Allah*. Bukan dalam tahun 2020 tetapi kita harap *insya-Allah* keseimbangan itu akan dicapai lebih awal daripada itu.

Jika diperhatikan kepada bajet ini kita dapat melihat bahawa perbelanjaan mengurus terus meningkat manakala perbelanjaan pembangunan terus dikurangkan. Ini tidak baik untuk negara yang sedang membangun. Bagi negara yang sudah maju itu biasa. Akan tetapi bagi negara yang sedang membangun yang ingin mencapai matlamat 2020, maka ini tidaklah petanda yang baik. Kita mesti berusaha supaya mengurangkan perbelanjaan mengurus dan memperbanyakkan perbelanjaan pembangunan supaya *insya-Allah*, pembangunan negara kita akan lebih mantap lagi.

Kita lihat juga negara kita sedang melakukan rasionalisasi subsidi dilaksanakan dan mengurangkan subsidi secara berperingkat-peringkat. Ada yang menyatakan secara mendadak. Ada sesetengah itu secara mendadak bukan secara berperingkat-peringkat. Gula secara mendadak. Minyak secara mendadak. Kita tidak tahu. Kalau ia berperingkat-peringkat, maka beritahulah. Tiga bulan lagi kita akan turunkan, barulah berperingkat-peringkat. Kita jangka minyak *insya-Allah*, kalaulah polisi ini akan dilaksanakan, maka subsidi *oil and gas* kita juga akan dikurangkan dan harga minyak akan naik.

Kita tahu kesan daripada subsidi ini ditarik, harga minyak akan naik, maka harga barang-barang lain juga akan naik. Dengan kata lainnya inflasi akan berlaku. Kenaikan harga barang ini akan menyebabkan inflasi. Itu adalah mudah. Tidak perlu kita perlu kepada pengajian yang tinggi atau *degree* yang tinggi untuk memahami bahawa dengan kenaikan harga minyak, maka harga barang-barang lain akan naik. Maka dengan itu inflasi juga akan berlaku. Apabila inflasi berlaku yang akan merasai perit daripada inflasi ini ialah golongan-golongan yang miskin dan juga mungkin golongan yang sederhana.

Golongan yang kaya seperti kita semua ini mungkin kita tidak merasakan. Akan tetapi apabila kita balik ke kampung dan melihat keluarga kita, sahabat, jiran kita yang miskin, yang pendapatan mereka rata-rata kurang daripada RM3,000 sebulan atau di kampung kurang daripada RM1,000 sebulan – *income* isi rumah kurang daripada RM1,000 sebulan, mereka akan merasai keperitan kenaikan harga barang ini. Kenaikan harga barang-barang ini juga tidak dapat disekat apabila GST itu sendiri dilaksanakan. Ini dipersetujui oleh semua. Tiada siapa yang menyangkalnya. Orang yang paling akan merasai kenaikan harga barang ini daripada subsidi yang ditarik dan juga GST ini, yang paling teruk merasai kesusahan mereka ialah sebenarnya golongan pertengahan.

Golongan anak-anak kita yang baru keluar daripada universiti. Gajinya baru RM3,000 atau RM4,000. Mereka ini adalah golongan yang paling tertekan, yang paling terjejas disebabkan oleh penarikan subsidi dan juga pelaksanaan GST ini. Bukan golongan atasan. Golongan atasan tidak akan merasa apa-apa. Mereka mempunyai duit yang banyak. Mereka mempunyai simpanan yang banyak. Mereka boleh mengeluarkan *income tax* sehingga 26%, tidak ada masalah. Lebih daripada itu tidak ada masalah. Ini kenapa dikurangkan? Orang kaya tidak akan merasai keperitan itu.

Kalau kita ambil golongan 40 orang yang paling kaya di Malaysia, yang menguasai lebih daripada 80% kekayaan negara, lagi tidak akan dirasai. Kenapa tidak ada sedikit perancangan untuk mengambil sedikit *income* daripada mereka ini. Bahkan sekarang ini kita lihat cukai korporat dikurangkan untuk menarik FDI, menarik *investment* dan sebagainya. Tidak mengapa. *Alhamdulillah*, tidak mengapa. Akan tetapi mesti ada sesuatu mekanisme untuk kita mendapatkan sedikit atau banyak lagi daripada orang yang kaya, yang harta mereka itu berbilion-bilion.

Bagaimana untuk mendapatkan hasil daripada mereka ini? Tidak ada dalam bajet kita ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, di mana dan bagaimana? Adakah cara untuk kita mendapatkan, sedikit sebanyak hasil daripada orang yang terkaya – 20 orang atau 40 orang yang terkaya di Malaysia ini untuk kita agih-agihkan untuk pembangunan dan untuk kita membantu golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Saya memberitahu tadi bahawa golongan yang paling terkesan dengan GST dan subsidi yang ditarik ini ialah golongan pertengahan. Kenapa? Ini kerana golongan yang miskin tidak ada masalah. Mereka sudah mempunyai BR1M. Ada masalah? Boleh beritahu saya apa masalah? *[Disampuk]* Tidak mengapa. Membantu saya. Saya tidak nampak lagi masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Kenyataan bahawa golongan miskin tidak ada masalah itu saya rasa tidak berapa tepat. Oleh kerana hasil daripada GST dan pengurangan subsidi itu maka kos kehidupan akan naik keseluruhan. Walaupun mereka mendapat BR1M, tetapi BR1M itu tidak mungkin mampu untuk menampung kos-kos tambahan yang bukan sekadar – kadang kala kalau kita mendengar Ahli Parlimen Barisan Nasional ini dia ada *tunnel vision*. Dia kata beli gula. Allah beli gula empat kilo sebulan, berapa sangatlah bezanya bukan? Akan tetapi dia tidak nampak impak keseluruhan. Maka kos kehidupan keseluruhannya akan terjejas apabila tarik balik subsidi itu, apabila kos minyak itu naik dan sebagainya. Kos-kos barang lain semua akan naik. Maka dengan adanya BR1M sekali pun, ianya tidak mungkin akan mampu untuk menutup keseluruhan kenaikan kos yang akan terhasil melalui ini. Maka tetap bermasalah bagi pandangan saya. *Wallahualam*.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam membantu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Membantu dua minit diambil Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Sebahagian daripada ucapan saya.

Seorang Ahli: *Mike, mike.*

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada BR1M ini – saya masuk kepada BR1M. Sebanyak RM4.6 bilion untuk diagihkan kepada 7.9 juta penerima dengan pecahan-pecahannya. Tidak ada masalah. Bagi saya ia adalah suatu yang bijak. Sesuatu yang membantu dan kita menyokong. Saya menyokong. Tidak tahu orang lain. Saya menyokong.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, jika kita pergi ke bawah, masalahnya ialah pelaksanaan. Di dalam pelaksanaan cukup-cukup zalim. Di tempat saya ramai orang yang layak. Sudah dilayakkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), dipotong namanya oleh manusia-manusia yang tidak bertanggungjawab. Siapa yang memberi kuasa kepada mereka ini? Manusia yang zalim ini? Menyekat BR1M yang kita ingin berikan kepada golongan yang miskin tidak diberikan kepada mereka. Orang yang tidak patut mendapat BR1M kerana keluarga, sama bulu, sama fahaman, maka mereka ini mendapat BR1M. Terbalik! Pelaksanaannya di bawah itu cukup tidak adil. Inilah yang merosakkan program yang cukup baik yang sepatutnya membawa kesejahteraan kepada rakyat yang termiskin yang memerlukan bantuan ini tidak tercapai. Inilah masalah besar. Oleh sebab itu...

■2100

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Pasir Puteh, saya ingin tambah sedikit. Di Sabah, pendatang tanpa izin yang telah mendapat IC pun dapat BR1M.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Allah, lagi tidak layak. Bagaimana dapat, saya tidak tahu. Mungkin dia pergi mengundi. Ini kerana pergi mengundi, maka dia layak untuk dapat BR1M dan mengundi pun kena tunjuk, dia mengundi apa. Kalau tidak tunjuk, tidak dapat BR1M. Inilah masalah yang kita hadapi dibawa keadilan untuk semua. Jadi, saya menyokong pihak kerajaan untuk mengadakan suatu sistem data supaya tidak berlaku di sana itu pertindihan diberikan bantuan bertindih atau orang-orang yang layak tidak mendapat. Saya menyokong dan kita harap *insya-Allah* tidak ada sesiapa pun yang boleh masuk dan merosakkan sistem ini dan menyekat pelaksanaannya walaupun ada sistem ini kerana inilah yang banyak berlaku.

Saya ingin menyentuh satu lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang negara kita sekarang ini. Saya rasa perbincangan kita sepatutnya bertumpu kepada ekonomi dan juga bajet secara umum sebenarnya. Kalau kita masuk bahagian *sedetail-detail* nanti, *insya-Allah* kemudian. Kita lihat sekarang ini, bagi sayalah, Malaysia ini masih lagi dalam keadaan yang selesa tetapi kena ingat keadaan di luar tidak menentu dan juga keadaan di dalam negara tidak menentu dan perubahan-perubahan yang berlaku ini mungkin boleh menyebabkan ekonomi kita mungkin tahun depan merudum. Tanda-tanda untuk menjadi demikian ini ada.

Ahli-ahli ekonomi yang mengkaji keadaan dunia dan keadaan yang berlaku dalam negara kita melihat bahawa kemungkinan-kemungkinan ini mungkin berlaku. Petanda-petandanya itu sudah berlaku sehingga *Fitch Rating* itu sendiri mengatakan sekarang ini kita di peringkat negatif. Ini tanda-tanda awal untuk kita berjaga-jaga. Jangan terlalu leka, terlalu selesa. Boleh beri gaji yang banyak, okey relaks. Boleh beri BR1M yang banyak, relaks. Subsidi kita potong dan itu dan buat itu ini kita relaks, jangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Kita mesti berjaga-jaga. Kita mesti bertindak dengan pengurusan ekonomi negara yang berhemah. Beri saya dua atau tiga minit,

boleh Tuan Yang di-Pertua? Hendak habis ini sedikit. Kita mesti berhemah. Ini formulanya. Kita mesti berjaga-jaga ketika kita berada ini, kita kena berjaga-jaga. Jangan kita boros. Jangan kita bocor dan ketirisan di sana sini. Kita mesti tumpukan supaya tidak ada ketirisan, tidak ada penyelewengan. Tidak ada projek-projek yang terbengkalai. Tidak ada apa yang dimaktubkan oleh Jabatan Audit Negara itu *insya-Allah*, kita laksanakan betul-betul. Kita pastikan tidak berlaku ketirisan. Ini berhemah.

Kemudian, kita merancang betul-betul apa-apa yang kita ingin lakukan kita biar kita mendapat pulangan yang terbaik daripada wang cukup susah kita kumpulkan ini. Betul-betul kita mendapat hasil yang terbaik. Jangan kita buat sambil lewa, sambil suka-suka. *Bismillah* dahulu, sebagaimana bajet yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pekan itu kita *bismillah* dahulu. Kita rancang betul-betul. Kita beristikharah betul-betul. Kita bincang dahulu dan saya ingin menawarkan kita di pihak pembangkang ini, jemputlah kita bersama untuk kita berbincang.

Beberapa Ahli: Setuju, setuju. Selesai

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Kenapa di sini sahaja kita berbincang? Dekat-dekat hujung untuk ditolak setelah kita mengundi. Tidak guna. Bincanglah awal-awal sedikit.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Parit Sulung, setujulah.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Insya-Allah*, kita tidak akan menganiayai negara kita dan rakyat kita. Kita akan berlaku adil kepada mereka. Kita inginkan yang terbaik kepada masa depan, diri kita, anak-anak kita dan negara kita. Apa yang kita inginkan ini ialah keinginan bersama. Tiada di kalangan kita ini ingin merosakkan negara kita atau masa depan negara kita. Jadi, [*Berucap dalam bahasa Arab*] "Jangan membazir". Saya tengok banyak pembaziran. Saya pernah bekerja kerajaan. Saya tengok banyak, sekarang ini saya perhatikan terlalu banyak pembaziran. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] bermaksud, "*Orang-orang yang membazir ini ialah saudara kepada syaitan*". Syaitan.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Syaitan. Orang membazir ialah syaitan. Kalaulah kerajaan kita ini menjadi orang yang membazir, maka mereka adalah syaitan dan banyak disebutkan pembaziran yang saya tidak mahu. Saya ingin menegur supaya kita berhati-hati. Saya ingin membawa contoh Tuan Guru kita. Tidak ada pembaziran. Apabila dia ingin keluar daripada biliknya, dia mesti tutup lampu itu. Dia tidak suruh orang tutup, dia sendiri tutup suis lampu itu.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Saya perhatikan tiap-tiap kali dia keluar, mesti tutup. Kita ini biarkan begitu saja. Contoh yang ditunjukkan oleh Tok Guru, pemimpin yang cukup hebat. Kita inginkan *insya-Allah*, Yang Berhormat Pekan akan jadi macam itu. *InsyaAllah*, saya doakan demikian. *Bill* elektrik itu tidak sampai. Saya tidak tahu, tidak sampai RM1,000 saya rasa. Tempat penginapan Menteri Besar tidak sampai RM1,000 sebulan.

Seorang Ahli: RM2,000.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: RM2,000? Saya tidak pasti minta maaf tetapi RM1,000 sah, tidak sampai.

Seorang Ahli: Bukan macam Yang Berhormat Pekan.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Pekan tidak tahulah, rumah dia. Mungkin dia ada rumah lain. Rumah lain mungkin tidak sampai RM1,000 tetapi kalau kediaman rasmi itu memang lebih daripada berjuta-juta setahun. Saya tidak tahu tetapi jagalah, tolonglah jaga. Contoh yang paling baik mesti ditunjukkan oleh Yang Berhormat Pekan, bukan orang lain. Jadi sebegini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Akhir sekali, satu ayat untuk menutup ucapan saya yang tidak seberapa ini, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Inilah ayat yang mesti diingat sentiasa oleh pemerintah kerana kita banyak bercakap. Minta maaf. Kita pandai bercakap tetapi untuk laksanakan, saya tidak tahu. Termasuklah diri saya sendiri. Ini adalah ayat untuk saya dan saya bacakan ini untuk sama-sama kita menghayatinya dan saya minta *insya-Allah* pihak kerajaan, pihak pegawai kerajaan, semua polisnya, askarnya, pegawai-pegawainya, yang tertingginya dan yang paling rendahnya, tolonglah ingat. Apa yang kita janjikan, maka kita mesti laksanakan.

Bajet ini adalah janji. Bajet ini adalah janji dan janji ini mesti ditepati sebagaimana menjadi tema kepada bajet kita. Maka kotakan. *Allah* akan persoalkan. Ingat, setiap yang kita berjanji akan dipersoalkan dan balasannya bukan di sini sahaja, di akhirat nanti lebih teruk lagi. Di dunia ini akan ada balasan, rakyat mungkin tidak akan sokong orang yang mungkir janji. Di akhirat nanti nerakalah tempatnya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang.

9.09 mlm

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun lama dari semalam hingga sekarang, sentiasa menunggu. Bersabar kesetiaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai setia menunggu Yang Berhormat.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Berdirinya saya di sini untuk menyampaikan hujah bertemakan pembangunan luar bandar kerana saya lihat isu ini amat penting dan wajar diperdengarkan di dalam Dewan ini. Berbeza dengan rakan-rakan sepejuangan saya yang saya lihat begitu bersemangat membahaskan isu seperti GST, pemansuhan subsidi, cukai gula dan juga saya berpendapatan wajarnya bagi saya untuk memfokuskan isu kawasan luar bandar seperti di kawasan saya di Hulu Rajang yang masih jauh ketinggalan dari segi pembangunan Tuan Yang di-Pertua.

Ini adalah realiti. Sebenarnya kawasan luar bandar yang rasa penting untuk diketengahkan. Jika bukan sekarang, bila lagi Tuan Yang di-Pertua?

■2110

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas pengumuman Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat yang lepas kerana telah mengambil kira segala permasalahan dan rintihan rakyat. Akan tetapi di sini saya di Hulu Rajang, sebuah kawasan dikelaskan sebagai kawasan pedalaman yang merangkumi daerah-daerah seperti Daerah Belaga, Baleh dan Sungai Asap ingin menarik perhatian Ahli-ahli di Dewan Rakyat yang mulia ini dan pihak kerajaan untuk memberi peruntukan yang besar pada kawasan saya.

Pendidikan Tuan Yang di-Pertua. Di dalam memperkasakan modal insan saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberikan tumpuan kepada sektor ini kerana saya rasakan pendidikan di kawasan bandar dan juga luar bandar jauh sekali jurang perbezaannya. Lebih-lebih lagi di kawasan yang jauh di pedalaman seperti di Baleh dan juga di Belaga yang masih kurang mendapat perhatian. Banyak sekolah di pedalaman ini berada dalam keadaan yang sangat daif dan menyedihkan lantaran memerlukan perhatian yang segera dari segi kewangan di mana sekolah-sekolah yang usang itu perlu dinaikkan taraf kemudahannya seperti bilik kelas, asrama murid, tandas, dewan makan dan juga infrastruktur yang lain.

Pada 28 Januari 2012 yang lepas, sekolah di kawasan saya SK Punan Bah telah menyaksikan asrama yang telah runtuh dan mengakibatkan kecederaan kepada pelajar. Mujurlah tidak ada kemalangan jiwa. Baru-baru ini pula telah digemparkan berita bahawa rumah guru di kawasan saya juga Tuan Yang di-Pertua SK Lepong Gaat telah runtuh akibat struktur yang terlalu usang dan uzur. SK Belaga masih berdepan dengan masalah di mana asrama pelajar masih belum dapat digunakan meskipun bangunan baru telah siap dibina.

SMK Baleh yang mengalami masalah yang melibatkan keadaan asrama yang daif dan memerlukan tindakan yang segera untuk dibaik pulih. Oleh itu saya mohon agar Kementerian Pendidikan memperuntukkan sejumlah wang kepada sekolah-sekolah terbabit agar kerja baik pulih dapat dijalankan dengan kadar yang segera.

Peruntukan dikhususkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Bajet 2014 untuk mengurangkan jurang perbezaan akses maklumat dan internet di antara pelajar bandar dan luar bandar amat tepat dan sesuai sekali Tuan Yang di-Pertua. Adalah menjadi harapan saya agar liputan jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan luar bandar. Demikian juga liputan telekomunikasi harus ditingkatkan di semua kawasan di luar bandar.

Saya sering menerima aduan mengenai *drop call*, dengan izin. Harapan saya kepada kementerian yang berkenaan agar dapat mengambil kira permasalahan ini dengan mencari penyelesaian dengan efektif. Saya memohon kepada kementerian berkenaan infrastruktur atau jalan raya. Saya ingat Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi sudah balik. Tuan Yang di-Pertua, cabaran terbesar adalah dari segi kos dan pelaksanaan projek. Saya mohon agar lebih banyak lagi peruntukan disalurkan untuk pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Saya juga mohon dan meminta pertimbangan yang sewajarnya cadangan untuk membina jaringan jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Melinau bahagian sebelah kanan sungai sepanjang 60 kilometer. Kalaulah jalan ini dipertimbangkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, maka semua penduduk di rumah panjang dan sekolah-sekolah di tebing sungai tersebut akan mendapat faedah. Saya mohon sekali lagi Kementerian KKLW dapat mempertimbangkan dan memberi kelulusan untuk pembinaan jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penaiktarafan Jalan Bakun-Bintulu telah siap. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian JKR atas keprihatinan terhadap penduduk Sungai Asap. Akan tetapi saya mohon agar semua agensi kerajaan seperti JPJ, PDRM, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pertahanan akan bersama-sama dengan saya untuk membanteras penyalahgunaan jalan raya tersebut dari salah guna oleh lori-lori hantu, lori balak yang tidak mempunyai cukai jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Bekalan elektrik atau bekalan air Tuan Yang di-Pertua. Bekalan air Sungai Asap dan Kapit. Pada penggal yang pertama saya telah memohon JKR untuk menaiktarafkan loji penapisan dan rawatan air di Sungai Asap. Saya telah menerima jawapan dari kementerian di mana ianya akan siap pada 30 Julai 2013 tetapi setakat ini isu ini masih isu yang hangat dibangkitkan oleh penduduk Sungai Asap. Pada minggu yang lepas, atas desakan penduduk Sungai Asap, saya sendiri turun dan pergi melihat sendiri loji rawatan air tersebut dan mendapati kontraktor tidak membuat kerja seperti yang dikatakan oleh kementerian. Sedangkan projek ini sepatutnya siap tiga bulan yang lalu. Sampai sekarang belum. Jadi, saya minta kementerian berkenaan supaya turun padang, mengambil tindakan terhadap kontraktor-kontraktor yang gagal melaksanakan tugas dengan sempurna.

Saya juga ingin menyentuh sedikit dan memohon perhatian kepada Kementerian KKLW untuk menyediakan bekalan elektrik dari Long Menjawah hingga ke Punan Bah di Daerah Belaga. Untuk pengetahuan KKLW, Pekan Belaga yang berdekatan dengan Empangan Bakun Hidro masih menggunakan set generator dari SESCO. Manakala di Daerah Baleh saya mohon agar bekalan elektrik dari SK Rantau Panjai, Sungai Bena ke Rumah Undi turut disambung dengan *State Grid*, dengan izin.

Isu keselamatan. Saya ingat Timbalan Menteri Dalam Negeri ada di sini. Sedar kah kerajaan bahawa rakyat Indonesia dari Kalimantan Barat bebas menginap masuk ke Malaysia khususnya di Sarawak menggunakan jalan tikus seperti di Long Singut, Long Busang dan sebagainya di negeri Sarawak. Mereka bukan sahaja mencuri kayu gaharu, malah membawa senjata api hingga mengakibatkan rakyat berasa risau dengan kehadiran mereka. Maka, amatlah wajar bagi KDN untuk menempatkan pos kawalan di tempat-tempat tersebut. Saya percaya peristiwa di Lahad Datu tidak berulang lagi pula di negeri Sarawak. Lebih-lebih lagi kawasan berdekatan dengan Empangan Hidro Elektrik Bakun yang merupakan aset penting negara, Tuan Yang di-Pertua.

Isu kesihatan. Pagi semalam saya telah menerima jawatan dari Kementerian Kesihatan mengenai soal kemudahan kesihatan dan khidmat doktor pakar di kawasan Hulu Rajang. Di kawasan saya di Hospital Kapit, buat masa sekarang tiada khidmat doktor pakar. Akibatnya pesakit-pesakit kronik terpaksa dirujuk pada Hospital Sibul dan Kuching. Niat kementerian amat murni untuk membantu pesakit tetapi masalah timbul apabila pesakit ini meninggal dunia di dalam perjalanan ke Hospital Sibul dan Kuching. Hal ini menjadi masalah yang besar kepada keluarga si mati. Oleh itu, saya berharap agar sebahagian daripada peruntukan dikhususkan untuk sektor kesihatan agar dapat disalurkan bagi membantu keluarga pesakit yang meninggal, yang terpaksa menanggung kos yang agak tinggi bagi membawa balik pulang mayat ke tempat asal atau rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh isu pertanian. Isu pertanian bagi kawasan saya adalah isu yang paling berat. Penanaman padi bukit merupakan salah satu aktiviti tradisional yang mendatangkan pendapatan ekonomi kepada masyarakat Iban, tempatan, terutamanya di kawasan Hulu Rajang. Setelah menjadi wakil rakyat, saya telah difahamkan bahawa semenjak dua tahun yang lalu tiada pemberian baja padi bukit diberi kepada petani di Hulu Rajang dan di kawasan Parlimen Kapit juga. Saya menyeru agar perhatian yang sama dapat diberikan kepada penanam padi bukit sebagaimana dengan pemberian pada baja padi sawah. Mohon kementerian melalui Jabatan Pertanian dapat menyalurkan baja padi bukit untuk rakyat di Hulu Rajang dan Parlimen Kapit agar dapat biar serba sedikit membantu meringankan bebanan mereka.

Kebajikan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai bantuan bulanan kepada warga emas dan OKU. Saya telah mendapat aduan bahawa pemberian bantuan ini tidak mengikut jadual yang ditetapkan.

■2120

Kasihlah kepada mereka yang terpaksa berulang-alik ke bandar untuk mendapatkan bantuan tersebut. Maka saya berharap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat memperbaiki sistem pembayaran bantuan wang ini agar mereka mendapat wang yang mencukupi setiap bulan.

Kementerian Belia dan Sukan, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang setia ada dari tadi. Kawasan saya di Hulu Rajang Yang Berhormat Menteri, infrastruktur sukan belum lengkap lagi. Di bahagian Belaga misalnya, masih belum ada lagi *facilities* mini stadium. Manakala di daerah Kapit ada sebuah mini tetapi kapasitinya tidak mencukupi untuk menampung permintaan pengguna di bahagian Kapit. Saya memohon agar Kementerian Belia dan Sukan dapat meluluskan permintaan saya ini. Pembinaan infrastruktur sukan seperti ini amatlah diperlukan demi mempertingkatkan lagi kualiti sukan di kalangan rakyat kita, secara tidak langsung ia juga menyumbangkan kepada kesihatan yang baik.

Perumahan kos rendah Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini rumah-rumah di Kapit dijual dengan harga yang begitu tinggi sekali atau mahal sekali. Rakyat tidak mampu untuk membeli

rumah tersebut. Saya berharap agar program PR1MA, SPNB, PRMR dapat dipanjangkan ke kawasan saya dan kawasan Kapit seperti di Belaga dan Baleh supaya mereka turut memiliki rumah sendiri pada harga yang berpatutan.

Tanah adat Bumiputera. Di dalam Perbelanjaan 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperuntukkan sebanyak RM50 juta telah dikhaskan untuk menyukat kawasan bagi memudahkan proses pemilihan tanah adat Bumiputera di Sarawak. Saya selaku wakil rakyat Barisan Nasional dari suku kaum Iban amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan pemberian peruntukan ini yang saya percaya akan membantu proses sukat pekeliling tanah adat Bumiputera terutama di kawasan pedalaman dan kawasan saya di Hulu Rajang. Pemberian peruntukan yang amat begitu besar menjadi bukti kerajaan masih berpegang teguh kepada prinsip 1Malaysia serta peka akan keperluan masyarakat suku kaum Dayak di rakyat negeri Sarawak.

Kaum Dayak di tempat pentadbiran awam. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah kaum Bumiputera Sarawak yang berkhidmat di sektor awam masih kecil. Sarawak juga melahirkan ramai graduan yang berpotensi tinggi. Saya mohon agar Pengerusi SPA akan meneruskan usaha pengambilan penduduk dari Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat dalam sektor awam. Pengerusi SPA pernah menjanjikan pengambilan 100,000 calon berbangsa Dayak untuk diserapkan ke dalam sektor awam. Saya berharap agar Yang Berhormat Menteri dari negeri Sarawak sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mengambil langkah yang lebih proaktif untuk menyegerakan proses pengambilan calon dari negeri Sabah dan Sarawak agar mereka turut sama berkhidmat dengan rakan-rakan mereka di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia. Ingin saya utarakan di sini juga berkenaan masalah kekurangan pegawai di Pejabat Tenaga Kerja di bahagian Kapit yang kini hanya mempunyai seorang pegawai yang perlu menjalankan tugas penguatkuasaan di seluruh bahagian Kapit, sedangkan kawasan bahagian Kapit begitu besar sekali. Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan mengamalkan penempatan secara pentadbiran bagi pegawai ke Sarawak. Lantas ia menjejaskan sistem penyampaian bahagian Kapit. Untuk maklumat kementerian, antara aktiviti ekonomi di kawasan Kapit, di Hulu Rajang adalah pembalakan, perlombongan arang batu, pembinaan, pertanian dan sebagainya.

Maka Pejabat Tenaga Kerja di Kapit mengalami kekurangan tenaga kerja bagi melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan Undang-undang Buruh. Cadangan saya adalah tambahkan bilangan pegawai di Sarawak khususnya di kawasan Kapit. Hentikan penempatan pegawai secara pentadbiran kerana ia salah satu punca sistem penyampaian kerajaan tidak berkesan dan keutamaan pengambilan pegawai dan kakitangan harus diberi kepada orang tempatan untuk mengisi kekosongan. Jadi, saya mohon perhatian segera pihak kementerian berkenaan isu itu.

Pelancongan Tuan Yang di-Pertua. Hulu Rajang merupakan kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan. Seperti Pesta Baleh-Kapit Raft

Safari, Pesta Asap dan Belaga Rainforest dapat dipromosikan dan diberi lebih peruntukan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia pada 2014.

Sebelum saya mengundur diri, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kuarters Persekutuan di daerah Suong dan di daerah Kapit yang usang dan serba daif. Saya mohon agar peruntukan dapat disalurkan bagi menaik taraf tersebut. Sebelum saya mengakhiri hujah saya, saya ingin menyampaikan sebuah rangkap pantun Tuan Yang di-Pertua;

Ke pekan Kapit menjala ikan,

Singgah sebentar di Nanga Mujong,

Bajet 2014 tanda rakyat didahulukan,

Parlimen Hulu Rajang mohon menyokong.

Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Penampang.

9.26 mlm.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Selamat malam kepada rakan-rakan. Tinggal empat minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Ramai menggesa saya untuk mendapat daripada Tuan Yang di-Pertua sebanyak 25 minit esok. [Ketawa]

Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014. Saya memulakan ucapan saya dengan memberi penghormatan kepada mendiang Konstabel Jucille *Juin*, seorang anggota Polis Diraja Malaysia yang berasal dari Sabah dan telah terkorban pada minggu lepas ketika menjalankan tugasnya di Johor Bahru. Tuhan memberkatinya dan *may he rest in peace* dengan izin.

Sekali lagi terima kasih kerana memberi saya peluang dan saya sebagai wakil yang telah diberi tanggungjawab oleh rakyat Penampang untuk mengutarakan pandangan rakyat Sabah secara amnya di Dewan ini, ingin mengajukan beberapa soalan utama yang sering kali diperkatakan oleh orang Sabah, orang Penampang, orang Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur kerana Menteri Kewangan akhirnya mengakui bahawa harga barangan keperluan utama di Sabah adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kos barang-barang di Semenanjung Malaysia. Walaupun pada masa yang sama kerajaan beliau, Barisan Nasional cuma mahu menghadkan gaji minimum di Sabah pada taraf RM800.

Saya juga berterima kasih dengan penjelasan Menteri Kewangan bahawa ketidakseragaman harga barangan keperluan ini adalah disebabkan oleh kos penghantaran yang tinggi. Dalam hal ini, kita boleh rumuskan bahawa erti kata kos penghantaran ini juga merangkumi kos penghantaran barangan keperluan ke Sabah melalui laut atau kapal laut kontena. Malangnya, kos penghantaran ini dikuasai pula oleh suatu polisi yang amat tidak adil sekali dan dikenali sebagai Polisi Kabotaj, dengan izin dikenali juga sebagai Cabotage Policy.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan juga telah mengusul bahawa sebanyak RM331 juta akan diperuntukkan oleh kerajaan dalam program penyeragaman harga serta subsidi

pengangkutan. Dalam hal ini, ingin saya memperdengarkan kajian yang telah dibuat oleh Federation of Sabah Manufacturers tidak berapa lama dahulu. Sementara rakyat Sabah terpaksa menanggung harga barangan yang tinggi disebabkan oleh Polisi Kabotaj ini, pengusaha-pengusaha kapal kontena mengaut keuntungan hampir RM1 bilion setahun dan cuma dikenakan cukai 30%.

Maka saya berpendapat, sementara kerajaan menghabiskan beratus-ratus juta ringgit untuk menyeragamkan harga barangan keperluan ini, bukankah lebih elok jika pada masa yang sama kerajaan juga menghapuskan Polisi Kabotaj yang tidak bermakna ini. Rakan saya Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Kinabatangan tiada di sini, tetapi kedua-dua rakan ini daripada Barisan Nasional di Sabah juga telah mengusulkan untuk menghapuskan Polisi Kabotaj. Kami berterima kasih kepada mereka kerana Pakatan Rakyat sudah mengusulkan untuk menghapuskan. Rakyat Sabah pun sudah bersuara untuk menghapuskan, saudara saya Yang Berhormat Tenom, dia pun sudah ingin menghapuskan Polisi Kabotaj. *So*, apalagi kita tunggu? *Just do it Prime Minister, abolish*, mansuhkan dalam Kadazan 'poting kodok' Polisi Kabotaj ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung esok Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Okey Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan selamat malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas perbahasan Parlimen ini, Ahli Yang Berhormat Penampang, kita akan hadkan masa tidak melebihi 15 minit untuk setiap yang berucap mulai esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 31 Oktober 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam]